Merujuk kepada Evans (2022) kepimpinan guru sentiasa menjadi tumpuan murid sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan di sekolah kerana guru sentiasa bersama-sama dengan murid semasa di dalam atau di luar kelas serta menjadi rujukan dan juga sebagai tempat mendapatkan maklumat dan nasihat oleh rakan sejawat. Oleh yang demikian, kepimpinan guru perlu menjadi contoh teladan yang baik kepada murid dan rakan sejawat kerana menurut Mei Kin et al. (2018) untuk pemupukan kepimpinan guru ini, guru perlu mempunyai kompetensi guru.

Jika diperhalusi, kepimpinan guru ini sememangnya tanggungjawab dan amanah yang diberikan amat berat kepada guru. Tanggungjawab ini terbina atas dasar kepercayaan guru terhadap diri guru itu sendiri dan rasa guru sentiasa berpegang kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Falsafah Pendidikan Negara dan Falsafah Pendidikan Guru sebagai garis panduan dalam profesion keguruan (Salleh, 2022). Namun, ia bukanlah mudah, kerana ia melibatkan kestabilan fizikal, mental dan emosi kerana guru merupakan seorang manusia biasa yang masih memerlukan ruang masa yang cukup untuk segala pengurusan tugas di sekolah.

Mayer dan Geher (1996) melihat perkara ini sangat penting bagi seorang guru. Beliau menjelaskan bagi mengimbangi situasi pengurusan tugas guru di sekolah yang perlu ada pada seorang guru itu iaitu *soft skills* dan *hard skills*. *Soft skills* lebih menggunakan pendekatan *Emotional Intelligence* ataupun kecerdasan emosi. Kecerdasan emosi adalah kemahiran yang diperlukan oleh dunia pekerjaan masa kini. Mayer dan Salovey (1993) menerangkan kecerdasan emosi melibatkan kebolehan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


seseorang memahami perasaan diri sendiri dan orang sekeliling serta mampu berkomunikasi dan menyesuaikan diri dengan suasana keja dengan lebih efektif.

Guru berpotensi menjadi agen sosialisasi yang penting bagi murid, rakan sejawat, organisasi dan masyarakat. Kepimpinan guru juga mampu mempengaruhi motivasi terhadap tingkah laku dan pencapaian murid. Namun begitu, seperti yang dihujahkan oleh Katzenmeyer dan Moller (2011) mencadangkan bahawa kepimpinan guru mementingkan guru yang menyumbang kepada pembelajaran murid atau pembaharuan sekolah yang berlaku di dalam atau di luar kelas, menolong orang lain terutamanya rakan sekerja dengan meningkatkan amalan profesional mereka dan menyumbang idea dalam komuniti.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kontradiksinya, guru mampu memberikan penambahbaikan kepada sistem pendidikan justeru hasil dasar polisi pendidikan juga dapat memberi manfaat kepada murid berdasarkan tindakan guru (Shirrell et al., 2019). Malah, guru menjadi *role model* kepada murid kerana sering menjadi contoh dan suri teladan kepada muridnya. Sampaleng et al. (2021) dalam kajiannya menyatakan seorang guru yang mempunyai kepimpinan guru yang baik sentiasa berusaha untuk meningkatkan amalan serta berusaha memperbaiki diri. Hal ini bersangkut paut dengan konsep pembelajaran abad ke-21, di mana suasana pembelajaran semakin berubah kerana pencapaian murid-murid turut mula dititikberatkan (Boholano, 2017). Dengan ini, bukan sahaja penglibatan murid dalam aktiviti pembelajaran akan difokuskan, malah kesediaan guru untuk memimpin turut memainkan peranan penting.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



## 1.3 Penyataan Masalah

Kepimpinan guru banyak bersandar pada kriteria ciri-ciri peribadi dalaman guru seperti aspek personaliti dan keperibadian yang mencakupi aspek personal, sosial, moral dan tingkah laku (Wenxia & Jinheng, 2022). Dengan keadaan sedemikian, adalah wajar pelaksanaan kepimpinan guru dipraktikkan. Ia bagi mencapai hasrat dan dasar yang ditetapkan oleh KPM yang bagi melahirkana kepimpinan guru yang dapat menjamin kualiti akademik murid dan sekolah. Melihat kepada cabaran IR 4.0, memerlukan guru-guru yang yang mempunyai ciri-ciri kepimpinan agar dapat mencapai inisiatif IR 4.0 dalam pendidikan peringkat rendah dalam membentuk murid berkeupayaan berfikir secara kritis, patuh pada nilai murni dan protokol serta ciri kerohanian dan mampu mengekalkan identiti bangsa Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Namun terdapat beberapa isu dan permasalahan dalam kepimpinan guru dan penilaian terhadap kepimpinan guru. Antaranya, persepsi orang awam terhadap pemimpin di sekolah hanya terletak pada bidang kuasa pentadbir sekolah (Norashikin et al., 2015). Selain itu, isu hanya terdapat seorang pemimpin di sesebuah sekolah dan kedudukan pemimpin adalah sama dengan ketua atau pentadbir adalah antara faktor yang menyebabkan guru-guru tidak melabelkan diri mereka menjadi pemimpin guru dan lebih rela menjadi pengikut sahaja (Katzenmeyer & Moller, 2009). Guru-guru juga beranggapan bahawa tugas mereka hanya mengajar murid dengan mengikut sukatan mata pelajaran yang ditetapkan oleh pihak kementerian (Mohd et al., 2017).

Melalui kajian awal yang dilakukan terhadap guru berkaitan kepimpinan guru menunjukkan terdapat permasalahan yang timbul dari istilah kepimpinan guru yang di

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



perolehi melalui maklum balas dan reaksi yang diberikan oleh guru. Dalam isu peranan kepimpinan guru, guru tidak jelas dengan kepimpinan guru seterusnya mengimplementasikan tugasan guru berdasarkan fahaman mereka sahaja dan menganggap mereka hanya guru biasa dan tugasan yang mereka lakukan bukan tergolong dalam kepimpinan guru. Antara maklum balas yang diperoleh ialah,

*"Kepimpinan guru itu merujuk kepada pengetua, saya hanya guru biasa…"*

(Guru 1)

*"Tugas saya sebagai seorang guru terlalu banyak, hingga menyebabkan saya terlebih masa di sekolah. Selain mengajar saya sering membantu rakan guru yang lain juga serta anak murid yang meminta tolong untuk belajar. Walaupun saya mengajar di sekolah pagi, tetapi pulang ke rumah jam 5.00 petang"*

(Guru 2)

*"Kepimpinan guru ni memerlukan komitmen yang tinggi di sekolah, ada masa perlu stay di sekolah untuk menyelesaikan banyak tugasan melibatkan kelas, pengurusan murid, menyiapkan rancangan pengajaran harian"*

(Guru 3)

*"Tidak pasti.. saya ni mempunyai kepimpinan guru atau tidak, kerana tiada penilaian yang dilakukan oleh pihak KPM berkaitan kepimpinan guru, kalau ada mungkin boleh saya tahu diri saya mempunyai ciri kepimpinan guru"*

(Guru 4)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Isu ini menjelaskan bahawa guru mempunyai konflik identiti sebagai kepimpinan guru. Oppi dan Eisenschmidt (2022) menjelaskan sememangnya kepimpinan guru telah lama dilaksanakan oleh guru-guru sebagai usaha untuk memberi nilai tambah kepada kemahiran mengajar guru terutama dalam bilik darjah dan demi memastikan murid dapat mencapai keputusan yang cemerlang. Tindakan ini mengambarkan bahawa guru sememangnya mempunyai kepimpinan guru. Mansyur (2021) menegaskan guru bersedia melibatkan diri dalam kepimpinan guru kerana berpengaruh dalam membuat keputusan kepada murid di dalam bilik darjah. Ia juga merupakan asas untuk merealisasikan hasrat kerajaan bagi mencemerlangkan sistem pendidikan negara serta melahirkan guru yang kompeten dan generasi yang proaktif sekaligus meningkatkan kualiti guru.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain dari itu, pengetua turut memberikan pandangan mereka terhadap kepimpinan guru, berdasarkan pengalaman mereka seperti:

*"Seharusnya guru perlu mengetahui mereka terlibat dengan kepimpinan guru, kerana tugasan mereka melibatkan pengurusan di dalam dan luar bilik darjah"*

(Pengetua 1)

*"Perlu ada satu penilaian terhadap cara untuk kenal pasti ciri-ciri kepimpinan kepada guru di bawah saya, kerana mereka tidak tahu bawa mereka melibatkan diri dalam kepimpinan guru"*

(Pengetua 2)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



*"Awak bina satu instrumen untuk penilaian kepimpinan guru, nanti saya guna intrumen itu untuk menilai guru saya"*

(Pengetua 3)

Penilaian terhadap guru dalam kepimpinan guru adalah perlu kerana terdapat kepentingan dalam mengenal pasti sama ada guru tersebut memiliki ciri-ciri kepimpinan guru yang sepatutnya (Firestone & Donaldson, 2019). Malah guru juga berasa bimbang untuk melibatkan diri dalam kepimpinan guru kerana tugas yang diamanahkan tidak boleh diambil ringan dan dilakukan dengan sambal lewa sahaja kerana ia akan memberikan kesan buruk terhadap dunia pendidikan dan menjejaskan imej profesionalisme keguruan (Keiler, 2018). Sementara itu, guru-guru juga khuatir akan pemantauan kerja dan tugas mereka dalam bilik darjah dan di luar bilik darjah. Hal ini dipersetujui oleh Aslan et al. (2020) yang berpendapat bahawa kebanyakan guru yang mengajar di dalam bilik darjah tidak menyedari akan peranan mereka yang sebenar. Ini menyebabkan guru-guru lebih memberi keutamaan kepada aspek pengurusan bilik darjah berbanding dengan aspek kepimpinan guru.

Oleh hal yang demikian, satu penilaian guru dinilai melalui penilaian prestasi yang memberi tumpuan utama kepada pengukuran pencapaian individu guru di sekolah iaitu Penilaian Bersepadu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan atau dikenali sebagai PBPPP. PBPPP telah diluluskan untuk menggantikan Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT) kepada semua Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) bermula Januari 2016. Penilaian Bersepadu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PBPPP) adalah satu kaedah penilaian yang menilai kompetensi dan potensi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) berdasarkan konsep Tugas dan Tempat Bertugas

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


(Job-Based and Work Place) mengikut standard prestasi yang ditetapkan selaras dengan Program Transformasi Kerajaan (GTP 2.0) dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

Namun, penilaian PBPPP adalah penilaian yang dilakukan oleh pihak pengurusan dipengaruhi oleh ketidakadilan, faktor-faktor kognitif dan dorongan dalaman atau agenda tersembunyi pihak pentadbir sekolah itu sendiri (Mei et al., 2017). Keadaan menjadi lebih parah apabila pihak pentadbir sekolah menggunakan piawai yang berbeza dalam mengukur prestasi individu guru yang mengakibatkan berlakunya ketidakkonsistenan, ketidakbolehpercayaan dan ketidakesahan dalam membuat keputusan berkaitan dengan pekerja (Ravago & Mapa, 2020). Akibat daripada tindakan ini menyebabkan berlakunya ketidakadilan dalam pengagihan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) kepada individu guru tersebut.

Sebagai lanjutan daripada Anugerah Perkhidmatan Cemerlang ini, statistik daripada Jabatan Pendidikan Negeri Selangor menunjukkan jumlah guru di Selangor adalah seramai 61,426 orang guru. Jumlah guru yang mendapat Anugerah Perkhidmatan Cemerlang pada tahun 2019 ialah seramai 2079 orang guru bagi kategori sekolah menegah dengan jumlah guru seramai 25,498 orang. Ini menunjukkan satu jumlah yang agak rendah. Situasi ini seolah-olah menggambarkan penilaian yang dilakukan oleh pentadbir memberi satu gambaran yang dapat memberikan ketidakadilan kepada penilaian yang dilakukan. Meskipun, terdapat guru-guru yang masih berkelayakan untuk menerima pengagihan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Dalam isu yang lain pula, statistik Perbelanjaan Kewangan Jabatan Akauntan Malaysia, di bawah Perbelanjaan Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 2017 Program 5 iaitu Pembangunan Profesionalisme (Prestasi Outcome Program) menunjukkan Hasil 1 berkaitan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) yang kompeten dan berprestasi tinggi di bawah petunjuk prestasi utama peratusan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang melepasi tahap kompetensi dalam Penilaian Bersepadu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PBPPP) adalah sebanyak 81 peratus. Peratusan ini menunjukkan bahawa guru mempunyai tahap kompeten yang tinggi.

Sungguhpun statistik menunjukkan tahap kompeten yang tinggi, tetapi isu tentang kualiti guru masih dipertikaikan (Singh et al., 2019). Tambahan pula, ia menjurus kepada penilaian kompetensi dan penilaian keberhasilan. Merujuk kepada garis panduan PBPPP, penilaian kompetensi adalah seperti nilai profesional, pengurusan aktiviti, sumbangan dan juga kemahiran profesional pengajaran dan pembelajaran. Manakala penilaian keberhasilan adalah seperti keberhasilan pengajaran dan pembelajaran, keberhasilan kaunseling dan keberhasilan kejurulatihan. Namun tidak melihat kepada ciri-ciri kepimpinan guru yang di cadangkan oleh beberapa pelopor kepimpinan guru seperti (Darling-Hammond & Richardson, 2009; Harris, 2015; Ingersoll & Smith, 2003; Lambert, 2003; Muijs & Harris, 2006; York-Barr & Duke, 2004).

Antara ciri-ciri yang dicadangkan oleh pelopor kepimpinan guru seperti di atas ialah kepimpinan guru memerlukan elemen komitmen, kompetensi dan kecerdasan esmosi guru. Jika dilihat secara dasarnya, elemen ini telah di kaji dalam bidang yang lain namun mempunyai hubungan dengan kepimpinan guru (Geraci et al., 2023).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Kajian lampau menunjukkan bahawa kerjaya guru di Malaysia memberikan tekanan kepada guru. Keadaan ini dapat memberi kesan kepada kecerdasan emosi guru (Talip & Malinkun, 2020). Shi dan Du (2020) menyatakan kelakuan obsesif dan cetusan emosi negatif yang berlaku dalam kalangan guru menggambarkan tahap kestabilan dan kematangan emosi guru tersebut. Kesan perubahan dalam pendidikan yang sering berlaku menyebabkan tanggungjawab guru semakin banyak di samping menunjukkan komitmen sosial bagi melaksanakan dasar kerajaan dan memenuhi jangkaan ibu bapa dan masyarakat terhadap profesion ini. Guru berhadapan dengan pelbagai bentuk perubahan sama ada dalam atau luar profesionnya (Graham et al., 2020).

Dalam kajian yang dilakukan oleh Anuar dan Husin (2019) menunjukkan hubungan yang signifikan diantara beban tugas guru dan kecerdasan emosi guru. Walaupun ia bukan merujuk kepada kepimpinan guru secara dasarnya, namun kepimpinan guru memerlukan guru melakukan tugasan di dalam bilik darjah. Bradford et al., (2021) menjelaskan mereka memimpin melalui teladan dalam cara mereka bertindak, bercakap dan berkelakuan. Mereka memimpin murid melalui pembelajaran dan pengajaran beserta aktiviti serta refleksi untuk mendapatkan hasil pembelajaran yang terbaik. Kemudian, tugasan guru di luar bilik darjah yang merangkumi aktiviti, acara dan program kokurikulum untuk membina budaya sekolah yang positif dan sering memerlukan sokongan kepimpinan tambahan daripada guru (Rahman & Ikhlas, 2022). Peluang akademik dan sosial yang tidak berkesudahan untuk murid di sekolah mendapat manfaat daripada inisiatif guru dan keupayaan kepimpinan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Natijahnya, isu kercedasan emosi menjadi antara punca yang boleh menjejaskan kepimpinan seseorang guru (Chamizo-Nieto et al., 2021). Bukan itu sahaja, isu kecerdasan emosi dalam kalangan guru perlu dipandang serius berikutan ia memberi pelbagai kesan dalam kepimpinan guru (Abiodullah et al., 2020). Guru mempunyai peranan besar dalam proses pendidikan murid malah sentiasa menjadi pakar rujuk kepada rakan sejawat serta masyarakat. (Parinussa et al., 2023). Perkara ini tidak boleh dipandang enteng dan usaha untuk mengesan, mencegah dan bertindak balas perlu dilaksanakan secara serius. Daripada 9 teras Dasar Keselamatan Negara 2021-2025, isu kecerdasan emosi ini merujuk kepada Teras yang ke-8 iaitu Keselamatan Rakyat dan salah satu daripada 153 item dalam Matriks Keselamatan Negara adalah Pengukuhan Kesihatan Minda dan Ketahanan Rakyat.

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah ptbupsi

Merujuk kepada penyataan Darling-Hammond dan Richardson, guru yang mempunyai komitmen harus diambil, dikekalkan dan disokong untuk meningkatkan pencapaian murid. Jika diteliti dengan lebih mendalam, aspek komitmen terbahagi kepada tiga, iaitu penerimaan dan kepercayaan kepada nilai dan matlamat sesebuah sekolah, kesungguhan seseorang guru berusaha meningkatkan prestasi diri demi sekolah dan kegigihan seseorang guru untuk kekal lama dalam sekolah (Awang et al., 2022). Guru yang mempunyai komitmen yang tinggi akan sentiasa memastikan dirinya dapat mencapai objektif yang telah ditetapkan di sekolah dengan mengorbankan tenaga dan masa (Aftab et al., 2020). Hal ini memang sejajar dengan tugasan guru yang mementingkan komitmen malah guru sentiasa menunjukkan kesediaan untuk menerapkan pendekatan pembelajaran yang berbeza dalam merancang arahan yang sesuai dengan pelbagai kekuatan, bakat dan kebolehan murid dalam konteks pembelajaran tempatan dan global (Liu & Watson, 2020).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, kerajaan telah menekankan kepimpinan guru penting untuk guru bagi melahirkan golongan murid yang produktif tinggi, mahir dalam komunikasi, serta penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Namun dalam kajian Osman dan Warner (2020) mengulas bahawa guru tidak bersedia dalam kepimpinan guru dan guru tidak mengetahui selama ini tugasan yang mereka lakukan ialah kepimpinan guru. Hal ini dibuktikan apabila penyelidik bertanya kepada guru-guru berkaitan kepimpinan guru seperti yang dinyatakan pada awal penyataan masalah. Ketiadaan kompetensi guru dalam kalangan guru mampu menyebabkan kepimpinan guru tidak dapat dilaksanakan walaupun guru itu mempunyai tugasan guru yang pelbagai (Darling-Hammond, 2015).

Oleh hal yang demikian, satu instrumen perlu dibina untuk menilai ciri-ciri kepimpinan guru sebagai pengukuran keberkesanan bagi memenuhi kriteria kepimpinan guru (Akram & Zepeda, 2015). Malah, perkembangan sistem penilaian juga semakin berkembang pada masa kini (Fallon et al., 2023). Bukan sahaja dalam menilai prestasi murid, tetapi penilaian terhadap guru berdasarkan kriteria tertentu juga dapat diukur berdasarkan ciri yang terdapat dalam diri guru selari dengan aspek kepimpinan guru (Aldosari et al., 2023). Hal ini juga seiring dengan hasrat kerajaan untuk meningkatkan kualiti guru berdasarkan perubahan dan perkembangan pendidikan di negara-negara maju waima pemantapan kepimpinan guru dalam kalangan guru dilihat sebagai usaha bagi meningkatkan profesionalisme guru.

Oleh itu, keperluan pembinaan instrumen bagi penilaian ciri-ciri kepimpinan guru dilaksanakan dalam konteks Malaysia agar pihak sekolah dan KPM mempunyai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



guru yang berpotensi, berkualiti tinggi dan tergolong dalam guru yang berkepimpinan sekaligus mencapai dasar-dasar yang digubal untuk peningkatan kepimpinan guru. Dengan penilaian ini, kepimpinan guru mula menjadi satu keutamaan. Hal ini kerana, guru adalah aset negara yang berharga dan semua guru seharusnya bersedia menerima kepimpinan guru. Kepelbagaian tanggapan sarjana dan sorotan kajian terhadap kepimpinan guru ini juga membawa kembali kepentingan instrumen untuk menilai elemen baharu dalam penilaian ciri-ciri kepimpinan guru iaitu komitmen guru, kompetensi guru dan kecerdasan emosi guru.

Daripada penerangan di atas jelaslah bahawa, keperluan IPKGM bagi menilai ciri-ciri kepimpinan guru berdasarkan elemen komitmen guru, kompetensi guru dan kecerdasan emosi guru ini perlu dibina. Dalam setiap elemen, guru dapat meneroka kompetensi asas dan lanjutan berdasarkan pengalaman tahap semasa dalam peranan kepimpinan guru. Guru dapat menggunakan IPKGM untuk menilai ciri-ciri kepimpinan guru dan mengembangkan laluan kerjaya mereka untuk mempersiapkan diri mereka dalam menghadapi cabaran dalam dunia pendidikan. Sekiranya penilaian kepimpinan guru tidak dilakukan pada peringkat ini, penentuan ciri-ciri kepimpinan guru dalam diri guru tidak dapat nilai dengan sebaiknya. Keperluan pembinaan instrumen ini juga memastikan guru sedia ada yang mempunyai kepimpinan guru bagi menjalankan tugas sebagai seorang guru yang sempurna dan menjadi model yang terbaik untuk kesemua murid, rakan sejawat dan masyarakat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



## 1.4 Tujuan dan Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk membina dan menghasilkan IPKGM dengan membangun dan mengesahkan item instrumen bagi menilai ciri-ciri kepimpinan guru dalam kalangan guru. Objektif kajian ini secara khususnya dijalankan dalam tiga fasa seperti yang berikut:

### 1.4.1 Fasa I: Pembentukan Konstruk dan Pembinaan Item

1a) Membentuk konstruk dan item bagi membina Instrumen Penilaian Kepimpinan Guru Malaysia (IPKGM).

1b) Menentukan kesahan kandungan melalui analisis CVI bagi item Instrumen Penilaian Kepimpinan Guru Malaysia (IPKGM).

### 1.4.2 Fasa II: Kajian Rintis

1) Menguji kefungsian item Instrumen Penilaian Kepimpinan Guru Malaysia (IPKGM) menggunakan pengukuran Rasch pada peringkat kajian rintis.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



### 1.4.3 Fasa III: Kajian Sebenar dan Pengesahan

1) Menguji kefungsian item Instrumen Penilaian Kepimimpin Guru Malaysia (IPKGM) menggunakan pengukuran Rasch pada peringkat kajian sebenar.

## 1.5 Soalan Kajian

### 1.5.1 Fasa I: Pembentukan Konstruk dan Pembinaan Item

1a) Apakah konstruk dan item Instrumen Penilaian Kepimpinan Guru Malaysia (IPKGM) untuk menilai ciri-ciri kepimpinan guru dalam kalangan guru?

1b) Apakah item Instrumen Penilaian Kepimpinan Guru Malaysia (IPKGM) mempunyai kesahan kandungan melalui analisis CVI yang boleh di terima?

### 1.5.2 Fasa II: Kajian Rintis

1) Bagaimanakah kefungsian item bagi Instrumen Penilaian Kepimpinan Guru Malaysia (IPKGM) berdasarkan pengukuran Rasch pada peringkat kajian rintis?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



### 1.5.3 Fasa III: Kajian Sebenar dan Pengesahan

1) Bagaimanakah kefungsian item bagi Instrumen Penilaian Kepimpinan Guru Malaysia (IPKGM) berdasarkan pengukuran Rasch pada peringkat kajian sebenar?

## 1.6 Kerangka Teori Kajian

Dalam membina IPKGM, penyusunan sesuatu alat ukur itu penting dengan menentukan tujuan dan konsep yang akan diukur. IPKGM mengukur atribut dalam ilmu psikologi yang bersifat abstrak mengikut langkah-langkah penyusunan yang melibatkan proses konseptualisasi dan operasionalisasi daripada konsep. Berdasarkan konseptualisasi dan operasionalisasi, penyelidik menyusun item-item yang ingin diukur dalam IPKGM.

Dalam kajian ini, penyelidik membina konstruk dan item untuk guru mengenal pasti dan menilai ciri-ciri kepimpinan guru yang wujud dalam diri guru tersebut. Teori dan model sandaran yang digunakan ialah Komitmen Guru Firestone dan Rosenblum (1988), Teori Kompetensi Spencer dan Spencer (1993) dan Teori Kecerdasan Emosi Goleman (1995) sebagai sumber pengetahuan berkaitan tiga elemen utama. Manakala Teori Kepimpinan Guru dan Model Pembangunan Profesionalisme Berterusan dijadikan sebagai garis panduan dalam perincian penyataan prestasi yang patut dicapai oleh seseorang guru. Seterusnya model pembinaan instrumen Miller, Lovler & Mcintire (2013) telah diadaptasikan oleh penyelidik sebagai landasan panduan dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


proses pembinaan IPKGM. Konstruk, sub konstruk dan item dalam IPKGM diuji melalui dalam Model Pengukuran Rasch.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



## 1.7 Kerangka Konseptual Kajian

**Rajah 1.1**

*Kerangka Konseptual Pembinaan Instrumen Penilaian Kepimpinan Guru Malaysia*




05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Kajian yang dijalankan ini merupakan pembinaan IPKGM bagi guru mengenal pasti dan menilai ciri-ciri kepimpinan guru yang wujud dalam diri guru tersebut. Rajah 1.1 menunjukkan kerangka konseptual kajian yang mengadaptasi model Miller, Lovler & Mcintire (2013) sebagai landasan panduan dalam proses pembinaan Instrumen Penilaian Kepimpinan Guru Malaysia (IPKGM).

Model Miller, Lovler & Mcintire (2013) yang asas mencadangkan 10 langkah proses pembinaan instrumen iaitu langkah 1: mentakrif konstruk, menentukan tujuan dan sasaran instrumen; langkah 2: mereka bentuk intrumen; langkah 3: membina item instrumen; langkah 4: menyediakan arahan pentadbiran dan penskoran instrumen; langkah 5: mengendalikan kajian rintis; langkah 6: melakukan analisis item; langkah 7: menyemak instrumen; langkah 8: menguji kesahan dan kebolehpercayaan instrumen; langkah 9: menentukan norma dan langkah 10: menyediakan manual.

Namun penyelidik menggugurkan dua langkah iaitu langkah kesembilan dan langkah kesepuluh kerana ia adalah delimitasi kajian ini kerana fokus kajian ini hanya melibatkan pengesahan item sahaja. Selain itu, kajian ini adalah membina instrumen yang menilai ciri-ciri kepimpinan guru yang berbentuk soal selidik. Menurut Neukrug dan Fawcett (2019) penilaian ciri-ciri ini adalah penilaian afektif yang menilai sikap dan personaliti. Dalam pada itu, langkah kesembilan bersesuaian untuk pembinaan ujian yang membandingkan pencapaian seseorang murid dengan murid yang lain. Manakala langkah kesepuluh bagi menyediakan manual adalah prosedur penyediaan, pelaksanaan dan pengendalian bagi sesuatu ujian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Kesemua lapan langkah pembinaan instrumen bagi kajian ini adalah diadaptasi oleh penyelidik daripada model Miller, Lovler & Mcintire (2013) sebagai landasan panduan dalam proses pembinaan IPKGM. Bagi mengaplikasikan model pembinaan instrumen tersebut, Rohaya (2009) dan Azman (2012) mencadangkan kaedah tiga fasa bagi memudahkan proses pembinaan IPKGM. Tiga peringkat dalam kajian ini ialah Fasa I iaitu pembentukan konstruk dan pembinaan item, Fasa II ialah kajian rintis dan Fasa III ialah kajian sebenar dan pengesahan.

## 1.8 Definisi Operational

Terdapat definisi operasional penting yang perlu diberikan pengertian dalam kajian pembinaan IPKGM dalam kalangan guru agar arah tujuan kajian ini dilaksanakan dan difahami. Definisi yang dinyatakan adalah elemen IPKGM dalam kajian ini dan definisi lain yang bersesuaian dengan tujuan dan objektif kajian dijalankan.

### 1.8.1 Instrumen Penilaian

Berdasarkan Abell et al. (2009), instrumen adalah alat yang digunakan untuk memperoleh, mengukur dan menganalisis data dari subjek kajian pada keseluruhan bidang penyelidikan. Terdapat pelbagai instrumen yang digunakan namun ia berdasarkan jenis kajian yang dijalankan dengan menggunakan sama ada kaedah kuantitatif, kualitatif atau campuran. Namun instrumen dalam kajian ini ialah soal selidik untuk mengukur konstruk dan item yang dibina oleh penyelidik berdasarkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


sorotan literatur dan pengesahan pakar yang bertujuan untuk menilai ciri-ciri pimpinan guru dalam kalangan guru sekolah.

Manakala penilaian guru ditakrifkan sebagai prosedur sistematik untuk mengkaji prestasi guru di dalam kelas dan menganalisis tinjauan untuk memberikan maklum balas yang membina untuk perkembangan profesional guru. Perincian penilaian terhadap guru adalah berbeza-beza mengikut dasar atau pekeliling Kementerian Pendidikan negara masing-masing. Kebiasaanya pengetua dan kakitangan pentadbiran secara asasnya terlibat dalam menilai seorang guru di sekolah berdasarkan beberapa aspek seperti prestasi murid dari segi tugasan, kerja perekodan markah ujian atau peperiksaan yang dikendalikan oleh guru, rancangan pelajaran harian atau mingguan dan lain-lain dipertimbangkan semasa menilai seorang guru.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Namun dalam kajian ini, penyelidik ingin menguji elemen komitmen guru, kompetensi guru dan kecerdasan emosi guru bagi guru mengenal pasti dan menilai ciri-ciri kepimpinan guru yang wujud dalam diri mereka dan penilaian ini adalah dari guru itu sendiri berdasarkan beberapa item yang dibina oleh penyelidik. Instrumen penilaian ini adalah salah satu pengukuran yang penting untuk perkembangan kerjaya guru secara menyeluruh dalam menjaga kualiti pendidikan. Instrumen penilaian ini dapat menyumbang kepada prestasi kerja yang baik dalam kepimpinan guru untuk mencapai penilaian prestasi bagi menepati standard pencapaian yang berkualiti.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 1.8.2 Kepimpinan Guru

Katzenmeyer dan Moller (2009) mengemukakan bahawa kepimpinan guru adalah satu tugasan yang unik yang diperolehi daripada guru yang lebih berfokus kepada situasi guru yang menjalankan tugas di dalam bilik darjah dan luar bilik darjah, berkolaborasi bersama murid, rakan sejawat, sekolah dan masyarakat untuk menggalas tanggungjawab dan tugas yang diamanahkan dalam profesion keguruan. Kepimpinan guru ini juga mempunyai satu set kemahiran yang tidak hanya membenarkan mereka menguasai tugasan di dalam kelas tetapi juga untuk memberi pengaruh di luar bilik darjah mereka dengan memiliki ciri-ciri kepimpinan guru. Dalam kajian ini kepimpinan guru menjadi garis panduan dalam perincian penyataan pembinaan IPKGM berdasarkan tiga elemen yang berkaitan dengan kepimpinan guru iaitu komitmen guru, kompetensi guru dan kecerdasan emosi guru.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 1.8.3 Komitmen Guru

Komitmen guru adalah kesungguhan dan kesanggupan yang ditunjukkan oleh guru terhadap kerjaya mereka mereka. Dengan itu, guru yang mempunyai komitmen yang tinggi dapat memberi impak terhadap pembelajaran dan pencapaian murid mereka. Guru yang komited bekerjasama dengan sekolah tempat mereka bekerja dan berkorban dari segi masa dan tenaga dalam membangunkan sekolah mereka (Hong & Matsko, 2019). Dalam kajian ini, konstruk komitmen guru dioperasikan oleh empat elemen iaitu komitmen guru terhadap profesion, komitmen guru terhadap sekolah, komitmen guru terhadap pengjaran dan pembelajaran dan komitmen guru terhadap

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


murid. Elemen ini dikaitkan dengan mewujudkan persekitaran pembelajaran yang berkesan di mana murid dapat meningkatkan kebolehan mereka untuk pencapaian yang cemerlang. Selain itu, komitmen guru adalah kekuatan dalaman dalam diri seorang guru yang mendorong diri guru itu sendiri untuk meningkatkan profesionalisme dalam profesion keguruan.

#### 1.8.3.1 Komitmen Guru terhadap Profesion

Dalam kajian ini, komitmen guru terhadap profesion didefinisikan sebagai satu tahap kualiti yang mewujudkan peluang struktur kerjaya untuk menjadikan seorang guru lebih profesion dan berkualiti dalam menentukan tahap kecekapan guru dengan sentiasa memajukan diri dengan menyertai program untuk pembangunan profesionalisme berterusan. Guru sentiasa mengamalkan amalan terbaik dan menunjukkan minat dalam profesion keguruan serta memahami dan mendalami falsafah berkaitan dengan pendidikan yang telah digubal.

#### 1.8.3.2 Komitmen Guru terhadap Sekolah

Dalam kajian ini, komitmen guru terhadap sekolah didefinisikan sebagai satu tindakan afektif terhadap tujuan dan nilai sekolah diwujudkan dalam meningkatkan prestasi sekolah dengan mempunyai kepentingan diri dalam sekolah mengikut tahap komitmen guru itu sendiri dalam menerima kepimpinan guru yang berkesan melangkaui prinsip pengurusan tugasan guru di sekolah. Komitmen juga

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


menunjukkan tahap perjanjian individu dengan satu set tingkah laku dan motivasi guru untuk bertindak terhadap sekolah. Guru yang mempunyai komitmen cenderung memberikan perhatian terhadap kepentingan organisasi yang lebih luas termasuk prestasi, kelangsungan hidup dan kejayaan berterusan yang menghasilkan kejayaan kepada sekolah.

#### 1.8.3.3 Komitmen Guru terhadap Pengajaran dan Pembelajaran

Dalam kajian ini, komitmen guru terhadap pengajaran dan pembelajaran didefinisikan sebagai menunjukkan pengetahuan guru tentang kesediaan dalam bidang pedagogi untuk menerapkan pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang berbeza dalam merancang set induksi yang sesuai dengan pelbagai kekuatan, bakat dan kebolehan murid dalam konteks pembelajaran. Dalam konteks kepimpinan guru menunjukkan ciri kepimpinan guru yang mementingkan kecemerlangan dalam konteks instruksional dan terus berkembang ketika mereka mengambil peranan sebagai kepimpinan guru.

#### 1.8.3.4 Komitmen Guru terhadap Murid

Dalam kajian ini, komitmen guru terhadap murid didefinisikan sebagai guru menggunakan strategi komunikasi yang berkesan untuk membina hubungan dan membantu murid untuk mencapai kecemerlangan. Kesungguhan guru dalam memastikan murid berjaya dan sentiasa memberikan galakan yang positif kepada mereka adalah ciri yang seharusnya ada pada guru. Mereka komitmen menjadi pakar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


pendengar yang menggunakan kemahiran teknikal mereka untuk memudahkan perhubungan terjalin secara kolaboratif bersama dengan murid. Mereka memahami latar belakang murid dan menghormati murid dalam semua perspektif.

### 1.8.4 Kompetensi Guru

Kompetensi adalah kemahiran, pengetahuan dan nilai yang membolehkan seseorang guru berjaya. Ketiga-tiga elemen ini mempengaruhi tingkah laku yang memainkan peranan dalam mencapai hasil yang diinginkan. Dalam lain perkataan, keupayaan seseorang guru untuk mengaplikasi atau menggunakan pengetahuan, kemahiran, kebolehan, tingkah laku dan ciri peribadi untuk melaksanakan tugas yang sukar dalam peranan dan jawatan tertentu (Bartram et al., 2008).

Untuk memaksimumkan pembelajaran murid, guru perlu mempunyai kepakaran dalam pelbagai kecekapan dalam persekitaran yang sangat kompleks di mana pelbagai keputusan penting perlu dibuat setiap hari. Gore et al. (2004) ada menyatakan bahawa kompetensi guru merangkumi empat perkara ini iaitu 1) penyampaian pengajaran, 2) pengurusan kelas, 3) penilaian formatif dan 4) kompetensi peribadi (kemahiran insaniah).

Namun di dalam kajian ini, kompetensi guru didefinisikan sebagai kompetensi yang melibatkan penglibatan guru dalam mencapai pelaksanaan kepimpinan guru seperti yang diharapkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dalam Pelan Induk Pembangunan Profesionalisme Keguruan (PIPPK) iaitu skop perkembangan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


kerjaya guru ini tidak terbatas kepada pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP) sahaja. Konstruk komitmen guru dioperasikan oleh tiga elemen iaitu kompetensi guru dalam pengetahuan, kompetensi guru dalam kemahiran dan kompetensi guru dalam nilai peribadi.

### 1.8.4.1 Kompetensi Guru dalam Pengetahuan

Kompetensi guru dalam pengetahuan didefinisikan sebagai satu set ilmu yang diperlukan untuk melakukan sesuatu. Guru memerlukan pengetahuan mengenai teori dalam penyampaian pengajaran mereka. Masyarakat hari ini, menuntut pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti dari guru. Guru harus mempunyai banyak pengetahuan berkaitan dengan amalan pengajaran dan penilaian untuk memenuhi tuntutan dan standard pendidikan berkualiti. Untuk mengembangkan pengetahuan guru pada abad ke-21 ini, guru harus menerapkan strategi pembelajaran pengajaran yang berkesan yang dapat mengembangkan pengetahuan pedagogi dan kandungan guru itu sendiri.

### 1.8.4.2 Kompetensi Guru dalam Kemahiran

Kompetensi guru dalam kemahiran didefinisikan sebagai guru berkebolehan dalam melakukan sesuatu tugasan secara fizikal dan mental dengan baik. Kepimpinan guru perlu memiliki satu set kemahiran yang perlu kembangkan dari masa ke masa dengan latihan untuk penambahbaikan pengajaran dan pembelajaran dalam pengurusan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


kurikulum. Kepimpinan guru dapat meneraju serta memberi inspirasi dan memotivasi orang lain untuk memperbaiki diri dan menjadi lebih baik melalui tindakan mereka. Mereka dapat berkomunikasi dengan murid, rakan sekerja dan komuniti dengan berkesan dapat menyokong visi dan misi untuk sekolah.

#### 1.8.4.3 Kompetensi Guru dalam Nilai Peribadi

Kompetensi guru dalam nilai didefinisikan sebagai ciri-ciri atau sifat yang berkesan ke atas konsep kendiri dan mempunyai kesan dalam peranan guru kepimpinan guru. Nilai peribadi dapat dilihat sebagai penilaian terhadap diri guru itu sendiri seperti identiti dan personaliti. Nilai peribadi ini juga menunjukkan tingkah laku seseorang terhadap tugasan yang dilakukan dengan cara yang tersendiri sehingga mampu mempengaruhi prestasi dalam tugasan sebagai kepimpinan guru.

### 1.8.5 Kecerdasan Emosi

Kecerdasan emosi guru merujuk kepada kemahiran kecerdasan emosi dan meningkatkan kecekapan dalam setiap empat cabang kecerdasan emosi iaitu a) mengenal pasti emosi, b) menggunakan emosi untuk memudahkan pemikiran, c) memahami emosi dan d) menguruskan emosi untuk mendorong perkembangan diri sendiri. Dalam kajian ini, kecerdasan emosi guru didefinisikan sebagai asas bagi perkembangan sosial antara guru bersama murid, rakan sejawat dan pentadbir. Kecerdasan emosi guru diperoleh apabila kecerdasan emosi guru konsisten dan dapat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


diramal bagi memenuhi keperluan sosial dan berusaha untuk mewujudkan budaya sekolah yang kolaboratif serta melibatkan semua guru dalam pelbagai pengalaman pembelajaran dan kepimpinan. Konstruk kecerdasan emosi guru dioperasikan oleh lima elemen kecerdasan emosi iaitu kesedaran diri, pengawalan kendiri, motivasi kendiri, empati dan kemahiran sosial.

#### 1.8.5.1 Kesedaran Diri

Kesedaran diri didefinisikan sebagai tanggapan guru dalam mengenal pasti dan memahami emosi diri sendiri dengan tepat. Pemahaman dan amalan kemahiran asas dalam kesedaran diri sendiri yang baik agar berjaya menjalin hubungan dengan murid, rakan sejawat dan masyarakat. Malah guru juga dapat menguruskan emosi dan faham akan kekuatan dan kelemahan diri serta memahami perasaan sendiri.

#### 1.8.5.2 Pengawalan Kendiri

Pengawalam kendiri didefinisikan sebagai kebolehan mengurus emosi diri dengan cara yang sesusai dalam pelbagai situasi agar dapat memudahkan sesuatu tugasan. Kecekapan untuk mengawal dan mengurus emosi diri itu bergantung kepada kepada kesedaran diri sendiri.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


#### 1.8.5.3 Motivasi Kendiri

Motivasi kendiri didefinisikan sebagai keupayaan menggunakan kekuatan peribadi dalam diri untuk mempengaruhi murid, rakan sejawat dan masyarakat dalam meningkatkan dan mencapai sesuatu matlamat, komitmen terhadap matlamat atau kesediaan guru untuk bertindak berdasarkan peluang yang ada. Proses bertindak dalam mencapai sesuatu matlamat ini datang dari faktor dalaman diri atau luaran diri.

#### 1.8.5.4 Empati

Empati didefinisikan sebagai sikap yang sensitif dan prihatin kepada emosi orang lain terutamanya kepada murid dan rakan sejawat. Seorang guru mampu memahami perasaan murid dan rakan sejawat melalui bahasa bukan lisan seperi tutur bicara, gerak geri dan gambaran wajah mereka.

#### 1.8.5.5 Kemahiran Sosial

Kemahiran sosial didefinisikan sebagai satu interaksi dua hala yang diperlukan terutama dalam kerja berpasukan. Kemahiran sosial memupuk hubungan yang mempunyai kemahiran interpersonal yang baik. Guru juga dapat berasa selesa dengan orang lain dengan mudah. Guru yang mempunyai sikap sebegini cenderong untuk mempunyai murid yang meminati mereka dan rakan guru yang mudah mesra dengan mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## 1.9 Kepentingan Kajian

Bahagian ini membincangkan kepentingan kajian dari aspek teori, dasar dan amalan kajian dilaksanakan. Kepentingan kajian dari aspek teori membincangkan hasil kajian IPKGM ini dapat menyumbang kepada perkembangan teori sedia ada di Malaysia. Seterusnya, kepentingan dari aspek dasar adalah dapatan kajian ini mempunyai hubungan dengan dasar-dasar pendidikan negara yang dilaksanakan oleh KPM. Selain itu, kepentingan kajian dari aspek amalan pula membincangkan hubungan dapatan kajian ini dengan kepimpinan guru dan penilaian guru di sekolah. Perincian kepentingan kajian ini adalah seperti yang berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 1.9.1 Model/Teori

Berdasarkan hasil sorotan kajian ke atas Model Pembangunan Profesionalisme Berterusan, Teori Kepimpinan Guru Katzenmeyer dan Moller (2009), Komitmen Guru Firestone dan Rosenblum (1988), Teori Kompetensi Spencer dan Spencer (1993) dan Kecerdasan Emosi Goleman (1995), asas pembinaan IPKGM adalah untuk guru mengenal pasti dan menilai ciri-ciri kepimpinan guru yang wujud dalam diri guru tersebut. Justeru, pembinaan instrumen ini dimantapkan lagi melalui kesahan dan kebolehpercayaan terhadap konstruk-konstruk IPKGM. Seterusnya, konstruk-konstruk IPKGM yang dicadangkan dalam instrumen ini digunakan sebagai asas rujukan teori dan model kepada penyelidik lain berkenaan penilaian ciri-ciri kepimpinan guru. IPKGM ini juga sesuai dijadikan pengukuran dalam penilaian ciri-ciri kepimpinan guru berdasarkan konteks Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 1.9.2 Dasar

Dapatan kajian ini juga dapat memberi tambahan perkara baharu kepada pelaksana dasar bagi Penilaian Bersepadu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PBPPP). Penilaian Bersepadu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PBPPP) adalah satu kaedah penilaian yang menilai kompetensi dan potensi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) berdasarkan konsep tugas dan tempat bertugas *Job-Based and Work Place*. Pembinaan IPKGM ini juga dapat dijadikan panduan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia dalam menambah instrumen penilaian dalam menilai guru. Seterusnya pembinaan IPKGM ini juga adalah menyokong dasar pendidikan negara, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM) dan Pelan Pembangunan Profesionalisme Berterusan (PPPB). Malah, kualiti guru juga harus selari dengan mendepani cabaran dalam Revolusi Industri 4.0 yang melakukan perubahan transformasi dalam mempersiapkan kemenjadian murid.

### 1.9.3 Amalan

Berdasarkan sorotan kajian yang dijalankan, kajian mengenai pembinaan IPKGM dalam konteks Malaysia kurang dilaksanakan. Justeru, instrumen yang dibina ini dapat memberi maklum balas penilaian ciri-ciri kepimpinan guru berdasarkan konteks Malaysia. Dalam pada itu, guru berpeluang untuk mengetahui dan mengenal pasti sama ada diri mereka mempunyai ciri-ciri seorang kepimpinan guru daripada penilaian diri melalui IPKGM dalam kajian ini bagi menambah baik tahap kepimpinan guru mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Oleh yang demikian, kepimpinan guru boleh dilihat sebagai satu keperluan yang perlu ada kepada guru sekolah untuk mengekalkan kualiti dan profesionalisme guru. Kesedaran semua pihak terhadap perubahan pesat sistem pendidikan serta peranan yang dimainkan oleh guru untuk menginovasi diri sendiri sesuai dengan perubahan masa. Keperluan kepimpinan guru bukan sahaja kepada rakan sekerja dan murid malah mewujudkan hubungan yang erat antara pihak sekolah, persatuan ibu bapa dan guru dan pihak badan bukan kerajaan (NGO).

## 1.10 Batasan Kajian

Berdasarkan kajian yang dilaksanakan ini, penyelidik telah menentukan skop dan batasan kajian terhadap perkara tertentu sahaja supaya skop kajian adalah lebih tertumpu dan berfokus serta tidak terlalu luas. Antara perkara yang dikaji dan ditinjau hanyalah terbatas kepada pelaksanaan kajian ini dilakukan kepada guru dalam perkhidmatan di Daerah Petaling Perdana negeri Selangor sahaja. Jumlah sekolah di Daerah Petaling Perdana negeri Selangor ialah sebanyak 139 buah sekolah dengan jumlah guru seramai 11,175 orang guru. Sekolah di Daerah Petaling Perdana sahaja di pilih kerana sewaktu kajian ini dijalankan, negara sedang menghadapi Perintah Kawalan Pergerakan Malaysia 2020-2021 dan negara masih belum sepenuhnya Covid-19 dan untuk melakukan kajian di sekolah memerlukan *Standard Operating Procedure* atau Tatacara Pengendalian Piawai yang ketat.

Kesemua guru yang dipilih untuk menjalani kajian ini adalah guru dalam perkhidmatan. Limitasi kajian ini adalah kepada semua guru dan tidak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


menggambarkan keseluruhan tahap gred guru di sekolah rendah dan sekolah menengah di Malaysia. Responden kajian yang dipilih melibatkan sampel yang terdiri daripada guru dalam kalangan pegawai perkhidmatan pendidikan siswazah (PPPS) dan pegawai perkhidmatan pendidikan bukan siswazah (PPPBS) sekolah di Daerah Petaling Perdana Selangor.

Penyelidik memberi fokus kepada elemen komitmen guru, kompetensi guru dan kecerdasan emosi dalam menilai ciri-ciri kepimpinan guru kerana guru adalah suri teladan bagi murid, maka guru merupakan penggerak utama dalam membangunkan sahsiah murid dalam membangunkan modal insan yang bersahsiah dan berakhlak mulia. Oleh itu, sebelum guru membentuk sahsiah murid, guru terlebih dahulu perlu mempunyai ciri-ciri kepimpinan guru yang baik untuk dicontohi oleh murid dan juga masyarakat kerana profesion keguruan adalah satu profesion yang mempunyai tanggungjawab yang luas dan mencabar menjurus agar guru lebih berkepimpinan, kompeten, komitmen dan mempunyai ketahanan emosi yang tinggi bagi mengungguli pendidikan bertaraf dunia.

Kajian ini melibatkan tiga fasa iaitu fasa satu iaitu pembentukan konstruk dan pembinaan item, fasa dua ialah kajian rintis dan fasa ketiga ialah kajian sebenar dan pengesahan. Limitasi pembinaan instrumen adalah berdasarkan sorotan literatur sistematik, teori dan model serta konseptualisasi dan operasionalisasi tentang konstruk dan item IPKGM yang diperolehi. Oleh itu, pembinaan instrumen yang dihasilkan sebagai cadangan pembinaan IPKGM dalam kalangan guru kepada Bahagian Pendidikan Guru, Institut Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia dan Institut Pendidikan Tinggi Awam yang melatih guru dan bakal guru di Malaysia

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


manakala limitasi kajian bagi fasa kesahan instrumen ini pula hanya melibatkan pengukuran Rasch yang mengukur konstruk dan item yang dibina.

## 1.11 Rumusan

Secara keseluruhan bab satu ini membincangkan tentang beberapa perkara utama yang dibincangkan pada peringkat awal sesebuah kajian. Pendahuluan kajian telah memperlihatkan tentang situasi pendidikan dunia dan senario pendidikan semasa di Malaysia. Seterusnya perbincangan melibatkan pelaksanaan kepimpinan guru di sekolah secara umum dalam usaha melahirkan guru yang mempunyai ciri-ciri kepimpinan guru selari dengan penyusunan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Dalam pernyataan masalah dinyatakan berdasarkan isu-isu guru yang berlaku di sekolah dan kemudian menjurus kepada tujuan kajian ini dilaksanakan. Definisi operasi bagi setiap elemen pembinaan instrumen yang mengukur ciri-ciri kepimpinan guru berdasarkan elemen komitmen guru, kompetensi guru dan kecerdasan emosi guru juga diberi untuk memperjelaskan aspek pengukurannya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun si

# BAB 2

# TINJAUAN LITERATUR

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 2.1 Pengenalan

Perbincangan dalam bab ini adalah berkaitan dengan teori dan model yang berkaitan dengan pembinaan IPKGM. Dalam membina IPKGM pelbagai teori dan model digunakan bagi membina konstruk dan item. Teori dan model yang digunakan ialah Model Pembangunan Profesionalisme Berterusan, Teori Kepimpinan Guru Katzenmeyer dan Moller (2009), Komitmen Guru Firestone dan Rosenblum (1988), Teori Kompetensi Spencer dan Spencer (1993) dan Kecerdasan Emosional Goleman (1995). Selain itu, perbincangan bagi tajuk ini juga meliputi Model Pembinaan Instrumen dan Model Pengukuran Rasch serta hasil-hasil dapatan kajian lepas yang berkaitan elemen kepimpinan guru dan instrumen kepimpinan guru. Sorotan literatur ini dapat memberi input penting dalam menyokong pembinaan dan pengujian IPKGM ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



## 2.2 Model Pembangunan Profesionalisme Berterusan

Guru berkualiti merupakan nadi kejayaan kepada keberhasilan murid. Melihat kejayaan pelaksanaan Dasar Pendidikan Negara sebelum ini, maka Kementerian Pendidikan Malaysia meneruskan pelaksanaan dasar baharu dalam Pelan Induk Pembangunan Profesionalisme Keguruan (PIPPK). Sebagai kumpulan yang melaksanakan dasar, guru perlu secara terus menerus melengkapkan diri dengan ciri-ciri pendidik yang profesional dalam mendepani cabaran abad ke-21. Model Pembangunan Profesionalisme Berterusan menjelaskan bahawa sepanjang tempoh perkhidmatan guru perlu kekal relevan dan efektif dalam ekosistem pendidikan yang sentiasa menghadapi perubahan dan sentiasa menuntut keberhasilan murid yang holistik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

**Rajah 2.1**

*Model Pembangunan Profesionalisme Berterusan*




05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Rajah 2.1 menunjukkan Model Pembangunan Profesionalisme Berterusan Kementerian Pendidikan Malaysia (2016) yang dirangka untuk membangunkan kompetensi profesional guru ke arah mengukuhkan atribut dan ciri khusus untuk mencapai dasar yang telah di gubal oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dalam Pelan Induk Pembangunan Profesionalisme Keguruan. Atribut yang diharapkan ialah seorang guru mampu menjadi seorang yang beraspirasi, kompeten, cekap, berstrategi, berwawasan serta mempunyai kepimpinan. Model Pembangunan Profesionalisme Berterusan ini menjadi rujukan kepada guru untuk menentukan peranan dan tahap kompetensi guru.

Melalui Model Pembangunan Profesionalisme Berterusan ini juga, guru mampu bergerak daripada seorang guru yang menjadi pelaksana kepada pemikir holistik. Namun demikian, guru perlu mempunyai tiga standard yang mendasari iaitu amalan nilai profesional, pengetahuan dan kemahiran yang sememangnya menjadi asas dalam Standard Guru Malaysia. Kecekapan guru dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diberikan ditentukan dengan melihat tiga standard tersebut. Tambahan pula, ia bagi memastikan guru mempunyai peranan dalam bidang pendidikan dan asas ini perlu dikuasai oleh setiap guru.

Penglibatan guru dalam Model Pembangunan Profesionalisme Berterusan ini bermula seawal kerjaya guru gred DG 41 hingga ke peringkat JUSA. Guru seharusnya sentiasa meningkatkan kualiti perkhidmatan dan sentiasa peka dengan kaedah dan strategi terkini yang bukan sahaja menumpukan kepada tiga asas utama malah guru-guru perlu mempunyai ciri-ciri kepimpinan dalaman yang dapat membantu guru

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


untuk mengenalpasti ciri-ciri kepimpinan guru dalam mencapai penguasaan kemahiran pendidikan abad ke-21.

## 2.3 Kepimpinan Guru

Keperluan kepimpinan guru telah bermula sejak dahulu lagi iaitu di awal 1900 MacBeath (2019). Daripada kajian-kajian yang dijalankan Harris, Jones dan Huffman (2017) dan Campbell et al. (2018) dapat dihuraikan bahawa setiap sekolah perlu memiliki lebih daripada seorang pemimpin selain pengetua di mana jawatan tersebut bukan bersifat hakiki tetapi menjurus kepada peranan guru-guru itu sendiri menjalankan tanggungjawab terhadap diri sendiri, terhadap murid, rakan sejawat dan juga terhadap masyarakat dan tentu sekali kepada agama, bangsa dan negara. Kepimpinan guru memainkan peranan yang penting (Katzenmeyer & Moller 2009). Namun demikian, sebelum guru-guru cenderung untuk melibatkan diri ke arah kepimpinan guru, mereka perlu melengkapkan diri mereka dengan memahami dan menerima peranan kepimpinan guru bagi mengelakkan sebarang salah faham dalam organisasi, terutama di sekolah-sekolah.

Daripada perspektif yang berbeza, guru sememangnya mempunyai sifat kepimpinan berupaya menjalankan tugas sebagai pakar kurikulum, fasilitator, pelatih, penasihat dan mentor untuk membawa pembaharuan dalam sekolah (Gui et al., 2020). Menurut Katzenmeyer dan Moller (2009) kepimpinan guru dilihat sebagai penyumbang kepada komuniti guru, ketua di dalam dan di luar bilik darjah, boleh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


mempengaruhi orang lain untuk meningkatkan ilmu pendidikan serta dapat menerima tanggungjawab sebagai kepimpinan guru untuk beroleh kejayaan.

Guru yang mempunyai sifat kepimpinan ini bersedia untuk menjalankan tanggungjawab dan tugas tanpa perlu menunggu arahan daripada pengetua, sebaliknya mereka tahu apa yang perlu dilakukan dan bertindak pantas mengikut matlamat yang hendak dicapai dengan sendirinya (Sims et al., 2020). Justifikasinya, kepimpinan guru adalah satu proses keupayaan kepimpinan dalam kalangan guru yang dapat dilakukan melalui amalan dan tingkah laku samada di dalam dan di luar sekolah untuk memberi manfaat kepada organisasi, murid, guru dan rakan sekerja tanpa paksaan dalam mencapai matlamat demi kejayaan sekolah.

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah ptbupsi

Lain daripada itu, kepimpinan adalah satu proses yang melibatkan keupayaan dan kekuatan untuk meyakinkan orang lain. Kepimpinan mempengaruhi tingkah laku orang lain untuk menggalakkan mereka bekerja kearah pencapaian matlamat yang ditetapkan. Izzuan et al. (2019) menjelaskan kepimpinan berkait rapat dengan pemimpin. Kepimpinan yang berkesan oleh guru diterima secara umum sebagai satu tunjang utama untuk menambahbaik pencapaian di sekolah. Seorang pemimpin yang menjalankan tanggungjawab sebagai ketua secara langsung dapat mempengaruhi keupayaan sekolah untuk memperbaiki pencapaian murid.

Sebagai profesion yang berada di barisan paling hadapan dalam pembinaan generasi masa hadapan negara, guru haruslah menjaga nama baik profesion keguruan agar profesion ini terus dihormati dan dipandang tinggi sesuai dengan amanah yang dipikul (Greany & Earley 2021). Tumpuan diberikan kepada usaha untuk melahirkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


guru yang berkualiti tinggi, iaitu mereka yang benar-benar memahami hasrat dan matlamat negara, mempunyai semangat tinggi sebagai pejuang yang akan menentukan keutuhan agama, bangsa dan negara serta mempunyai berbagai kemahiran dari segi pedagogi, psikologi, mahupun interpersonal serta mempunyai keperibadian mulia dan daya kepimpinan yang cemerlang (Taxer et al., 2019).

Jelaslah bahawa, guru perlu sentiasa bersedia dalam pelaksanaan kepimpinan guru untuk menjamin kualiti dalam profesion keguruan terus cemerlang. Dalam situasai sebenar pula, guru sememangnya sedang mengubah kaedah pengajaran mereka dan terus membuat perubahan bergantung kepada keperluan yang diagihkan mengikut perubahan dalam sistem pendidikan. Kesediaan guru ini merujuk kepada kesanggupan atau kerelaan guru untuk memikul tanggungjawab dan peranan sebagai kepimpinan guru di sekolah, terutamanya di dalam bilik darjah. Dengan itu, guru tidak lagi bertugas untuk mengajar sahaja, malah memberi sumbangan yang penting terhadap kecemerlangan sekolah dengan membimbing dan mempengaruhi komuniti sekolah yang terdiri daripada murid, rakan sejawat, pentadbir dan masyarakat setempat.

### 2.3.1 Teori Kepimpinan Guru Katzenmeyer dan Moller (2009)

Model Perkembangan Kepimpinan (Pembangunan Kepimpinan Guru untuk Guru) adalah diasaskan oleh Marilyn Katzenmeyer dan Gayle Moller (2009). Model ini bertujuan untuk menyediakan rangka pembelajaran profesional untuk mengembangkan kepimpinan guru, bekerjasama dengan rakan sekerja dan sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Katzenmeyer dan Moller (2009) menyatakan bahawa kemahiran menguasai sebagai kepimpinan guru harus dipraktikkan di persekitaran kerja iaitu sekolah.

Katzenmeyer dan Moller (2009) merupakan salah seorang penyelidik terkenal dalam bidang kepimpinan guru. Kepimpinan guru ini merujuk kepada keupayaan guru untuk menjadi ketua di dalam dan di luar bilik darjah. Hal ini demikian kerana, guru merupakan watak utama bagi peningkatan keseluruhan sekolah yang berjaya dan guru berperanan sebagai pendidik yang mendorong serta membentuk kemejadian murid dalam penyelarasan amalan pedagogi dan berusaha mencapai visi dan misi sekolah.

Hal ini dipersetujui oleh Harris et al. (2017) yang menjelaskan bahawa kepimpinan guru adalah satu tindakan yang mempunyai pengaruh positif terhadap sekolah terutamanya di dalam bilik darjah. Hal ini demikian kerana aktiviti pengajaran berkesan yang dilakukan di dalam bilik darjah menjadi pendorong serta asas kepada perkembangan kepimpinan guru kerana seseorang guru tidak mungkin menjadi efektif jikalau beliau tidak dapat menjalankan tugasnya sebagai guru di dalam dan di luar bilik darjah dengan baik.

Menurut Katzenmeyer dan Moller (2009), terdapat tujuh dimensi penyediaan kepimpinan guru. Ketujuh-tujuh dimensi tersebut ialah tujuan pembangunan, pengiktirafan, autonomi, keserakanan, penyertaan, komunikasi terbuka dan persekitaran positif. Dimensi yang pertama ialah tujuan pembangunan. Guru-guru perlu melibatkan diri dalam proses pembelajaran pengetahuan dan kemahiran baharu di samping menggalakkan serta membantu pembelajaran komuniti sekolah yang lain, terutamanya murid dan rakan sejawat. Contohnya, di dalam bilik darjah, kepimpinan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


guru berkongsi idea dan strategi pengajarannya dengan murid dan rakan sejawat bagi tujuan mempertingkatkan pencapaian dan penglibatan murid. Manakala, pihak pentadbir pula menyokong dan menggalakkan aktiviti-aktiviti pembangunan dan pembelajaran guru untuk meningkatkan pencapaian sekolah.

Dimensi yang kedua ialah pengiktirafan. Dimensi pengiktirafan menjurus kepada idea dan pendapat guru-guru sentiasa perlu dihargai dan dihormati di sekolah oleh kedua-dua pihak, iaitu rakan-rakan sejawat dan juga pentadbir sekolah. Guru-guru yang mendapat pengiktirafan seumpama ini akan mempunyai semangat dan motivasi yang tinggi untuk mengambil inisiatif serta memberi sumbangan dalam pencapaian murid dan sekolah. Ini akan menggalas ciri-ciri kepimpinan yang selama ini terpendam dalam diri seseorang guru.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dimensi yang ketiga ialah autonomi. Dimensi autonomi menggalakkan guru-guru supaya mengambil inisiatif sendiri untuk menjadi inovatif di samping membuat penambahbaikan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Guru juga perlu mempunyai imej diri yang betul dari segi nilai, kekuatan, falsafah dan tingkah laku. Ini mendorong guru-guru melakukan perubahan strategi dan kaedah pengajaran di dalam bilik darjah serta mewujudkan visi bagi diri sendiri dan kecemerlangan sekolah. Walau bagaimanapun, keadaan ini hanya berlaku dengan sokongan dan galakan daripada pihak pentadbir dan rakan-rakan sejawat sahaja.

Dimensi keserakanan pula memerlukan guru-guru mengamalkan sikap bekerjasama dengan rakan-rakan sejawat dalam hal-hal yang berkaitan dengan murid dan aktiviti pengajaran seperti perkongsian bahan, perbincangan strategi pengajaran,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


pemerhatian bilik darjah dan sebagainya. Tingkah laku keserakanan dalam kalangan guru adalah penting untuk tujuan penambahbaikan dan penyelesaian masalah yang terdapat di sekolah. Dengan itu, guru-guru yang terlibat dapat mempengaruhi rakan-rakan sejawatnya bagi tujuan meningkatkan pencapaian sekolah.

Dimensi penyertaan merujuk kepada penglibatan diri guru-guru secara aktif dalam hal-hal yang berkaitan dengan pencapaian sekolah. Guru-guru boleh melibatkan diri dari segi perkongsian idea yang bernas, menyumbang tenaga kerja dan sebagainya. Di samping itu, guru adalah orang yang paling berpengaruh dalam kalangan murid di dalam bilik darjah serta menjadi penghubung antara murid, pentadbir dan juga masyarakat setempat seperti ibu bapa. Maka, pihak pentadbir tidak harus mengabaikan pandangan guru serta harus menggalakkan penglibatan guru-guru dalam aktiviti-aktiviti sekolah, terutamanya dalam membuat keputusan.

Dimensi keenam ialah komunikasi terbuka. Komunikasi terbuka merupakan salah satu perkara penting yang membolehkan guru-guru memimpin serta mempengaruhi subordinatnya secara efektif. Komunikasi terbuka juga merujuk kepada guru yang menunjukkan pertuturan dan perbuatan yang berkesan melalui komunikasi secara lisan dan bukan lisan serta kemahiran bertulis. Oleh yang demikian, guru-guru perlu mempraktikkan komunikasi dua hala, di mana mereka menghantar dan menerima maklumat-maklumat yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti dan peristiwa-peristiwa yang berlaku di sekolah. Dengan itu, guru-guru dapat merancang strategi-strategi yang berkesan serta membuat penambahbaikan bagi tujuan kecemerlangan sekolah. Sementara itu, komunikasi terbuka juga dapat mengelakkan sebarang perselisihan faham dalam kalangan komuniti sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Dimensi yang ketujuh ialah persekitaran positif. Profesion guru merupakan suatu profesion yang berbentuk perkhidmatan, di mana guru-guru sentiasa berhadapan dengan pelbagai masalah. Bagi mengatasi masalah ini, persekitaran kerja yang positif amat diperlukan oleh mereka. Dengan itu, keupayaan dan bakat guru dapat dioptimumkan dengan sepenuhnya. Misalnya, apabila guru-guru mempunyai hubungan yang baik serta galakan daripada pihak pentadbir, mereka akan berpuas hati. Ini akan mendorong mereka untuk melaksanakan tanggungjawab mereka dengan baik serta memberi sumbangan yang penting terhadap kecemerlangan sekolah.

Secara total, teori ini menjelaskan bahawa kepimpinan guru Katzenmeyer dan Moller (2009) merujuk kepada keupayaan guru untuk memimpin di dalam dan di luar bilik darjah. Hal ini demikian kerana aktiviti pengajaran berkesan yang dilakukan di dalam bilik darjah menjadi pendorong serta asas kepada perkembangan kepimpinan guru kerana seseorang guru tidak mungkin menjadi efektif jikalau beliau tidak dapat menjalankan tugasnya sebagai guru bilik darjah dengan baik. Kenyataan ini membuktikan bahawa aktiviti pengajaran, pembelajaran dan kepimpinan adalah saling berkait rapat dalam mempraktikkan kepimpinan guru.

Bersangkutan dengan hal ini, dimensi-dimensi ini diharapkan dapat dipraktikkan oleh guru untuk memastikan kewujudan persekitaran kerja yang sihat dan sentiasa mengamalkan komunikasi berkesan dan permuafakatan dalam kalangan warga sekolah, ibu bapa dan komuniti setempat, mewujudkan suasana sosial dan psikologikal yang kondusif, harmoni dan selamat. Persekolahan dan pendidikan hari ini bukan sahaja menuntut para guru menyempurnakan tugas dan tanggungjawab mereka dalam memastikan setiap murid menguasai kemahiran menulis, membaca dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


mengira, malah guru-guru perlu menjiwai kepimpinan guru sebagai satu sikap baharu kearah peningkatan amalan profesionalisme guru itu sendiri.

Secara ringkasnya, teori kepimpinan Katzenmeyer dan Moller (2009) lebih membentuk kepimpinan guru, sama ada secara rasmi atau tidak rasmi dan harus mempelajari cara untuk menjadikan dasar pendidikan kepada amalan konstruktif. Ini adalah kerana, walaupun kepimpinan guru tidak semata-mata merujuk kepada profesionalisme, semangat dan komitmen, namun sekolah memerlukan kesemua aspek ini daripada guru-guru yang mengajar di dalam bilik darjah dalam usaha meningkatkan pencapaian sekolah serta meningkatkan amalan profesionalisme guru dalam profesion keguruan. Dalam kajian ini, penyelidik ingin membina IPKGM bagi menilai ciri-ciri kepimpinan guru dalam kalangan guru di sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 2.3.2 Elemen Kepimpinan Guru

Dalam kajian ini, Teori Kepimpinan Guru dijadikan sebagai garis panduan dalam perincian penyataan prestasi yang harus dicapai oleh seseorang guru bagi mendasari pembinaan IPKGM. Tinjauan literatur yang dilakukan menunjukkan bahawa walaupun model kepimpinan yang berlainan menggariskan dimensi yang berbeza, namun mempunyai beberapa elemen yang mendasari ciri-ciri kepimpinan guru. Elemen umum merangkumi guru menghayati nilai dan konsep dalam pendidikan, meneroka pengetahuan dan mencipta pengalaman pembelajaran yang bermakna bagi diri guru sendiri dan murid lain secara kritis (Kamaruzaman et al., 2020).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Elemen ini melihatkan seorang guru itu mampu untuk mendalami dan meluaskan pengetahuan pengajaran dan pembelajaran serta meningkatkan pengetahuan dari semasa ke semasa tentang trend dan perkembangan pendidikan terkini dengan penekanan kompetensi guru dalam kemahiran, pengetahuan dan nilai peribadi guru. Rajah 2.2 menunjukkan Kerangka Standard Guru Malaysia 2.0 yang telah dikeluarkan oleh KPM berbentuk poster merupakan standard terkini yang menekankan kepada jiwa pendidik iaitu terdapat empat elemen yang digariskan untuk guru manfaatkan iaitu orientasi ilmu, instruksional, kualiti peribadi guru dan penglibatan guru dalam komuniti. Standard ini perlu dihayati oleh guru bahawa memenangi jiwa murid merupakan teras kepada profesion keguruan ini.

Malah dalam melahirkan guru yang mempunyai kepimpinan guru, pengalaman klinikal bersifat multidimensi, bersepadu dan reflektif dalam pengajaran, pembelajaran dan penilaian memaparkan ciri-ciri kepimpinan guru. Komitmen guru dalam kesanggupan atau kerelaan guru untuk memikul tanggungjawab kepimpinan guru di sekolah dengan memberi sumbangan yang penting terhadap kecemerlangan sekolah dengan membimbing dan mempengaruhi komuniti sekolah yang terdiri daripada murid, rakan sejawat, pentadbir dan masyarakat setempat juga dianggap penting dan guru perlu membina kemahiran sosial yang sesuai untuk menjaga hubungan dengan mereka (Saraswathy et al., 2021).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


**Rajah 2.2**

*Kerangka Standard Guru Malaysia 2.0*




Selain itu, Oppi et al. (2022) menyatakan bahawa guru sentiasa memastikan persekitaran pengajaran dan pembelajaran harus memberi ruang dan peluang untuk memupuk kegembiraan intelektual yang akan mengoptimumkan potensi dan minat murid untuk belajar sepanjang hayat mereka dalam kepimpinan guru (Kahila et al., 2020). Kenyataan ini amat bersesuaian dengan tugas guru dalam melahirkan guru profesional dan berkualiti mencakupi kemahiran, pengetahuan dan nilai peribadi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Usaha yang dilakukan oleh guru untuk kepimpinan guru ini dilihat begitu penting kerana pendidikan adalah ruang untuk memproses, membentuk, memupuk, mengasuh, membina dan mencorak wajah generasi muda agar mampu menyumbangkan sesuatu khususnya kepada negara.

Di samping itu, guru mampu menyediakan ruang sumber dan teknologi pembelajaran yang berkualiti untuk murid terlibat dalam interaksi sosial yang positif, pembelajaran aktif dan koperatif untuk kemenjadian murid dalam kepimpinan guru (Samsudin & Ghani, 2020). Dalam laluan kerjaya guru, guru mengembangkan kompetensi untuk menyesuaikan diri dengan perubahan teknologi dan aplikasinya untuk pengajaran dan pembelajaran serta pengurusan di dalam kelas. Malah guru adalah perancang organisasi pendidikan dengan sikap dan kemampuan untuk memberikan idea, inovasi dan mengurus perubahan seperti yang terdapat dalam tujuh dimensi kepimpinan guru Katzenmeyer & Moller (2011) iaitu pembangunan, pengiktirafan, autonomi, keserakanan, peyertaan, komunikasi terbuka dan persekitaran positif.

Oleh hal yang demikian, teori kepimpinan guru ini dapat menjadi garis panduan dalam perincian penyataan prestasi yang harus dicapai oleh seseorang guru bagi mendasari pembinaan IPKGM dan dapat menilai ciri-ciri kepimpinan guru selari dengan Etika Profesion Keguruan yang mendefinisikan guru mampu merangsang diri mereka menjadi yang terbaik dalam kepimpinan guru. Kepimpinan guru juga merupakan aspek penting dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan untuk pembentukan insan yang berakhlak mulia dan ini jelas menunjukkan betapa pentingnya kepimpinan guru dalam profesion keguruan. Penyelidik menganalisis elemen yang berkaitan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


dengan ciri-ciri kepimpinan guru seperti yang guru yang di cadangkan oleh beberapa pelopor kepimpinan guru seperti Darling-Hammond dan Richardson (2009), Harris (2015), Ingersoll dan Smith (2003), Lambert (2003), Muijs dan Harris (2006) dan York-Barr dan Duke (2004) serta pengkaji lain yang mengkaji berkaitan ciri-ciri dalam kepimpinan guru.

### 2.3.3 Kajian Kepimpinan Guru

Kepimpinan yang berkesan dalam kalangan guru adalah penting untuk menghasilkan generasi yang produktif dan berjaya pada masa akan datang. Di sekolah, kepimpinan guru lebih penting daripada sebelumnya, memandangkan permintaan terhadap kepimpinan guru meningkat bersama-sama dengan proses transformasi sekolah dalam dua dekad yang lalu (Bae et al., 2016). Guru hari ini bukan sahaja bertanggungjawab untuk mendidik pelajar tetapi dijangka menjadi model bagi pelajar, rakan sekerja dan komuniti (Harris, 2015). Oleh itu, kepimpinan guru memainkan peranan penting.

**Rajah 2.3**

*Realiti Kepimpinan Guru di Malaysia berdasarkan Dasar Kerajaan*




05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Penekanan kepimpinan guru pada Rajah 2.3 menunjukkan realiti kepimpinan guru di Malaysia berdasarkan beberapa dasar dan dokumen yang penting yang menggariskan kepimpinan guru ini sangat penting kepada guru. Kunci untuk meningkatkan pendidikan adalah guru yang sangat kompeten, kerana mereka diakui secara meluas sebagai faktor berkaitan sekolah yang paling penting dalam mempengaruhi pencapaian pelajar. Semua guru perlu menjadi ketua di bilik darjah dan sekolah mereka untuk meningkatkan pencapaian pelajar dan prestasi sekolah. Guru menyedari akan hakikat ini dan meminta peluang dalam perkembangan kepimpinan untuk meningkatkan kemahiran dan kecekapan mereka.

Oleh yang demikian, kepimpinan guru tidak harus dihadkan di dalam bilik darjah semata-mata malah harus berkembang di dalam konteks sekolah secara keseluruhannya. Ini adalah kerana kepimpinan guru bertindak sebagai satu komponen yang paling penting dalam hal menjamin keberkesanan dan kecemerlangan sesebuah sekolah (Khalip & Rofidah, 2018). Keadaan ini wujud kerana kepimpinan guru seringkali diklasifikasikan sebagai satu proses yang membantu sekolah untuk membuat penambahbaikan dalam hal-hal pengurusan dan pelaksanaan sekolah.

Perkembangan berkaitan kepimpinan guru dalam amalan pendidikan telah membawa kepada percambahan penyelidikan. Sehingga kini, terdapat tiga ulasan literatur terkenal tentang penyelidikan mengenai kepimpinan guru, yang menjejaki perkembangan sejarah kepimpinan guru iaitu Muijs dan Harris (2003), York-Barr dan Duke (2004) dan Wenner dan Campbell (2017) dalam menakrifkan apakah elemen mempengaruhi kepimpinan guru. Namun, kajian empirikal untuk menilai elemen mempengaruhi kepimpinan guru masih agak terhad (Muijs & Harris, 2003; Wenner &

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Campbell, 2017; York-Barr & Duke, 2004). Muijs dan Harris (2003) menyatakan bahawa lebih banyak bukti empirikal diperlukan dalam pelaksanaan amalan dan prinsip kepimpinan guru dalam kalangan guru dan mencadangkan beberapa kajian lapangan perlu dijalankan bagi pengumpulan data yang lebih mantap.

Walaupun penyelidik lalu mengakui kepimpinan guru sebagai satu bentuk kepimpinan yang unik dan banyak kajian dalam menjelaskan definisi kepimpinan guru (Harris, 2003; Muijs & Harris, 2003; Pounder, 2006; Silva et al., 2000), secara umumnya definisi yang diterima dan istilah atau teori yang biasa digunakan untuk merangka kajian berkaitan kepimpinan guru masih kurang (Sebastian et al., 2017; Wenner & Campbell, 2017; York-Barr & Duke, 2004). Jadual 2.1 menunjukkan ringkasan elemen kepimpinan guru dalam literatur.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

**Jadual 2.1**

*Ringkasan Elemen Kepimpinan Guru dalam Literatur*

| **Penulis (Tahun)** | **Elemen** |
|---|---|
| Gehrke (1991) | A. Meneruskan pengajaran dan memperbaiki pengajaran sendiri<br>B. Menganjur dan mengetuai kumpulan rakan sebaya terhadap amalan sekolah<br>C. Menyediakan pengetahuan pembangunan kurikulum<br>D. Mengambil bahagian dalam membuat keputusan peringkat sekolah<br>E. Mengetuai pendidikan dalam perkhidmatan dan membantu guru lain<br>F. Mengambil bahagian dalam penilaian prestasi guru |
| York-Barr and Duke (2004) | A. Penyelarasan dan pengurusan<br>B. Tugasan kurikulum di sekolah<br>C. Pembangunan profesional guru<br>D. Penyertaan dalam penambahbaikan sekolah<br>E. Penglibatan ibu bapa dan komuniti<br>F. Sumbangan kepada profesion |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


| **Penulis (Tahun)** | **Elemen** |
|---|---|
| Harris and Muijs (2004) | A. Penambahbaikan sekolah ke dalam amalan bilik darjah<br>B. Menekankan guru menjadi sebahagian daripada perubahan sekolah<br>C. Guru sebagai sumber kepakaran dan maklumat<br>D. Guru menjalin hubungan yang erat bersama komuniti |
| Katzenmeyer and Moller (2009) | A. Fokus perkembangan: Guru mempelajari pengetahuan dan kemahiran baharu dan digalakkan untuk membantu orang lain untuk belajar<br>B. Pengiktirafan: guru dihormati dan diiktiraf atas peranan profesional<br>C. Autonomi: guru digalakkan mengambil inisiatif dalam membuat penambahbaikan dan inovasi<br>D. Berkolaborasi: guru bekerjasama dalam menerima arahan dan perkara berkaitan pelajar<br>E. Penyertaan: guru terlibat secara aktif dalam membuat keputusan dan mempunyai input tentang perkara-perkara penting<br>F. Komunikasi terbuka: guru menghantar dan menerima komunikasi secara terbuka dan jujur di sekolah |
| Fairman and Mackenzie (2012) | A. Guru melibatkan diri dalam pembelajaran tentang amalannya<br>B. Guru membuat eksperimen dan refleksi<br>C. Guru berkongsi idea dan pembelajaran, menjadi mentor dan melatih guru-guru lain<br>D. Guru bekerjasama dan membuat refleksi bersama tentang kerja<br>E. Guru berinteraksi dalam kumpulan dan melalui perhubungan membudayakan semula sekolah<br>F. Guru menyoal, menyokong, membina sokongan dalam organisasi<br>G. Guru melibatkan diri dalam penambahbaikan seluruh sekolah secara kolektif<br>H. Guru bekerjasama dengan komuniti sekolah yang lebih luas seperti ibu bapa |
| Mansor et al., (2018) | A. Menerajui penambahbaikan dalam pengajaran dan pembelajaran<br>B. Menerajui menerusi teladan<br>C. Menerajui dalam pembangunan organisasi<br>D. Menerajui budaya kolaborasi<br>E. Menerajui perkongsian dengan komuniti<br>F. Menerajui melalui teladan yang baik |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Secara ringkasnya, elemen kepimpinan guru adalah satu pendekatan baharu untuk menerapkan kepimpinan kepada guru dan memberi kesan positif kepada sekolah dan murid pada masa hadapan. Berdasarkan kajian-kajian lepas, penyelidik mendapati sebelum guru-guru melaksanakan kepimpinan guru, mereka perlu menyediakan diri mereka dengan memahami dan menerima peranan sebagai kepimpinan guru untuk mengelakkan sebarang perselisihan faham dalam organisasi di samping meningkatkan pencapaian dan penglibatan murid. Penilaian ciri-ciri kepimpinan guru mampu membangunkan persekitaran yang berkesan dengan mengutamakan kemenjadian murid adalah menjadi salah satu misi yang dihasratkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

Ringkasan analisis berkaitan elemen kepimpinan guru seperti yang dinyatakan di bawah menunjukkan ciri-ciri kepimpinan guru secara amnya mewakili beberapa elemen baharu dalam mengenal pasti ciri-ciri kepimpinan guru di mana elemen baharu itu mempunyai model atau teori yang dapat mewakili setiap item yang ingin di ukur. Berdasarkan analisis tersebut, boleh dinyatakan bahawa pemupukan kepimpinan guru adalah untuk guru memahami bahawa diri mereka sememangnya terlibat dalam kepimpinan guru untuk memberikan pengetahuan dan kemahiran kepada murid dan membantu mereka. Jadual 2.2 di bawah menunjukkan beberapa hubungan ciri-ciri kepimpinan guru dikaitkan dengan tiga elemen yang dikaji yang diringkaskan mengikut dapatan sorotan literatur yang dikaji oleh penyelidik lepas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


**Jadual 2.2**

*Hubungan Ciri-ciri Kepimpinan Guru dikaitkan dengan Tiga Elemen yang dikaji*

| Bil | Ciri-ciri Kepimpinan Guru | Sumber | Berkaitan |
|---|---|---|---|
| 1 | Mempengaruhi pencapaian murid | Mills et al. (2014) | Komitmen Guru |
| 2 | Mempunyai matlamat dan mencapai kejayaan | van der Vyver et al. (2021) | Kompetensi Guru |
| 3 | Meningkatkan kerjasama berkumpulan | Murphy (2005) | Komitmen Guru |
| 4 | Penambahbaikan sekolah | Howey (1988) | Komitmen Guru |
| 5 | Pembelajaran profesional untuk penambahbaikan berterusan | Kennedy (2005)<br>Frost (2012) | Kompetensi Guru |
| 6 | Personaliti dan perwatakan yang progresif, aspirasi, bersatu padu, demokratik, mempunyai visi dan misi | Jackson et al. (2010) | Kompetensi Guru |
| 7 | Berperanan sebagai pembimbing yang baik kepada murid dan rakan sejawat | Crawford et al. (2020)<br>Yow et al. (2021) | Komitmen Guru |
| 8 | Komitmed dan perhatian sepanjang pengajaran dan pembelajaran | Martinez dan Everman (2017) | Kecerdasan Emosi Guru |
| 9 | Memberi maklum balas kepada pelajar | Bryant (2017) | Kecerdasan Emosi Guru |
| 10 | Menjadi contoh teladan yang baik kepada pelajar | Quezada et al. (2020) | Komitmen Guru |
| 11 | Mempunyai kemahiran, pengetahuan dan nilai peribadi yang unggul | Nelson-Barber (1991) | Kompetensi Guru |
| 12 | Mempunyai kecerdasan emosi bagi meningkatkan sensitiviti terhadap orang lain. | Maamari & Majdalani (2019) | Kecerdasan Emosi Guru |
| 13 | Pengetahuan berkaitan pedagogi | Lee et al. (2017) | Kompetensi Guru |
| 14 | Membina hubungan saling mempercayai | Vesely et al. (2013) | Kecerdasan Emosi Guru |
| 15 | Kemahiran komunikasi yang baik | Alam dan Ahmad (2018) | Kecerdasan Emosi Guru |
| 16 | Sifat peribadi yang dapat membangunkan lagi bakat seorang guru | Curtis (2013) | Kompetensi Guru |
| 17 | Memudahkan pembelajaran profesional guru | Fernandes et al. (2019) | Komitmen Guru |
| 18 | Guru memimpin di dalam dan di luar bilik darjah | Stolz, (2020) | Komitmen Guru |
| 19 | Menyumbang kepada murid, rakan sejawat | Thien dan | Komitmen |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


| Bil | Ciri-ciri Kepimpinan Guru | Sumber | Berkaitan |
|---|---|---|---|
| | dan komuniti | Razak (2014) | Guru |
| 20 | Mempengaruhi orang lain ke arah amalan pendidikan yang lebih baik | Gareis (2007) | Kompetensi Guru |
| 21 | Menerima tanggungjawab untuk mencapai pelaksanaan kepimpinan guru di sekolah | Goh dan Wong (2014) | Kompetensi Guru |
| 22 | Berperanan sebagai pembimbing dengan memberi bimbingan, tunjuk ajar dan memimpin kumpulan kerja bersama rakan sejawat | Kamboj dan Garg (2021) | Komitmen Guru/ Kecerdasan Emosi Guru |
| 23 | Guru mempunyai tugas yang menjadi teras kepada peningkatan pembelajaran dan pengajaran | Razak et al. (2010) | Komitmen Guru |
| 24 | Kepimpinan guru berfokuskan pedagogi melalui pembangunan pemodelan bentuk pengajaran yang berkesan. | Throop Robinson et al. (2021) | Komitmen Guru |
| 25 | Guru menghayati Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Falsafah Pendidikan Guru, dan dasar negara sebagai asas pendidikan guru di Malaysia | Hannah Aqilah Amran et al. (2019) | Komitmen Guru |
| 26 | Guru dengan cekap menyesuaikan diri (sudah mempunyai kemahiran yang diperlukan) dengan amalan pendidikan, teknologi yang berubah dan persekitaran pembelajaran. | Dabbagh (2003) | Kompetensi Guru |
| 27 | Guru menyesuaikan diri dengan kemajuan pendidikan dan perubahan dalam konteks sekolah, komuniti dan global | Falloon (2020) | Kompetensi Guru |
| 28 | Guru menggunakan refleksi kritis untuk menyelesaikan masalah, membuat keputusan pedagogi dan belajar secara berterusan daripada amalan sendiri. | Trad et al. (2022) | Kecerdasan Emosi Guru |
| 29 | Guru mereka bentuk arahan dan penilaian yang kreatif dan inovatif yang sesuai dengan perkembangan pelajar, gaya pembelajaran dan pengalaman kontekstual. | Barnard et al. (2020) | Kompetensi Guru |
| 30 | Guru mengembangkan tanggungjawab pelajar untuk membentuk pembelajaran mereka sendiri. | Kaendler et al. (2015) | Kompetensi Guru |
| 31 | Guru menggunakan kemahiran interpersonal yang berkesan untuk memupuk perkongsian percaya dengan keluarga dan masyarakat setempat | Conklin (1975) | Kompetensi Guru |
| 32 | Guru boleh membantu untuk mewujudkan budaya kerjasama adalah melalui pemudahcaraan belajar secara berkumpulan. | Denham dan Bassett (2019) | Kecerdasan Emosi Guru/ Kompetensi Guru |
| 33 | Guru telah digambarkan sebagai seorang yang tabah, bijak, berorientasikan tindakan | Tschannen-Moran dan | Kecerdasan Emosi Guru |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


| Bil | Ciri-ciri Kepimpinan Guru | Sumber | Berkaitan |
|---|---|---|---|
| | komited dan bersemangat | Carter (2016) | |
| 34 | Guru mempunyai semangat untuk mencari keberanian dan bertahan dalam menghadapi kesukaran dan halangan | Perry dan Ball (2007) | Kecerdasan Emosi Guru |
| 35 | Guru dapat menimbulkan kepercayaan, bekerja dengan baik bersama rakan sekerja, berkomunikasi dengan berkesan dan menyelesaikan konflik | Hameli dan Ordun (2022) | Kecerdasan Emosi Guru/ Komitmen Guru |
| 36 | Guru mempunyai visi untuk mengenal pasti peluang untuk penambahbaikan atau untuk menyelesaikan masalah dalam sekolah | Struyve et al. (2014) | Komitmen Guru |
| 37 | Emosi yang positif yang dimiliki oleh guru menunjukkan beberapa hasil yang bermanfaat | Goldring et al. (2015) | Kecerdasan Emosi Guru |
| 38 | Berpengetahuan tentang profesion keguruan | Fredriksson dan Öckert (2008) | Kompetensi Guru |

Berdasarkan kepada penelitian terhadap penyataan-penyataan yang dikemukakan melalui tinjauan dan kajian lepas dapatan sorotan literatur, penyelidik menyenaraikan elemen yang kerap dan banyak dinyatakan oleh penyelidik terdahulu sebagai elemen yang mempengaruhi kepimpinan guru di sekolah. Ia merangkumi elemen komitmen guru (ii) kompetensi guru dan (iii) kecerdasan emosi guru.

Ketiga-tiga elemen ini mempunyai model dan teori tersendiri serta penjelasan yang jelas dan terbukti secara saintifik. Penyelidik juga melihat elemen komitmen guru, kompetensi guru dan kecerdasan emosi guru mempunyai hubungan dengan kajian yang melibatkan kepimpinan guru namun dalam pelbagai kajian yang berbeza. Tambahan pula, ketiga-tiga elemen ini sering dikaji dalam kajian yang lain namun belum diuji dalam penilaian kendiri kepimpinan guru. Jadual 2.3 menunjukkan kajian-kajian yang berbeza mengikut elemen komitmen guru, kompetensi guru dan kecerdasan emosi guru.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


**Jadual 2.3**

*Kajian Tiga Elemen yang dikaji dengan Kepimpinan Guru dan Lain-Lain*

| Elemen | Penyelidik | Tajuk |
|---|---|---|
| Komitmen Guru | Ribeiro et al., (2018). | How transformational leadership predicts employees' affective commitment and performance. |
| | Jannah, W., (2014). | Komitmen Guru dalam Melaksanakan Tugas di Sekolah Menengah Atas (SMSA) Kecamatan Rokan IV Koto. |
| | Raman et al., (2015). | Relationship between principals' transformational leadership style and secondary school teachers' commitment. |
| | Meyer et al., (2006). | Social identities and commitments at work; toward an integrative model. |
| | Cherkowski, S. (2012). | Teacher commitment in sustainable learning communities: A new "ancient" story of educational leadership. |
| | Altun, M. (2017). | The Effects of Teacher Commitment on Student Achievement. |
| | Thien et al., (2014). | Validating Teacher Commitment scale using a Malaysian sample. |
| | Celik & Yildiz, (2017) | Commitment to the Teaching Profession. |
| | Park (2005) | Teacher commitment and its effects on student achievement in American high schools. |
| | Liu (2016) | Chinese teachers' perspectives on teachers' commitment to change. |
| | Razak et al., (2009) | Teacher Commitment. |
| Kompetensi Guru | Aprianti & Sahid, (2020) | The relationship between teachers' competency and fourth industrial revolution (4IR) learning among economics teachers. |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


| Elemen | Penyelidik | Tajuk |
|---|---|---|
| | Pantić et al., (2011) | Teacher competence as a basis for teacher education: Comparing views of teachers and teacher educators in Five Western Balkan countries. |
| | Links, (2018) | Beyond competency-based continuing professional development. |
| | Kim et al., (2017) | Building teacher competency for digital content evaluation. |
| | Azuelo et al., (2015) | Science Teachers' Teaching Competencies and Their Training Experience in Classroom Pedagogical Approaches. |
| | Nousiainen et al., (2018) | Teacher competencies in game-based pedagogy. |
| | Leading Educators, (2015) | Teacher Leader Competency Framework. |
| | (SEAMEO Innotech Regional Education Program, 2010) | Teaching Competency Standards in Southeast Asian Countries. |
| | (Ilanlou & Zand, 2011) | Professional competencies of teachers and the qualitative evaluation. |
| | (Brandt et al., 2019) | Becoming a competent teacher in education for sustainable development: Learning outcomes and processes in teacher education. |
| | (Barth et al., 2007) | Developing key competencies for sustainable development in higher education. |
| | (Boak & Coolican, 2001) | Competencies for retail leadership: Accurate, acceptable, affordable. |
| | (Hakim, 2015) | Contribution of Competence Teacher (Pedagogical, Personality, Professional Competence and Social) On the Performance of Learning. |
| | Hollenbeck et al., (2006) | Leadership competency models. |
| | (Chee Yuet, 2017) | Leadership Competencies and Commitment to Change: The |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


| Elemen | Penyelidik | Tajuk |
|---|---|---|
| | | Mediating Effect of Developmental Leadership Behavior. |
| Kecerdasan Emosi Guru | (Asrar-ul-Haq et al., 2017) | Impact of emotional intelligence on teacher′s performance in higher education institutions of Pakistan. |
| | (Mohd Khairuddin et al., 2017) | Kecerdasan emosi dan komitmen guru terhadap organisasi. |
| | (Tench, 2016) | Emotional Intelligence: An Essential Leadership Trait for Educators. |
| | (Idham et al., 2010) | Profil kecerdasan emosi guru pelatih bahasa mengikut tahun pengajian. |
| | (Bardach, 2008) | Leading Schools with Emotional Intelligence: A Study of the Degree of Association Between Middle School Principal Emotional Intelligence and School Success. |
| | Halimah et al., (2016) | Pengaplikasian Kecerdasan Emosi Dalam Pengurusan Sekolah |
| | Chen & Guo, (2020) | Emotional intelligence can make a difference: The impact of principals' emotional intelligence on teaching strategy mediated by instructional leadership |
| | Issah, (2018) | Change Leadership: The Role of Emotional Intelligence |
| | Mullen et al., (2017) | School Counselors' Emotional Intelligence and Its Relationship to Leadership |
| | Petsos & Gorozidis, (2019) | The role of physical education (PE) teachers' Emotional Intelligence in their interpersonal behaviors with their students |
| | Abiodullah & Aslam, (2020) | Emotional Intelligence as a Predictor of Teacher Engagement in Classroom. |
| | Yahya Don, (2014) | Kompetensi Emosi Pemangkin Keberkesanan Amalan Kepimpinan Guru |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Oleh hal yang demikian, penyelidik menyoroti pembentukan tiga elemen yang menyokong kepada ciri-ciri kepimpinan guru di sekolah iaitu komitmen guru dengan merujuk model Komitmen Guru Firestone dan Rosenblum (1988), kompetensi guru dengan berlandaskan Teori Kompetensi Spencer dan Spencer (1993) dan kecerdasan emosi guru didasari oleh Teori Kecerdasan Emosi Goleman (1995) dan sebagai sumber pengetahuan berkaitan tiga elemen utama yang ingin di nilai. Manakala Model Pembangunan Profesionalisme Berterusan dan Teori Kepimpinan Guru dijadikan sebagai garis panduan dalam perincian penyataan prestasi yang dicapai oleh guru.

## 2.4 Instrumen Berkaitan Kepimpinan Guru

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Terdapat beberapa instrumen berkaitan dengan kepimpinan guru yang telah dikenal pasti oleh penyelidik dijadikan sebagai rujukan dan panduan dalam melaksanakan penilaian kepimpinan guru di luar negara. Di antara instrumen penilaian kepimpinan guru yang diperoleh adalah seperti *Teacher Leadership School Survey (TLSS*) (2001), *Teacher Leadership Program Readiness Surveys* (2016), *Teacher Leadership: An Assessment Framework for an Emerging Area of Professional Practice* (2010) dan *Teacher Leader Self-Assessment* (2009 dan 2018). Namun demikian, masih terdapat jurang antara dasar dan pelaksanaan bentuk instrumen penilaian kepimpinan guru seperti ini di Malaysia.

Secara amnya, instrumen berkaitan dengan kepimpinan guru ini memberikan suatu panduan yang jelas tentang penilaian ciri-ciri kepimpinan guru. Penilaian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


kepimpinan guru yang digunakan bukanlah satu dokumen wajib untuk penilaian tetap. Penilaian ini lebih berbentuk penilaian kendiri dalam guru mengenal pasti ciri-ciri kepimpinan guru yang wujud dalam diri mereka. Oleh kerana kajian ini hanya memfokuskan kepada penilaian ciri kepimpinan guru dalam kalangan guru, penyelidik hanya mengupas sebahagian daripada konstruk penilaian kepimpinan guru berdasarkan pelaksanaan kepimpinan guru di sekolah. Selain daripada memperoleh maklumat tentang ciri-ciri kepimpinan guru melalui kajian dan hasil tulisan penyelidik-penyelidik terdahulu seperti yang dinyatakan di atas, terdapat juga maklumat tentang ciri-ciri kepimpinan guru diperolehi daripada instrumen penilaian kepimpinan guru. Kupasan tentang ciri kepimpinan guru yang terkandung di dalam instrumen penilaian adalah seperti di bawah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 2.4.1 *Teacher Leadership School Survey (TLSS*) (2001)

*Teacher Leadership School Survey (TLSS)* (2001) merupakan satu instrumen yang mempunyai ciri-ciri kepimpinan yang didokumentasikan oleh Katzenmeyer dan Moller (2009) dalam buku yang bertajuk *Awakening the Sleeping Giant: Helping Teachers Develop as Leaders.* Hal ini terbukti dengan hasil kajian, bahawa kepimpinan guru mendapat manfaat apabila mereka mempunyai ciri-ciri kepimpinan guru yang digariskan oleh Dimensi Kepimpinan Guru (Katzenmeyer & Moller, 2009) iaitu fokus pembangunan, pengiktirafan, autonomi, keserakanan, penyertaan, komunikasi terbuka dan persekitaran positif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Terdapat kenyataan dalam instrumen ini yang menyentuh tentang ciri-ciri kepimpinan guru di sekolah. Ciri-ciri kepimpinan guru yang digambarkan adalah krpimpinan guru yang berupaya dan sanggup untuk meluangkan masa yang perlu untuk murid selain daripada minat dan bersemangat dalam membantu dan memberi tunjuk ajar kepada murid. Kepimpinan guru juga perlu berkemahiran seperti boleh berkomunikasi dengan berkesan serta mampu menggalakkan, memberi sokongan dan memotivasikan murid dan sentiasa bekerjasama dengan rakan sejawat yang lain. Kepimpinan guru perlu mempunyai kemahiran dan pengetahuan dalam subjek yang di ajar untuk memberi ilmu kepada murid. Ciri-ciri ini akan terhasil apabila kepimpinan guru itu melihat bahawa kepimpinan guru itu merupakan satu yang baik dan bukan dilihat sebagai satu yang memberi bebanan kepada mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan *Teacher Leadership School Survey (TLSS) (2001)* ini juga menyatakan, kepimpinan guru hendaklah membantu murid, sekolah dan rakan sejawat untuk memahami dan mengenal pasti serta membangunkan kecemerlangan murid yang diperlukan oleh sekolah dengan ciri-ciri kepimpinan guru yang ada pada diri guru tersebut. Pengetahuan dalam memberi tunjuk ajar serta mengajar murid perlu dikuasai oleh kepimpinan guru kerana guru mampu untuk memperkaitkan pengetahuan dan kemahiran pedagogi sedia ada kepada murid di dalam kelas dan di luar kelas dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Terdapat peluang-peluang pembelajaran disediakan oleh pemimpin guru kepada murid untuk diterokai dimana murid mampu menguasai sesuatu subjek dengan baik.

Kepimpinan guru juga berperanan sebagai pembimbing merujuk kepada peranan mereka untuk membantu membina jati diri dan keyakinan murid dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


memberikan motivasi dan sokongan kepada mereka. Kepimpinan guru juga memberi bimbingan kepada murid dalam membuat keputusan yang berkaitan dengan sesuatu keputusan, penetapan matlamat, keutamaan dan penjadualan tugas yang diberikan apabila melakukan aktiviti di luar kelas seperti aktivti kokurikulum. Selain itu, khidmat nasihat juga perlu diberikan bagi membantu murid dan rakan sejawat yang menghadapi masalah dalam tugas, konflik dan tekanan semasa di sekolah, membimbing murid untuk terus meningkatkan kecemerlangan, menggalakkan murid untuk meneruskan pendidikan, pembangunan peribadi dan profesional serta meningkatkan kesedaran tentang sumber kerjaya, peluang jaringan yang berkaitan kerjaya masa depan mereka.

Pembinaan instrumen ini turut menyatakan tentang ciri kepimpinan guru yang perlu menjadi contoh dan teladan kepada murid dimana terdapat kenyataaan menyatakan bahawa kepimpinan guru perlu menjadi model peranan kepada murid dengan menujukkan hubungan yang baik dengan murid, rakan sejawat dan sekolah, yakin, saling menghormati dan berusaha untuk melakukan kejayaan di tempat sekolah. Instrumen ini juga digunakan oleh beberapa penyelidik lampau seperti Loh (2008), Noor Azam (2012), Hailan et al. (2013), Norashikin et al. (2015), Strodi (1992), Krisko (2001), Mangin (2007), Villliers (2010), Salazar (2010), Burgess (2011) dan Wills (2015).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 2.4.2 *Teacher Leadership Program Readiness Surveys* (2016)

*Federal Initiatives* mendorong sekolah untuk mengembangkan peranan kepimpinan guru sebahagian daripada *Human Capital Management System* (HCMS) mereka. Walaupun kepimpinan guru berpotensi untuk meningkatkan pengekalan guru yang sangat efektif dan meningkatkan kualiti pengajaran secara keseluruhan yang membawa kepada peningkatan prestasi sekolah. Sastera dan penyelidikan seperti (Danielson, 2006; Katzenmeyer & Moller, 2009; Murphey, 2005; Wenner & Campbell, 2016; York-Barr & Duke, 2004) menunjukkan bahawa peranan kepimpinan guru lebih berjaya jika mengikut beberapa situasi seperti:

a) Budaya sekolah profesional yang menyokong pelaksanaan kepimpinan guru
b) Pandangan yang konsisten dalam kalangan guru dan pentadbir mengenai ciri-ciri kepimpinan guru harus ada dalam diri guru
c) Keperluan guru untuk melaksanakan tugas di luar bilik darjah mereka untuk meningkatkan prestasi sekolah
d) Mempunyai guru berkelayakan dan terlatih yang mencukupi untuk melaksanakan kepimpinan guru serta mempunyai keupayaan ciri-ciri kepimpinan guru yang baik
e) Dana yang banyak untuk membayar kenaikan gaji guru, meliputi masa persaraan, dan memberikan latihan tambahan dalam pelaksanaan kepimpinan guru

Berdasarkan kenyataan yang terdapat dalam *Federal Initiatives*, seperti *Teacher Incentive Fund (TIF),* mereka mendorong sekolah untuk mengembangkan pelaksanaan kepimpinan guru dan menggunakan dana untuk memberi insentif kepada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


guru untuk mengisinya. Sebelum memulakan program pelaksanaan kepimpinan guru, sekolah harus menilai sama ada keadaan semasa mereka sesuai untuk melaksanakan kepimpinan guru atau tidak. Tinjauan kesediaan kepimpinan guru yang dijelaskan oleh dokumen ini menyediakan alat untuk sekolah bagi menilai sama ada syarat yang dicadangkan oleh penyelidikan yang menyokong kepimpinan guru bersesuaian atau sebaliknya.

Di dalam *Teacher Leadership Program Readiness Surveys* (2016), dokumen ini memberikan gambaran keseluruhan tinjauan, termasuk beberapa panduan untuk menyesuaikan, mentadbir dan menilai ciri-ciri kepimpinan guru yang ada pada diri guru tersebut berdasarkan program pelaksanaan kepimpinan guru. Kepimpinan guru adalah guru yang secara langsung berkuasa dan bertanggungjawab dalam memberi ilmu kepada murid. Membangunkan peranan kepimpinan guru berdasarkan strategi peningkatan instruksional dan mengenal pasti tugas-tugas utama yang perlu dilaksanakan oleh sekolah untuk menjelaskan keperluan dan permintaan untuk pelaksanaan kepimpinan guru. Menggunakan ciri-ciri kepimpinan guru untuk melaksanakan tugas di dalam kelas dan tugas di luar kelas menganggap guru adalah kunci untuk meningkatkan sekolah dengan meningkatkan kecekapan prestasi guru, bidang kandungan kurikulum atau kemahiran guru tertentu.

Tinjauan kesediaan pelaksanaan kepimpinan guru mencerminkan bahawa guru perlu mempunyai ciri-ciri kepimpinan guru. Oleh itu Teacher *Leadership Program Readiness Surveys (2016) telah* menyediakan satu garis panduan dalam menghasilkan ciri-ciri kepimpinan guru merangkumi beberapa aspek seperti domain meliputi budaya sekolah, tugasan dalam pelaksanaan kepimpinan guru, permintaan dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


pelaksanaan kepimpinan guru, kesediaan guru dalam pelaksanaan kepimpinan guru, dasar dan peraturan dan keadaan fiskal.

*Teacher Leadership Program Readiness Surveys* (2016) memberi garis panduan berkaitan kepimpinan guru yang relevan mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi kepimpinan guru. Seperti mana-mana tinjauan, garis panduan berkaitan kepimpinan guru yang mereka berikan bergantung pada kadar tindak balas dan kejujuran dengan mana responden menjawab soalan dalam instrumen yang diberikan. Usaha harus dilakukan untuk memaksimumkan kadar tindak balas yang jujur dengan menyampaikan kepentingan penilaian dan tujuan kepada guru dan memberi masa kepada guru pada waktu sekolah atau pada pertemuan yang dijadualkan secara berkala untuk bertindak balas terhadap instrumen yang diberikan bagi melihat keberkesanan program pelaksanaan kepimpinan guru.

### 2.4.3 *Teacher Leadership: An Assessment Framework for an Emerging Area of Professional Practice* (2010)

*Teacher Leadership: An Assessment Framework for an Emerging Area of Professional Practice* (2010) untuk menjadi panduan guru di sekolah dalam pelaksanaan kepimpinan guru sebagai kemunculan kategori baru untuk profesional guru. Kemunculan kategori profesional baru ini boleh menyebabkan tahap pengekalan konsep yang mengambil masa yang lama dan peningkatan pengetahuan dalam profesion keguruan. Pelbagai dimensi utama dalam area profesion keguruan, memungkinkan penilaian ini menyoroti beberapa kemahiran ciri-ciri peribadi yang utama muncul sebagai syarat untuk menjadi kepimpinan guru. Agenda untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


mengembangkan dan mengesahkan penilaian guru terhadap pelaksanaan kepimpinan guru ini dilakukan. Dikatakan bahawa penilaian ini berpotensi untuk mengesahkan penyelidikan dalam bidang kepimpinan guru, serta memberi peluang untuk lebih memahami apa yang diperlukan untuk menjadi guru yang profesional dalam profesion keguruan.

Berdasarkan maklumat yang terdapat dalam buku penilaian *Teacher Leadership: An Assessment Framework for an Emerging Area of Professional Practice* (2010) tersebut terdapat 8 standard iaitu:

Standard 1: Kepimpinan guru dapat menerapkan strategi pembelajaran orang dewasa dalam aktiviti kepimpinan guru.

Standard 2: Kepimpinan guru dapat memajukan kemahiran profesional rakan sekerja dengan menunjukkan dan mengaplikasikan kepakaran dalam kemahiran pemerhatian dan dalam memberikan maklum balas yang berkualiti untuk menyokong amalan reflektif yang difokuskan pada peningkatan kurikulum, pengajaran dan penilaian.

Standard 3: Kepimpinan guru dapat meningkatkan kualiti kerjasama rakan sekerja dan interaksi dengan keluarga dan pihak berkepentingan yang lain.

Standard 4: Kepimpinan guru dapat memulakan dan memudahkan kolaboratif bersama rakan sekerja dan pelaksanaan kajian tindakan dan analisis data untuk membuat keputusan secara individu dan kumpulan.

Standard 5: Kepimpinan guru dapat mengembangkan dan menyokong pasukan kolaboratif dan meningkatkan interaksi bersama rakan sejawat yang meningkatkan keberkesanan latihan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Standard 6: Kepimpinan guru dapat mengenal pasti dan menilai peluang untuk penambahbaikan dalam pendidikan dan menyokong secara berkesan untuk mereka di dalam dan di luar komuniti sekolah.

Standard 7: Kepimpinan guru dapat memberi maklumat dan memudahkan pemilihan kumpulan kerja bagi rakan sejawat, menggunakan pelbagai penilaian bersama dengan membuat keputusan berdasarkan maklumat yang meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran murid.

Standard 8: Kepimpinan guru dapat memberi maklumat dan memudahkan kumpulan kerja bagi rakan sejawat dan pelaksanaan pembangunan profesional yang koheren, bersepadu dan berbeza berdasarkan murid yang dinilai dan keperluan guru.

Walaupun mungkin senarai standard ini tidak lengkap, namun penilaian yang mengikuti asas dimensi ini adalah berdasarkan dimensi yang dicadangkan oleh *Research and Development and Higher Education and School Assessment Divisions of ETS*. Sebagai cadangan, terdapai pelbagai dimensi lain yang boleh ditambah. Sebagai contoh, tidak disebutkan konteks penilaian psikologi kecerdasan emosi. Maksudnya, apakah semua kepimpinan guru berfikir, merasa dan berperilaku seperti yang mereka lakukan dalam situasi kehidupan nyata? Tekanan kehadiran tugas, konteks fizikal dan keaslian konteks sosial. Namun, penilaian ini masih menilai kepimpinan guru di sekolah yang boleh ditakrifkan sebagai seorang yang membantu murid dan rakan sejawat untuk belajar daripada amalan kerja mereka dalam konteks pengalaman pembelajaran berasaskan kerja. Takrifan ini selaras dengan kajian ini di mana ia juga boleh dinyatakan juga sebagai penilaian ciri-ciri kepimpinan guru di sekolah dalam membantu diri guru itu sendiri dalam mengenal pasti ciri-ciri kepimpinan guru.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 2.4.4 *Teacher Leader Self-Assessment* (2009 dan 2018)

*The Center for Strengthening the Teaching Profession* (CSTP) menyokong pencapaian murid melalui fokus pada kecemerlangan pengajaran guru. *The Center for Strengthening the Teaching Profession* tidak percaya bahawa pengajaran yang baik berlaku secara tidak sengaja, tetapi pengajaran berkualiti tinggi berlaku apabila terdapat sistem yang kuat dan profesion yang kuat yang menyokong guru. *The Center for Strengthening the Teaching Profession* (CSTP) adalah organisasi di Washington yang unik, inovatif dan bebas yang membantu membina kekuatan pengajaran yang kuat, disokong dan berkesan untuk murid di Washington. Sejak tahun 2003, *The Center for Strengthening the Teaching Profession* (CSTP) terus mempromosikan dasar dan amalan tempatan untuk membantu pendidik profesional yang maju memberi kesan positif kepada pembelajaran murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan *Teacher Leader Self-Assessment* (2009 dan 2018) menyatakan bahawa pemimpin guru bagi murid sekolah di Washington yang melaksanakan kepimpinan guru memerlukan kumpulan guru yang berpengalaman dan berbakat bagi menyumbang kepada perbincangan dasar berdasarkan kepakaran instruksional dan komitmen mereka kepada murid. Dalam penilaian instrumen ini, terdapat enam konstruk menilai ciri kepimpinan guru seperti (i) bekerjasama dengan rakan sejawat (ii) mempunyai komunikasi yang baik (iii) bekerja dalam kumpulan (iv) mengetahui tentang kurikulum dan struktur pedagogi yang dilaksanakan (v) membuat keputusan dan (vi) berfokus.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Dokumen penilaian diri pemimpin guru yang dikenali sebagai *Teacher Leader Self-Assessment* (2009 dan 2018) ini telah dihasilkan oleh *The Center for Strengthening the Teaching Profession* (CSTP) untuk digunakan sebagai penilaian diri dalam pelaksanaan kepimpinan guru. Menurut apa yang dinyatakan di dalam penilaian diri pemimpin guru tersebut menyatakan elemen yang menekankan bahawa pemimpin guru di sekolah merupakan pekerja mahir yang bertanggungjawab terhadap pembelajaran murid di sekolah. Peranan pemimpin guru adalah untuk membimbing murid bukan sahaja memperoleh kemahiran yang diperlukan pada tahap yang optimum dalam bidang yang dipilih, namun mereka juga membantu murid memahami dinamik dan peraturan-peraturan yang bertulis atau tidak bertulis di sekolah. Menjadi seorang pemimpin guru memberikan murid tersebut peluang baru untuk menyahut cabaran dan menunjukkan kebolehannya kepada masa akan datang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 2.4.5 Rumusan Instrumen Berkaitan Kepimpinan Guru

Kebanyakan penyelidik atau pengubal instrumen menghasilkan konstruk adalah berdasarkan model yang dirujuk melalui penyelidik terdahulu atau berdasarkan kupasan literatur yang selari dengan isu yang dikaji. Tambahan pula kajian yang dilakukan mengikut budaya sekolah di negara luar negara masing-masing. Selain itu, konstruk yang diukur juga mengikut polisi dan dasar di negara tersebut. Terdapat juga instrumen yang dibangunkan dan disahkan dengan hanya melihat dari aspek kebolehpercayaan melalui nilai Alpha Cronbach, namun faktor-faktor yang digunakan untuk menghasilkan item adalah faktor yang boleh dipercayai dan telah disahkan melalui kajian empirikal oleh penyelidik terdahulu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Bersangkutan dengan hal di atas, penyelidik Jadual 2.4 menunjukkan ringkasan elemen yang dikaji dalam soal selidik penilaian kendiri kepimpinan guru seperti yang terdapat dalam Jadual 2.4.

**Jadual 2.4**

*Elemen yang diuji dalam Penilaian Kepimpinan Guru melalui Soal Selidik*

| Soal Selidik | Konstruk yang dikenalpasti |
|---|---|
| *Teacher Leadership School Survey (TLSS*) (2001) | 1. Development focus (fokus perkembangan)<br>2. Recognition (pengiktirafan)<br>3. Autonomy (autonomi)<br>4. Collegiality (bekerjasama)<br>5. Participation (penyertaan)<br>6. Open Communication (komunikasi terbuka)<br>7. Positive Environment (persekitaran positif) |
| *Teacher Leadership: An Assessment Framework for an Emerging Area of Professional Practice* (2010) | 1. Work Ethic<br>2. Teamwork<br>3. Leadership<br>4. Openness<br>5. Vision<br>6. Positive Affect<br>7. Risk Taking<br>8. Teaching Related Skills |
| *Teacher Leadership Program Readiness Surveys* (2016) (Teacher Version) | 1. School Culture<br>2. Teacher Leadership Work<br>3. Teacher Leadership Demand<br>4. Teacher Leadership Supply |
| *Teacher Leader Self-Assessment* (2009 dan 2018). | 1. Working with Adult Learners<br>2. Communication<br>3. Collaboration<br>4. Knowledge of Content and Pedagogy<br>5. System Thinking<br>6. Equity Lens |
| *Six Guiding Principles (NRGS Project 4: Teacher Leadership)* | 1. Leading by Facilitating Improvements in Instructions and Students Learning<br>2. Leading Through Modelling<br>3. Leading Through Organizational Development (management, administration, leadership skill)<br>4. Leading Through Collaborate Culture<br>5. Leading Through Partnership with The Community<br>6. Leading Through Exemplary Contribution |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Melalui penyaringan dapatan analisis soal selidik penilaian kendiri kepimpinan guru di atas, mendapati penilaian kendiri ini adalah salah satu cara yang paling mudah dan efektif untuk menilai kemahiran, sikap dan pengetahuan dalam kepimpinan guru dengan meminta guru tersebut melaporkan sendiri ciri-ciri yang dikenalpasti dalam kepimpinan guru. Penilaian kendiri ini boleh dilakukan dengan beberapa cara, tetapi paling kerap dinilai ialah dengan item yang mempunyai skala likert. Dalam soal selidik yang digunakan untuk penilaian ini, kesemuanya mempunyai item dan skala jenis likert. Guru akan bertindak balas dengan menjawab kepada pernyataan yang berkaitan mengikut konstruk yang ingin di ukur oleh penyelidik.

Daripada penerangan di atas jelas menunjukkan kepimpinan guru ini mempunyai ciri-ciri yang meluas untuk guru mengenal pasti bahawa mereka terlibat dalam kepimpinan guru. Ciri-ciri kepimpinan guru yang boleh dikenal pasti oleh guru menentukan elemen asas seorang guru yang mempunyai kepimpinan guru. Selain itu, ia dapat mengenal pasti guru yang sangat berkesan seperti kreatif, cekap, fleksibel, bersedia untuk mengambil risiko yang bertanggungjawab, mempunyai kebaikan rasa intrapersonal dan kemahiran interpersonal yang kuat.

Menggunakan soal selidik penilaian kendiri ini mampu memberi peluang kepada guru dan juga pentadbir untuk mengenal pasti potensi yang ada pada seseorang individu untuk melaksanakan tanggungjawab kepimpinan guru di sekolah. Guru yang menunjukkan kekuatan dalam penilaian kepimpinan guru ialah calon pilihan untuk mengambil bahagian dalam kepimpinan guru di sekolah untuk memulakan perubahan secara berkesan dalam komuniti pembelajaran profesional.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Walaubagaimanapun, tidak terdapat instrumen yang dibangunkan yang berkaitan dengan pembangunan instrumen bagi menilai ciri-ciri kepimpinan guru dalam tiga elemen iaitu komitmen guru, kompetensi guru dan kecerdasan emosi guru yang dijumpai dalam literatur. Kajian literatur yang dilakukan penyelidik juga mendapati masih tidak terdapat instrumen penilaian ciri kepimpinan guru yang dianalisis dengan menggunakan model pengukuran Rasch bagi menentukan item yang dihasilkan mempunyai kebolehpercayaan dan kesahan yang boleh diterima. Oleh itu kajian ini adalah signifikan bagi memenuhi lompang-lompang yang terdapat dalam kajian terdahulu.

## 2.5 Komitmen Guru

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Komitmen ditakrifkan sebagai kehebatan dan kekuatan seseorang pekerja dalam melibatkan diri dalam mencari kesesuaian terhadap organisasi tempat berkhidmat (Manla, 2021). Komitmen adalah perkataan biasa yang digunakan dengan banyak definisi terhadap individu mengikut konteks yang berbeza. Komitmen adalah elemen terpenting bagi seseorang individu untuk menanamkan semangat komitmen dan keinginan untuk menyumbang dan memberikan sumbangan yang lebih besar kepada organisasi. Seorang pekerja yang berkesan tahu bagaimana menyalurkan tenaga komitmen yang kuat dengan cara dapat memenuhi keperluan dan kepuasan diri menjadi seorang pekerja yang berkualiti.

Dalam konteks pendidikan pula, sememangnya guru memainkan peranan penting dalam mendidik anak bangsa demi kemenjadian murid pada masa hadapan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


melalui tanggungjawab guru di sekolah. Maksudnya di sini, peranan ini juga harus dipertanggungjawabkan kepada guru pra perkhidmatan yang masih menuntut Institut Pendidikan Guru (IPG), Institut Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) atau Institut Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) agar diharapkan dapat menjadi satu anjakan paragdima yang baharu untuk menjadikan guru pra perkhidmatan mempunyai komitmen yang kuat, berpandangan positif dan kesabaran yang tinggi dalam menghadapi karenah murid, ibu bapa dan masyarakat apabila menjadi guru kelak (Orland-Barak & Wang, 2021).

Malah diharapkan juga, guru pra perkhidmatan ini menjadi guru yang sentiasa menjalankan tugasan dengan komitmen yang utuh dan mempunyai target yang ditetapkan. Guru yang berkesan juga berkomitmen terhadap sesuatu tingkah laku, hasil pengajaran, sekolah dan pengetahuan pedagogi selain lauan kerjaya dan profesion keguruan mereka sendiri. Kenyataan ini di sokong oleh Cansoy et al. (2022) bahawa guru yang komitmen sentiasa menggunakan pelbagai cara dalam pengajaran dan pembelajaran dengan menggunakan pengalaman sedia ada, bahan bantu mengajar yang sesuai mengikut tahap pengetahuan murid bagi mencapai sasaran kognitif dan objektif pengajaran.

Pada hakikatnya, komitmen guru dalam pengajaran dan pembelajaran dan aspek yang berkaitan termasuk ciri-ciri guru yang komited. Guru yang komited dicirikan oleh empat tahap kualiti iaitu mempunyai keinginan untuk menjadi guru yang baik, menjadi sumber yang lebih banyak fakta, mengenali dan menerima nilai individu dan memenuhi tanggungjawab profesional. Oleh itu, guru yang komited perlu bersedia, mempertahankan komitmen dan meningkatkan prestasi mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Tambahan lagi, guru perlu menyedari pentingnya komitmen dalam pelbagai aspek terutama (PdPc) dalam menerapkan pendekatan pembelajaran yang berbeza dalam merancang arahan sesuai dengan kekuatan, bakat dan kebolehan pelajar yang pelbagai di daerah dan konteks pembelajaran global.

Jika disingkapkan melalui komitmen guru melalui transformasi baharu dalam Program Transformasi Sekolah 2025 (TS25), guru-guru hendaklah mengaplikasikan amalan terbaik dalam pelaksanaan pengurusan dan kepimpinan serta pedagogi dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) selari dengan hasrat yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Dengan kata lain, setiap guru perlu menjadi mentor kepada guru yang lain bagi menyokong guru yang berada di bawah seliaan mereka mewujudkan suasana pembelajaran dan pembangunan kendiri dengan cara pemerhatian ketika mentor melakukan pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) serta mentor dapat membantu guru di bawah seliaan mereka benar-benar memberi komitmen, membangun dan bergerak ke depan bagi pembangunan diri dan seterusnya organisasi. Hal ini sangat jelas, menunjukkan pelaksanaan kepimpinan guru disekolah kerana menyamai dengan dimensi keserakanan dalam kepimpinan guru.

Namun begitu, komitmen guru ini juga jelas diperlukan kerana guru sememangnya seorang pemimpin yang terlibat dengan semua apresiasi yang digubal oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Selain itu, dalam Pembangunan Profesionalisme Berterusan (PPB) guru juga sangat memerlukan komitmen agar guru dapat membangunkan kepakaran dalaman melalui latihan komprehensif membina persekitaran yang mengutamakan kemenjadian murid serta melaksanakan tugas

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


dengan cekap dan berkesan dalam pelbagai peringkat kerjaya. Sehubungan dengan itu, matlamat-matlamat yang ingin di capai ini memerlukan komitmen yang tinggi terutama dalam program yang terbaru di mana antara usaha Kementerian Pendidikan Malaysia memfokuskan aspek kemenjadian murid dan sekolah yang berkualiti tinggi iaitu Program Transformasi Sekolah 2025 (TS25).

Jika dilihat daripada konteks yang berbeza, dalam kajian Mohd Khairuddin Abdullah et al. (2017) yang menjalankan kajian berkaitan penilaian dalam konstruk komitmen guru terhadap prestasi kerja guru menyimpulkan bahawa komitmen guru perlu dipandang serius kerana perlunya komitmen yang tinggi dalam kalangan guru bagi meningkatkan kepimpinan guru dan motivasi secara profesionalisme dan mencapai transformasi perubahan seiring dengan kehendak arus perubahan dalam pendidikan masa kini. Tambahan lagi, keaktifan seseorang guru di sekolah dapat dilihat apabila mereka mempunyai komitmen yang tinggi terhadap sesuatu tugasan yang diberikan selain daripada tugasan wajib iaitu mengajar dan mereka juga dapat meninggalkan kesan positif kepada murid terutamanya dan sekolah.

Tyree Jr (1996) menyatakan komitmen guru juga meupakan Multidimensi Komitmen Guru kerana penekanan multidimensi yang wujud dalam komitmen guru menjadikan komitmen guru itu terbahagi kepada satu dimensi atau lebih dimensi. Guru mungkin mempunyai beberapa bentuk komitmen yang berkaitan dengan kekuatan elemen psikologi atau mengenal pasti fokus komitmen. Fokus komitmen ini merujuk kepada sekolah, murid, profesion keguruan dan pengajaran dan pembelajaran murid (Cohen, 2000; Firestone & Pennell, 1993; Somech & Bogler, 2002).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Sehubungan dengan itu, kajian yang dijalankan oleh penyelidik ini tidak hanya memfokuskan tentang teori komitmen guru pada sahaja, malah meliputi komitmen guru dan dimensi atau teori dan model berkaitan komitmen guru yang telah dibincangkan oleh penyelidik-penyelidik sebelum ini serta kesinambungan dengan hubungan dengan kepimpinan guru dan tahap komitmen guru serta perkembangan dan pembugaran tahap komitmen guru yang tinggi dalam kalangan guru. Secara imperatif, banyak pandangan menyatakan minat untuk melakukan kajian tentang konstruk komitmen guru. Walau bagaimanapun, kajian sebelum ini mengenai komitmen guru didapati banyak dilakukan di negara Barat (Dumay & Galand, 2012; Louis, 1998; Somech & Bogler, 2002). Oleh hal yang demikian, penyelidik ingin menilai elemen komitmen guru menjadi salah satu ciri-ciri kepimpinan guru dengan membina IPKGM .

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 2.5.1 Komitmen Guru Firestone dan Rosenblum (1988)

Komitmen Guru Firestone dan Rosenblum (1988) muncul apabila kedua-dua penyelidik membina kerangka konsep untuk memahami komitmen guru di sekolah. Kajian yang mendapat tajaan daripada *Educational Reseach and Improvement (OERI), Department of Education.* Firestone dan Rosenblum (1988) berhujah tentang komitmen guru merupakan salah satu kunci kejayaan dan keberhasilan sekolah dalam meningkatkan pencapaian murid. Kushman (1992) juga menganggap komitmen guru dianggap sebagai salah satu budaya sekolah yang ditunjukkan dalam proses pengajaran guru terhadap murid sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Pengaruh guru terhadap hasil pencapaian murid terbukti melalui pelbagai sorotan literatur. Guru didapati menjadi faktor yang berpengaruh terhadap pencapaian murid dalam pelaksanaan dasar pendidikan Thien et al. (2021). Firestone dan Rosenblum mengkaji berkaitan dengan permasalahan yang timbul berkaitan guru yang mengajar di sekolah kerana bukanlah satu tugas yang mudah. Guru perlu menghadapi secara berterusan perubahan keperluan pendidikan seperti pedagogi, kurikulum dan peraturan pendidikan. Sehubungan dengan ini, guru menghadapi cabaran dengan permintaan pengetahuan yang lebih tinggi dan kemahiran menangani murid dari pelbagai latar belakang dan kebolehan, tahap motivasi yang berbeza dan tingkah laku murid yang sukar untuk dikenali.

Seperti yang dinyatakan oleh Owan et al. (2022), guru yang cekal dan yang menyumbang kepada peningkatan sekolah berperanan dalam memberi harapan baharu kepada kecemerlangan organisasi atau sekolah serta menjadikan guru sebagai pelaksana kosep kepimpinan guru dan kepentingannya terhadap pembaharuan sekolah yang telah direalisasikan secara terbuka sejak awal abad ke-20. Pentingnya kepimpinan guru dalam menjana dan mengekalkan peningkatan sekolah dan perubahan sekolah seiring dengan komitmen guru dalam meingkatkan prestasi sekolah. Ini memberi gambaran bahawa guru yang mempunyai kepimpinan guru mampu memberi komitmen yang baik untuk murid dan sekolah juga pada masa yang sama mereka berada dalam profesion keguruan di mana keperluan untuk mereka mempunyai komitmen guru semakin berkembang.

Untuk membuat persediaan bagi kejayaan murid untuk berjaya, sekolah mesti menggunakan pendekatan baru terhadap guru. Guru mesti mengembangkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


kemampuan mereka sendiri dan memikul peranan kepimpinan guru yang lebih besar. Firestone dan Rosenblum berhujah bahawa guru dan murid sentiasa menghabiskan masa bersama untuk mempengaruhi antara satu sama lain. Hasilnya Firestone dan Rosenblum merumuskan dimensi komitmen guru sebagai konstruk multidimensi dengan empat dimensinya iaitu komitmen guru terhadap profesion, komitmen guru terhadap sekolah, komitmen guru terhadap pengajaran dan pembelajaran dan komitmen guru terhadap murid (Thien et al., 2014).

Hasil kajian Gordon (2018) yang bertajuk *Leadership's Role in Teachers' Commitment and Retention: A Case Study Analysis* menunjukkan hubungan antara peranan kepimpinan guru dalam komitmen guru menunjukkan usaha guru dalam profesion keguruan yang lebih besar, lebih banyak penglibatan dan cenderung berkorban untuk murid dan sekolah. Untuk meningkatkan ciri kepimpinan guru yang memberi inspirasi, para guru harus memahami bagaimana cara untuk menjadi kepimpinan guru untuk terus komited terhadap sekolah dan profesion keguruan. Dalam hal ini juga, pihak pentadbiran harus menyesuaikan pendekatan mereka untuk menyokong dan mendorong guru untuk tetap berada di sekolah bagi melaksanakan tugasan dengan terus dedikasi.

Lain daripada itu, guru sentiasa ingin menyumbang secara berlebihan di sekolah kerana guru mempunyai status yang tinggi di sekolah selaras dengan komitmen guru Zhang et al. (2021). Ini termasuklah sumbangan wang ringgit, tenaga kerja, tempoh masa bekerja di sekolah dan di luar tugas pengajaran dan pembelajaran terhadap murid. Meyer dan Allen (1997) menjelaskan bahawa komitmen guru dalam sekolah dibentuk oleh ciri-ciri ketetapan organisasi atau sekolah. Istilah komitmen

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


dalam bidang pendidikan didefinisikan sebagai reaksi emosional dan afektif guru terhadap profesion keguruan (Collie et al., 2011). Manakala takrifan oleh Ware dan Kitsantas (2007) menyatakan komitmen guru merupakan lambang kepatuhan dan ketaatan guru kepada sekolah, nilai dan etika kerja dan profesion.

Selain itu, komitmen guru terhadap sekolah sebagai tonggak utama dalam menentukan kejayaan sesebuah sistem pendidikan sesebuah negara kerana guru adalah kumpulan pelaksana setiap dasar pendidikan yang telah digubal (Ibrahim & Aljneibi, 2022). Komitmen juga dapat memberi persepsi awal tentang penerimaan guru terhadap sekolah melalui tingkah laku yang menjurus kepada peningkatan dalam pegajaran dan pencapaian kepada murid (Meyer & Allen 1997). Ini dapat di buktikan dengan laporan Pencapaian keseluruhan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bagi tahun 2022 di seluruh negara yang diumumkan lebih baik berbanding tahun sebelumnya, dengan Gred Purata Nasional yang dicatat adalah 4.74 berbanding 4.86 (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2023).

Kontradiksinya, KPM terus komited untuk mentransformasikan sistem pendidikan bagi melengkapkan sumber manusia dengan pengetahuan dan kemahiran abad ke-21 supaya dapat menjadi pesaing global yang terbaik dan memastikan PPPM 2013-2025 dapat dicapai (Laporan Tahunan Kementerian Pendidikan Malaysia 2015). Dengan keadaan sedemikian, seluruh institusi pendidikan terutamanya sekolah, memerlukan guru yang mempunyai komitmen dalam sistem pendidikan yang memfokuskan kepada pengajaran dan pembelajaran bagi memastikan peningkatan pencapaian murid dan peningkatan prestasi sekolah di mana dapat memberi imej yang baik kepada ibu bapa, dan masyarakat. Aktiviti pengajaran berkesan yang dilakukan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


di dalam bilik darjah menjadi pendorong serta asas kepada perkembangan kepimpinan guru adalah antara sumbangan yang dapat di berikan kepada guru yang mempunyai komitmen yang tinggi (A. Harris, 2015). Kenyataan ini membuktikan bahawa aktiviti pengajaran, pembelajaran, komitmen guru dan kepimpinan adalah saling berkait rapat dalam mempraktikkan kepimpinan guru.

### 2.5.2 Elemen Komitmen Guru

Komitmen Guru dalam IPKGM berdasarkan sorotan kajian yang dilakukan oleh penyelidik Louis et al. (1994), N.Ovando (1994) Matthew Sheridan Lester (2014) dan Thien et al. (2014). Komitmen Guru ini dijadikan sebagai elemen penilaian yang dilakukan untuk mengukur tahap pencapaian atau penguasaan guru dalam kepimpinan guru.

Penjelasan tentang Komitmen Guru ini melalui kajian lepas seperti Firestone dan Rosenblum (1988), Katzenmeyer dan Moller (2011) dan Yuet (2017) berhujah bahawa kepimpinan guru yang berkesan berkomitmen terhadap sesuatu tingkah laku, perkara, hasil pengajaran, sekolah, pengetahuan pedagogi, laluan kerjaya dan profesion keguruan mereka sendiri. Oleh itu, komitmen sangat penting kepada guru terutama untuk meningkatkan motivasi bagi menangani pelbagai perubahan yang menuntut permintaan yang tinggi dalam profesion keguruan. Selain itu, komitmen guru juga mempunyai hubungan dengan pencapaian murid. Dalam bidang pendidikan, prestasi sekolah sebagai sebuah organisasi pendidikan sangat bergantung kepada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


komitmen guru sebagai pendidik dan pengetua serta guru besar sebagai pengurus dan pentadbir.

Dalam elemen komitmen guru terdapat dalam IPKGM, ia merangkumi empat sub elemen Firestone dan Rosenblum (1988) iaitu komitmen guru terhadap profesion, komitmen guru terhadap sekolah, komitmen guru terhadap pengajaran dan pembelajaran dan komitmen guru terhadap murid akan diterangkan secara terperinci dalam bab 4.

#### 2.5.2.1 Komitmen Guru terhadap Profesion

Irving et al. (1997) menyatakan komitmen guru terhadap profesion adalah satu tahap kualiti yang mewujudkan peluang struktur kerjaya untuk menjadikan seorang guru lebih profesion dan berkualiti dalam menentukan tahap kecekapan guru dengan sentiasa memajukan diri dengan menyertai program untuk pembangunan profesionalisme berterusan. Sementara itu, Collie et al. (2012), Gindi et al. (2020) Masry-Herzallah dan Da'as (2020) menegaskan bahawa komitmen guru terhadap profesion penting dalam meningkatkan prestasi guru. Dalam PIPPK (2014) juga mengariskan komitmen guru terhadap profesion dapat memberi kepercayaan kepada masyarakat dan masyarakat akan mengiktiraf profesion seorang guru.

Sehubungan itu, komitmen guru terhadap profesion menjadi lebih berkesan apabila guru membina kerjaya dalam bidang perguruan dan memahami keperluan profesion dalam bidang pendidikan. Tidak ada syarat yang lebih besar untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


cemerlang dalam profesion keguruan melainkan mempunyai jiwa pendidik yang mendalam. Tetapi tidak dinafikan, seorang guru memerlukan kelayakan yang tepat untuk meneruskan kerjaya dalam profesion keguruan agar dapat mengekalkan profesionalisme guru ke arah yang lebih cemerlang dan menuntut komitmen guru agar terus menjaga mutu dalam bidang pendidikan.

#### 2.5.2.2 Komitmen Guru terhadap Sekolah

Sekolah merupakan sebuah organisasi yang penting dalam masyarakat dan juga sebuah entiti yang diberi amanah dan tanggungjawab yang berat (Meyer et al., 2019). Peraturan-peraturan diwujudkan di sekolah bertujuan untuk memastikan semuanya dapat beroperasi dengan baik, lancar, terkawal dan teratur. Sekolah dianggap sebagai sebuah organisasi kerana ia mempunyai matlamat, anggota, peraturan dan tanggungjawab yang cukup penting dalam membangunkan individu (Altun, 2017). Oleh hal demikian, komitmen guru adalah kekuatan dalaman yang mendorong para guru menghabiskan lebih banyak masa dan tenaga dalam menjaga penglibatan di sekolah. Guru yang mempunyai komitmen yang tinggi akan lebih setia kepada sekolah tempat mereka bekerja. Begitu juga, guru yang mempunyai komitmen yang tinggi akan menyumbang pencapaian murid dengan berkesan.

Sebagai lanjutan kepada perkara di atas, komitmen guru terhadap sekolah menunjukkan guru yang bertanggungjawab dalam kepimpinan guru. Ia juga amatlah penting kerana menerusi kepimpinan guru ia dapat mencemerlangkan serta memajukan tahap perubahan di sekolah. Perkara ini dipersetujui oleh Inegbedion et al.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


(2020) dan Shah dan Abualrob (2012) bahawa komitmen di kalangan pendidik di sekolah dianggap sebagai elemen penting dalam organisasi yang berjaya dan berkesan bagi memajukan sekolah.

#### 2.5.2.3 Komitmen Guru terhadap Pengajaran dan Pembelajaran

Tujuan utama pengajaran dan pembelajaran adalah untuk memperoleh dan meningkatkan pengetahuan yang diperoleh. Pengetahuan relevan untuk perkembangan diri murid serta meningkatkan hubungan dua hala antara guru dan murid dalam mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran murid. Pencapaian objektif pengajaran dan pembelajaran murid adalah eksploitasi sumber yang digunakan oleh guru dalam pelbagai kaedah untuk memastikan pengajaran dan pembelajaran murid tercapai (Curtis et al., 2020).

Bertitik tolak daripada kenyataan di atas, kepimpinan guru mempunyai komitmen untuk membantu orang lain mencapai potensi mereka. Dengan tujuan menyeluruh untuk meningkatkan persekitaran pengajaran dan pembelajaran, guru perlu berkemahiran mengajar, mendidik dan mengembangkan ilmu, malah mempunyai pengetahuan yang mendalam dalam bidang mereka. Liebech-Lien, (2021) menyatakan bahawa dalam abad ke-21 ini, guru berupaya menjadi sumber pengetahuan dan merangsang proses pengetahuan bukan sahaja dalam kelompok murid malah dalam komuniti sekitarnya. Oleh hal yang demikian, kepimpinan guru tidak dapat dipisahkan dengan penjanaan komitmen guru dalam pengetahuan sehingga meningkatkan integriti sebagai asas membina bukan sahaja kepada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


pengajaran dan pembelajaran murid, malah untuk masyarakat pengetahuan abad ke-21.

#### 2.5.2.4 Komitmen Guru terhadap Murid

Komitmen guru terhadap murid memainkan peranan penting dalam membangunkan hubungan antara guru dan murid sehingga mereka merasa menjadi sebahagian dari komuniti profesional dan memperoleh kepuasan diri dari pekerjaan mereka Chaudhuri et al. (2022). Hubungan yang terjalin antara guru dan murid adalah hubungan yang sangat bermakna, hormat-menghormati dan bermanfaat. Seorang guru sentiasa memberi layanan yang baik kepada murid bukanlah suatu kewajipan seorang guru tetapi bagi menjaga profesion guru dan hubungan yang baik antara guru dan murid.

Bui (2022) menjelaskan hubungan yang baik antara guru dan murid dapat menjalinkan kerjasama untuk meningkatkan kecemerlangan murid. Sekiranya tujuan utama guru sebagai pendidik adalah pencapaian murid, fikirkan kerjasama guru dan murid sebagai perjalanan atau cara ketika guru dan murid berinteraksi untuk bertukar idea, membincangkan pembelajaran bersama murid dan bekerjasama untuk aktiviti bersama. Dengan cara inilah guru dan murid dapat bersama-sama membuat dan meningkatkan pengajaran guru dan menjadikan pembelajaran murid lebih bermakna dan berkesan serta berkualiti.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## 2.6 Kompetensi Guru

Definisi kompetensi telah teliti dari pelbagai aspek dan pandangan yang berbeza. Konsep asas kompetensi ini digunakan dalam bidang pendidikan untuk menerangkan tingkahlaku tenaga pengajar (Levine & Patrick 2019). Sungguhpun begitu, kompetensi ini semakin meluas digunakan dalam bidang pengurusan melalui kerja dan tugas yang dilakukan. Namun, kompetesi ini tidak dikuasai oleh sesuatu kumpulan yang tertentu. Penggunaan definisi kompetensi ini mempunyai takrifan yang tersendiri berdasarkan beberapa pandangan. J. G. Burgoyne (1993) menjelaskan, konsep kompetensi ini boleh dirujuk dengan beberapa pandangan mengikut cabang ilmu seperti:

a) Ahli psikologi menakrifkan kompetensi digunakan bagi menilai keupayaan diri seseorang dan pemantauan prestasi individu.

b) Ahli pengurusan menjelaskan konsep kompetensi ini melalui pencapaian matlamat organisasi mampu dicapai dengan komitmen oleh prestasi setiap pekerja.

c) Pengurusan sumber manusia menggunakan konsep kompetensi ini sebagai pengambilan pekerja, latihan, kenaikan pangkat, penempatan, sistem ganjaran dan faedah serta perancangan pembangunan perestasi pekerja.

d) Ahli pendidik mengaplikasi konsep kompetensi ini dalam menghasilkan idea-idea dalam persediaan menjalankan tugas serta memenuhi latihan peningkatan profesionalisme guru.

e) Ahli politik melibatkan konsep kompetensi di dalam proses pentadbiran seperti kesatuan pekerja, parti politik dan kumpulan pekerja. Di *UK* dan *USA* menggunakan konsep ini dalam menambahbaik pasaran kerja.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Omar et al. (2020) menjelaskan kompetensi adalah satu set kemahiran berpadu, pengetahuan dan kemahiran yang dapat memberi kesan dalam menjalankan tugasan yang diberi. Penerapan secara bersepadu terhadap kemahiran, pengetahuan, nilai-nilai, pengalaman dan sumber ilmu secara koheren dapat menangani sesuatu situasi atau menyelesaikan sesuatu masalah. Berdasarkan keseluruhan takrifan di atas, dapat disimpulkan, bahawa kompetensi adalah perhubungan dari aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap yang digunakan bagi membentuk tingkahlaku seseorang apabila melaksanakan tugas. Dalam konteks kajian ini perkara yang menjadi fokus utama adalah kompetensi guru dari aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai.

Manakala beberapa penulis lain menakrifkan kompetensi ini adalah keupayaan dalam menonjolkan pekerjaan secara efektif dan dinilai melalui beberapa penilaian (McClelland, 1973). Klemp (1980) menerangkan bahawa kompetensi ialah asas seseorang yang menghasilkan prestasi berkesan atau unggul dalam sesuatu pekerjaan. Boyatzis (2008) mengenal pasti bahawa terdapat 19 kompetensi pengurusan generik yang dimiliki oleh pekerja cemerlang dan menggabungkan 19 kompetensi pengurusan generik itu menjadi lima kumpulan yang berbeza iaitu sebagai matlamat dan pengurusan tindakan, kepimpinan, pengurusan sumber manusia, arahan kepada orang bawahan dan memberi tumpuan kepada yang lain. Manakala Ghorbani et al. (2018) menegaskan kompetensi adalah kemampuan pekerja untuk melaksanakan dengan berkesan fungsi yang berkaitan dengan pengurusan dalam situasi kerja.

Dari prespektif guru pula, pelaksanaan tugas yang cekap dan berkesan dalam pelbagai peringkat kerjaya merupakan usaha memantapkan keupayaan guru. Oleh itu wujudnya PIKKK yang dibangunkan merupakan dokumen bagi membantu guru

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


merancang pembangunan kerjaya dan pembangunan profesionalisme berterusan. PIPPK bersifat fleksibel untuk memenuhi keperluan kompetensi individu, keperluan organisasi dan standard semasa yang dilaksanakan secara sistematik dan bersepadu. Ciri profesionalisme keguruan perlu dibangunkan secara terancang bagi memastikan setiap dasar pendidikan dapat dilaksanakan dengan berkesan dan seterusnya memberikan impak yang besar kepada keberhasilan murid.

Perkara ini jelas dinyatakan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2005 berkenaan Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam menetapkan bahawa setiap anggota perkhidmatan awam perlu melengkapkan diri dengan pengetahuan, kemahiran dan sikap yang bersesuai berteraskan kompetensi dan pembelajaran berterusan. Dalam PIPPK menjelaskan bahawa kompetensi adalah keupayaan seorang guru menguasai dan membudayakan pengetahuan, kemahiran serta nilai professional bagi melaksanakan tanggungjawab dan tugasan berkesan. Malah kompetensi guru juga mempunyai prinsip asas yang menekankan penguasaan kompetensi perlu bagi melaksanakan tugasan dengan efisien berdasarkan tugas dan tempat bertugas *(job-based and workplace).*

Kaendler et al. (2015) menjelaskan kompetensi guru adalah kemahiran dan pengetahuan yang membolehkan seseorang guru berjaya. Untuk memaksimumkan pembelajaran murid, guru mesti mempunyai kepakaran dalam pelbagai kecekapan dalam persekitaran yang sangat kompleks di mana beratus keputusan kritikal harus dilakukan setiap hari oleh guru. Hal ini dipersetujui oleh Shaffer dan Thomas-Brown (2015) dengan mengatakan bahawa kompetensi guru adalah keupayaan guru untuk menangani tugas atau cabaran di dalam bilik darjah dan luar bilik darjah. Dengan kata

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


lain, perincian kompetensi ini merupakan asas kepimpinan guru yang meliputi amalan reflektif guru, keberkesanan peribadi guru, keberkesanan interpersonal guru, pembelajaran dan pendidikan berterusan, proses bekerja dalam kumpulan, pembelajaran orang dewasa dan kemudahan teknologi (Price, 2001; Kehoe, 2011).

Ilanlou dan Zand (2011) menjelaskan kompetensi guru itu adalah tentang pengetahuan, kemampuan atau kedudukan nilai tertentu dalam diri seorang guru. Penyataan ini disokong oleh Manley dan Zinser (2012) dalam kajiannya dalam mengkaji kompetensi guru *career and technical education (CTE)* namun terdapat beberapa tambahan elemen kompetensi yang baharu. Lima kompetensi yang baharu iaitu guru mengikuti perkembangan profesional, guru mampu menjaga keselamatan murid, guru menilai prestasi dan kemahiran murid, guru menilai keberkesanan pengajaran dan guru mengarahkan murid dalam mengaplikasikan teknik penyelesaian masalah.

Albrahim (2022) menyatakan kompetensi guru adalah penilaian yang penting terhadap kepimpinan guru kerana perlunya komitmen dalam kalangan guru-guru untuk meningkatkan profesionalisme dan kualiti guru dalam permintaan arus perubahan masa kini untuk mengejar transformasi yang berlaku dalam bidang pendidikan abad ke-21 ini. Oleh sebab itu, kompetensi guru dilihat sebagai pelbagai lapisan konsep yang terdiri daripada kognitif, berasaskan kemahiran dan afektif elemen pengetahuan, kemahiran, sikap, nilai dan etika (Kim et al., 2019). Namun ia bergantung kepada persekitaran pengajaran dan pembelajaran dan faktor kontekstual seperti tujuan pembelajaran, persekitaran sosial dan sumber pengetahuan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Sehubungan dengan itu, kompetensi guru melibatkan profesional, peribadi dan unsur kontekstual, menyatukan ciri peribadi pengetahuan, kemahiran dan nilai yang diperlukan untuk pengajaran berkesan mengikut konteks yang berbeza (Griffin et al., 2012). Pada hakikatnya, bagi guru yang mempunyai keinginan dalam menonjolkan diri mereka dengan keaktifan mereka di sekolah, seharusnya mereka perlu mempunyai kompetensi diri yang tinggi dengan memberikan impak yang positif kepada murid dan seluruh warga organisasi sekolah. Oleh itu, kerjasama yang baik daripada semua pihak adalah penting kerana perubahan terhadap cara atau teknik pengajaran yang betul memerlukan masa dan usaha yang berterusan untuk meningkatkan tahap pendidikan di Malaysia. Menyedari hakikat ini, penekanan terhadap sektor pendidikan merupakan satu keperluan agar tenaga kerja yang dihasilkan melalui sistem pendidikan negara dapat memenuhi keperluan pasaran pekerjaan berteraskan Revolusi Industri 4.0.

Oleh itu, Standard Guru Malaysia (SGM) menjadi sandaran utama kepada guru dalam menggariskan kompetensi profesional yang patut dicapai oleh guru, dan keperluan yang patut disediakan oleh agensi dan institusi latihan perguruan bagi membantu guru mencapai tahap kompetensi yang ditetapkan. Standard Guru Malaysia (SGM) ini disediakan sebagai panduan dan rujukan kepada guru, pendidik guru, agensi dan institusi latihan perguruan dalam usaha untuk melahirkan dan melestarikan guru berkualiti (Bahagian Pendidikan Guru, 2009) dan mendepani pelbagai cabaran bukan sahaja cabaran revolusi industri 4.0 malah dapat bergerak ke arah pendidikan yang lebih fleksibel.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Standard Guru Malaysia ini telah digubal berdasarkan rasional yang berikut:

1. Guru perlu berfungsi sebagai guru profesional yang memberi kesan dengan mempunyai tahap amalan nilai profesionalisme keguruan, pengetahuan dan kefahaman, serta kemahiran pengajaran dan pembelajaran yang tinggi.
2. Institusi latihan perguruan dan agensi patut menyediakan keperluan yang jelas dan lengkap seperti dasar, kurikulum, infrastruktur, tenaga pengajar, sumber pengajaran dan pembelajaran, serta jaminan kualiti untuk membolehkan proses latihan dijalankan dengan lancar, berkesan dan bermutu tinggi.
3. Kementerian Pendidikan Malaysia sedang berusaha untuk melonjakkan kecemerlangan Institusi Pendidikan Guru Malaysia, Institusi Pendidikan Awam dan Swasta yang dapat dijadikan *showcase* atau penanda aras dalam bidang pendidikan.
4. Standard Guru Malaysia menggariskan kriteria dan standard am guru selaras dengan Malaysian Qualifications Framework (MQF) yang menggariskan kriteria dan standard am pendidikan tinggi.

Standard Guru Malaysia (SGM) digunakan sebagai kriteria lengkap dari kompentensi minimum yang ditunjukkan oleh guru dalam pelaksanaan tugasan. Kompetensi guru termasuk hal yang berhubung dengan profesion, profesionalisme dan sosial termasuk pengajaran dan pembelajaran di kelas, kepakaran seorang guru dalam subjek yang di ajar, kepakaran guru dalam sesuatu teori dan hubungan guru dengan jaringan luar seperti masyarakat dan ibu bapa. Beare (2013) mengaplikasi lima elemen kompetensi dalam kompetensi guru iaitu sumbangan kepada profesion, sumbangan kepada sekolah, kurikulum, penilaian dan pedagogi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


a) Sumbangan kepada profesion

Dalam bidang pendidikan, guru adalah golongan yang menjadi peneraju utama untuk mengamalkan profesion keguruan dengan sentiasa meningkatkan amalan profesionalisme, aktif dalam pelbagai aktiviti professional, menyumbangkan idea dalam pembangunan dalam profesion keguruan dan bersedia membantu secara professional.

b) Sumbangan kepada sekolah

Guru seharusnya menerima tanggungjawab dan memberi sumbangan yang kontruktif kepada sekolah secara holistik dan mengambil berat terhadap tugas hakiki, budaya sekolah, pengajaran dan pembelajaran murid, menjaga reputasi profesion keguruan serta menjaga hubungan baik dengan komuniti, masyarakat dan ibu bapa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

c) Kurikulum

Kurikulum yang digubal adalah sebagai garis panduan kepada guru untuk memahami tentang isi kandungan kursus yang diajar. Guru seharusnya mempunyai pengetahuan tentang subjek yang diajar dan pakar dalam subjek tersebut. Guru seharusnya menjadi pakar rujuk kepada murid juga kepada rakan sejawat berkaitan subjek yang di ajar.

d) Penilaian

Guru perlu mempunyai pengetahuan dan kemahiran tentang penilaian yang adil tentang hasil kerja murid, tatacara menilai kemajuan murid, kaedah melaporkan kemajuan kepada murid dan ibu bapa dan mempelajari proses menyimpan rekod kemajuan dan menetapkan tahap pencapaian murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


e) Pedagogi

Pedagogi dalam pendidikan boleh berpusatkan guru atau berpusatkan murid. Dengan menggunakan teknologi pengajaran dan pembelajaran berpusatkan guru memberi tumpuan kepada guru menyampaikan isi kandungan subjek dari set induksi hingga ke latihan pengukuhan dan berkongsi kandungan melalui secara langsung. Ini bergantung pada pengetahuan yang dimiliki oleh guru dalam menyampaikan pengetahuan itu kepada murid.

Dari sudut kajian yang dijalankan, kajian berkaitan dengan kompetensi guru sering dijalankan. Namun bagi tujuan untuk menilai tahap komitmen guru terhadap sesuatu pemboleh ubah, kajian Suhandani dan Kartawinata (2014) menjelaskan empat kompetensi dalam mengajar untuk menyokong peribadi guru agar menjadi guru yang professional. Antara kompetensi yang perlu guru miliki ialah kompetensi pedagogi, kompetensi peribadi, kompetensi sosial dan kompetensi profesional. Hasil kajian menunjukkan tahap kompetensi guru daerah Kabupaten Sumedang, Bandung masih berada di tahap baik namun masih jauh untuk mencapai kategori professional.

Kajian Boonpram (2012) merancang model kepimpinan kompetensi teknologi maklumat dan komunikasi *ICT* untuk guru serta untuk mengetahui kecekapan guru dan menggunakan model ini bagi mengekalkan profil berakademik tinggi di *Saint Gabriel's Foundation schools of Thailand.* Model kepimpinan kompetensi teknologi maklumat dan komunikasi *ICT* untuk guru ini dengan dikaitkan dengan teori kepimpinan transformasional. Teori bertujuan untuk meningkatkan tahap kompetensi guru menggunakan lima penanda aras guru teknologi maklumat dan komunikasi *ICT* iaitu perkakasan, perisian, proses pengajaran dan pembelajaran, alat komunikasi dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


standard etika. Hasil kajian menunjukkan penyelidik membangunkan model kepimpinan kompetensi guru teknologi maklumat dan komunikasi *ICT* di sekolah *Saint Gabriel's Foundation of Thailand* berpusat pada lima penanda aras *ICT* yang baharu iaitu perkakasan, perisian, alat komunikasi *ICT*, pengajaran dan pembelajaran dan etika.

Sejajar dengan itu, kompetensi dalam konteks pendidikan sebagai satu kayu pengukur yang ditetapkan kepada seorang guru dalam menguasai pelbagai tahap kompetensi yang diperlukan dalam mencapai aspirasi yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Sememangnya guru menjadi asas kepada sistem pendidikan dan sebagai pelaksana segala matlamat dan dasar terutama dalam bidang akademik dan kurikulum. Tanpa penglibatan guru dan sokongan yang jitu daripada guru, segala yang dirancang dalam bidang pendidikan tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna. Terutama yang melibatkan pencapaian murid dan sekolah.

Dengan keadaan yang sedemikian, guru memerlukan komitmen yang tinggi bagi meningkatkan kualiti pengajaran guru kerana keperluan pengajaran yang berkesan sangat penting untuk murid mendapatkan pembelajaran yang baik. Dengan itu, guru tidak lagi bertugas untuk mengajar sahaja, malah memberi sumbangan yang penting terhadap kecemerlangan sekolah dengan membimbing dan mempengaruhi komuniti sekolah yang terdiri daripada murid, rakan sejawat, pentadbir dan masyarakat setempat. Kesudahannya, ini akan menyaksikan kesanggupan atau kerelaan guru untuk memikul tanggungjawab sebagai kepimpinan guru di sekolah, terutamanya di dalam bilik darjah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 2.6.1 Teori Kompetensi Spencer dan Spencer (1993)

Teori Kompetensi Spencer dan Spencer (1993) yang menggunakan model *Iceberg* menggariskan pengetahuan dan kemahiran diperolehi melalui latihan dan kursus yang di kaitkan dengan kelayakan akademik. Ciri-ciri peribadi seseorang boleh dibangunkan namun ia agak mencabar dan perlu diberi penekanan khusus bagi mencapai kejayaan yang dimatlamatkan melalui latihan dan kursus. Berdasarkan model *Iceberg* pada Rajah 2.3 menunjukkan kompetesi dalam jelmaan *Iceberg* yang memberikan peranan kepada kemahiran dan pengetahun terletak di hujung *Iceberg* dan berada di atas paras air. Sementara itu, ciri-ciri peribadi adalah terletak di bawah paras air dan sukar untuk dijangka.

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah ptbupsi

Namun, kemahiran dan pengetahuan apabila digabungkan untuk melakukan sesuatu pekerjaan, ia tidak akan memberi impak yang besar kepada hasil prestasi. Bagi model *Iceberg* ini, tingkah laku ditentukan oleh ciri-ciri peribadi yang tersembunyi. Ciri-ciri peribadi ini adalah faktor yang penting dalam menghasilkan prestasi seseorang pekerja dan membezakan juga setiap prestasi yang dihasilkan itu sama ada prestasi tinggi atau prestasi biasa. Dengan erti kata lain, pengetahuan dan kemahiran adalah merupakan elemen kompetensi yang jelas dan mudah dilihat serta dikenal pasti manakala ciri-ciri peribadi adalah merupakan elemen utama yang sukar dijangka, dilihat dan dikenal pasti. Walau bagaimanapun, ia adalah faktor penting dalam mewujudkan pekerja yang cemerlang yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang amat diperlukan dalam sesuatu jawatan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Kompetensi pekerja haruslah seiring dalam menjadikan sesebuah organisasi kompetitif kerana pada waktu ini organisasi mementingkan dari segi kompetensi. Kompetensi merangkumi pengumpulan faktor kejayaan yang diperlukan untuk mencapai hasil penting dalam pekerjaan atau peranan kerja tertentu dalam organisasi tertentu. Kompetensi merujuk kepada kecekapan intelektual, pengurusan, sosial dan emosi. Spencer dan Spencer (1993), menghuraikan maksud kompetensi sebagai satu ciri asas dalam diri seorang individu yang mempunyai hubungan dengan *criterion referenced effective* dan prestasi yang tinggi dalam sesuatu pekerjaan atau situasi. Lima ciri kompetensi menurut Spencer dan Spencer (1993):

1. Pengetahuan *(knowledge)*

Pengetahuan adalah kompetensi yang kompleks dan dimiliki oleh seseorang dalam bidang tertentu. Pengetahuan juga lebih menjurus kepada apa yang seseorang dapat lakukan bukan apa yang akan dilakukan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2. Kemahiran *(skill)*

Adalah keupayaan seseorang untuk melakukan tugasan tertentu dengan menggunakan kognitif sebagai kompetensi untuk seseorang berfikir secara konseptual dalam mengolah pengetahuan, merancang sesuatu serta menyelidik dan memperoleh maklumat.

3. Motif *(motives)*

Motif adalah sebab yang mendorong seseorang bertindak secara konsisten melalui apa yang dipikirkan dan diinginkan. Motif menggerakkan dan mengarahkan seseorang untuk bertindak menggunakan tindakan untuk mencapai matlamat yang diimpikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


4. Sikap *(trait)*


Satu perwatakan yang membuatkan seseorang berkelakuan atau bagaimana cara seseorang memberi maklum balas dengan cara yang tertentu dalam sesuatu situasi. Selain itu, ia menjelaskan tentang perwatakan seseorang mengawal emosi dan bertindak untuk menyelesaikan masalah.

5. Konsep Kendiri *(self-concept)*

Hal ini meliputi gambaran tanggapan seseorang terhadap sikap dan nilai yang dimiliki oleh seseorang. Sikap dan nilai ini diukur berdasarkan penilaian yang dilakukan oleh diri sendiri sama ada menganggap diri sendiri itu secara positif atau negatif.

**Rajah 2.4**

*Model Kompetensi Iceberg Spencer dan Spencer (1993)*




05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Merujuk kepada Model Kompetensi *Iceberg* ini, kemahiran dan pengetahuan berada pada hujung *Iceberg* iaitu jelas dan nampak malah boleh diperolehi melalui kursus atau latihan yang berkaitan. Manakala untuk konsep kendiri, sikap dan motif dikelaskan sebagai pembangunan nilai peribadi adalah lebih mencabar dan perlu dipupuk oleh individu itu sendiri. Dalam bidang pendidikan, Mahmud (2017) menjelaskan bahawa pengukuran untuk tahap kompetensi guru ini terbahagi kepada tiga konstruk iaitu pengetahuan, kemahiran dan nilai peribadi. Pendekatan ini jelas bagi mengukur tahap kompetensi guru dengan menggabungkan tiga elemen di aras bawah air *Iceberg* iaitu konsep kendiri, sikap dan motif sebagai satu konstruk iaitu nilai peribadi (Osman et al., 2019).

Selain itu, Spencer dan Spencer (1993) menyatakan bahawa hubungan antara prestasi pekerja dan kompetensi sangat berpautan, penting, ada kaitan, kuat dan tepat. Bahkan jika ingin meningkatkan prestasi mereka, mereka harus mempunyai kompetensi yang sesuai dengan tugasan mereka. Setiap jenis pekerjaan yang dilakukan oleh seseorang, termasuk kompetensi guru akan memerlukan dasar yang berbeza untuk meningkatkan motivasi dan meningkatkan prestasi individu ataupun organisasi. Salah satu tanggungjawab yang mesti dipenuhi oleh guru dalam menjalankan aktiviti di bilik darjah mahupun luar bilik darjah ialah mesti menjalankan tugasnya secara profesional.

Untuk menjadi profesional dalam melaksanakan tugas, guru diharuskan memiliki kompetensi dan kemampuan meningkatkan pengetahuan agar sesuai dengan bidang dan subjek yang di ajar. Kualiti guru dapat mengukur kompetensi guru dalam pengajaran. Guru memainkan peranan penting dalam peningkatan kualiti proses

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


pembelajaran dan pengajaran untuk murid dan juga menunjukkan tahap kepimpinan guru mengikut bidangnya serta dapat menyumbang dalam meningkatkan prestasi pembelajaran dan pencapaian murid.

### 2.6.2 Elemen Kompetensi Guru

Pembinaan konstruk Kompetensi Guru dalam IPKGM berdasarkan sorotan kajian yang dilakukan oleh penyelidik Boyatzis (2008), Chee Yuet (2017), Shantini et al., (2018) dan SEAMEO Innotech Regional Education Program (2010). Konstruk Kompetensi Guru ini dijadikan sebagai konstruk penilaian yang dilakukan untuk mengukur ciri-ciri kepimpinan guru dalam kalangan guru di sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penjelasan tentang kompetensi guru berdasarkan sorotan kajian oleh penyelidik Campbell et al. (2010), Hollenbeck et al. (2006), Kohnen (2005) dan Spencer (1993) ialah kompetensi guru dipraktikkan pada tahap yang tinggi dapat bertindak sebagai strategi untuk meningkatkan kualiti guru dan menjadi kepimpinan guru yang berkesan. Asas kompetensi guru yang diperluas untuk meningkatkan profesionalisme guru dalam pengajaran, kerana guru diamanahkan untuk menerapkan pedagogi yang berlandaskan ilmiah dan untuk tujuan sosiobudaya dalam bidang pendidikan. Kepimpinan guru mampu mempengaruhi murid, rakan sejawat dan masyarakat. Guru yang mempunyai kompetensi yang diperlukan dalam profesion keguruan ialah guru yang mempunyai pengetahuan, kemahiran, nilai peribadi, motivasi dan kepercayaan. Guru dapat mengkaji dan menghayati nilai dan konsep

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


pendidikan, meneroka pengetahuan dan mencipta pengalaman pembelajaran yang bermakna bagi diri mereka sendiri dan murid lain secara kritis.

Dalam konstruk Kompetensi Guru ini, terdapat tiga sub konstruk iaitu kompetensi guru dalam pengetahuan, kompetensi guru dalam kemahiran dan kompetensi guru dalam nilai peribadi. Konstruk yang menggambarkan pengetahuan, kemahiran dan nilai amat diperlukan oleh guru untuk mencapai prestasi kerja yang cemerlang. Ini adalah langkah pertama yang penting untuk mengetahui apa sebenarnya yang guru cari dan apa yang diharapkan dalam prestasi kerja untuk menjadi kepimpinan guru.

Mengenal pasti kompetensi teras yang diperlukan oleh guru untuk memacu strategi dan mencapai visi dan misi sekolah adalah memerlukan pengaruh guru yang tepat dalam mengembangkan pengetahuan dan kemahiran mereka kerana mereka sudah sejajar dengan nilai yang sesuai dengan budaya kerja di sekolah. Kompetensi kepimpinan dapat digunakan untuk mengenal pasti bukan hanya kemahiran yang diperlukan tetapi yang lebih penting lagi kebiasaan yang diperlukan untuk prestasi tinggi iaitu pengetahuan dan nilai peribadi.

#### 2.6.2.1 Kompetensi Guru dalam Pengetahuan

Istilah pengetahuan merujuk kepada kebijaksanaan dan pengetahuan yang dikumpulkan oleh guru melalui pengalaman dan yang menjadi asas untuk menangani situasi pengajaran dan pembelajaran pada hari ini (Freeman, 2020). Pengetahuan guru

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


ditakrifkan sebagai pengetahuan diterapkan secara eksklusif untuk pengajaran. Pengajaran yang berkesan tidak semestinya berpunca daripada sesuatu dasar baru yang digubal. Kesan pengajaran yang berkesan adalah pengetahuan yang dibawa oleh seseorang guru melalui tuntutan kognitif dalam pengajaran dan pembelajaran. Apa yang guru lakukan di dalam kelas sangat bergantung pada apa yang mereka tahu dan percayai mengenai sesuatu subjek dan apa yang mereka fahami tentang pengajaran dan pembelajaran dalam sesuatu subjek itu.

Yusof et al. (2019) menyebut pengetahuan adalah apa yang diketahui oleh guru untuk mempromosikan kejayaan semua murid. Tambahan pula, dengan pengetahuan yang mencukupi; mereka dapat mengenal pasti proses yang sesuai dan dapat diterima untuk kejayaan di sekolah. Pengetahuan dalam kajian ini merujuk kepada pemahaman guru mengenai konsep kepimpinan guru, di mana guru cenderung menggunakan pengetahuan kandungan mereka mengenai kepimpinan guru dan menerapkannya di sekolah serta komuniti untuk memperjuangkan kecemerlangan di sekolah.

### 2.6.2.2 Kompetensi Guru dalam Kemahiran

Kemajuan guru melibatkan diri dalam kepimpinan guru adalah proses berulang secara beransur-ansur yang berlaku selama beberapa bulan dan mengambil masa bertahun kerana tempoh perkhidmatan guru mengambil masa yang lama. Namun kemajuan ini tidak stabil dan linear kerana kebanyakan guru tidak menetapkan untuk menjadi seorang kepimpinan guru. Huang (2016) menjelaskan perkembangan kepimpinan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


guru dibina dari asas yang kukuh melalui kemahiran. Kemahiran yang mendalam oleh guru mengenai pengajaran, pembelajaran sangat memberi kesan kepada murid untuk memberi kredibiliti kepada guru agar guru itu dapat meningkatkan kemampuan mereka untuk mempengaruhi orang lain.

Sungguhpun begitu, Hunzicker (2017) menjelaskan kepimpinan guru adalah satu set kemahiran yang ditunjukkan oleh guru yang mampu mempengaruhi murid di dalam kelas, luar kelas dan di peringkat global. Menurut ahli akademik yang lain seperti, Cosenza (2015), Lowery-Moore et al. (2016) dan Poekert et al. (2016) membincangkan kepimpinan guru ini telah digambarkan sebagai tekun, bijak, berorientasi tindakan yang komited dan bersemangat. Untuk meningkatkan prestasi murid pada peringkat awal, guru-guru sentiasa bersedia untuk mengambil kesempatan mencuba inisiatif baru dan inovatif walaupun apa yang mereka lakukan mungkin gagal dan mendedahkan mereka kepada kritikan daripada pihak luar. Selain itu, guru juga harus menjadi model dan mentor kepada guru lain dan dalam proses itu terus mempelajari kemahiran-kemahiran yang selari dengan dasar pendidikan pada masa ini.

### 2.6.2.3 Kompetensi Guru dalam Nilai Peribadi

Pendidikan dan cabaran menyediakan guru berkualiti adalah menjadi keutamaan yang penting dalam banyak negara membangun dan maju. Guru yang mempunyai kompetensi yang berkesan membantu membina sistem pendidikan yang kuat. Gardner et al. (2003) menegaskan bahawa guru perlu mempunyai nilai peribadi yang tinggi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


dalam agenda profesion keguruan bagi mementingkan pendidikan guru dan nilai-nilai peribadi itu harus menyokong pendidikan guru. Kompetensi guru dalam nilai peribadi pada dasarnya adalah cabaran peribadi di mana sifat praktikal, peribadi dan emosi sama pentingnya dengan kemampuan intelektual yang perlu ada dalam diri guru.

## 2.7 Kecerdasan Emosi Guru

Kajian kecerdasan emosi bermula pada tahun 1980-an, ketika orang pertama iaitu Gardner (1983) memperkenalkan idea kecerdasan pelbagai dan menerangkan terdapat lapan jenis kecerdasan. Sementara itu, Gardner (1983) pula menjelaskan dua kecerdasan iaitu interpersonal dan intrapersonal mempunyai kesinambungan dengan persamaan definisi kecerdasan emosi. Kecerdasan intrapersonal menggambarkan kemampuan seseorang untuk mengenali dirinya sendiri. Manakala kecerdasan interpersonal menggambarkan kemampuan seseorang untuk mengenali orang lain.

Kecerdasan intrapersonal dan interpersonal kemudian dibahagikan menjadi empat kemahiran dalam kecerdasan emosi iaitu kesedaran diri, pengurusan diri, kesedaran sosial dan hubungan pengurusan (Goldring et al., 2015). Kesedaran diri didefinisikan sebagai kemampuan untuk memahami dan mengenali seseorang melalui pencetus emosi dari diri sendiri dan dikenal pasti sebagai kemahiran asas untuk pengurusan diri melalui pencetus emosi itu. Pengurusan diri menerangkan keupayaan untuk mengenali reaksi dalaman terhadap perasaan dan menyampaikan perasaan tersebut kepada orang lain secara produktif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Melalui pengurusan diri, seseorang juga dapat mendalami perasaan emosi dan mengambil tindakan untuk mengurangkan atau menghilangkan emosi yang stabil (Parker et al., 2004). Kesedaran sosial pula adalah sama seperti kesedaran diri dimana ia merupakan satu kemahiran asas dalam kecerdasan emosi. Kesedaran sosial ialah mengenal pasti dan memahami emosi orang lain dengan tepat (Ahad et al., 2021). Seseorang individu mesti mempunyai pemahaman dan amalan kemahiran asas iaitu kesedaran diri dan sosial yang baik agar berjaya menjalin hubungan yang baik dengan orang lain. Manakala bagi pengurusan hubungan adalah kemampuan untuk menunjukkan usaha dalam menjaga hubungan dengan individu lain malah kedua-dua pihak menunjukkan tahap kepuasan yang tinggi terhadap sesuatu hubungan.

Boleh dikatakan bahawa dalam empat kemahiran ini iaitu kesedaran diri, pengurusan diri, kesedaran sosial dan pengurusan hubungan, Parker et al. (2005) mengenal pasti dua asas kompetensi iaitu kompetensi peribadi dan kompetensi sosial. Kompetensi peribadi menggabungkan kesedaran diri dan pengurusan diri yang mencerminkan kemampuan untuk terus sedar daripada emosi dan tingkah laku seseorang. Manakala, kompetensi sosial menggabungkan kesedaran sosial dan pengurusan hubungan iaitu bergerak melalui seseorang individu ke pemahaman sosial mengenai emosi dan tingkah laku orang lain.

Namun, di antara beberapa definisi dan domain kecerdasan emosi, dua model yang paling banyak dominan ialah model berasaskan kemampuan dan model campuran (Goleman, 1995; Mayer et al., 2008). Salovey dan Mayer (1990) mendefinasikan kecerdasan emosi ialah keupayaan untuk melihat dengan tepat, menilai dan menyatakan emosi, keupayaan untuk mengetahui atau menjana perasaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


apabila mereka memudahkan pemikiran, keupayaan untuk memahami emosi dan emosi pengetahuan serta keupayaan untuk mengatur emosi untuk mendorong pertumbuhan emosi dan intelektual.

Dalam model ini berasaskan kemampuan *the ability-based mode*, kecerdasan emosi dibahagikan menjadi empat bidang kemampuan dimulai dari asas kepada lebih kompleks mengikut urutan berikut; mengenal dan menyatakan emosi, beremosi pemudahcaraan berfikir, memahami emosi dan mengatur emosi secara reflektif (Mayer et al., 2008). Model campuran pula menerangkan ia berdasarkan model kemampuan namun terdapat penambahan dengan dengan teori personaliti dan teori berasaskan prestasi individu. Model ini mendefinisikan kecerdasan emosi sebagai keupayaan untuk mengenali perasaan kita sendiri dan perasaan orang yang lain bagi memotivasi diri kita sendiri dan untuk mengurus emosi dan hubungan dengan baik dalam diri indvidu itu sendiri. Goleman (1995) dalam kerangka ini membahagikan kecerdasan emosi kepada empat iaitu:

1) Penilaian dan ekspresi emosi dalam diri
2) Penilaian dan pengiktirafan emosi pada orang lain
3) Peraturan emosi dalam diri
4) Penggunaan emosi untuk memudahkan penilaian prestasi

Ditinjau dari sudut pendidikan, umum mengetahui keupayaan guru untuk menyokong perkembangan sosial-emosi dan pembelajaran di bilik darjah sangat penting untuk pembelajaran, hubungan dengan murid dan amalan terbaik guru di dalam bilik darjah. Asas bagi perkembangan sosial-emosi diperoleh apabila guru

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


konsisten dan dapat menjangka dari segi memenuhi keperluan sosial dan emosi asas murid. Murid-murid mempunyai kemampuan untuk mengenal pasti perasaan dan pemahaman tentang apa yang dirasakan orang lain. Keupayaan guru untuk menyokong sosial dan fungsi emosi di dalam kelas adalah penting bagi amalan bilik darjah yang berkesan.

Guru memerlukan tahap kecerdasan emosi yang tertentu untuk mengawal persekitaran pengajaran dan pembelajaran yang membantu murid untuk perlu berkembang maju terutamanya dalam meningkatkan pencapaian murid di samping membantu menjadikan sekolah sebagai sebuah tempat yang kondusif dan selamat untuk melakukan aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Kunci untuk meningkatkan pendidikan adalah guru yang sangat mempunyai kompetensi, komitmen dan dapat mengawal emosi kerana guru diakui secara meluas sebagai faktor yang paling penting berkaitan sekolah dan yang mempengaruhi pencapaian murid (Valente et al., 2019).

Semua guru perlu menjadi pemimpin di bilik darjah dan sekolah mereka untuk meningkatkan murid pencapaian dan prestasi sekolah. Guru harus menyedari perkara ini dan meminta peluang bagi mengembangkan kepimpinan mereka untuk meningkatkan kemahiran dan kecekapan mereka. Ini dapat dibuktikan dalam kajian Emily Isensee (2017) yang bertajuk *Emotional intelligence and teacher leaders.* Kajian ini dapat mengenal pasti atribut kepimpinan guru dihubungkan dengan kemahiran kecerdasan emosi sebagai strategi dalam perkembangan profesionalisme guru untuk kepimpinan guru dan kesannya kepada murid, rakan sekerja dan sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Disamping itu, ketujuh-tujuh atribut konstruk atau domain utama kepimpinan guru dipadankan secara langsung dengan Goleman (2004) iaitu lima domain kecerdasan emosi. Semua atribut berhubung dengan pelbagai kecekapan kecerdasan emosi dan berhubung dengan domain kecerdasan emosi secara peribadi dan sosial. Goleman (2011) menjelaskan guru yang hebat dapat mengembangkan kaedah yang berkesan untuk memahami dan menafsirkan emosi mereka sendiri dan juga orang lain. Guru mempengaruhi emosi mereka secara positif di sekitar mereka dan menampilkan versi diri mereka yang terbaik.

Manakala Boyatzis dan Osten (2003) dalam kajian mereka mengenai kecerdasan emosi dan sosial dalam kepimpinan guru mendapati, seorang guru yang berkesan menggunakan banyak kecerdasan emosi dalam melaksanakan tugasan kepimpinan guru berbanding kemahiran yang lain. Menyedari hakikat ini, menilai guru berteraskan ciri-ciri kepimpinan guru dari aspek kecerdasan emosi, komitmen guru dan kompetensi agar menerima kepimpinan yang perlu dikendalikan dengan teliti oleh guru itu sendiri berdasarkan persepsi guru itu sendiri melalui penilaian mereka dalam IPKGM yang dibina amat diperlukan. Guru perlu mempunyai kesediaan diri dengan memahami dan menerima kepimpinan guru untuk mengelakkan sebarang perselisihan faham dalam organisasi.

### 2.7.1 Teori Kecerdasan Emosi Goleman

Goleman (1998) memberikan satu definisi bekaitan dengan kecerdasan emosi secara umum iaitu keupayaan seseorang untuk mengawal atau mengawal diri sendiri dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


orang lain dari segi aspek tingkah laku, emosi dan perasaan yang merupakan elemen utama dalam kecerdasan emosi. Selain itu, kecerdasan emosi Goleman ini juga memberi kesan kepada tindakan tingkah laku dan kepintaran untuk mengubah sesuatu mengikut masa dan situasi (Daniel Goleman et al., 2003).

Goleman (1995) menegaskan dalam kecerdasan emosi ini, perlu membina hubungan dengan diri sendiri dan juga orang lain dengan beberapa cara iaitu mengenalpasti emosi diri sendiri dan orang lain, dapat menguruskan emosi dengan baik dan dapat memotivasikan diri sendiri. Selain itu, dari sudut penilaian juga, Goleman menjelaskan penilaian diri atau penilaian individu bukan sahaja berasaskan kecerdasan intelektual (IQ) tetapi yang lebih penting adalah kecerdasan emosi (EQ) yang ada pada diri seseorang. Kecerdasan emosi juga mampu mencorakkan kehidupan manusia dari kemurungan kepada keceriaan mengikut tahap emosi yang dimiliki dan keadaan sekeliling.

Kecerdasan emosi Goleman dilihat lebih menjurus kepada keupayaan seseorang dalam menyedari dan peka kepada perasaan diri sendiri dan orang lain serta mampu mengurus emosi sendiri dengan baik serta menjalinkan hubungan dengan orang lain. Model kecerdasan emosi Goleman ini juga dikenali sebagai Model Kompetensi Kecerdasan Emosi yang meliputi skop kemahiran dan kompetensi yang menunjukkan pencapaian dalam kepimpinan (Lee, 2011). Goleman menyatakan lima bahagian dalam Kecerdasan Emosi yang menjadi garis panduan untuk individu mencapai kejayaan dalam kehidupan seharian ialah:

a) Kemampuan mengenali emosi diri

b) Kemampuan mengurus emosi diri

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


c) Kemampuan memotivasikan diri

d) Kemampuan mengenali emosi orang lain

e) Kemampuan membina hubungan

Walaubagaimanapun dengan definisi yang dikemukakan oleh Goleman ini, penyelidik mengambil pendekatan dengan merujuk beberapa kajian oleh penyelidik terdahulu dengan menggunakan lima garis panduan ini kepada lima perkataan lain yang mewakili setiap konstruk iaitu kemampuan mengenali emosi diri kepada kesedaran diri, kemampuan mengurus emosi diri kepada pengawalan kendiri, kemampuan memotivasikan diri kepada motivasi kendiri, kemampuan mengenali emosi orang lain kepada empati dan kemampuan membina hubungan kepada kemahiran sosial (Fatah, 2018 dan Idham et al., 2010).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesedaran Diri ialah keupayaan diri dalam memahami perasaan sendiri sehingga dapat mengenal pasti emosi yang dihadapi. Hal ini memberi maksud bahawa diri kita sedar apakah emosi kita. Kesedaran diri juga adalah kemampuan untuk mengenali dan memahami emosi kita sendiri sehingga dikenali sebagai kemahiran kecerdasan emosi yang kritikal. Emosi luaran seseorang adakala memberi kesan kepada tindakan orang lain. Oleh itu, dengan mempunyai kesedaran diri, kita dapat memantau emosi diri sendiri, mengenali reaksi emosi yang berbeza dalam diri dan kemudian mengenal pasti setiap emosi tertentu dengan betul. Individu yang mempunyai kesedaran diri juga menyedari hubungan antara perkara yang mereka rasakan dan bagaimana mereka berkelakuan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Dalam kepimpinan guru, kecerdasan emosi mempunyai kesan dalam kepimpinan guru berbanding kecerdasan yang lain. Walaupun bukti menunjukkan bahawa guru yang cerdas mempunyai emosi yang berjaya, namun penyelidikan mengenai kecerdasan emosi yang digunakan dalam kepimpinan guru adalah terhad (Maxwell & Riley, 2017). Oleh hal demikian, kesedaran diri menjadi sub konstruk dalam pembinaan instrumen kerana peningkatan akauntabiliti ini menuntut guru yang terlibat dalam kepimpinan guru untuk menangani tuntutan emosi dan memotivasi diri sendiri untuk menyesuaikan diri dengan murid, rakan sejawat dan masyarakat agar hubungan yang terjalin dalam keadaan yang baik (Berkovich & Eyal, 2017).

Pengawalan Kendiri ialah keupayaan untuk mengawal atau mengarahkan emosi yang mengganggu dari membelengu diri dan kecenderungan untuk menangguhkan pertimbangan dan berfikir sebelum bertindak. Ia merangkumi kepercayaan dan integriti dan keterbukaan untuk berubah. Pengawalan kendiri juga dapat membantu diri memanfaatkan emosi yang menjadi penghalang untuk membina kepercayaan, kolaborasi dan keterlibatan dalam memajukan diri sendiri. Selain itu, ia penting juga untuk mengawal emosi dari bertindak secara terburu-buru atau tidak berhati-hati ke atas apa yang berlaku dan boleh merosakkan hubungan kita dengan rakan sekerja.

Sehubungan dengan itu, kebolehan pengurusan emosi penting untuk kepimpinan guru, terutama pada masa ketika guru menghadapi perubahan pesat di persekitaran sekolah terutamanya yang berkaitan dengan pembelajaran dan pengajaran. Fullan (2015) menegaskan bahawa sesuatu perubahan adalah emosi. Jika diteliti secara mendalam, perubahan yang berlaku secara tidak langsung akan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


menyedarkan emosi diri sendiri dan memberi kesan terhadap orang lain. Bersangkutan dengan hal ini, kecerdasan emosi memerlukan guru itu mengatur dan mengurus emosi dalam keadaan yang terkawal bagi menjaga imej dan profesion keguruan.

Motivasi Kendiri atau motivasi intrinsik adalah satu lagi kemahiran kecerdasan emosi yang penting. Orang yang cerdas secara emosional didorong oleh perkara-perkara di luar jangkaan. Hal ini memang sejajar dengan motivasi kendiri kerana seseorang individu itu mempunyai hasrat untuk memenuhi keperluan dan keinginan mereka sendiri. Seseorang yang mempunyai kemahiran kecerdasan emosi dalam motivasi kendiri lebih cenderung melakukan tindakan untuk menetapkan matlamat apa yang diingini (Bekerman & Zembylas 2018). Mereka mempunyai keperluan yang tinggi untuk pencapaian dan selalu mencari jalan untuk melakukan yang lebih baik. Mereka juga sangat komited dan pandai mengambil inisiatif.

Dalam motivasi kendiri ini, Goleman mencadangkan agar seseorang individu itu perlu mengelak daripada menerima seperti mendapat ganjaran luaran umpama kemasyhuran, wang, pengiktirafan dan pujian. Ia juga dikenali sebagai motivasi ekstrinsik iaitu merujuk kepada tingkah laku yang didorong oleh ganjaran luaran seperti wang, kemasyhuran, nilai, dan pujian. Jenis motivasi ini timbul dari luar individu berbanding dengan motivasi intrinsik yang berasal dari dalam diri individu.

Tindakan yang diketengahkan di atas merujuk bahawa motivasi kendiri ini dapat memberi tugas kepada guru agar mempunyai tanggungjawab untuk mengatasi cabaran dan melaksanakan perubahan dalam sekolah dan bilik darjah sama ada di luar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


ataupun di dalam bilik darjah. Misalnya dalam Fiori dan Vesely-Maillefer, (2018) memberi contoh bahawa, selama bertahun-tahun usaha untuk mentraformasi sekolah telah dilakukan namun sia-sia dan salah satu sebabnya ialah kurangnya kecerdasan emosi para guru untuk mengatasi cabaran yang berkaitan dengan pembaharuan dan perubahan.

Maksudnya di sini, motivasi kendiri berkesan yang dimaksudkan adalah kemampuan guru yang melaksanakan perubahan dalam memberi perubahan kepada diri sendiri agar mengajar dengan baik, mengajar dengan kreatif dan pengajaran berkualiti. Malah dapat membantu sekolah dengan melakukan pembaharuan dan perubahan agar dapat menghasilkan sesuatu yang baharu sama ada dalam bentuk eksplisit ataupun implisit yang boleh memberi kebaikan kepada murid, rakan sejawat, masyarakat dan sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya ialah empati. Empati merujuk kepada kemampuan untuk memahami bagaimana perasaan orang lain, sangat penting untuk kecerdasan emosi. Tetapi ia melibatkan lebih daripada sekadar mengenali keadaan emosi orang lain. Seringkali juga melibatkan tanggapan kita kepada orang berdasarkan kecerdasan emosi diri kita sendiri. Dalam situasi yang membolehkan seseorang dapat merasakan bahawa terdapat orang lain yang sedang merasa sedih atau putus asa, lalu bagaimana kita hendak bertindak balas bagi meredakan perasaan yang mereka hadapi. Sehubungan dengan itu, apa yang dapat dilakukan ialah mungkin memperlakukan mereka dengan memberi sepenuh perhatian atau mungkin berusaha untuk meningkatkan semangat mereka agar mereka yang dibelenggu masalah lebih merasa tenang (O'Neil, 1996).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Goleman (2004) menakrifkan kecerdasan emosi empati adalah kemahiran yang penting dalam kepimpinan guru. Oleh itu guru dikenal pasti berkesan mempunyai tahap kemahiran yang cukup tinggi. Selain itu, bersikap empati juga membolehkan guru memahami kekuatan yang sering mempengaruhi hubungan sosial terutama dalam persekitaran budaya sekolah. Ini penting untuk membimbing interaksi guru dengan murid, rakan sejawat dan masyarakat yang temui setiap hari. Ekoran daripada itu, guru yang cekap dalam bidang ini dapat merasakan murid, rakan sejawat dan masyarakat yang memiliki kekuatan dalam hubungan yang berbeza. Mereka juga memahami bagaimana kekuatan ini mempengaruhi perasaan dan tingkah laku murid, rakan sejawat dan masyarakat yang temui setiap hari. Oleh kerana itu, guru tersebut dapat menafsirkan emosi orang lain dengan tepat walau dalam situasi yang berbeza.

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah ptbupsi

Kemahiran sosial menunjukkan keupayaan seseorang yang mampu berinteraksi dengan baik dengan orang lain. Mempunyai kemahiran sosial yang kuat membolehkan orang membina hubungan yang bermakna dengan orang lain dan mengembangkan pemahaman orang lain tentang diri mereka sendiri dengan lebih mendalam. Dalam tetapan profesional, pengurus mendapat kelebihan apabila menjalin hubungan yang baik dengan pekerja. Begitu juga sebaliknya, pekerja mendapat manfaat apabila menjalin hubungan yang kuat dengan pengurus dan rakan sekerja yang lain. Salavera et al. (2017) menjelaskan kemahiran sosial yang penting merangkumi pendengaran aktif, kemahiran komunikasi lisan, kemahiran komunikasi bukan lisan, kepimpinan dan pujukan.

Bertitik tolak daripada kenyataan di atas, kemahiran sosial adalah kemahiran yang kita gunakan untuk berkomunikasi dan berinteraksi antara satu sama lain, baik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


secara lisan dan bukan lisan, melalui gerak isyarat, bahasa badan dan penampilan diri kita. Manusia adalah makhluk yang sering bergaul dan dalam pergaulan telah menggunakan banyak cara bagi mengembangkan dan menyampaikan mesej, fikiran dan perasaan kita kepada orang lain. Watkin et al. (2017) menjelaskan sebagai seorang guru perlu yang berjaya dalam memerhati mengenai pengalaman dan menafsirkan isyarat persekitaran yang berkaitan dengan murid, rakan sejawat dan masyarakat.

Dalam konteks ini, dapat dilihat bahawa kepimpinan guru mesti berkomunikasi dengan baik. Ini kerana mereka perlu bekerjasama dengan rakan sejawat dengan berkesan dan sentiasa melaporkan kepada pentadbir mengenai kemajuan murid. Lain daripada itu juga, ibu bapa sering menelefon, mengunjungi sekolah untuk berjumpa dengan guru atau menghantar mesej melalui rangkaian telefon yang menjadikan guru mahir menjawab soalan secara lisan dan bertulis. Tindakan yang diketengahkan oleh guru ini, dilihat bahawa guru perlu mempunyai kemahiran sosial yang baik dan mengambil cakna mengenai komunikasi seperti mendengar, bercakap, membaca, membentangkan dan menulis. Guru yang mengasah kemahiran komunikasi mereka sendiri sangat bersedia untuk memberi arahan, nasihat dan bimbingan kepada murid yang diberi kepercayaan dalam membentuk kemenjadian murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 2.7.2 Elemen Kecerdasan Emosi Guru

Pembinaan konstruk Kecerdasan Emosi Guru dalam IPKGM berdasarkan sorotan kajian yang dilakukan oleh Bardach (2008), Frost dan Harris (2003) dan Tench (2016). Berdasarkan kajian lepas, konstruk kecerdasan emosi guru menggunakan Teori Kecerdasan Emosi Goleman. Teori Kecerdasan Emosi Goleman mempunyai sub konstruk yang dapat mengukur ciri-ciri kepimpinan guru (Daniel Goleman, 2004). Konstruk Kecerdasan Emosi Guru ini dijadikan sebagai konstruk penilaian yang dilakukan untuk mengukur tingkat pencapaian atau penguasaan guru dalam kepimpinan guru.

Penjelasan tentang kecerdasan emosi guru berdasarkan sorotan kajian oleh beberapa orang penyelidik seperti J. Chen dan Guo (2020), Danel. Goleman (1995), Mayer dan Geher (1996) dan P Salovey dan Mayer (1990) menjelaskan bahawa kecerdasan emosi guru dalam dunia pendidikan menunjukkan bahawa guru yang cerdas secara emosional dapat berfungsi lebih efektif dengan memahami dan mengurus emosi mereka sendiri dan muridnya, mengawal perasaan marah atau kecewa dan menyesuaikan tingkah laku guru dengan situasi yang berlainan.

Situasi ini seolah-olah mengambarkan, guru mampu mengembangkan kecerdasan emosi mereka bagi membantu sekolah pentadbir sekolah, murid dan rakan sejawat dalam menguruskan tekanan dan memimpin dengan lebih berkesan. Maksudnya di sini, pembangunan kecerdasan emosi guru dalam kepimpinan guru sangat penting untuk memenuhi keperluan pentadbir, rakan sejawat dan murid yang terlibat dalam mengembangkan visi bersama untuk sekolah mereka, mengekalkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


fokus pada pencapaian tinggi untuk semua murid dan mewujudkan budaya kepercayaan dan rasa hormat kepada sekolah (Valente et al., 2020). Daripada penerangan di atas jelaslah bahawa, kepimpinan guru di sekolah dan kecerdasan emosi guru yang hebat dapat membantu meningkatkan pengaruh terhadap rakan sekerja, peningkatan diri dari segi pembangunan profesionalisme yang berterusan, membantu kemenjadian murid yang berterusan dan fokus kepada untuk mencapai visi dan misi sekolah.

#### 2.7.2.1 Kesedaran Diri Guru

Fteiha dan Awwad (2020) menjelaskan seseorang guru mesti mempunyai pemahaman dan amalan kemahiran asas dalam kesedaran diri sendiri yang baik agar berjaya menjalin hubungan dengan murid, rakan sejawat dan masyarakat. Malah guru juga dapat menguruskan emosi dan faham akan kekuatan dan kelemahan diri serta memahami perasaan sendiri. Guru juga dapat mengenali kekuatan dan batasan mereka sendiri, terbuka dalam menerima maklumat dan pengalaman baharu dan belajar dari interaksi mereka dengan orang lain. Goleman menunjukkan bahawa orang yang mempunyai kesedaran diri mempunyai rasa humor yang baik, yakin pada diri dan kemampuan diri dan menyedari bagaimana tanggapan murid, rakan sejawat dan masyarakat terhadap diri guru itu sendiri.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


#### 2.7.2.2 Pengawalan Kendiri Guru

Goleman menjelaskan pengawalan kendiri ialah kebolehan mengurus emosi diri dengan cara yang sesusai dalam pelbagai situasi agar dapat memudahkan sesuatu tugasan. Ini tidak bermaksud seorang guru perlu meletakkan emosi dalam keadaan terkunci dalam hati dan menyembunyikan perasaan sebenarnya. Seorang guru perlu mengawal diri dari menyatakan dan hanya mengekspresikan emosi itu pada waktu dan masa yang tepat. Guru yang mahir dalam pengawalan kendiri cenderung dapat menyesuaikan diri dengan baik untuk berubah. Mereka juga pandai menguruskan konflik dan mengawal keadaan tegang atau sukar dengan cara yang berhemah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

#### 2.7.2.3 Motivasi Kendiri Guru

Seorang guru berupaya menggunakan kekuatan peribadi dalam diri untuk mempengaruhi murid, rakan sejawat dan masyarakat dalam meningkatkan dan mencapai sesuatu matlamat, komitmen terhadap matlamat atau kesediaan guru untuk bertindak berdasarkan peluang yang ada (Pekaar et al., 2020). Proses bertindak dalam mencapai sesuatu matlamat ini datang dari faktor dalaman diri atau luaran diri. Oleh itu guru memerlukan motivasi dalam diri untuk menjadi seseorang yang mempunyai kemahiran kecerdasan emosi dalam motivasi kendiri. Ini kerana guru lebih cenderung melakukan tindakan untuk menetapkan matlamat apa yang diingini. Mereka mempunyai keperluan yang tinggi untuk pencapaian dan selalu mencari jalan untuk melakukan yang lebih baik. Mereka juga sangat komited dan pandai mengambil inisiatif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


#### 2.7.2.4 Empati Guru

Goleman menghuraikan empati ialah perasaan prihatin atau peka kepada emosi orang lain. Oleh itu, seorang guru yang sensitif dan prihatin kepada emosi orang lain terutamanya kepada murid dan rakan sejawat mampu memahami perasaan murid dan rakan sejawat melalui bahasa bukan lisan seperti tutur bicara, gerak geri dan gambaran wajah mereka. Empati mungkin mendasari hubungan tingkah laku kepimpinan seperti pertimbangan, yang dicirikan oleh rasa saling percaya, menghormati dan menyokong idea orang lain, dan penghargaan terhadap perasaan mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

#### 2.7.2.5 Kemahiran Sosial Guru

Guru perlu mempunyai kemahiran sosial terutama dalam kerja berpasukan. Kemahiran sosial memupuk hubungan yang mempunyai kemahiran interpersonal yang baik. Guru juga dapat berasa selesa dengan orang lain dengan mudah. Guru yang mempunyai sikap sebegini cenderong untuk mempunyai murid yang meminati mereka dan rakan guru yang mudah mesra dengan mereka.

### 2.8 Pengukuran Konstruk

Menurut Manheim dan Rich (1995) teori terdiri daripada hubungan antara konstruk dan abstrak. Teori pengujian memerlukan pengukuran konstruk dengan tepat, betul

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


dan secara saintifik sebelum kekuatan hubungan mereka dapat diuji dalam pengukuran. Pengukuran merujuk kepada pemerhatian yang teliti terhadap sesuatu fenomena dan merupakan inti pati penyelidikan secara empirikal. Walaupun beberapa konstruk dalam penyelidikan sains sosial seperti usia, berat badan atau saiz sesebuah syarikat mungkin mudah diukur berbanding seperti konstruk kreativiti, kesungguhan atau emosi, mungkin jauh lebih sukar untuk diukur. Oleh itu, proses konseptualisasi dan operasionalisasi yang berkaitan dengan pengukuran sesuatu konstruk adalah penting sebelum penyelidik membina item bagi setiap sub konstruk yang diperolahi daripada konstruk.

### 2.8.1 Konseptualisasi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penyelidikan selalu berdasarkan data yang boleh dipercayai dan kaedah yang digunakan untuk mengumpul data ini. Kaedah saintifik memudahkan proses ini untuk mendapatkan hasil yang berkualiti dalam penyelidikan. Penyataan masalah dalam penyelidikan adalah langkah pertama untuk memulakan penyelidikan. Pada tahap ini, penyelidik harus mempunyai pemahaman yang jelas tentang definisi dan istilah yang digunakan dalam penyelidikan sehingga tidak ada kekeliruan yang timbul mengenai penafsiran dan pengukuran dalam sesuatu konstruk atau konsep (Ismail, Yunus & Awang, 2016). Ini memerlukan pemahaman mengenai proses konseptualisasi.

Proses analisis data dalam penyelidikan memerlukan penyelidik memahami konsep bagaimana konsep itu akan diukur. Konsep yang dibina dalam penyelidikan akan menjelaskan konstruk yang akan diukur dalam kajian. Konseptualisasi ialah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


menukar idea yang abstrak kepada konsep yang lebih jelas dan nyata. Proses ini akhirnya membawa kepada penghuraian konsep yang lebih bermakna dan akhirnya membawa kepada penciptaan item-item yang ingin diukur dengan lebih spesifik atau boleh dimanipulasikan. Sebahagian pembolehubah boleh diukur dengan mudah, namun terdapat pembolehubah yang sukar diukur kerana ia bersifat konsep, idea atau berbentuk teoretikal. Namun, apabila pembolehubah ini ditukar dengan menggunakan satu set kenyataan, satu kumpulan soalan, satu set item atau pelbagai bentuk soalan yang membentuk suatu variabel ia akan boleh diukur (Ismail, Yunus & Awang, 2016).

Biringen (2000) menjelaskan bahawa konseptualisasi adalah penjelasan untuk menentukan sesuatu penyataan dengan tepat apa yang akan dimaksudkan oleh penyelidik lain dalam kajian yang lain dan tidak membawa maksud yang sama dalam penyataan yang kita gunakan dalam penyelidikan kita. Seperti contoh perkataan yang menunjukkan tentang kata-kata abstrak iaitu kepuasan, kebahagiaan, sihat dan lain-lain. Kita tidak dapat meneliti perkataan ini sehingga kita tahu dengan tepat apa yang menerangkan maksud perkataan itu dalam sesuatu situasi atau fenomena yang berlaku. Perkataan sebegini memberi makna yang samar-samar dan tidak ditentukan dengan tepat sehingga melalui proses yang paling mendasar iaitu konseptualisasi (Sequeira, 2014).

Istilah konsep juga disebut sebagai konstruk merujuk pada penterjemahan akhir konseptualisasi. Konsep boleh berupa kata atau kumpulan situasi atau idea yang kompleks disebut dengan perkataan. Konsep boleh berupa kata atau simbol yang digunakan untuk mewakili makna keseluruhan. Untuk memahami sepenuhnya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


penerangan konsep yang diberikan, setiap konsep dalam definisi itu juga mesti difahami. Di samping mengatur penelitian ke dalam makna keseluruhan, konsep juga perlu disusun mengikut sesuatu situasi atau fenomena.

Oleh hal demikian, dalam kajian ini penyelidik membina IPKGM dengan melakukan sorotan literatur bersandarkan teori dan model yang diukur iaitu komitmen guru, kompetensi guru dan kecerdasan emosi guru serta melakukan konseptualisasi dan operasionalisasi bagi setiap konstruk untuk dijadikan pengukuran dalam satu kumpulan data dan data tersebut dianalisis menggunakan analisis pengukuran Model Rasch. Walaupun proses pengumpulan data adalah interaksi yang kompleks antara proses konseptual dan proses pengukuran yang sebenarnya namun ia bergantung kepada kajian penyelidik dalam menjawab objektif kajian yang telah dibina bagi setiap kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 2.8.2 Operasionalisasi

Saunders et al. (2018) mendefinisikan konseptualisasi, penjelasan apakah konstruk yang dikaji dengan menunjukkan bagaimana ia berkaitan dengan konstruk lain. Penjelasan ini dan semua konstruk yang dirujuk oleh penyelidik bersifat abstrak iaitu terdiri hanya membawa maksud yang nyata dan konkrit seperti pemikiran seseorang apabila melihat sesuatu fenomena berlaku di depan mata. Untuk menjelaskan konstruk dalam sesuatu kajian, penyelidik mengaitkan antara sesuatu konstruk dengan konstruk yang berada dalam kajian penyelidik. Proses ini dinamakan operasionalisasi. Definisi operasi ini menerangkan pemboleh ubah yang akan dikaji sebagai petunjuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


dan prosedur yang digunakan untuk mengukurnya. Penyelidik memerlukan definisi operasionalisasi kerana penyelidik tidak dapat mengukur apa-apa tanpa definisi operasionalisasi, walaupun mempunyai definisi yang amat baik dalam konseptualisasi.

Menurut Mahamod dan Alias (2012) operasionalisasi konstruk merupakan suatu langkah penelitian, dimana penyelidik menurunkan konstruk penelitian ke dalam konsep yang memuat item-item yang lebih terperinci dan dapat diukur. Fungsi operasionalisasi ini adalah memudahkan penyelidik dalam melakukan pengukuran. Pengukuran yang baik dapat ditentukan oleh seberapa tepat item-item yang diurai memberikan gambaran tentang sub konstruk. Hal ini merujuk kepada bagaimana penyelidik mengklasifikasikan suatu sub konstruk dalam satu konstruk tertentu. Selain itu, operasionalisasi ini juga membolehkan penyelidik yang lain merujuk definisi sesuatu konstruk dalam kajian yang dijalankan, mengurangkan kekeliruan dan membenarkan penyelidik melakukan justifikasi yang lebih jelas bagi setiap konstruk.

Dalam operasionalisasi pula ia melibatkan julat variasi, variasi antara julat minima dan maksima, catatan mengenai dimensi, mendefinisikan pemboleh ubah dan atribut, tahap pengukuran item tunggal untuk pelbagai petunjuk dan kriteria kualiti pengukuran. Operasionalisasi adalah pengembangan prosedur penyelidikan khusus yang akan menghasilkan pemerhatian empirikal yang mewakili konsep. Oleh hal demikian, dalam mengukur sesuatu item, penyelidik perlu menetapkan item-item berada dalam satu sub konstruk yang sama dan untuk menjadikan operasionalisasi lebih berkesan, penyelidik mesti memilih petunjuk yang merangkumi atau menggambarkan konsep teori yang digunakan dalam kajian dengan sebaik-baiknya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Setelah penyelidik mengenalpasti dan mentakrif konstruk berdasarkan sorotan literatur, model, teori dan melakukan konseptualisasi serta operasionalisasi, penyelidik menyediakan jadual penentuan item (JPI). Hal ini adalah kerana jadual penentuan item (JPI) dibina dengan merujuk kepada tujuan kajian dijalankan. Ia juga mengandungi data-data penting mengenai item dan dengan itu boleh meninggikan lagi tahap objektiviti dan kesahan isi pengujian menulis item dan keputusan mengenai item mana yang akan digunakan ditentukan oleh proses konseptualisasi dan operasionalisasi yang akan dilakukan. Setelah itu, item-item ini akan melalui proses kebolehpercayaan item dan kesahan item. Kemudian penyelidik akan menyediakan indeks dan data pengukuran.

Skala pengukuran dapat diklasifikasikan kepada empat kategori iaitu data nominal, data ordinal, data interval dan data ratio (nisbah). Data nominal iaitu data dengan menggunakan kategori, nama atau label dan lebih bersifat horizontal. Kedua ialah data ordinal. Data ini boleh disusun mengikut turutan namun tidak boleh mengukur perbezaan di antara dua data. Dengan kata lain, data ordinal boleh memberikan nilai numerik tetapi tidak dapat melakukan operasi dalam matematik. Biasanya digunakan untuk mengukur sikap, tanggapan dan lain sebagainya. Ketiga ialah data interval atau sela yang dihasilkan dari pengukuran data ordinal yang di boleh disusun. Keempat ialah data ratio (nisbah) iaitu data ratio mempunyai nilai kosong secara mutlak.

Konklusinya, proses membina instrumen adalah lebih kompleks kerana item yang dibina melibatkan banyak proses seperti konseptualisasi dan operasionalisasi dan terus kepada pemilihan item dan setiap item itu pelu dikaji dan diukur mengikut

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


skala yang ditetapkan oleh penyelidik. Oleh hal yang demikian, penyelidik perlu mengenal pasti setiap data tersebut kerana yang pertama jenis skala tersebut memberikan penyelidik maklumat data yang berbeza. Justeru, amat penting bagi penyelidik untuk memilih jenis data yang dapat memberikan maklumat yang lebih banyak agar persoalan penyelidikan dapat dijawab dengan baik. Yang kedua, melalui jenis skala pengukuran, kita dapat mengenal pasti jenis analisis data yang dapat digunakan seperti yang telah dijelaskan sebelum ini. Oleh itu, jenis skala pengukuran amat berkait rapat dengan pembentukan instrumen soal selidik dalam setiap kajian.

## 2.9 Pembinaan Instrumen

Dalam reka bentuk dan pembinaan instrumen ini penyelidik menggunakan model pembinaan instrumen Miller, Lovler dan Mcintire (2013). Model ini diadaptasikan oleh penyelidik sebagai landasan panduan dalam proses pembinaan IPKGM. Cohen dan Swerdlik (2013) menjelaskan instrumen seperti soal selidik adalah bentuk pengumpulan data yang paling kerap digunakan dalam penyelidikan sosial. Alat-alat pengukuran ini boleh diguna pakai apabila dibina dengan cara dan langkah yang betul. Oleh itu, pemahaman yang lebih baik mengenai perkembangan instrumen dalam bidang sains sosial bergantung pada pemahaman mengenai sejarah dan kepentingannya.

Pada masa kini, instrumen juga diperlukan dalam mengenal pasti masalah dan menjadi penyelesaian terbaik. Oleh itu, pengenalan instrumen baru adalah relevan. Walaupun instrumen untuk mengukur fenomena tertentu dalam bidang sains sosial

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


sudah dikembangkan, instrumen ini mungkin tidak sesuai dalam konteks yang berbeza atau negara dengan budaya dan amalan yang berbeza (Khairuddin et al., 2018). Oleh itu, penyelidik harus mengkaji instrumen asal bagi setiap fenomena, terutama semasa proses pembinaan instrumen. Pembinaan instrumen yang baik adalah proses yang memerlukan mengenal pasti konstruk, penjanaan item dan pertimbangan dari segi urutan item dan kesesuaian kata dan bahasa yang digunakan.

Dalam kajian bidang sains sosial, banyak istilah telah digunakan untuk menggambarkan alat pengukuran, dengan perkataan seperti instrumen, skala dan soal selidik yang biasa digunakan oleh para sarjana dan penyelidik. Sementara itu, terdapat istilah yang lebih canggih seperti inventori. Istilah-istilah tersebut juga sering digunakan secara berganti ketika membincangkan mengenai pembinaan instrumen. Ini menimbulkan persoalan sama ada istilah ini mempunyai makna yang serupa atau berbeza. Jadual 2.5 menerangkan maksud bagi setiap istilah alat pengukuran.

**Jadual 2.5**

*Istilah Alat Pengukuran*

| Istilah | Maksud | Sumber |
|---|---|---|
| Pengukuran | Pengukuran adalah penugasan angka kepada objek atau peristiwa mengikut peraturan | (Stevens, 1946) |
| Instrumen | Instrumentasi merujuk pada alat atau sarana yang digunakan penyelidik untuk mengukur pemboleh ubah atau item yang dikaji dalam proses pengumpulan data | (Webster, 1998) |
| Skala | Koleksi item digabungkan menjadi skor komposit dan bertujuan untuk mendedahkan tahap pemboleh ubah teoritis yang tidak dapat dilihat dengan cara langsung | (Xie & DeVellis, 1992) |
| Soal Selidik | Soal selidik adalah satu set soalan standard, yang sering disebut item, yang | (Krosnick & Presser, 2010) |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


| Istilah | Maksud | Sumber |
|---|---|---|
| | mengikuti skema tetap untuk mengumpulkan data individu mengenai satu atau lebih topik tertentu | |
| Inventori | Inventori boleh digambarkan sebagai senarai sifat, keutamaan, sikap atau kemampuan yang digunakan untuk menilai ciri atau tret-tret personaliti | Sidek Mohd Noah (2001) |

Jelaslah bahawa, instrumen kajian adalah alat yang digunakan untuk memperoleh, mengukur dan menganalisis data dari sampel kajian bagi keseluruhan topik penyelidikan. Penyelidik boleh menggunakan jenis instrumen yang akan digunakan berdasarkan jenis kajian yang penyelidik jalankan iaitu kaedah kuantitatif, kualitatif atau campuran *(mix-method)* (J. W. Creswell, 2007). Penyelidik juga boleh memilih sama ada hendak menggunakan instrumen sedia ada yang telah dilakukan kesahan dan kebolehpercayaan serta kajian rintis atau penyelidik boleh menggunakan instrumen baru bahkan membina instrumen sendiri.

Taber (2018) menjelaskan instrumen merujuk kepada alat atau cara yang digunakan penyelidik untuk mengukur pemboleh ubah atau item yang hendak di kaji dalam proses pengumpulan data. Proses pengumpulan data ini juga bukan hanya dinilai berdasarkan instrumen, tajuk, domain, item dan skala malah kepada siapa diberikan instrumen ini. Instrumen adalah peringkat yang digunakan oleh penyelidik untuk mengumpulkan data. Selain itu, selama proses pengumpulan data, penyelidik mungkin gagal mengetahui bahawa terdapat perubahan dalam alat ukur yang menyebabkan hasil dapat yang tidak dapat menjawab objektif kajian dan soalan kajian. Oleh itu, instrumen juga memerlukan kesahan dan kebolehpercayaan pakar dan melalui beberapa proses pembinaan (J. W. Creswell, 2007).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Namun terdapat beberapa langkah untuk membina instrumen ini mengikut beberapa kajian yang telah dijalankan oleh penyelidik. Dalam kajian Krishnan dan Howe (1994), penyelidik menggunakan empat peringkat membangunkan instrumen untuk menilai pemahaman konseptual dalam kajian yang dijalankan. Langkah pertama ialah dengan mengenal pasti konstruk yang hendak diukur dan dinilai (J. W. Creswell, 2007). Gable (1986) menerangkan konstruk penting kerana menerangkan konsep yang diterangkan secara terperinci dan spesifik sehingga ia dapat diukur. Konstruk juga dikategorikan sebagai perkara yang diukur dari sesuatu instrumen yang ingin ditadbir. Kline (2015) menerangkan konstruk ialah perkara yang boleh diukur dan dinyatakan secara jelas dalam bentuk definisi konseptual dan diterjemahkan dalam bentuk operasional dengan membina penyataan item yang boleh mengukur konstruk tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jelaslah bahawa, untuk membina instrumen memerlukan konsep umum dan konstruk yang sah dengan tambahan teori yang kuat. Sauter (2002) telah menyimpulkan bahawa masalah dalam sains sosial muncul ketika sesuatu instrumen kekurangan teori yang kukuh tetapi para penyelidik masih meneruskan usaha mereka untuk membina instrumen. Maravelakis (2019) juga menunjukkan bahawa teori yang baik dan pengukuran yang baik sering menjadi prasyarat untuk mendapatkan standard pengukuran yang tepat. Konsep biasanya berdasarkan teori. Untuk membina instrumen memerlukan teori yang kukuh dan diterima secara meluas dalam bidang kajian. Oleh itu, kemampuan untuk pembinaan instrumen bergantung kepada keadaan teori.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 2.9.1 Model Miller

Dalam salah satu daripada Teori Respons Item (TRI), model Miller adalah bertepatan penggunaan pada peringkat pembinaan instrumen kerana langkah pembinaan instrumennya yang sangat bersesuaian dengan model Rasch. Sfakianaki dan Kakouris (2019) menunjukkan bahawa kesemua pembinaan instrumen CTT dan TRI adalah sama kecuali berbeza pada pembinaan instrumen, pengujian item pada lapangan, kefungsian skala, unidimensi dan kajian kesahan dan kebolehpercayaan. Dalam model pembinaan instrumen yang digunakan sebagai asas dalam kajian ini ialah model Miller, Lovler dan Mcintire (2013).

Model Miller, Lovler & Mcintire (2013) yang asas mencadangkan 10 langkah proses pembinaan instrumen iaitu 1: mentakrif konstruk, menentukan tujuan dan sasaran instrumen; langkah 2: mereka bentuk intrumen; langkah 3: membina item instrumen; langkah 4: menyediakan arahan pentadbiran dan penskoran instrumen; langkah 5: mengendalikan kajian rintis; langkah 6: melakukan analisis item; langkah 7: menyemak instrumen; langkah 8: menguji kesahan dan kebolehpercayaan instrumen; langkah 9: menentukan norma dan langkah 10: menyediakan manual.

Namun penyelidik mengugurkan dua langkah iaitu langkah kesembilan dan langkah kesepuluh. Ini kerana dalam kajian ini penyelidik membina instrumen yang menilai ciri-ciri kepimpinan guru yang berbentuk soal selidik. Menurut Barrick dan Mount (1993) penilaian ciri-ciri ini adalah penilaian afektif yang menilai sikap dan personaliti. Langkah kesembilan bersesuaian untuk pembinaan ujian yang membandingkan pencapaian seseorang murid dengan murid yang lain. Manakala

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


langkah kesepuluh bagi menyediakan manual adalah prosedur penyediaan, pelaksanaan dan pengendalian bagi sesuatu ujian.

Kesemua lapan langkah pembinaan instrumen bagi kajian ini adalah diadaptasi oleh penyelidik daripada model Miller, Lovler & Mcintire (2013) sebagai landasan panduan dalam proses pembinaan IPKGM. Bagi mengaplikasikan model pembinaan instrumen tersebut, Rohaya (2009) dan Azman (2012) mencadangkan kaedah tiga fasa bagi memudahkan proses pembinaan IPKGM. Tiga peringkat dalam kajian ini ialah Fasa I iaitu pembentukan konstruk dan pembinaan item, Fasa II ialah kajian rintis dan Fasa III ialah kajian sebenar dan pengesahan.

### 2.9.2 Kajian Lepas Berkaitan Pembinaan Instrumen

Instrumen adalah nadi penyelidikan, dengan hampir semua penyelidikan empirikal sangat bergantung pada aspek ini (Goldstein, 2012). Istilah ini juga digunakan secara bergantian dengan terminologi lain termasuk pengukuran, skala, soal selidik dan inventori. Dalam pembinaan instrumen, penyelidik perlulah mengenal pasti masalah kajian serta membuat tinjauan terhadap kajian-kajian yang berkaitan melalui sorotan literatur. Kemudian, penyelidik akan membuat penekanan dalam hasil sorotan literatur dengan membincangkan perkara yang berkaitan dengan reka bentuk dan pembinaan instrumen dengan berasaskan model dan teori yang berkaitan dengan bidang yang dikaji oleh penyelidik itu sendiri.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Dalam kajian Azman Hasan (2012) yang bertajuk Instrumen Penilaian Pembimbing Dalam Pelaksanaan Pembelajaran Berasaskan Kerja Pelajar Di Industri telah membina satu instrumen penilaian pembimbing dengan menggunakan lima konstruk yang didapati dari sorotan literatur iaitu peranan, pengetahuan, maklum balas, sifat peribadi dan model peranan. Kemudian penyelidik melakukan temu bual untuk mendapatkan lagi maklumat berkaitan dengan pembentukan konsep dan item bagi pembinaan instrumen. Dalam kajian ini juga, instrumen yang dibina menggunakan model sandaran Model Miller yang telah dibahagikan kepada tiga fasa utama. Tambahan lagi, dalam kajian ini penyelidik menggunakan kaedah kuantitatif untuk analisis data dengan menggunakan Model Rasch.

Seterusnya kajian Ellyza Karim (2020), Pembinaan dan Pengesahan Instrumen Kemahiran Proses Sains. Pembinaan instrumen ini untuk mengukur perkembangan psikometrik. Oleh hal yang demikian, sebuah instrumen pentaksiran kendiri yang digelar Ujian Kemahiran Proses Sains (KePSa) dibina sebagai salah satu alat ukur yang sah secara empirikal. Reka bentuk kajian tinjauan digunakan dengan kaedah kuantitatif sebagai cara menganalisis data. Data dianalisis menggunakan perisian Microsoft Excel, Statistik IBM SPSS versi 22 dan Winsteps versi 3.73. Untuk tujuan pengesahan pakar, penyelidik menggunakan kaedah Fuzzy Delphi untuk mencapai konsensus bagi kesahan kandungan. Pakar yang digunakan ialah seramai 13 orang pakar bidang pendidikan sains.

Kajian Yaakub (2013) yang bertajuk Pembinaan dan Pengesahan Instrumen Literasi Alam Sekitar Pelajar Sekolah Menengah membina instrumen literasi alam kepada murid Tingkatan Dua dan Tingkatan Empat dari sekolah menengah harian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


biasa. Konstruk untuk instrumen ini ialah literasi alam yang diambil dari mata pelajaran Pendidikan Alam Sekitar yang di ajar dalam mata pelajaran Geografi, Sains, Sejarah, Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris dan Agama. Perlaksanaan dalam kajian ini melibatkan empat langkah iaitu menentusahkan konstruk literasi alam sekitar, pembinaan ILASPSM, kesahan dan kebolehpercayaan (Kajian Rintis 1 dan Kajian Rintis 2) dan menjalankan kajian sebenar. Penyelidik juga menggunakan kaedah *Fuzzy Delphi* untuk menentusahkan konstruk dengan menemubual secara ringkas bersama empat panel Delphi yang berpengalaman dan dengan beberapa kumpulan pelajar dijalankan bagi mendapatkan maklumat dan pandangan mengenai konstruk literasi alam sekitar.

Kajian Ismail (2018) iaitu Pembinaan dan Validasi Instrumen Perkembangan Sosioemosi Kanak-Kanak Pra Sekolah Menggunakan Model Pengukuran Rasch bertujuan untuk membina dan menentusahkan Instrumen Perkembangan Sosioemosi Kanak-kanak Prasekolah (IPSP) bagi mengukur perkembangan sosioemosi kanak-kanak berusia lima hingga enam tahun. Kajian ini menggunakan Model Miller bagi tujuan pembinaan instrumen. Tiga konstruk utama yang dijadikan konstruk pengukur dalam kajian ini ialah mengurus emosi, membina emosi positif dan membina hubungan sosial. Analisis yang digunakan dalam kajian ini ialah Pengukuran Rasch melalui *Principal Component Analysis* (PCA) dan kesepadanan item seperti MNSQ dan *polarity* item (PTMEA).

Selain itu, kajian Radzi (2017) yang bertajuk Pembinaan dan Pengesahan Instrumen Pentaksiran Prestasi Standard Awal Pembelajaran Perkembangan Awal Kanak-Kanak. Kajian ini mengenal pasti empat faset pengukuran iaitu item dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


domain, kanak-kanak, penilai dan kebezaan kefungsian faset dengan kumpulan umur dalam enam domain pembelajaran awal kanak-kanak. Instrumen yang dibina menggunakan Model Miller sebagai asas pembinaan. Analisis pengujian item-item dilakukan menggunakan perisian Facets 3.71 dan EduG 2.0. Dapatan menunjukkan enam domain pembelajaran awal kanak-kanak memenuhi semua andaian model Facets Rasch. Seramai 278 orang kanak-kanak berumur dua hingga empat tahun daripada lapan buah taska di Selangor telah dipilih melalui teknik pensampelan bertujuan. Dalam kajian ini penyelidik melihat dari sudut metodologikal, iaitu proses pentaksiran kanak-kanak yang dilakukan lebih sistematik menggunakan model Facets-Rasch yang adil dan objektif.

Rentetan daripada kajian lepas bagi pembinaan intrumen ini, dapat dilihat bahawa kajian berkaitan dengan pembinaan instrumen ini masih relevan dilakukan berdasarkan bidang dan konstruk yang ingin diiukur oleh penyelidik. Hampir kesemua kajian di atas menggunakan model pembinaan Intrumen Model Miller sebagai model sandaran pembinaan instrumen. Ini kerana Model Miller adalah model pembinaan instrumen yang mempunyai langkah yang lengkap untuk membina instrumen. Dari segi analisis item, Model Pengukuran Rasch digunakan untuk analisis data rintis dan kajian sebenar bagi melihat item fit bagi setiap item dan kefungsian item atau unidimensi konstruk. Kaedah CVR dan CVI digunakan bagi menganalisis hasil pandangan daripada pakar untuk setiap konstruk dan item yang dibina. Langkah CVR dan CVI perlu diikuti oleh penyelidik bagi mendapatkan nilai setiap item selepas di analisis menggunakan perisian *Microsoft Excel*.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## 2.10 Teori Pengukuran

Pengukuran ialah satu proses pemikiran dan pengetahuan yang saling berkaitan yang menjadi asas pengukuran yang sah. Dalam analisis akhir, data yang berguna dan benar bergantung pada keberadaannya pada pembolehubah yang dapat diskalakan dan dapat dikesan yang diterjemahkan ke dalam pengukuran yang relevan, sah dan dapat dipercayai (Reeve, 2002). Humphry (2017) menakrifkan bahawa teori pengukuran juga dikenali sebagai teori psikometrik iaitu menyediakan asas untuk menilai ujian dalam pendidikan bersama penggunaanya dan penilaiannya. Kesahan dan kebolehpercayaan adalah konsep teori pengukuran yang paling asas. Bersama-sama, kesahan dan kebolehpercayaan memberikan asas utama untuk menilai kualiti teknikal dan kesesuaian penggunaan dan tafsiran hasil ujian pendidikan. Namun, untuk sifat-sifat psikologi pula seperti persepsi atau kemampuan merupakan suatu perkara yang subjektif dan memerlukan satu alat yang dipanggil instrumen untuk proses pengukuran.

Krebbs (1987) menyatakan bahawa bukti yang sah dapat digunakan dalam pengukuran dan sangat bergantung pada sejauh mana penilaian dilaksanakan. Beliau juga menyatakan bahawa sememangnya terdapat perkaitan antara pengukuran, pengujian dan penilaian dalam sesuatu proses dalam kajian penyelidikan di mana tujuan pengujian adalah lebih bersifat ringkas daripada penilaian. Pengujian merupakan cara atau prosedur yang digunakan dan penilaian pula ialah maklumat yang diambil dari hasil pengujian. Oleh yang demikian, pengujian dan pengukuran hanya menentukan nilai kuantitatif perubahan tingkah laku manakala penilaian pula

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


meliputi aspek kuantitatif dan kualitatif. Ini membuktikan bahawa tanpa pengujian dan pengukuran, penilaian tidak dapat dilakukan.

### 2.10.1 Teori Ujian Klasikal (*Classical Test Theory - CTT*)

Teori ujian klasikal (TUK) merangkumi sekumpulan konsep dan kaedah yang menjadi asas bagi banyak alat pengukuran pada masa kini yang digunakan dalam penyelidikan. Teori Pengujian Klasik (TUK) adalah merupakan teori ujian yang pertama berkisar tentang konsep skor sebenar, ralat pengukuran, indeks kebolehpercayaan, analisis faktor dan jumlah skala (DeVellis, 2006). Teori Pengujian Klasik merupakan satu teori statistikal yang mendasari kebanyakan teknik-teknik parametrik. Matlamat umum teori pengujian ini ialah untuk menentukan sama ada pemboleh ubah tidak bersandar memberi kesan atau mempunyai hubungan dengan pemboleh ubah bersandar. Teori ini merupakan teori yang dominan dan telah mengusai bidang pengukuran sains sosial masa kini. Ini adalah kerana, ia merupakan suatu teori yang ringkas dan merupakan suatu model yang linear.

Dalam penggunaan Teori Pengujian Klasik (TUK), kebolehan seseorang menjawab soalan dinyatakan sebagai markah yang diperoleh melalui ujian iaitu skor cerapan. Sekiranya ujian yang diberikan itu sukar, mereka tidak mampu untuk menjawab item berkenaan, maka individu tersebut dianggap berkebolehan rendah dan jika sebaliknya. Oleh yang demikian, ini menunjukkan bahawa kebolehan seseorang individu diterangkan berdasarkan skor ketika menjawab soalan ujian. Kebolehan ujian ditakrifkan sebagai korelasi skor ujian antara beberapa ujian selari yang ada. Teori

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Pengujian Klasik (TUK) mengandaikan bahawa individu yang mempunyai skor yang sebenar (T), yang akan diperolehi jika tidak terdapat sebarang kesilapan atau ralat dalam pengukuran (E). Skor sebenar seseorang individu itu ditakrifkan sebagai skor yang dijangka-betul bilangannya ke atas bilangan tidak terhingga, pentadbiran yang tidak bersandar terhadap ujian. Kebanyakan individu yang menjawab ujian hanya mematuhi skor cerapan tetapi tidak mematuhi skor sebenar. Ia diandaikan bahawa skor yang dicerap (X) adalah sama dengan skor sebenar (T) ditambah dengan beberapa ralat (E). Oleh yang demikian, prinsip asas dalam teori pengujian klasik adalah, dalam bentuk persamaan seperti berikut:

$X = T + E.$

X = skor ujian *(observed score)*

T = skor benar *(true score)*

E = skor ralat *(error score)*.

Sébille et al. (2010) merumuskan bahawa, statistik asas yang dinyatakan dalam Teori Pengujian Klasik dan kerap diaplikasi dalam analisis adalah (i) min sampel iaitu purata aritmetik; (ii) varians sampel iaitu satu cara yang sama mengukur penyebaran data; (iii) sisihan piawai sampel iaitu punca kuasa dua varians sampel di dalam unit yang sama ukuran sebagai pembolehubah asal; (iv) kovarians sampel iaitu ringkasan bagaimana dua pembolehubah X dan Y mempunyai hubungan linear (atau berbeza bersama-sama) (v) korelasi sampel iaitu kovarians skala semula, dan sama sekali tidak bersandar pada unit ukuran di mana sama ada pada X atau Y diukur. Ia adalah antara -1 hingga +1. Namun demikian, secara ringkas, Magno (2009) menjelaskan teori ini mengandaikan bahawa (i) min populasi bagi elemen ralat bagi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


populasi adalah sifar; (ii) korelasi antara skor sebenar dan skor ralat adalah sifar; (iii) korelasi antara skor ralat bagi pembolehubah X dan Y adalah sifar; dan (iv) skor ralat mempunyai taburan yang normal. Ralat pengukuran piawai boleh dinyatakan sebagai fungsi bagi kebolehpercayaan skor ujian dan varian.

Secara keseluruhannya, statistik-statistik yang diutarakan dalam teori pengujian ini sangat berguna dalam proses pembangunan ujian (Hembleton dan Jones, 1993) dan ia mempunyai beberapa kelebihan seperti (i) saiz sampel yang kecil boleh digunakan dalam analisis dan (ii) pengiraannya adalah mudah dan ringkas. Lain daripada itu, kelebihan dalam Teori Pengujian Klasik (TUK) adalah bahawa item yang dibina tidak perlu optimum. Item yang berkaitan hanya berada pada tahap sederhana untuk pemboleh ubah yang mendasarinya. Secara tradisional, kaedah analisis berdasarkan Teori Pengujian Klasik (TUK) telah digunakan untuk menilai ujian. Fokus analisis adalah pada jumlah skor ujian, kekerapan tindak balas yang betul (untuk menunjukkan kesukaran soalan), kekerapan tindak balas (untuk memeriksa pengganggu), kebolehpercayaan ujian dan korelasi item-total (untuk menilai diskriminasi pada tahap item) (Impara & Plake, 1997). Walaupun statistik ini telah digunakan secara meluas, satu batasan adalah bahawa ia berkaitan dengan sampel yang diteliti. Oleh itu, semua statistik yang menggambarkan item dan soalan bergantung kepada sampel (Hambleton et al., 2000).

Secara total, Teori Pengujian Klasik (TUK) menyebabkan kebanyakannya analisis item yang dibuat kurang tepat. Selain itu, Teori Pengujian Klasik (TUK) adalah tentang andaian bahawa setiap individu mempunyai skor ujian yang sama dengan skor sebenar jika tiada ralat pengukuran. Namun konsep ini tidak mungkin

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


berlaku kerana alat ukur atau ujian yang dicipta oleh manusia tidak sentiasa sempurna, kemungkinan skor ujian untuk setiap individu mungkin berbeza berbanding kemampuan sebenar individu tersebut. Kelemahan ini diakui oleh pengamal Teori Pengujian Klasik (TUK) yang mengatakan bahawa ujian adalah alat ukur yang kurang tepat dan tidak terlepas daripada membuat kesilapan (Kaplan & Saccuzzo, 1997). Justeru, penyelidik mendapati kelemahan Teori Pengujian Klasik (TUK) ini dapat diatasi menggunakan kerangka Model Pengukuran Rasch.

### 2.10.2 Teori Respons Item (*Item Response Theory - IRT*)

Teori Respons Item (TRI) (Birnbaum, 1968; Lord, 1953) dan Model pengukuran Rasch (Rasch, 1960) digunakan mengira skor individu pada ujian yang terdiri daripada item yang dinilai sebagai diberi skor sebagai dikotomi dan politomi. Ramai penyelidik dan pakar penilaian pada hari ini, menyatakan bahawa Teori Respons Item (TRI) telah menggantikan Teori Pengujian Klasik (TUK) sebagai kerangka untuk pengembangan ujian, pembinaan skala, pelaporan skor dan penilaian ujian. Ia juga dikenali sebagai Teori Trait Pendam atau Teori Kelok Ciri Item (Hembleton dan Jones, 1993).

Teori ini merupakan suatu paradigma bagi reka bentuk, analisis, pemarkahan ujian, soal selidik dan instrumen untuk mengukur kebolehan serta sikap atau pemboleh ubah yang lain. Model respons item yang paling popular untuk ujian aneka pilihan adalah model satu-parameter (iaitu, Rasch) dan tiga-parameter. Sebilangan penyelidik cukup tetap dengan pendirian untuk menggunakan model satu parameter

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


sahaja dan agak kritis terhadap aplikasi model multi-parameter seperti model tiga parameter.

Dalam bidang psikometrik, Teori Respons Item (TRI) juga dikenali sebagai *Latent Trait Theory, Strong True Score Theory* atau *Modern Mental Test Theory* adalah paradigma untuk reka bentuk, analisis dan ujian yang melibatkan pemarkahan dan soal selidik. Selain itu instrumen yang dibina untuk mengukur kemampuan, sikap dan pemboleh ubah lain. Teori ini adalah untuk pengujian berasaskan hubungan antara pencapaian individu kepada item yang diuji dan tahap pencapaian individu yang diuji secara keseluruhan kemampuan mengikut item yang dirancang untuk diukur (Baker, 2001). Beberapa model statistik yang berbeza digunakan untuk mewakili kedua-dua item dan ciri penguji.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Embretson dan Reise (2013) menjelaskan istilah Teori Respons Item (TRI) adalah merujuk kepada penumpuan teori terhadap item dan bukan penumpuan kepada ujian tahap seperti yang dinyatakan oleh Teori Pengujian Klasik (TUK). Penggunaan istilah item pula digunakan kerana kebanyakan soalan yang dihasilkan tidak semestinya soalan. Terdapat pelbagai bentuk item yang dibina seperti berbentuk (i) soalan aneka pilihan bagi menguji kognitif subjek kajian; (ii) *rating* atau skala untuk mengenal pasti persepsi atau pendapat; dan (iii) pilihan jawapan Ya atau Tidak seperti soalan jenis skala dikotomi.

Teori ini adalah berdasarkan idea yang menyatakan bahawa kebarangkalian respons yang betul terhadap item adalah merupakan fungsi matematik terhadap individu dan parameter item. Berdasarkan teori ini, parameter individu dipanggil

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


sebagai trait terpendam atau keupayaan individu dan sebagai contohnya seperti kepintaran seseorang atau sikap yang terpuji pada seseorang. Sofroniou (2014) berhujah bahawa pendekatan teori ini yang berbentuk linear mengandaikan bahawa prestasi individu dalam menjawab item dipengaruhi oleh trait terpendam tersebut dan parameter bagi item pula adalah seperti aras kesukaran, diskriminasi dan *pseudo*-meneka.

Teori Respons Item (TRI) secara amnya, dianggap sebagai suatu usaha peningkatan terhadap Teori Pengujian Klasik (TUK) dimana Teori Respons Item (TRI) menyediakan suatu aplikasi yang lebih fleksibel serta menyediakan maklumat yang sofistikated berbanding Teori Pengujian Klasik (TUK). Sebagai contohnya, seperti ujian terhadap topik berkaitan komputer yang mana mampu dilakukan dengan Teori Respons Item (TRI) tetapi adalah mustahil dilakukan dengan menggunakan Teori Pengujian Klasik (TUK). Oleh kerana Teori Respons Item (TRI) menyediakan maklumat yang ditemui dan berguna, maka ia dapat membantu penyelidik meningkatkan kebolehpercayaan penilaian.

Teori Respons Item (TRI) mempunyai tiga andaian iaitu (i) suatu trait unidimensi diwakili dengan kebolehan; (ii) kebebasan setempat item dan (iii) respons seseorang terhadap item boleh dimodelkan dalam rumus matematik Fungsi Respons Item (FRI). Fungsi Respons Item (FRI) ialah satu fungsi matematik yang menghubungkan antara kebarangkalian jawapan betul bagi sesuatu item terhadap trait terpendam (kebolehan) bagi sesuatu item bertujuan mengukur trait terpendam. Teori sifat terpendam atau model sifat terpendam adalah teori psikometrik moden dalam erti kata yang boleh membimbing pemilihan projek dan penyediaan ujian. Teori Respons

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Item (TRI) menganggap bahawa subjek kajian mempunyai sifat terpendam atau trait terpendam yang perlu diperhatikan dalam analisis statistik yang dilakukan atas keberkesanan tindak balas ujian dalam ujian. Sifat terpendam bergantung kepada keupayaan yang berpotensi dan sering digunakan sebagai skor ujian menganggarkan potensi keupayaan subjek kajian.

Teori Respons Item (TRI) meletakkan tiga model berbeza yang digunakan bagi tujuan ujian pencapaian iaitu seperti (i) model 3 parameter logistik (3-PL); (ii) model 2 parameter logistik (2-PL) dan (iii) model 1 parameter logistik (1-PL). Namun, model yang paling kerap digunakan dalam pembinaan ujian adalah 3-PL. Hambleton dan Bollwark (1991) menghujahkan dalam model 1 parameter logistik (1-PL) menetapkan hubungan antara parameter kesukaran item (*bi*), model 2 parameter logistik (2-PL) ialah parameter diskriminasi (*ai*) ditambah kepada parameter kesukaran item dan model 3 parameter logistik (3-PL) ialah parameter meneka (*ci*) ditambah. Model yang paling kerap digunakan dalam pembinaan ujian adalah 3-PL.

Embretson dan Reise (2013) menjelaskan kebaikan teori ini adalah ia mampu untuk melakukan perbandingan di antara responden walaupun mereka tidak menjawab item-item ujian yang sama diberikan, dengan syarat semua item itu mengukur satu trait terpendam yang sama. Salah satu model pengukuran yang mengaplikasikan Teori Respons Item (TRI) adalah model pengukuran Rasch yang mana ia merupakan model 3-PL tetapi telah ditetapkan nilai *ai* dan *ci* dengan nilai angka atau kuantiti yang tetap nilaiannya (*constant*) bagi setiap item dalam ujian yang dibina.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## 2.11 Model Pengukuran Rasch

Model Rasch diperkenalkan oleh pelopor utama iaitu Georg Rasch seorang pakar Matematik yang menetap di Denmark pada tahun 1960. Model ini juga dikenali sebagai model satu parameter. Model satu parameter ini ialah kesukaran item dan tahap kebolehan *person* sahaja. Model Rasch pula didasari oleh Teori Respon Item (TRI). Teori Respon Item (TRI) juga disebut sebagai Teori Pendam atau Teori Keluk Ciri Item (ICC). Model ini berasaskan kajian mengasingkan kebolehan individu dari kualiti instrumen. Tanggapan dalam model ini dipengaruhi oleh kebolehan individu dan kesukaran ietm sahaja ketika individu merespons terhadap sesuatu item (Suárez-Falcón & Glas, 2003).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Model Pengukuran Rasch merupakan model yang paling popular bagi mendapatkan maklumat kesukaran item serta mengesan anggaran item yang tidak *bias*, tepat, cukup dan konsisten bagi setiap item dan individu yang diukur (Linacre, 2010). Menurut Ludlow dan Guida (1991), analisis Rasch dapat mengenal pasti masalah berkaitan kesahan konstruk, penggunaan item berulang, item yang tidak mengukur konstruk yang sama dan pengagihan item yang tidak sekata mengikut tahap kebolehan. Fox dan Jones (1998) menyatakan, Model Pengukuran Rasch dapat memberikan statistik tambahan seperti statistik keserasian, pola jawapan, padanan item dan individu, serta kebolehpercayaan individu dan kebolehpercayaan item. Menurut Linacre (2010), Model Pengukuran Rasch dapat memberi maklumat lebih terperinci tentang kualiti item ujian, skor ujian dan instrumen yang dibina dan seterusnya kesahan instrumen tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Penyelidik dalam dan luar negara menggunakan pendekatan Model Rasch adalah untuk melakukan pengesahan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen yang baru dibina (Adnan et al., 2019). Model ini mempunyai beberapa kelebihan kerana faktor linear, bebas, objektif, menyeluruh dan inferens boleh ditunjukkan dengan jelas dan disebabkan kelebihan ini penyelidik sering memilih Model Rasch ini (Eckes, 2014). Dalam setiap item yang dibina wujud parameter kesukaran sahaja dalam andaian Model Rasch. Seorang individu mempunyai wajaran 50:50 untuk berjaya pada soalan yang diberi pada aras kesukaran 0.00 logits. Keberangkalian untuk berjaya akan berkurang atau peluang kejayaan semakin tipis apabila item yang dibina itu bertambah sukar (Rasch, 1981).

Scores (2006) menegaskan bahawa dalam memenuhi prosedur model Rasch ini, penyelidik harus mengenal pasti item yang tidak memenuhi model Rasch (tidak fit) dengan nilai MNSQ atau nama (ZSTD) iaitu statistik kesesuaian yang seragam bagi setiap item. Ini dapat disimpulkan bahawa prosedur pertama ialah analisis keserasian item dipilih sebagai prosedur pertama. Scores (2006) kemudiannya menyatakan bahawa analisis item perlu dijalankan bagi mengetahui sama ada terdapat item yang bertindih atau item yang ditanya sebanyak dua atau lebih soalan pada satu masa yang sama. Dalam pembangunan sesuatu instrumen yang mempunyai sifat unidimensi, setiap item hanya boleh mengukur keupayaan tunggal (Wilkerson & Lang, 2006). Penyelidik turut menyifatkan model Rasch ini menggunakan item unidimensi yang perlu dipenuhi sebagai andaian paling asas dan paling kritikal (Myford & Wolfe, 2004).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Lynch dan McNamara (1998) menjelaskan Sebelum Teori Respon Item (TRI) dapat digunakan sepenuhnya, penilaian item adalah berdasarkan kepada prinsip bahawa beberapa andaian perlu dipenuhi dan dapat digunakan dalam beberapa aplikasi. Andaian yang dimaksudkan ialah kebebasan setempat, kesesuaian dan *unidimensionality*. Walaupun syarat ini melibatkan proses pengguguran item, namun ia boleh meningkatkan unidimensi bagi konstruk yang ingin diukur. Beberapa syarat asas model Rasch yang harus dipenuhi seperti andaian utama iaitu 1) kefungsian skala 2) unidimensi 3) keserasian item 4) polariti item 5) kebebasan setempat selain kriteria tambahan 6) kebezaan kefungsian item 7) pemetaan item individu 8) semakan skala pemeringkatan dan 9) indeks kebolehpercayaan dan indeks pengasingan.

Oleh hal yang demikian penyelidik bersandarkan kepada kerangka Model Pengukuran Rasch iaitu dengan menentukan susunan analisis yang perlu dilakukan bagi pemeriksaan dan penilaian ciri-ciri kepimpinan guru dilaksanakan dengan melihat kepada pematuhan IPKGM kepada andaian Model Pengukuran Rasch iaitu diagnosis yang sering digunakan dalam model pengukuran Rasch yang bertujuan untuk menguji dan memeriksa dalam menentukan kesahan dan kebolehpercayaan sesuatu instrumen. Di antaranya adalah (i) menguji kebolehpercayaan item dan responden, (ii) menguji indeks pengasingan item dan responden, (iii) menguji kebolehpercayaan ketekalan dalaman Cronbach Alfa, (iv) mengesan polariti item, (v) menguji kesesuaian *(fit)* item, (vi) menentukan korelasi residual terpiawai item, (vii) menentukan peta item-individu, (viii) mengesan (*differential item functioning-DIF)*, (ix) menentukan kefungsian struktur kategori skala pengukuran dan (x) mengenal pasti unidimensi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Selain itu, penggunaan Model Pengukuran Rasch dapat memberikan maklumat yang lebih menyeluruh tentang IPKGM dan membenarkan penyelidik menganggar ralat piawai pengukuran untuk setiap item ujian dalam skala dan sub skala yang diukur. Tambahan pula, Model Pengukuran Rasch dalam analisis kebezaan kefungsian item (*differential item functioning-DIF)* sangat membantu dalam mengesan item yang terdapat dalam IPKGM yang bias terhadap jantina.

Maklumat daripada kajian ini diharapkan dapat memantapkan lagi metodologi kajian terdahulu dengan prosedur lebih komprehensif hasil gabungan teori dan prinsip Model Pengukuran Rasch yang diperoleh daripada literatur terkini. Kelebihan lain Model Pengukuran Rasch dalam analisis IPKGM adalah tentang pengukuran trait terpendam iaitu sub skala komitmen guru, kompetensi guru dan kecerdasan emosi guru. Oleh sebab IPKGM bertujuan untuk mengukur trait terpendam dalam kalangan guru, pendekatan menggunakan Model Pengukuran Rasch dalam kajian ini sangat bertepatan.

## 2.12 Rumusan

Secara keseluruhannya, bab ini menjelaskan tentang teori yang digunakan untuk pembinaan IPKGM. Di samping itu juga penyelidik juga mengemukakan beberapa kajian lepas berkaitan dengan model, teori dan elemen bagi tujuan pembinaan instrumen dengan kesesuaian penggunaan metodologi yang pelbagai. Dalam pada itu, penyelidik juga membincangkan model, teori dan elemen yang berkaitan dengan komitmen guru, kompetensi guru dan kecerdasan emosi. Sorotan literatur juga

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


dibincangkan berkaitan dengan elemen yang dikaji bagi setiap konstruk sebagai bukti empirikal yang berperanan sebagai panduan dalam mencapai objektif kajian. Gabungan sorotan literatur berdasarkan teori dan model merupakan aspek penting dalam mencapai matlamat kajian iaitu membina IPKGM ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun

# BAB 3

# METODOLOGI

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 3.1 Pengenalan

Kajian ini berfokus terhadap mencapai objektif pembinaan dan menghasilkan IPKGM dengan membangun dan mengesahkan instrumen bagi penilaian ciri-ciri kepimpinan guru berteraskan tiga konstruk utama iaitu komitmen guru, kompetensi guru dan kecerdasan emosi guru. Model pengukuran Rasch digunakan bagi memeriksa kefungsian item dan mengesan kesahan, kebolehpercayaan instrumen serta mengesahkan instrumen yang dihasilkan. Setelah membuat langkah-langkah mengenal pasti masalah kajian dan membuat tinjauan terhadap sorotan literatur, penyelidik membuat penekanan dalam membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan rekabentuk kajian, populasi dan sampel kajian, instrumen kajian, langkah-langkah pengumpulan data serta kaedah analisis data.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## 3.2 Reka bentuk kajian

Kajian ini bertujuan untuk membina konstruk dan item IPKGM serta mengesahkan IPKGM. Reka bentuk dan pembinaan disimpulkan sebagai satu kajian yang sistematik berkenaan proses reka bentuk, pembinaan dan kesahan, bertujuan mendapatkan asas empirikal untuk penghasilan keluaran dan alat pengajaran dan model yang baru atau lebih baik yang merangkumi pembinaannya. Model kajian ini juga sesuai untuk pendekatan reka bentuk dan pembinaan pelbagai bidang kajian seperti kajian tentang reka bentuk, pembinaan atau kesahan instrumen, modul atau model (Abidin et al., 2021).

Reka bentuk kajian merupakan elemen yang penting dalam kajian kerana dapat membantu dan membimbing penyelidik ke arah mendapatkan maklumat dan data yang betul dalam kajian yang dilakukan. Pendekatan yang dipilih akan memberikan dapatan yang sah dan boleh dipercayai bagi mencapai objektif kajian serta menjawab persoalan kajian yang telah dinyatakan. J. Creswell et al. (2011) menyatakan bahawa reka bentuk kajian ialah satu perancangan dan struktur penyiasatan yang disediakan bagi mendapatkan jawapan bagi semua persoalan kajian. Manakala berdasarkan Hua (2016) menegaskan bahawa reka bentuk kajian ialah segala langkah atau prosedur yang diambil untuk mencapai semua matlamat kajian.

Kajian pembinaan instrumen ini menggunakan kerangka Reka Bentuk Urutan Penjelasan *(Sequential Explanatory Design)* kajian kualitatif dan kajian kuantitatif (J. Creswell et al., 2011). Bowen et al., (2017) dan Lalor et al., (2013) menjelaskan bahawa dalam konteks penyelidikan yang berkualiti, mendapati bahawa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


menggunakan pendekatan kualitatif dapat membantu memperjelas hasil yang diperoleh dari kajian kuantitatif. Penggunaan dua teknik penggumpulan data dapat memberi kefahaman secara mendalam dan data yang diperoleh lebih meluas (Merriam, 1998). Reka Bentuk Urutan Penerokaan *(Sequential Exploratory Design)* melalui tiga peringkat dalam kajian ini ialah Fasa I iaitu pembentukan konstruk dan pembinaan item, Fasa II ialah kajian rintis dan kajian III ialah kajian sebenar dan pengesahan. Bagi memastikan kajian ini dilaksanakan mengikut fasa dalam kajian sehingga hasil terakhir bertepatan dengan objektif kajian dan lebih teratur dan sistematik

Dalam melaksanakan kajian ini, Fasa I ialah menggunakan kaedah kualitatif dan Fasa II melibatkan kajian tinjauan dengan kaedah kuantitatif untuk memeriksa kefungsian item, kesahan dan kebolehpercayaan instrumen melalui data item persepsi yang diperoleh. Kajian berbentuk tinjauan digunakan oleh penyelidik kerana cara ini berkesan dan praktikal untuk mendapatkan maklumat (Fowler, 1998). Melalui kajian berbentuk tinjauan, pendapat, sikap dan tingkah laku dapat diukur (Fullan, 2015). Bersangkutan hal ini, ciri-ciri kepimpinan guru dalam tiga konstruk iaitu komitmen guru, kompetensi guru dan kecerdasan emosi guru yang dibina dengan mewujudkan item-item bersandarkan teori dan model serta dapatan daripada sorotan literatur dapat diukur.

Bowen et al. (2017) dan Shrotryia dan Dhanda (2019) mencadangkan dengan menggunakan pelbagai kaedah penghasilan sesuatu instrumen, kajian akan menjadi lebih kukuh serta hasil dapatan akan lebih bermakna dan lebih dipercayai. Penggunaan kaedah pelbagai dalam membina sesuatu instrumen memberikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


pemahaman yang lebih jelas bagi menjawab objektif kajian yang dibentuk. Pelbagai teknik penggumpulan data juga dapat memberi kefahaman secara mendalam dan data yang diperoleh lebih meluas (Merriam, 1998).

Secara keseluruhannya, data yang diperoleh secara kaedah data sekunder (dalam sorotan literatur, penyelidik memperoleh data dari membaca, meringkaskan atau mencatat data dari perpustakaan yang bersumberkan buku, jurnal dan sebagainya) yang dijadikan sebagai data bagi mengesahkan pemboleh ubah terlebih dahulu sebelum menjalankan pungutan data secara kaedah kuantitatif mengikut langkah pembinaan instrumen (Snyder, 2019).


Model pembinaan instrumen Miller, Lovler & Mcintire (2013) diadaptasikan oleh penyelidik sebagai landasan panduan dalam proses pembinaan IPKGM. Bagi mengaplikasikan model pembinaan instrumen tersebut, Rohaya (2009) dan Azman (2012) mencadangkan kaedah tiga fasa bagi memudahkan proses pembinaan IPKGM dan menghasilkan keputusan yang boleh dipercayai. Tiga peringkat dalam kajian ini ialah Fasa I iaitu pembentukan konstruk dan pembinaan item, Fasa II ialah kajian rintis dan kajian III ialah kajian sebenar dan pengesahan seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 3.1

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


**Rajah 3.1**

*Kerangka Reka Bentuk Kajian*




05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Ringkasnya tiga peringkat dalam kajian ini yang dicadangkan oleh Rohaya (2009) dan Azman (2012), memudahkan proses pembinaan IPKGM dan menghasilkan keputusan yang boleh dipercayai. Penggunaan kaedah ini, boleh diinovasikan kepelbagaian bentuk pembinaan instrumen mengikut fasa-fasa yang akan dilaksanakan dalam kajian. Sehubungan dengan itu, reka bentuk ini amat sesuai digunakan oleh penyelidik memandangkan matlamat kajian ini adalah membina IPKGM.

### 3.2.1 Fasa I: Pembentukan Konstruk dan Pembinaan Item

Model pembinaan instrumen Miller, Lovler & Mcintire (2013) telah diadaptasikan oleh penyelidik sebagai landasan panduan dalam proses pembinaan IPKGM. Dalam Fasa I dalam kajian ini, instrumen baru dibina bagi memenuhi analisis keperluan kumpulan sasaran responden yang ingin diuji, konstruk ujian yang mempunyai definisi terkini, serta meningkatkan kefahaman penyelidik tentang sesuatu konstruk yang ingin dikaji serta menggalakkan penyelidik untuk mencari kaedah baharu yang lebih berkesan untuk mengukur konstruk tersebut. Maka disebabkan itu instrumen baharu dibina (Gregory, 2015).

Hal ini bersangkut paut dengan kepentingan dalam kajian yang perlu diketahui oleh penyelidik sebelum memulakan kajian yang baharu. Dalam Fasa I ini, pembentukan konstruk dan pembinaan item adalah antara fasa yang penting kerana penyelidik perlu mengenal pasti setiap konstruk dan item yang dikaji dalam membina IPKGM melalui sorotan literatur. Sorotan literatur melibatkan analisis secara

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


sistematik melalui pembacaan dokumen berkaitan dengan aspek yang dikaji. Melalui sorotan literatur, penyelidik yang membina instrumen dapat mengenal pasti konstruk yang sering dikaji dan akan digunakan untuk mendefinisikan konstruk yang ingin diukur. Selain itu, penyelidik yang membina instrumen juga boleh memilih kajian yang terdahulu untuk mendapatkan input tentang konstruk yang ingin diwakili oleh item tertentu. Secara ringkasnya analisis secara sistematik adalah analisis terhadap analisis yang lain, ia melibatkan penggabungan hasil kajian yang setanding dan diambil kira untuk menemui kesan yang utama (Cohen, Manion, & Morrison, 2011).

Dalam konteks kajian ini, penyelidik membuat sorotan literatur berkait dengan elemen berkaitan dengan kepimpinan guru. Langkah ini bertujuan untuk mengenal pasti atribut-atribut ciri-ciri kepimpinan guru melalui tiga elemen utama iaitu komitmen guru, kompetensi guru dan kecerdasan emosi guru. Disebabkan IPKGM mengukur atribut dalam ilmu psikologi yang bersifat abstrak, penyelidik juga mengikut langkah-langkah penyusunan yang melibatkan proses konseptualisasi dan operasionalisasi daripada konsep. Berdasarkan konseptualisasi dan operasionalisasi daripada konsep, penyelidik menyusun item-item yang ingin diukur dalam IPKGM. Dapatan awal menerusi sorotan literatur ini menjadi asas dalam membentuk kerangka konsep awal kajian ini.

Sebagai sumber pengetahuan berkaitan tiga konstruk utama yang ingin di nilai iaitu komitmen guru, kompetensi guru dan kecerdasan emosi, teori dan model Komitmen Guru Firestone dan Rosenblum (1988), Teori Kompetensi Spencer dan Spencer (1993) dan Teori Kecerdasan Emosi Goleman (1995) dijadikan sandaran kepada tiga elemen yang dikaji. Manakala Model Pembangunan Profesionalisme

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Berterusan dan Teori Kepimpinan Guru dijadikan sebagai garis panduan dalam perincian penyataan prestasi yang patut dicapai oleh seseorang guru.

#### 3.2.1.1 Menentukan Tujuan dan Sasaran Instrumen

Tujuan pembinaan IPKGM ini untuk menilai ciri-ciri kepimpinan guru dalam kalangan guru di Daerah Petaling Perdana negeri Selangor. IPKGM merupakan *self-report questionnaire* yang melibatkan guru-guru akademik mengenal pasti dan menilai ciri-ciri kepimpinan guru yang ada dalam diri mereka sendiri. Guru boleh menggunakan IPKGM untuk menilai tahap kesediaan mereka dalam kepimpinan guru bagi mengembangkan laluan kerjaya mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tujuan kajian ditentukan berdasarkan kupasan literatur serta keperluan guru yang mempunyai kepimpinan guru seiring dengan dasar-dasar yang perlu dicapai dan meletakkan warga pendidik menjadi katalis barisan hadapan dalam meletakkan pendidikan negara setanding dengan negara-negara maju yang lain dan kekal relevan. Maka dengan mengambil kira teori yang menyokong kepada pemilihan kumpulan sasaran, penyelidik menetapkan bahawa bagi menilai ciri-ciri kepimpinan guru dalam kalangan guru di sekolah memerlukan persepsi dan maklum balas daripada guru.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 3.2.1.2 Mengenal Pasti dan Mentakrif Konstruk dan Item

Konstruk dan item dikenal pasti dan dibentuk melalui dua pendekatan sorotan literatur dan berdasarkan teori. Penyelidik membuat kupasan kajian literatur melalui integrasi model dan teori-teori berkaitan dengan kepimpinan guru serta elemen yang berkaitan dengan kepimpinan guru. Teori asas kepimpinan guru ialah Teori Kepimpinan Guru (Katzenmeyer & Moller, 2011) disamping model berasaskan guru di Malaysia iaitu Model Pembangunan Profesionalisme Berterusan.

Hasil daripada pendekatan ini maka penyelidik telah menggariskan konstruk yang telah dikenal pasti sebagai konstruk dalam menilai ciri-ciri kepimpinan guru. Konstruk yang dibentuk tersebut merupakan elemen yang penting dalam dalam pelaksanaan kepimpinan guru di sekolah. Konstruk penilaian ciri-ciri kepimpinan guru ini ditakrifkan berdasarkan model dan teori yang diperoleh melalui literatur hasil kupasan kajian penyelidik-penyelidik terdahulu. Takrifan ini juga akan dirujuk kepada pakar yang berkaitan dengan pelaksanaan IPKGM dan penambahan akan dilakukan berdasarkan keperluan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dalam pelaksanaan kepimpinan guru.

Bagi mendapatkan konstruk, sub konstruk dan item yang ingin disusun untuk menjadi IPKGM, penyelidik perlu memahami definisi konstruk, sub konstruk dan item. Perkaitan antara konstruk, sub konstruk dan item ini terletak pada proses konseptualisasi dalam tahap penyusunan item (Brians, 2010). Penjelasan mengenai konstruk, sub konstruk dan item merupakan pemahaman awal sebelum penyelidik menyusun item dalam instrumen. Dalam kajian ini konstruk yang dikaji ialah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


berkaitan dengan komitmen guru, kompetensi guru dan kecerdasan emosi guru. Konstruk merupakan konsep yang dikaji melalui bacaan sorotan literatur yang dijelmakan melalui idea atau abstrak dari hasil rangkuman dan pengumpulan pengetahuan atau penelitian yang dinyatakan dalam sesuatu tema. Isi daripada konstruk itu dinyatakan sebagai sub konstruk. Dalam sesuatu konstruk juga terdapat sub konstruk secara kumpulan atau tunggal. Konstruk-konstruk ini harus didefinisikan. Proses definisi ini disebut sebagai tahap konseptualisasi dalam pengukuran dan proses ini merangkumi identifikasi terhadap item-item dari setiap sub konstruk.

Rich et al. (2018) membincangkan tentang sesuatu konstruk boleh mempunyai lebih dari satu definisi mengikut teori yang ada. Namun definisi yang baik ialah daripada rangkuman dan pengumpulan oleh penyelidik melalui bacaan sorotan literatur dengan memilih teori yang tepat sebagai mendasari konstruk yang dikaji. Konstruk yang telah didefinisikan secara konseptualisasi juga perlu melakukan operasionalisasi dari konstruk yang ingin dinilai. Dalam proses operasionalisasi pula, penyelidik melakukan bacaan melalui teori yang relevan, membuat sintesis yang tepat mengikut kajian yang dijalankan. Proses konseptualisasi dan operasionalisasi konstruk ini lebih jelas didefinisikan berdasarkan teori yang mendasari setiap sub konstruk.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 3.2.1.3 Jadual Penentuan Item dan Penulisan Item

Jadual Penentuan Item merupakan satu panduan atau *templat* untuk membantu penyelidik yang menjalankan kajian berkaitan pembinaan instrumen dalam menyediakan atau menulis dimensi, item, sub konstruk dan elemen mengikut kriteria-kriteria yang ditentukan untuk menyediakan satu set instrumen yang mempunyai kesahan isi pengujian. Selain itu, ia juga dapat mengelakkan penyelidik menulis dimensi, item, sub konstruk dan elemen tanpa perancangan, yang menyebabkan hanya sebahagian objektif kajian sahaja diukur. Ini kerana Jadual Penentuan Item dibina dengan merujuk kepada penjelasan atau objektif atau tujuan kajian dijalankan (Faizal et al., 2014; Meerah et al., 2012).

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah ptbupsi

Bagi menghasilkan instrumen yang mempunyai item yang teragih dan seimbang dari aspek tahap kesukarannya, penyelidik telah menggubal item instrumen bagi setiap konstruk berdasarkan panduan dan rujukan daripada sorotan literatur kajian lepas serta model, teori dan dasar-dasar yang berkaitan dengan konstruk kajian. Selain itu, item-item perlu ditulis berdasarkan definisi operasi yang dihasilkan daripada konseptualisasi konstruk kajian. JPI dalam bab 4, menunjukkan kaedah penentuan dan pemilihan item melalui teori-teori sedia ada hasil daripada sorotan literatur. Tambahan pula, penentuan dan pemilihan item ini juga dipetakan mengikut komen dan cadangan pakar yang menyemak.

Seterusnya, item yang dihasilkan berpandukan kepada JPI yang telah dibentuk oleh penyelidik. Dalam pada itu, pembinaan IPKGM bertujuan untuk menilai ciri-ciri kepimpinan guru. Oleh itu, penyelidik menetapkan format penilaian berbentuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


penilaian diri, iaitu pemilihan jawapan yang dihasilkan adalah menggunakan skala likert lima mata. Skala ini dapat menghasilkan kebolehubahan yang lebih besar dan menunjukkan tahap sokongan persetujuan berdasarkan persepsi responden yang diperoleh melalui instrumen yang dibina. Item dibina oleh penyelidik berdasarkan sorotan literatur kajian lepas yang bersesuaian serta model, teori dan dasar-dasar yang berkaitan dengan konstruk kajian dan juga penyelidik melakukan konseptualisasi dan operasionalisasi bagi setiap konstruk yang ingin dikaji. Item juga dibina oleh penyelidik melalui kupasan idea penyelidik yang telah dipersetujui oleh pakar berteraskan rujukan literatur melalui teori-teori yang berkaitan dengan konstruk dan sub konstruk.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

#### 3.2.1.4 Kesahan Kandungan dan Muka

Kerlinger (1989) menakrifkan bahawa kesahan merujuk sejauh mana instrumen yang ditentukan kesahannya yang mampu mengukur apa yang hendak diukur. Sehubungan dengan itu, dalam kajian ini penyelidik menjalankan dua jenis kesahan iaitu kesahan muka dan kesahan kandungan. Kaedah ini akan menentukan kesahan item yang dibina seperti mana yang dinyatakan oleh Miles dan Huberman (1994) semakan pakar untuk kesahan adalah penting bagi memastikan bahasa dan kandungan yang dibina jelas dan memastikan kesahan pada IPKGM disemak isi kandungan item kajian yang dibina bersesuaian dan menepati matlamat kajian yang hendak dikaji.

Bagi kesahan muka IPKGM akan disemak oleh dua orang pakar dalam bidang Bahasa bagi mengesahkan item-item yang dibina mewakili konstruk yang diukur

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


termasuk ketepatan penggunaan bahasa dan ejaan dalam frasa ayat. Dua orang pakar adalah Guru Kanan Mata Pelajaran bidang Bahasa dan Timbalan Pegawai Pendidikan Daerah. Sebanyak lima item soalan berskala 1 hingga 10 disediakan untuk dirujuk. Bagi kesahan kandungan pula, seramai 6 orang pakar dilantik untuk menjalankan semakan kesahan kandungan. Dua orang pakar yang terlibat dengan kesahan muka juga merupakan pakar dalam bidang kajian ini. Maka dengan itu, mereka juga tersenarai dalam pakar yang melibatkan kesahan kandungan. Kesahan kandungan merujuk sejauh mana item-item yang terdapat dalam IPKGM dapat mewakili semua aspek yang diuji dan item yang menepati kandungan dalam kajian ini.

Penskoran *The Content Validity Index for Item* (I-CVI) Lynn M. R. (1986) digunakan untuk menskor setiap item yang telah disemak oleh 6 orang pakar berkenaan menggunakan skala empat mata mengikut prosedur yang ditetapkan dalam penskoran I-CVI. Analisis bagi kesahan kandungan untuk setiap Indeks Kesahan Kandungan Instrumen (I-CVI). Lynn M. R. (1986) menjelaskan bagi penentuan nilai minimum indeks kesahan kandungan untuk setiap item (I-CVI) pula, ditetapkan tidak kurang daripada 0.78 dan sebaiknya nilai (I-CVI) bagi instrumen yang baharu dibangunkan adalah ≥ 0.80. Berikut adalah rumus penentuan nilai (I-CVI).

Indeks Kesahan Kandungan (CVI)

= Jumlah Skor Sangat Penting/Jumlah Panel Pakar

Dalam pada itu, terdapat dua orang pakar untuk menyemak skala pengukuran yang digunakan dalam soal selidik yang dibina. Hasil semakan dua orang pakar ini ditulis dalam laporan yang disediakan oleh penyelidik. Komen dan pandangan dari

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


kedua-dua pakar ini amat penting bagi memastikan skala yang digunakan benar-benar mengukur apa yang hendak di ukur.

### 3.2.1.5 Membaiki Item

Setelah penilaian dilakukan oleh panel pakar, terdapat beberapa komen atau maklum balas yang diberikan oleh panel pakar. Penyelidik membuat beberapa pengubahsuaian item, pengubahsuaian penyataan, pengubahsuaian susunan ayat, pembetulan terhadap kesilapan teknikal seperti ejaan dan bahasa, pengubahsuaian pada skala pengukuran agar menghasilkan pengukuran yang bermakna serta melakukan pengguguran item, terutamanya bagi item yang dikenal pasti bertindan dan mempunyai maksud yang sama.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 3.2.1.6 Pra rintis atau *Preliminary Item Tryout*

Pra rintis soal selidik boleh membantu mengenal pasti masalah dalam bahasa, nada, struktur dan reka bentuk soal selidik. Ia juga memberikan penyelidik gambaran ringkas tentang jenis data yang boleh dijangkakan oleh penyelidik pada akhir kerja lapangan. Oleh itu, penyelidik memberikan soal selidik yang telah dibaiki kepada 10 orang guru untuk menguji masa menjawab, kelarasan bahasa, pemahaman ayat dan skala yang digunakan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Dalam pada itu, pra rintis dilakukan bagi menguji satu set instrumen yang telah selesai melakukan kesahan dan kebolehpercayaan. Instrumen kali pertama ini diberikan kepada subjek yang menyerupai ciri-ciri dalam aspek kritikal dalam sampel kajian sebenar. Langkah ini dilakukan bagi tujuan percubaan untuk menguji kefahaman mengenai arahan soalan yang diberikan, peruntukan waktu yang diberikan untuk menjawab instrumen tersebut, menunjukkan kekaburan atau kebolehbacaan item dalam kandungan instrumen yang dibina serta kefahaman subjek ke atas item-item yang terdapat dalam instrumen tersebut. Selepas penyesuaian, barulah diberikan kepada kumpulan dalam kajian rintis yang mewakili populasi kajian namun bukanlah kumpulan sebenar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

#### 3.2.1.7 Membaiki dan Menyediakan Item untuk Kajian Rintis

Apabila instrumen telah disemak dari aspek kesahan kandungan dan muka, penyelidik sekali lagi melakukan proses membaiki item berdasarkan pra rintis yang dilakukan. Setelah itu, penyelidik membuat persediaan untuk kajian rintis dengan menyediakan instrumen yang lengkap berserta arahan menjawab bagi mengelakkan responden tidak memahami cara untuk menjawab soal selidik yang diberikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 3.2.2 Fasa II: Kajian Rintis

Dalam fasa ini, penyelidik harus memastikan proses yang terlibat bersistematik dan memilih metodologi yang sesuai untuk tujuan mengumpul data menguji IPKGM dalam subjek kajian rintis.

#### 3.2.2.1 Penyediaan Instrumen Penilaian Kepimpinan Guru untuk Kajian Rintis

Setelah semua proses penyediaan instrumen telah dilaksanakan, penyelidik membuat persediaan bagi melaksanakan kajian rintis dengan menyediakan set instrumen untuk diberikan kepada kumpulan guru yang mempunyai latar belakang yang sama dengan kumpulan guru yang disasarkan dalam kajian sebenar. Penyelidik juga memastikan bahawa instrumen yang digunakan telah mengikut piawaian yang telah ditetapkan sebelum menjalankan proses kajian rintis.

#### 3.2.2.2 Menjalankan Kajian Rintis

Sebelum kajian sebenar dijalankan, penyelidik melakukan kajian rintis dalam kalangan guru. Yahaya (2007) menyatakan bahawa kajian rintis harus dilakukan dan didokumentasikan untuk meningkatkan kualiti item dan keyakinan mentafsir dapatan data. Bagi kajian rintis, bilangan sampel tidak memerlukan jumlah sampel yang ramai. Johanson dan Brooks (2010) mencadangkan bilangan sampel minimum yang dipilih adalah seramai 30 orang sahaja. Manakala, Cooper dan Schindler (2011)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


menyatakan bilangan responden yang memadai untuk kajian rintis adalah antara 25 orang hingga 100 orang. Namun dalam kajian rintis ini, seramai 50 orang guru yang dipilih sebagai responden kajian. Semua responden yang terlibat dalam kajian rintis ini tidak dipilih dalam kajian sebenar.

### 3.2.2.3 Analisis Data-Aplikasi Model Rasch

Data kuantitatif yang diperoleh daripada kajian rintis ini dianalisis dengan menggunakan perisian Winsteps Versi 3.69.1.11 yang merupakan satu perisian komputer yang digunakan untuk menganalisis data berdasarkan model pengukuran Rasch. Sistem ini telah memudahkan penganalisisan bagi data-data yang dikumpulkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tujuan analisis data pada peringkat rintis ini adalah untuk memilih item yang terbaik daripada item yang telah dirintis dan diuji (Cohen dan Swerdlik, 2002). Terdapat tujuh diagnosis analisis data yang dilakukan dalam proses pembinaan instrumen dengan menggunakan Winsteps ini dalam kajian rintis ini. Penyelidik melakukan pemeriksaan kefungsian item dari aspek seperti (i) menguji kebolehpercayaan item dan responden, (ii) menguji indeks pengasingan item dan responden, (iii) mengesan polariti item, (iv) menguji kesesuaian *(fit)* item, (v) menentukan korelasi residual terpiawai item (vi) menentukan peta item-individu dan (vii) mengesan (*differential item functioning-DIF)*. Penggunaan bentuk diagnosis ini bergantung pada keperluan sesuatu kajian dan data yang digunakan sama ada data politomi dan data dikotomi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Penyelidik bersandarkan kepada kerangka Model Pengukuran Rasch iaitu dengan menentukan susunan analisis yang perlu dilakukan bagi pemeriksaan dan penilaian ciri-ciri kepimpinan guru dilaksanakan dengan melihat kepada pematuhan IPKGM kepada andaian Model Pengukuran Rasch iaitu diagnosis yang sering digunakan dalam model pengukuran Rasch yang bertujuan untuk menguji dan memeriksa dalam menentukan kebolehpercayaan sesuatu instrumen termasuk kebolehpercayaan item dan responden.

Dalam kajian ini juga, penilaian IPKGM dilaksanakan dengan menggunakan *Rasch Rating Scale Model* (RSM). *Rasch Rating Scale Model* (RSM) kadangkala disebut juga sebagai model politomi yang dikembangkan oleh Andrich (1978) untuk data politomi (data dengan>=2 kategori ordinal). Selain itu, *Rasch Rating Scale Model* (RSM) bersesuai dengan untuk respons kajian yang menggunakan skala likert yang dipelopori oleh Rensis Likert pada tahun 1932 (Andrich, 1978a, 1978b). *Rasch Rating Scale Model (RSM)* mensyaratkan setiap item dalam satu ujian menggunakan bilangan kategori respons yang sama seperti yang digunakan dalam skala likert. Item ujian boleh menggunakan 3, 4, 5 atau 6 respons tetapi setiap item mesti menggunakan pilihan respons yang sama, contohnya bagi skala likert lima mata setiap respons item mesti berdasarkan kepada likert lima mata.

### 3.2.2.4 Menyemak, Membaiki dan Menyediakan Item untuk Kajian Sebenar

Setelah data dianalisis, penyelidik menyemak kembali item dengan melihat indeks standard serta syarat-syarat yang perlu diikuti untuk mencapai standard kesahan dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


kebolehpercayaan instrumen berdasarkan model pengukuran Rasch. Jika item tidak mencapai standard atau tidak mencapai indeks yang ditetapkan, maka item tersebut diperbaiki atau digugurkan dengan merujuk dan mengambil kira pandangan serta penilaian pakar. Setelah item digugurkan, nombor item disusun semula dan dikemaskinikan. Penyelidik juga merujuk kembali komen-komen yang telah diberikan oleh guru melalui maklum balas kajian rintis yang dilakukan.

### 3.2.3 Fasa III: Kajian Sebenar dan Pengesahan

Fasa ketiga ialah kajian sebenar dan pengesahan yang bertujuan untuk menilai dan menguji soal selidik yang dibangunkan sama ada sesuai atau tidak dalam skop yang dikaji oleh penyelidik. Memandangkan instrumen ini dibina dalam skop guru, oleh yang demikian instrumen ini hanya sesuai dijawab kepada guru. Fasa ini adalah bertujuan untuk mencapai objektif kajian iaitu menguji dan memeriksa kefungsian item IPKGM menggunakan pengukuran Rasch di peringkat kajian sebenar.

#### 3.2.3.1 Penyediaan Instrumen Penilaian Kepimpinan Guru

Setelah melakukan analisis data pada peringkat kajian rintis, penyelidik memastikan item yang dihasilkan dan dibina mencapai standard yang dikehendaki dengan memperbaiki dan menggugurkan item yang tidak mencapai standard supaya instrumen yang dihasilkan menjadi lebih berkualiti dari aspek kesahan dan kebolehpercayaannya sebelum ditadbir dalam kajian sebenar. Penyelidik membuat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


persediaan bagi melaksanakan kajian sebenar dengan menyediakan instrumen dalam bentuk soal selidik sejumlah 480 set untuk ditadbir kepada guru yang merupakan responden kepada kajian ini. Sebelum itu, penyelidik akan memastikan bahawa instrumen yang akan diberikan kepada responden bebas daripada sebarang kesalahan dan kesilapan dari aspek ayat dan ejaan.

### 3.2.3.2 Menjalankan Kajian Sebenar

Dalam kajian ini, penyelidik akan menjalankan kajian sebenar dengan menggunakan IPKGM yang telah diperakui kesahan dan kebolehpercayaan terhadap 413 orang guru. Namun untuk memastikan tidak berlaku responden yang tidak menjawab soal selidik ini, penyelidik mengedarkan pautan *Google Form* kepada 480 orang guru mengikut *sampling frame* yang telah ditetapkan dalam kajian ini. Responden kajian yang terlibat dalam kajian sebenar adalah guru di Daerah Petaling Perdana negeri Selangor.

### 3.2.3.3 Analisis Data-Aplikasi Model Pengukuran Rasch

Setelah memperoleh data melalui kajian sebenar, analisis data dilakukan dengan menggunakan pendekatan model pengukuran Rasch. Analisis data yang dilakukan terhadap item IPKGM adalah seperti (i) menguji kebolehpercayaan item dan responden, (ii) menguji indeks pengasingan item dan responden, (iii) menguji kebolehpercayaan ketekalan dalaman Cronbach Alfa, (iv) mengesan polariti item, (v) menguji kesesuaian (fit) item, (vi) menentukan korelasi residual terpiawai item, (vii)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


menentukan peta item-individu, (viii) mengesan (differential item functioning-DIF), (ix) menentukan kefungsian struktur kategori skala pengukuran dan (x) mengenal pasti unidimensi.

## 3.3 Prosedur Pengumpulan Data

Kajian yang hendak dijalankan ini melibatkan beberapa pihak dan perlu mendapat kebenaran terlebih dahulu. Selepas cadangan kajian penyelidikan diluluskan oleh Pihak Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, penyelidik memohon kebenaran daripada pihak yang terlibat. Antaranya ialah Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri Selangor, sekolah-sekolah dan pihak-pihak yang terlibat dalam pelaksanaan kajian pembinaan IPKGM.

### 3.3.1 Sorotan Literatur Sistematik

*SLR* ini dipandu menggunakan PRISMA *(Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analysis)*. Kaedah ini merupakan garis panduan tinjauan literatur yang berkualiti kerana prosesnya yang agak ketat dan terperinci melibatkan kuantiti data yang besar. Kelebihan PRISMA adalah dapat menunjukkan elemen ketelusan, konsisten dan piawai yang tinggi bagi menghasilkan laporan kajian kualitatif melalui prosesproses tertentu (Flemming et al., 2019). Proses ini adalah proses yang sistematik, prosedur yang jelas bagaimana ia dihasilkan dan skop yang menyeluruh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


merangkumi semua bahan yang berkaitan serta boleh diguna kembali *(replicate)* pengkaji lain dengan pendekatan yang sama bagi membincangkan sesuatu topik (Okoli, 2015).

PRISMA membantu penyelidik mengesan hasil kajian yang mempunyai literatur yang tepat mengikut objektif kajian melalui tiga proses-proses berikut, iaitu proses pengenalpastian *(identification)*, saringan *(screening)* dan kelayakan *(egibility)* (Gillath & Karantzas, 2019). Tiga sub-bahagian ini menceritakan proses pencarian yang menyeluruh berdasarkan kata kunci, penggunaan pangkalan data yang lebih banyak dan menggunakan teknik pencarian yang pelbagai bagi mencari artikel atau rujukan yang sesuai. Selain itu, penulisan bahagian ini juga akan fokus kepada kriteria yang penulis gunakan bagi memilih artikel atau rujukan yang sesuai dirujuk dalam *SLR*.

05-4506 tbupsi

Garis panduan PRISMA adalah set minimum item berdasarkan bukti untuk dilaporkan dalam tinjauan sistematik dan meta-analisis. Tujuannya adalah untuk membantu penulis meningkatkan pelaporan tinjauan secara sistematik dan terdiri daripada 27 item yang boleh diikuti dalam proses pembentukan tinjauan literatur yang sistematik (Moher et al., 2009). Garis panduannya adalah ditunjukkan mengikut urutan dalam Jadual 3.1 di bawah:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


**Jadual 3.1**

*Garis Panduan PRISMA*

| Item PRISMA | |
|---|---|
| Tajuk | Tajuk<br>Ringkasan berstruktur<br>Rasional<br>Objektif<br>Protokol / pendaftaran<br>Kriteria kelayakan<br>Sumber maklumat<br>Carian |
| Abstrak | Pemilihan kajian<br>Proses pengumpulan data<br>Item data<br>Risiko berat sebelah dalam kajian individu<br>Ringkasan pengukuran<br>Hasil sintesis<br>Risiko berat sebelah dalam kajian<br>Analisis tambahan |
| Hasil kajian | Pemilihan kajian<br>Ciri-ciri kajian<br>Risiko berat sebelah dalam kajian<br>Hasil kajian individu<br>Hasil Kajian<br>Risiko berat sebelah dalam kajian<br>Analisis tambahan |
| Kesimpulan | Limitasi<br>Kesimpulan |
| Pembiayaan | Pembiayaan |

Namun dalam kajian ini, penyelidik membahagikan kepada beberapa item PRISMA sahaja kerana penyelidik telah menganalisis penyataan-penyataan berkaitan kepimpinan guru serta telah menjumpai elemen yang perlu dikaji dalam penilaian ciri-ciri kepimpinan guru. Elemen ini adalah berdasarkan sorotan literatur yang dilakukan di Bab 2 dan saranan daripada pengkaji lepas berkaitan denggan elemen yang perlu dikaji berkaitan dengan kepimpinan guru.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 3.3.2 Kesahan Muka dan Kandungan

Untuk kesahan muka dan kandungan, penyelidik mendapatkan enam orang pakar dalam bidang yang dikaji untuk menilai IPKGM yang dibina. Bagi kesahan muka seramai dua orang pakar yang terlibat dengan tujuan menyemak bahasa yang digunakan, kesalahan ayat dan frasa pada penyataan atau item yang dibina dan melihat kesesuaian susunan ayat. Kesahan kandungan IPKGM pula, melibatkan enam orang pakar (termasuk dua orang pakar Bahasa yang juga terlibat dengan kesahan kandungan) dalam bidang kajian yang dikaji dengan menyemak kesesuaian setiap konstruk dan item yang dibina oleh penyelidik dan menilai skala yang digunakan oleh penyelidik sama ada bersesuaian dengan item yang hendak diukur.

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah ptbupsi

Pakar-pakar ini menilai set IPKGM yang diberikan oleh penyelidik dan memberikan komen pada ruang yang diberikan. Pembinaan IPKGM melibatkan kepimpinan guru, konstruk dan item pula berkaitan komitmen guru, kompetensi guru dan kecerdasan emosi guru yang mana mempunyai model dan teori yang kukuh serta berdasarkan sorotan literatur yang dibentangkan kepada pakar sebelum mereka menilai IPKGM ini. Dalam pada itu, definisi pakar ialah sebagai individu yang mempunyai tahap pengalaman atau ilmu yang membezakan pakar daripada orang baharu dalam sesuatu bidang (Bogner et al., 2009).

Namun, ciri dan kriteria pakar dalam kajian ini yang telah ditetapkan oleh penyelidik berdasarkan saranan sarjana lampau ialah mempunyai pengalaman dalam bidang kajian ini melebihi tempoh 5 tahun (Berliner, 2001). Penyelidik juga memilih pakar yang rela dan prihatin dalam menyemak konstruk dan item yang dibina ini dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


mampu memberi komitmen terhadap kajian serta penyelidik memastikan pakar yang terlibat mempunyai keterampilan yang baik seperti yang disarankan oleh (Gustafson et al., 1975). Selain itu, pakar dalam kajian ini mempunyai latar belakang sebagai seorang guru atau tenaga pengajar dan berpengalaman yang sama dengan konteks kajian dan mampu menyampaikan input dan maklumat yang diperlukan oleh kajian ini.

Pada awal pemilihan pakar, penyelidik telah menyenarai pendek 20 orang nama pakar yang terlibat dalam kajian. Penyelidik telah menghubungi pakar tersebut melalui emel dan panggilan telefon memandangkan pada ketika itu negara Malaysia masih mempunyai gejala COVID-19. Setelah menghantar emel, penyelidik menunggu hingga 2 minggu, namun tiada balasan emel yang diterima. Penyelidik mencuba sekali lagi menghantar emel kepada senarai pakar yang telah disenarai pendek. Namun, masih tidak menerima emel maklum balas. Seterusnya penyelidik, menyenarai pendek senarai nama pakar yang baharu yang lebih mudah berurusan dengan penyelidik yang mana mereka terdiri daripada Penolong Pengarah Bahagian, Pensyarah Kanan dan Pengetua, Guru Kanan Mata Pelajaran.

Setelah mendapat persetujuan melalui panggilan telefon, penyelidik berjumpa dengan beberapa orang pakar yang bertugas di sekitar Shah Alam dan Putrajaya. Manakala pakar yang berada di Pahang dan Perak, penyelidik menggunakan emel untuk menghantar soal selidik tersebut. Pertemuan bersemuka memerlukan SOP yang ketat. Sebelum penilaian dilakukan oleh pakar, penyelidik membentangkan kajian penyelidik kepada mereka dan memberikan cadangan kajian penyelidik kepada mereka sebagai rujukan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Keenam-enam pakar ini meminta masa selama 2 hingga 3 minggu untuk menyelesaikan semakan konstruk dan item. Kesemua pakar tidak mengisi borang persetujuan, namun setiap soal selidik terdapat cap pengesahan dan tanda tangan pakar yang terlibat. Penyelidik akur akan kehendak pakar. Jadual 3.2 menunjukkan pakar yang terlibat dalam kajian ini bagi kesahan muka dan kandungan.

**Jadual 3.2**

*Bilangan Pakar yang Terlibat Dalam Kajian*

| Bil | Panel Pakar | Bidang Kepakaran | Institusi / Jawatan | Pengalaman |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Dr A<br>(Pakar 1, kesahan kandungan) | Bahagian Pembangunan Guru | Penolong Pengarah, Jemaah Nazir, KPM | 24 tahun |
| 2. | Dr B<br>(Pakar 2, kesahan kandungan) | Bidang Psikologi dan Kaunseling | Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Inovasi)<br>FPM, UPSI | 5 Tahun |
| 3. | Tuan C<br>(Pakar 3, kesahan kandungan) | Pengurusan dan Pentadbiran Sekolah | Pengetua,<br>SMK Alam Megah | 25 tahun |
| 4. | Puan D<br>(Pakar 4, kesahan bahasa dan kandungan) | Pengurusan dan Pentadbiran Sekolah | Guru Kanan Mata Pelajaran,<br>SMK Seksyen 7 | 18 Tahun |
| 5. | Puan E<br>(Pakar 5 , kesahan bahasa dan kandungan) | Sektor Pembelajaran | Timbalan Pegawai Pendidikan Daerah,<br>PPD Petaling Utama | 20 Tahun |
| 6. | Puan F<br>(Pakar 6, kesahan kandungan) | Pembangunan Profesionalisme Guru | Penolong Pengarah, Bahagian Profesionalisme Guru, KPM Putrajaya. | 21 Tahun |
| 7. | Dr. G<br>(Pakar 7, skala pengukuran) | Pengukuran dan Penilaian | Pensyarah Kanan Fakulti Sains Komputer dan Matematik<br>UiTM Cawangan Pahang | 6 Tahun |
| 8. | Puan H<br>(Pakar 8, skala pengukuran) | Pengukuran dan Penilaian | Penolong Pengarah Unit Vokasional, Sektor Operasi, Lembaga Peperiksaan KPM Putrajaya | 12 Tahun |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 3.3.3 Pra Rintis atau *Preliminary Item Tryout*

Bagi pengumpulan data pra rintis ini, penyelidik memberikan soal selidik kepada 10 orang guru yang terlibat. Soal selidik yang telah dibaiki setelah mendapat maklum balas daripada pakar dimurnikan untuk diberikan kepada 10 orang guru ini. Penyelidik berjumpa dengan 10 orang guru ini secara bersemuka dan mengedarkan IPKGM serta yang mempunyai ruang komen dan cadangan untuk guru-guru tersebut memberikan ulasan. Selain itu, penyelidik juga memberikan satu set borang penilaian berskala darjah persetujuan 1 hingga 10 untuk guru tersebut memberikan skor tentang kefahaman bahasa yang digunakan, tempoh masa yang diperuntukkan, soalan yang diberikan jelas atau sebaliknya dan skala yang terdapat dalam IPKGM bersesuaian dengan item yang dinilai atau tidak. Setelah selesai, soal selidik ini dianalisis dan satu laporan berkaitan dengan ulasan guru-guru yang terlibat dalam kajian ini dilaporkan.

### 3.3.4 Kajian Rintis

Kajian rintis dilakukan terhadap 50 orang guru dengan menggunakan IPKGM yang telah dibentuk lebih awal berdasarkan kupasan kajian literatur melalui integrasi model dan teori-teori berkaitan dengan kepimpinan guru. Guru-guru yang terlibat dalam kajian rintis ini merupakan guru yang tidak terlibat dengan kajian sebenar. Penyelidik telah meminta guru-guru tersebut untuk menjawab IPKGM dan memberikan komen serta ulasan berkaitan dengan IPKGM.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


IPKGM ini diberikan kepada guru melalui pautan *Google Form* yang diedarkan melalui dalam talian. Sebelum penyelidik menghantar pautan *Google Form* ini, penyelidik terlebih dahulu meminta persetujuan daripada guru-guru yang terlibat dalam kajian rintis ini. Dalam kajian rintis ini juga tiada paksaan untuk guru-guru yang terlibat ini menjawab pautan *Google Form* yang diedarkan. Segala maklumat berkaitan sampel dalam kajian rintis ini adalah sulit. Hasil dapatan kajian rintis ini digunakan untuk mengukur salah satu objektif kajian dalam kajian ini iaitu menguji kefungsian item IPKGM menggunakan pengukuran Rasch pada peringkat kajian rintis.

### 3.3.5 Kajian Sebenar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian sebenar dijalankan dengan menggunakan IPKGM yang telah dibaiki dan dimurnikan kepada 413 orang guru di Daerah Petaling Perdana negeri Selangor. IPKGM ini diberikan kepada sampel kajian yang terlibat. Penyelidik menghubungi semua Pengetua sekolah atau Pentadbir sekolah yang tersenarai dalam senarai sekolah sebagai sampel kajian. Di samping itu, penyelidik juga menghantar emel sebagai langkah awal untuk memberitahu bahawa sekolah tersebut tersenarai dalam sampel kajian penyelidik. Ketika kajian sebenar dijalankan, terdapat pihak sekolah yang tidak membenarkan penyelidik hadir ke sekolah kerana khuatir akan gejala COVID-19 tersebar. Pada masa yang sama juga, sekolah masih belum dibuka sepenuhnya atas arahan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Penyelidik hadir ke sekolah setelah mendapat kebenaran daripada Guru Besar, Pengetua atau Pentadbir sekolah. Jika mereka tidak benarkan, mereka mencadangkan soal selidik ini diedarkan melalui emel dan menggunakan pautan *Google Form* sahaja bagi memudahkan kedua-dua pihak. Penyelidik menentukan bilangan guru di setiap 46 buah sekolah di Daerah Petaling Perdana dengan menggunakan *Microsoft Excel*. Senarai nama guru diperoleh daripada Pengetua di setiap sekolah. Namun, pihak pentadbiran sekolah memberi pesanan agar nama guru-guru ini dirahsiakan. Persampelan rawak mudah dijana menggunakan *Microsoft Excel* untuk mendapatkan bilangan guru seramai 413 orang. Namun penyelidik mengedarkan pautan *Google Form* ini sebanyak 480 pautan untuk berkemungkinan terdapat responden kajian yang tidak menjawab IPKGM tersebut. Hasil dapatan data dalam kajian sebenar ini adalah menguji kefungsian item IPKGM menggunakan pengukuran Rasch pada peringkat kajian sebenar dan pengesahan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 3.4 Populasi dan Sampel Kajian

Sebelum melaksanakan sesuatu kajian, populasi dan sampel bagi kajian tersebut perlu dikenal pasti terlebih dahulu. Sampel yang terdapat dalam kajian ini dinyatakan dengan mengikut fasa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 3.4.1 Kajian Sebenar

Setelah penyelidik menjalankan kajian rintis kepada 50 orang responden guru. Penyelidik menganalisis data menggunakan Model Pengukuran Rasch untuk melihat kefungsian item berdasarkan beberapa kriteria. Seterusnya, penyelidik melihat kepada item-item yang telah dianalisis. Penyingkiran dan pemurnian item dilakukan dengan merujuk pandangan kepada pakar. Setelah item dimurnikan, penyelidik akan menyediakan instrumen untuk menjalankan kajian sebenar kepada populasi dan responden kajian yang terlibat dalam kajian ini.

Populasi merupakan sekumpulan responden yang menjadi tumpuan oleh penyelidik dalam kajian yang dijalankan. Penyelidik berharap agar dapat membuat generalisasi daripada dapatan kajian dari populasi ini (Haegele & Hodge, 2015). Bagi menentukan kaedah pemilihan sampel, pendapat Krejcie dan Morgan (1970) dan pendapat Sekaran (2003) telah diguna pakai sebagai panduan. Berdasarkan kepada jadual penentuan saiz sampel Chua (2014) yang mengambil penentuan saiz sampel Krejcie dan Morgan (1970) sekiranya jumlah populasi mencecah angka 3500 orang, sampel kajian hendaklah tidak kurang dari 346 orang. Jika populasi adalah sebanyak 60 orang, sampel kajian adalah sebanyak 52 orang. Manakala jika populasi sebanyak 55 orang, sampel kajian hendaklah sekurang-kurangnya 48.

Jika diambil kira responden simpanan bagi mengelakkan kes-kes di mana responden dalam sampel hilang (tidak memberikan kerjasama atau sudah pindah). Menurut Chua (2014), responden-responden simpanan menggantikan responden yang hilang dan satu sampel yang baik hendaklah yang paling hampir mewakili

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


keseluruhan populasi berkenaan. Ini turut dinyatakan oleh Van Dalen (1993) iaitu prosedur yang selamat bagi mendapatkan sampel yang mencukupi ialah dengan menggunakan sampel yang sebesar mungkin. Responden kajian hendaklah mempunyai kriteria yang ditetapkan supaya mereka dapat memberikan maklumat yang diperlukan dengan seberapa baik (Ritchey & Lewis, 2003). Menurut Chua (2014), pemilihan saiz sampel melibatkan pertimbangan antara ketepatan, kos, ujian statistik, ciri-ciri pemboleh ubah dan saiz populasi. Pemilihan juga mengambil kira pengalaman mengajar di sekolah tersebut.

Selangor merupakan negeri yang paling ramai guru berbanding dengan negeri-negeri lain. Di Selangor sahaja terdapat 10 PPD. Populasi kajian terdiri daripada guru terlatih di sekolah rendah dan sekolah menengah di PPD Petaling Perdana kerana antara 10 daerah di Selangor, PPD Petaling Perdana mempunyai ramai guru (Rujuk Jadual 3.3) (JPN Selangor, 2021). Selain itu, semua responden kajian yang dipilih adalah guru dan manakala faktor yang terpenting ialah responden kajian bersedia melibatkan diri dalam kajian ini secara sukarela melibatkan diri dalam kajian ini bagi memperolehi maklumat yang bersesuaian dan bertepatan dengan keadaan sebenar bagi menjawab soalan kajian. Penetapan responden kajian ini dibuat adalah dengan anggapan guru-guru adalah guru terlatih dan mempunyai pengalaman mengajar. Responden kajian yang terlibat dalam kajian sebenar adalah guru di Daerah Petaling Perdana negeri Selangor.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


**Jadual 3.3**

*Jumlah guru di Negeri Selangor mengikut Daerah*

| Bil | Daerah di Selangor | Jumlah Guru | Jumlah Sekolah |
|---|---|---|---|
| 1. | Petaling Perdana | 11,175 | 139 |
| 2. | Hulu Langat | 10,684 | 131 |
| 3. | Klang | 9,905 | 133 |
| 4. | Gombak | 8,335 | 104 |
| 5. | Petaling Utama | 5,079 | 86 |
| 6. | Kuala Selangor | 4,045 | 92 |
| 7. | Kuala Langat | 3,752 | 72 |
| 8. | Hulu Selangor | 3,252 | 68 |
| 9 | Sepang | 3,122 | 52 |
| 10. | Sabak Bernam | 2,328 | 64 |

Sumber: JPN Selangor (2021)

Populasi kajian ini melibatkan 11,175 orang guru daripada 139 buah sekolah rendah dan menengah Daerah Petaling Perdana di Selangor. Senarai sekolah tersebut diperoleh daripada Bahagian Maklumat Asas Pendidikan Negeri Selangor (Modul Pengurusan Sekolah (EMiS), Jabatan Pendidikan Selangor, Kementerian Pendidikan Malaysia (2021). Pemilihan guru-guru sekolah Daerah Petaling Perdana di Selangor dalam kajian ini dilakukan kerana secara umumnya tidak terdapat perbezaan yang nyata antara guru sekolah menengah dan guru sekolah rendah di seluruh Malaysia. Oleh itu pemilihan populasi di sekolah-sekolah di Daerah Petaling Perdana negeri Selangor sudah memadai.

Setelah populasi kajian ditentukan oleh penyelidik, teknik persampelan dan kaedah penetapan saiz sampel untuk kajian sebenar dilakukan. Kaedah ini penting kerana ia akan memberi fokus kepada sampel yang mewakili keseluruhan populasi yang dikaji oleh penyelidik. Menurut Berndt (2020) tujuan sampel yang dipilih dapat mewakili keseluruhan populasi dalam kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan teknik persampelan sistematik Subramani (2000), Xu dan Goodacre (2018) dan Lowry (2019) dalam pemilihan sekolah iaitu daripada 139 buah sekolah di PPD Petaling Perdana, penyelidik hanya memilih 46 buah sekolah disebabkan oleh beberapa kekangan batasan kajian dari aspek masa dan kewangan. Rajah 3.2 menunjukkan proses persampelan yang dirujuk dari kajian Masri (2013). Persampelan sekolah dan teknik sistematik yang dipilih juga digunakan dalam kajian yang dicadangkan oleh LaRoche, Joncas dan Foy (2015) dalam pemilihan sekolah TIMSS & PIRLS International Study Center. Selain itu, penentuan saiz sampel dalam kajian ini menggunakan jadual Krejcie dan Morgan (1970). Berdasarkan jadual Krejcie dan Morgan (1970), jika jumlah guru di Petaling Perdana ialah seramai 11,175 orang, maka sampel kajian akan menjadi 375 orang daripada 46 buah sekolah terpilih.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

**Rajah 3.2**

*Populasi dan Sampel Guru yang Digunakan dalam Kajian*




05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Prosedur persampelan sistematik adalah kaedah pemilihan sampel yang memilih responden dalam gandaan yang ditentukan (Chua, 2014 dan Arnab, 2017). Untuk permulaan kaedah persampelan ini, penyelidik mendapatkan senarai nama 139 buah sekolah yang terdapat dalam Daerah Petaling Perdana. Senarai nama ini diperoleh daripada Pejabat Pendidikan Daerah Petaling Perdana. Bilangan sampel sekolah adalah 46 buah sahaja. Maka, penyelidik menggunakan teknik LaRoche, Joncas dan Foy (2015) dalam prosedur yang mereka jalankan dalam persampelan sistematik. Parameter sampel atau nisbah sampel yang digunakan adalah seperti berikut:

**Jadual 3.4**

*Parameter Sampel Kajian*

| | |
|---|---|
| Jumlah sekolah | 139 |
| Bilangan guru | 11,175 |
| Sampel Sekolah | 46 |
| Interval Sampel | 139/46=3.0 |

Sumber: LaRoche, Joncas dan Foy (2015)

Dalam pemilihan sampel juga, subjek simpanan diperlukan bagi tujuan jika mengelakkan kes-kes terdapat responden dalam sampel hilang (tidak memberikan kerjasama atau sudah pindah). Menurut Chua (2014), responden-responden simpanan menggantikan responden yang hilang dan satu sampel yang baik hendaklah yang paling hampir mewakili keseluruhan populasi berkenaan. Ini turut dinyatakan oleh Van Dalen (1993) iaitu prosedur yang selamat bagi mendapatkan sampel yang mencukupi ialah dengan menggunakan sampel yang sebesar mungkin. Oleh itu, jika merujuk pada sampel kajian adalah seramai 375 orang, maka 10% daripada jumlah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


sampel diperlukan untuk bilangan subjek simpanan iaitu seramai 38 orang. Oleh hal demikian bilangan responden yang akan dipilih ialah 375 + 38 orang=413 orang.

Langkah seterusnya ialah melakukan proses persampelan sistematik bagi menentukan sampel pertama kajian dengan merujuk interval sampel iaitu 3.0. Interval sampel merupakan selang gandaan bagi pemilihan 46 buah sekolah dari 139 buah sekolah di Daerah Petaling Perdana.

**Jadual 3.5**

*Persampelan Sistematik dalam Pemilihan Sekolah*

| | | |
|---|---|---|
| 1 | Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Bukit Serdang Seri Kembangan | |
| 2 | Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Chee Wen | |
| 3 | Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Han Ming | 1 |
| 4 | Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Kheng Chee | |
| 5 | Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Kung Man | |
| 6 | Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Lick Hung | 2 |
| 7 | Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Serdang Baru (1) | |
| 8 | Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Serdang Baru (2) | |
| 9 | Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Shin Cheng (Harcroft) | 3 |
| 10 | Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Subang | |
| 11 | Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Tun Tan Cheng Lock | |
| 12 | Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Tun Tan Siew Sin | 4 |
| 13 | Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Yak Chee | |
| 14 | Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) Castlefield | |
| 15 | Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) F E S Serdang | 5 |
| 16 | Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) Hicom | |
| 17 | Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) Ladang Ebor | |
| 18 | Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) Ladang Midlands | 6 |
| 19 | Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) Ldg Glenmarie | |
| 20 | Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) Ldg Kinrara | |
| 21 | Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) Ldg Seafield | 7 |
| 22 | Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) Ldg Rasak | |
| 23 | Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) Puchong | |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


| | | |
|---|---|---|
| 24 | Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) Sg Renggam | 8 |
| 25 | Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) Tun Sambanthan | |
| 26 | Sekolah Kebangsaan Alam Megah (3) | |
| 27 | Sekolah Kebangsaan Alam Megah Dua | 9 |
| 28 | Sekolah Kebangsaan Bandar Anggerik | |
| 29 | Sekolah Kebangsaan Bandar Sunway | |
| 30 | Sekolah Kebangsaan Bukit Jelutong | 10 |
| 31 | Sekolah Kebangsaan Bukit Kuchai | |
| 32 | Sekolah Kebangsaan Dato' Onn Jaafar | |
| 33 | Sekolah Kebangsaan Hicom | 11 |
| 34 | Sekolah Kebangsaan Jalan U3 | |
| 35 | Sekolah Kebangsaan Kampung Lindungan | |
| 36 | Sekolah Kebangsaan Padang Jawa | 12 |
| 37 | Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas Selangor | |
| 38 | Sekolah Kebangsaan Perdana Jaya Ss19 | |
| 39 | Sekolah Kebangsaan Puchong | 13 |
| 40 | Sekolah Kebangsaan Puchong Indah | |
| 41 | Sekolah Kebangsaan Puchong Jaya | |
| 42 | Sekolah Kebangsaan Puchong Jaya 2 | 14 |
| 43 | Sekolah Kebangsaan Puchong Perdana | |
| 44 | Sekolah Kebangsaan Puchong Utama | |
| 45 | Sekolah Kebangsaan Puchong Utama 2 | 15 |
| 46 | Sekolah Kebangsaan Puchong Utama 3 | |
| 47 | Sekolah Kebangsaan Puncak Perdana | |
| 48 | Sekolah Kebangsaan Pusat Bandar Puchong (1) | 16 |
| 49 | Sekolah Kebangsaan Pusat Bandar Puchong 2 | |
| 50 | Sekolah Kebangsaan Putra Heights 2 | |
| 51 | Sekolah Kebangsaan Raja Muda | 17 |
| 52 | Sekolah Kebangsaan Saujana Puchong | |
| 53 | Sekolah Kebangsaan Seafield | |
| 54 | Sekolah Kebangsaan Seafield 3 | 18 |
| 55 | Sekolah Kebangsaan Seksyen 1 Bandar Kinrara | |
| 56 | Sekolah Kebangsaan Seksyen 13 | |
| 57 | Sekolah Kebangsaan Seksyen 17 Shah Alam | 19 |
| 58 | Sekolah Kebangsaan Seksyen 18 | |
| 59 | Sekolah Kebangsaan Seksyen 2 Bandar Kinrara | |
| 60 | Sekolah Kebangsaan Seksyen 19 | 20 |
| 61 | Sekolah Kebangsaan Seksyen 27 (2) | |
| 62 | Sekolah Kebangsaan Seksyen 24 | |
| 63 | Sekolah Kebangsaan Seksyen 20 | 21 |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


| | | |
|---|---|---|
| 64 | Sekolah Kebangsaan Seksyen 27(1) | |
| 65 | Sekolah Kebangsaan Seksyen 7 | |
| 66 | Sekolah Kebangsaan Seksyen 9 | 22 |
| 67 | Sekolah Kebangsaan Seksyen 6 | |
| 68 | Sekolah Kebangsaan Serdang | |
| 69 | Sekolah Kebangsaan Seri Selangor | 23 |
| 70 | Sekolah Kebangsaan Setia Alam | |
| 71 | Sekolah Kebangsaan Shah Alam | |
| 72 | Sekolah Kebangsaan Sri Serdang | 24 |
| 73 | Sekolah Kebangsaan Sri Subang Jaya | |
| 74 | Sekolah Kebangsaan Ss 19 Subang Jaya | |
| 75 | Sekolah Kebangsaan Subang | 25 |
| 76 | Sekolah Kebangsaan Subang Bestari | |
| 77 | Sekolah Kebangsaan Subang Bestari Dua | |
| 78 | Sekolah Kebangsaan Subang Jaya | 26 |
| 79 | Sekolah Kebangsaan Taman Alam Megah | |
| 80 | Sekolah Kebangsaan Taman Bukit Subang | |
| 81 | Sekolah Kebangsaan Taman Sri Muda | 27 |
| 82 | Sekolah Kebangsaan Taman Sri Muda 2 | |
| 83 | Sekolah Kebangsaan Taman Desaminium | |
| 84 | Sekolah Kebangsaan Taman Sungai Besi Indah | 28 |
| 85 | Sekolah Kebangsaan Taman Tun Dr Ismail Jaya | |
| 86 | Sekolah Kebangsaan Taman Universiti | |
| 87 | Sekolah Kebangsaan TUDM Subang | 29 |
| 88 | Sekolah Kebangsaan Usj 12 | |
| 89 | Sekolah Kebangsaan Usj 2 | |
| 90 | Sekolah Kebangsaan Usj 20 | 30 |
| 91 | Kolej Tingkatan Enam Puchong | |
| 92 | Kolej Tingkatan Enam Shah Alam | |
| 93 | Kolej Vokasional Shah Alam | 31 |
| 94 | Sam Bestari | |
| 95 | Samt Tengku Ampuan Jemaah | |
| 96 | Sekolah Menengah Kebangsaan Alam Megah | 32 |
| 97 | Sekolah Menengah Kebangsaan Alam Megah 2 | |
| 98 | Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Puchong Jaya (A) | |
| 99 | Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Puchong Jaya (B) | 33 |
| 100 | Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Puncak Jalil | |
| 101 | Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Sunway | |
| 102 | Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Jelutong | 34 |
| 103 | Sekolah Menengah Kebangsaan Puchong | |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


| | | |
|---|---|---|
| 104 | Sekolah Menengah Kebangsaan Puchong Perdana | |
| 105 | Sekolah Menengah Kebangsaan Puchong Permai | 35 |
| 106 | Sekolah Menengah Kebangsaan Puchong Utama (1) | |
| 107 | Sekolah Menengah Kebangsaan Pusat Bandar Puchong 1 | |
| 108 | Sekolah Menengah Kebangsaan Seafield | 36 |
| 109 | Sekolah Menengah Kebangsaan Seksyen 1 Bandar Kinrara | |
| 110 | Sekolah Menengah Kebangsaan Seksyen 16 | |
| 111 | Sekolah Menengah Kebangsaan Seksyen 18 | 37 |
| 112 | Sekolah Menengah Kebangsaan Seksyen 7 | |
| 113 | Sekolah Menengah Kebangsaan Seksyen 24 (2) | |
| 114 | Sekolah Menengah Kebangsaan Seksyen 27 | 38 |
| 115 | Sekolah Menengah Kebangsaan Seksyen 3 Bandar Kinrara | |
| 116 | Sekolah Menengah Kebangsaan Seksyen 4 Bandar Kinrara | |
| 117 | Sekolah Menengah Kebangsaan Seksyen 19 | 39 |
| 118 | Sekolah Menengah Kebangsaan Seksyen 9 | |
| 119 | Sekolah Menengah Kebangsaan Seksyen Sebelas | |
| 120 | Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Indah | 40 |
| 121 | Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Kembangan | |
| 122 | Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Serdang | |
| 123 | Sekolah Menengah Kebangsaan Setia Alam | 41 |
| 124 | Sekolah Menengah Kebangsaan Shah Alam | |
| 125 | Sekolah Menengah Kebangsaan Ss 17 | |
| 126 | Sekolah Menengah Kebangsaan Subang | 42 |
| 127 | Sekolah Menengah Kebangsaan Subang Bestari | |
| 128 | Sekolah Menengah Kebangsaan Subang Jaya | |
| 129 | Sekolah Menengah Kebangsaan Subang Utama | 43 |
| 130 | Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah | |
| 131 | Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Desaminium | |
| 132 | Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Sri Muda | 44 |
| 133 | Sekolah Menengah Kebangsaan Ttdi Jaya | |
| 134 | Sekolah Menengah Kebangsaan Usj 12 | |
| 135 | Sekolah Menengah Kebangsaan Usj 23 | 45 |
| 136 | Sekolah Menengah Kebangsaan Usj 13 | |
| 137 | Sekolah Menengah Kebangsaan Usj 4 | |
| 138 | Sekolah Menengah Kebangsaan Usj 8 | 46 |
| 139 | Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional Shah Alam | |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Selepas nama sekolah disenaraikan, penyelidik akan menentukan bilangan guru di setiap 46 buah sekolah di Daerah Petaling Perdana ke dalam *Microsoft Excel*. Persampelan rawak mudah dijana menggunakan *Microsoft Excel* untuk mendapatkan bilangan guru seramai 480 orang namun bilangan sebenar sampel kajian ialah 413 orang.

## 3.5 Instrumen Kajian

Instrumen kajian dalam kajian ini bergantung kepada tujuan pada setiap fasa seperti yang dinyatakan dalam rekabentuk kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 3.5.1 Instrumen untuk Pra rintis atau *Preliminary Item Tryout*

Instrumen yang digunakan dalam *Preliminary Item Tryout* kepada 10 orang guru ialah soal selidik yang direka bentuk berdasarkan soroton literatur model dan teori yang berkaitan. Sebelum soal selidik ini diguna pakai ke atas 10 orang guru, penilaian kandungan item soal selidik iaitu semakan pakar telah dilakukan. Enam orang pakar terlibat dalam kesahan kandungan dan dua orang kesahan muka bagi item yang telah dibina. Terdapat beberapa item yang diperbaiki dan digugurkan berdasarkan komen daripada pakar.

Instrumen berbentuk soal selidik berformat item *self-report questionnaire* ini mengandungi empat bahagian iaitu bahagian A, bahagian B, bahagian C dan bahagian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


D. Bahagian A adalah bahagian demografi responden, bahagian B adalah pernyataan berkaitan komitmen guru dalam konsep kepimpinan guru, bahagian C pernyataan berkaitan kompetensi guru dalam konsep kepimpinan guru dan bahagian D pernyataan berkaitan kecerdasan emosi guru dalam konsep kepimpinan guru seperti mana Jadual 3.6, 3.7, 3.8, 3.9. Selanjutnya, soal selidik untuk *preliminary tryout* dilampirkan pada Lampiran K.

### 3.5.2 Instrumen untuk Kajian Rintis

Selepas kajian *Preliminary Item Tryout* terhadap 10 orang guru dilakukan. Satu laporan dan analisis data disediakan oleh penyelidik berdasarkan komen, pendapat dan cadangan peserta dalam kajian *Preliminary Item Tryout*. Terdapat beberapa item yang dibaiki frasa ayat bagi pernyataan tertentu. Di peringkat kajian rintis, instrumen soal selidik yang diguna pakai dalam kajian rintis ini mengandungi empat bahagian. Bahagian A berkaitan demografi responden, bahagian B berkaitan konstruk komitmen guru bahagian B berkaitan konstruk kompetensi guru dan bahagian C berkaitan konstruk kecerdasan emosi guru seperti mana Jadual 3.6, 3.7, 3.8, 3.9 Selanjutnya, soal selidik untuk kajian rintis dilampirkan pada Lampiran L.

**Jadual 3.6**

*Taburan Item Mengenai Demografi Responden*

| Konstruk | Item | No Item | Jumlah Item |
|---|---|---|---|
| Bahagian A Demografi Responden | Jantina | 1 | 1 |
| | Bangsa | 2 | 1 |
| | Umur | 3 | 1 |
| | Gred Jawatan | 4 | 1 |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


| Konstruk | Item | No Item | Jumlah Item |
|---|---|---|---|
| | Tempoh Perkhidmatan | 5 | 1 |
| | Sekolah | 6 | 1 |
| | | Jumlah | 6 |

Berdasarkan Jadual 3.6, konstruk demografi responden mengandungi 6 item meliputi jantina, bangsa, umur, gred jawatan, tempoh perkhidmatan dan jenis sekolah. Jumlah keseluruhan item sebanyak 6 item. Selanjutnya, perincian mengenai item konstruk komitmen guru dalam konsep kepimpinan guru ditunjukkan seperti dalam Jadual 3.7.

**Jadual 3.7**

*Taburan Item Mengenai Konstruk Komitmen Guru dalam Kepimpinan Guru*

| Konstruk | Sub konstruk | No Item | Jumlah Item |
|---|---|---|---|
| Bahagian B | Komitmen Guru Terhadap Profesion | 1-10 | 10 |
| Konstruk Komitmen Guru | Komitmen Guru Terhadap Sekolah | 11-20 | 10 |
| | Komitmen Guru Terhadap Pengajaran dan Pembelajaran | 21-29 | 9 |
| | Komitmen Guru Terhadap Murid | 30-38 | 9 |
| | | Jumlah | 38 |

Berdasarkan Jadual 3.7, konstruk komitmen guru dalam konsep kepimpinan guru meliputi komitmen guru terhadap profersion, komitmen guru terhadap sekolah, komitmen guru terhadap pengajaran dan pembelajaran dan komitmen guru terhadap murid. Justeru, sebanyak 38 item dikemukakan. Seterusnya, perincian mengenai item konstruk kompetensi guru dalam konsep kepimpinan guru ditunjukkan seperti mana Jadual 3.8.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


**Jadual 3.8**

*Taburan Item Mengenai Konstruk Kompetensi Guru dalam Konsep Kepimpinan Guru*

| Konstruk | Sub konstruk | No Item | Jumlah Item |
|---|---|---|---|
| Bahagian C Konstruk Kompetensi Guru | Kompetensi Guru dalam Pengetahuan | 1-8 | 8 |
| | Kompetensi Guru dalam Kemahiran | 9-17 | 9 |
| | Kompetensi Guru dalam Nilai Peribadi | 18-25 | 8 |
| | | Jumlah | 25 |

Berdasarkan Jadual 3.8, konstruk kompetensi guru dalam konsep kepimpinan guru mengandungi tiga sub konstruk iaitu kompetensi guru dalam pengetahuan, kompetensi guru dalam kemahiran dan kompetensi guru dalam nilai peribadi. Sebanyak 25 item dikemukakan. Seterusnya, perincian mengenai item konstruk kecerdasan emosi dalam konsep kepimpinan guru ditunjukkan seperti mana Jadual 3.9.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

**Jadual 3.9**

*Taburan Item Mengenai Konstruk Kecerdasan Emosi Guru dalam Konsep Kepimpinan Guru*

| Konstruk | Sub konstruk | No Item | Jumlah Item |
|---|---|---|---|
| Bahagian D Konstruk Kecerdasan Emosi Guru | Kesedaran Kendiri | 1-9 | 9 |
| | Pengawalan Kendiri | 10-18 | 9 |
| | Motivasi Kendiri | 19-27 | 9 |
| | Empati | 28-36 | 9 |
| | Kemahiran Sosial | 37-46 | 10 |
| | | Jumlah | 46 |

Berdasarkan Jadual 3.9, konstruk kecerdasan emosi guru dalam konsep kepimpinan guru mengandungi lima sub konstruk iaitu kesedaran kendiri, pengawalan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


kendiri, motivasi kendiri, empati dan kemahiran sosial. Justeru, sebanyak 46 item dikemukakan.

Seterusnya, bagi menjawab item soal selidik pada Bahagian B, C dan D peserta kajian dikehendaki memberi maklum balas dengan menyatakan tahap persetujuan mereka berdasarkan Skala Likert. Menurut Likert (1974), Skala Likert merupakan item yang diajukan untuk mendapatkan kadar atau tahap persetujuan terhadap sesuatu pertanyaan. Ukuran Skala Likert yang digunakan adalah dengan (1) – sangat tidak setuju, (2) – tidak setuju, (3) – kurang setuju, (4) – setuju dan (5) – sangat setuju.

### 3.5.3 Instrumen untuk Kajian Sebenar

Bagi melaksanakan kajian sebenar, penyelidik menggunakan instrumen IPKGM yang dibaiki dan dimantapkan selepas kajian rintis. Instrumen berbentuk soal selidik berformat item *self-report questionnaire* ini mengandungi empat bahagian iaitu bahagian A, bahagian B, bahagian C dan bahagian D. Bahagian A adalah bahagian demografi responden, bahagian B adalah pernyataan berkaitan komitmen guru dalam konsep kepimpinan guru, bahagian C pernyataan berkaitan kompetensi guru dalam konsep kepimpinan guru dan bahagian D pernyataan berkaitan kecerdasan emosi guru dalam konsep kepimpinan guru seperti mana Jadual 3.10, 3.11, 3.12, 3.13 Selanjutnya, soal selidik untuk kajian sebenar dilampirkan pada Lampiran O.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


**Jadual 3.10**

*Taburan Item Mengenai Demografi Responden*

| Konstruk | Item | No Item | Jumlah Item |
|---|---|---|---|
| Bahagian A Demografi Responden | Jantina | 1 | 1 |
| | Bangsa | 2 | 1 |
| | Umur | 3 | 1 |
| | Gred Jawatan | 4 | 1 |
| | Tempoh Perkhidmatan | 5 | 1 |
| | Sekolah | 6 | 1 |
| | | Jumlah | 6 |

Berdasarkan Jadual 3.10, konstruk demografi responden mengandungi 6 item meliputi jantina, bangsa, umur, gred jawatan, tempoh perkhidmatan dan jenis sekolah. Justeru, jumlah keseluruhan item sebanyak 6 item. Selanjutnya, perincian mengenai item konstruk komitmen guru dalam konsep kepimpinan guru ditunjukkan seperti dalam Jadual 3.11

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

**Jadual 3.11**

*Taburan Item Mengenai Konstruk Komitmen Guru dalam Kepimpinan Guru*

| Konstruk | Sub konstruk | No Item | Jumlah Item |
|---|---|---|---|
| Bahagian B Konstruk Komitmen Guru | Komitmen Guru Terhadap Profesion | 1-8 | 8 |
| | Komitmen Guru Terhadap Sekolah | 9-18 | 10 |
| | Komitmen Guru Terhadap Pengajaran dan Pembelajaran | 19-26 | 8 |
| | Komitmen Guru Terhadap Murid | 27-34 | 8 |
| | | Jumlah | 34 |

Berdasarkan Jadual 3.11, konstruk komitmen guru dalam konsep kepimpinan guru meliputi komitmen guru terhadap profersion, komitmen guru terhadap sekolah, komitmen guru terhadap pengajaran dan pembelajaran dan komitmen guru terhadap

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


murid. Justeru, sebanyak 34 item dikemukakan. Seterusnya, perincian mengenai item konstruk kompetensi guru dalam konsep kepimpinan guru ditunjukkan seperti mana Jadual 3.12.

**Jadual 3.12**

*Taburan Item Mengenai Konstruk Kompetensi Guru dalam Konsep Kepimpinan Guru*

| Konstruk | Sub konstruk | No Item | Jumlah Item |
|---|---|---|---|
| Bahagian C Konstruk Kompetensi Guru | Kompetensi Guru dalam Pengetahuan | 1-6 | 6 |
| | Kompetensi Guru dalam Kemahiran | 7-15 | 9 |
| | Kompetensi Guru dalam Nilai Peribadi | 16-23 | 8 |
| | | Jumlah | 23 |

Berdasarkan Jadual 3.12, konstruk kompetensi guru dalam konsep kepimpinan guru mengandungi tiga sub konstruk iaitu kompetensi guru dalam pengetahuan, kompetensi guru dalam kemahiran dan kompetensi guru dalam nilai peribadi. Sebanyak 23 item dikemukakan. Seterusnya, perincian mengenai item konstruk kecerdasan emosi dalam konsep kepimpinan guru ditunjukkan seperti mana Jadual 3.13.

**Jadual 3.13**

*Taburan Item Mengenai Konstruk Kecerdasan Emosi Guru dalam Konsep Kepimpinan Guru*

| Konstruk | Sub konstruk | No Item | Jumlah Item |
|---|---|---|---|
| Bahagian D Konstruk Kecerdasan Emosi Guru | Kesedaran Kendiri | 1-7 | 7 |
| | Pengawalan Kendiri | 8-13 | 6 |
| | Motivasi Kendiri | 14-20 | 7 |
| | Empati | 21-28 | 8 |
| | Kemahiran Sosial | 29-35 | 7 |
| | | Jumlah | 35 |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Berdasarkan Jadual 3.13, konstruk kecerdasan emosi guru dalam konsep kepimpinan guru mengandungi lima sub konstruk iaitu kesedaran kendiri, pengawalan kendiri, motivasi kendiri, empati dan kemahiran sosial. Justeru, sebanyak 35 item dikemukakan.

Seterusnya, bagi menjawab item soal selidik pada Bahagian B, C dan D peserta kajian dikehendaki memberi maklum balas dengan menyatakan tahap persetujuan mereka berdasarkan skala Likert. Menurut Likert (1974), Skala Likert merupakan item yang diajukan untuk mendapatkan kadar atau tahap persetujuan terhadap sesuatu pertanyaan. Ukuran Skala Likert yang digunakan adalah dengan (1) – sangat tidak setuju, (2) – tidak setuju, (3) – kurang setuju, (4) – setuju dan (5) – sangat setuju.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 3.6 Kaedah Penganalisisan Data

Analisis data adalah proses mengaplikasikan teknik statistik secara sistematik untuk menerangkan, menggambarkan dan menilai data. Johnston (2017) menjelaskan pelbagai prosedur analitik menyediakan cara untuk membuat kesimpulan induktif, mentafsir dan melaporkan dapatan daripada ujian statistik yang digunakan. Kaedah penganalisisan data bertujuan untuk menjawab rumusan masalah dalam penyelidikan dimana data yang dikumpul diproses untuk dianalisis dan skala bagi setiap pemboleh ubah yang hendak diukur betul mengikut statistiknya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 3.6.1 Tinjauan Literatur Sistematik *Systematic Literature Review* (SLR)

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan kaedah tinjauan literatur sistematik *systematic literature review (SLR)* bertujuan untuk mengenal pasti, menilai secara kritis dan mengintegrasikan penemuan semula kajian (Kamal & And, 2020). Justifikasi kaedah ini digunakan adalah kerana kesesuaian dan kerelevanannya dalam menilai secara sistematik keseluruhan kajian yang berkaitan dengan elemen kepimpinan guru, komitmen guru, kompetensi guru dan kecerdasan emosi guru dari tahun ke tahun sekali gus menjelaskan isu baharu dari satu sudut. Kaedah ini menerapkan carian sistematik untuk mengenal pasti elemen yang mempengaruhi kepimpinan guru (Durach et al., 2017).

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah ptbupsi

Kaedah kajian yang digunakan ialah analisis dokumen terhadap artikel, jurnal, tesis dan buku yang ditulis oleh para sarjana (van Lankveld et al., 2017). Kadar rujukan adalah bermula dari tahun 2016 hingga tahun 2020. Kajian lepas diambil bermula dari tahun 2016 kerana merujuk kepada dapatan data berkaitan kepimpinan guru dikaji pada tahun tersebut. Kajian ini menerapkan kaedah tinjauan literatur sistematik (SLR) yang merangkumi tahun kajian, pengkaji dan elemen yang mempengaruhi kepimpinan guru (Flemming et al., 2019). Kaedah ini mengaplikasikan carian yang sistematik untuk mengenal pasti ciri-ciri kepimpinan guru yang boleh dijadikan konstruk dan item dalam pembinaan IPKGM. Hakikatnya, prinsip tinjauan literatur sistematik (SLR) diterapkan oleh ramai pengkaji mutakhir ini bagi menyorot sejauh mana fenomena yang berlaku di sekitar kata kunci kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 3.6.2 Kesahan Kandungan dan Muka

Bagi menentukan kesahan kandungan dan muka, penyelidik telah menggunakan Indeks Kesahan Kandungan (CVI). Penskoran *The Content Validity Index for Item* (I-CVI) Lynn M. R., (1986) yang digunakan untuk menskor setiap item yang telah disemak oleh enam orang pakar berkenaan menggunakan skala empat mata mengikut prosedur yang ditetapkan dalam penskoran I-CVI. Analisis bagi kesahan kandungan untuk setiap Indeks Kesahan Kandungan Instrumen (I-CVI). Lynn M. R. (1986) menjelaskan bagi penentuan nilai minimum indeks kesahan kandungan untuk setiap item (I-CVI) pula, ditetapkan tidak kurang daripada 0.78 dan sebaiknya nilai (I-CVI) bagi instrumen yang baharu dibangunkan adalah ≥ 0.80.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 3.6.3 Analisis Data Pra rintis atau *Preliminary Item Tryout*

Bagi menguji kesahan isi kandungan IPKGM penyelidik telah menggunakan kaedah kesahan kandungan soal selidik yang dibina oleh Ahmad et al. (2005). Soal selidik ini dinamakan sebagai borang penilaian Ujian Pra yang dilampirkan pada lampiran K. Ia adalah soalan berbentuk skala semantik yang mempunyai 10 titik dengan titik paling kanan ditanda 10 (sangat setuju), titik paling kiri, ditanda 1 (sangat tidak setuju). Nilai kesahan kandungan IPKGM dikira menggunakan formula yang dicadangkan oleh Ahmad et al. (2005) iaitu:

$$\frac{\text{Jumlah Skor (x)}}{\text{Skor Maksimum (50)}} \text{ X } 100\% = \text{Pencapaian Kesahan Kandungan}$$

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Nilai yang boleh diterima pakai bagi tujuan ini ialah mengambil kira purata penilaian dan tahap kesesuaian yang diberikan guru tersebut. Nilai yang diterima pakai ialah ≥ 0.80 (Davis 1992).

### 3.6.4 Analisis Data Model Pengukuran Rasch

Kesahan dan kebolehpercayaan item-item dalam sesuatu instrumen penyelidikan juga boleh ditentukan dengan menggunakan model pengukuran Rasch yang diasaskan oleh Georg Rasch. Model pengukuran Rasch ialah suatu model pengukuran yang terbentuk hasil daripada pertimbangan yang mengambil kira kebolehan atau kemampuan setiap calon atau responden yang menjawab soal selidik, ujian atau instrumen dan kesukaran item bagi setiap ujian atau item (Rasch 1980). Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan model pengukuran Rasch untuk mengetahui kesesuaian item-individu menerusi diagnosis yang dilakukan terhadap item menerusi data yang diperoleh melalui kajian yang dilakukan.

#### 3.6.4.1 Kajian Rintis dan Kajian Sebenar

Data kuantitatif yang diperoleh daripada kajian rintis dan kajian sebenar ini dianalisis dengan menggunakan perisian Winsteps yang merupakan satu perisian komputer yang digunakan untuk menganalisis data berdasarkan model pengukuran Rasch. Sistem ini telah memudahkan penganalisisan bagi data-data yang dikumpulkan. Hasil kajian rintis dengan menggunakan perisian Winsteps dengan pendekatan model pengukuran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Rasch dapat memberi penelitian untuk kajian sebenar. Penyelidik mendapati terdapat beberapa kriteria yang perlu dipatuhi namun dalam kajian rintis ini penyelidik hanya menguji dan memeriksa kefungsian item untuk beberapa kriteria iaitu (i) menguji kebolehpercayaan item-responden, (ii) menguji indeks pengasingan item-responden, (iii) menguji kebolehpercayaan ketekalan dalaman Cronbach Alfa, (iv) mengesan polariti item, (v) menguji kesesuaian *(fit)* item, (vi) menentukan korelasi residual terpiawai item (vii) menentukan peta item-individu dan (viii) mengesan (*differential item functioning-DIF)*.

Manakala untuk kajian sebenar pula analisis yang diuji dan diperiksa kefungsian itemnya ialah (i) menguji kebolehpercayaan item dan responden, (ii) menguji indeks pengasingan item dan responden, (iii) menguji kebolehpercayaan ketekalan dalaman Cronbach Alfa, (iv) mengesan polariti item, (v) menguji kesesuaian (fit) item, (vi) menentukan korelasi residual terpiawai item, (vii) menentukan peta item-individu, (viii) mengesan (differential item functioning-DIF), (ix) menentukan kefungsian struktur kategori skala pengukuran dan (x) mengenal pasti unidimensi.

Penggunaan analisis kriteria ini bergantung kepada keperluan sesuatu kajian. Tujuan analisis data pada peringkat rintis ini adalah untuk memilih item yang terbaik daripada item yang telah dirintis dan diuji untuk digunakan dalam penggukuran Rasch di peringkat kajian sebenar (Cohen & Swerdlik, 2002). Tambahan pula penggukuran Rasch ini digunakan adalah kerana kaedah tinjauan digunakan dalam pembangunan instrumen dan untuk mengukur sesuatu trait sahaja (Boone, 2020).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


**(i) Kebolehpercayaan Item dan Responden**

Dalam Model Pengukuran Rasch terdapat dua jenis kebolehpercayaan iaitu kebolehpercayaan item dan kebolehpercayaan responden. Andrich (2010) menyatakan bahawa indeks kebolehpercayaan item dinyatakan sebagai sampel yang dipilih mempunyai kebolehan setara namun diukur dengan kesukaran item yang sama. Manakala indeks kebolehpercayaan responden menunjukkan kebolehan seseorang individu yang menjadi sampel dalam kajian masih tekal walaupun diberikan set yang baharu tetapi masih mengukur konstruk yang sama. Pelaporan indeks kebolehpercayaan responden bersamaan dengan kebolehpercayaan ujian dalam CTT seperti yang dinyatakan oleh Linacre dengan menggunakan pendekatan Model Pengukuran Rasch.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan model pengukuran Rasch, kebolehpercayaan item dan responden mampu untuk ditentukan apabila hasil data dianalisis. Menurut Bond dan Fox (2007), nilai kebolehpercayaan responden yang diterima kuat adalah yang melebihi 0.80. Penyataan ini juga dipersetujui oleh Linarce (2012). Manakala untuk kebolehpercayaan item pula ialah 0.9 (Boone & Staver, 2020). Linarce (2012) menyatakan indeks kebolehpercayaan item melibihi 0.91 menunjukkan bukti bahawa sampel adalah mencukupi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


**(ii) Indeks Pengasingan Item dan Responden**

Andrich (1988) menjelaskan bahawa indeks pengasingan responden ialah pengasingan yang hampir atau perbezaan kumpulan individu mengikut tahap kebolehan dalam instrumen yang diukur dengan menunjukkan bahawa bilangan kumpulan yang mempunyai kebolehan responden dalam memberikan persepsi yang dikenal pasti dalam kumpulan sampel yang diukur pada 2 ralat piawai. Manakala indeks pengasingan item menunjukkan pengasingan bagi tahap kesukaran item di mana ia merujuk kepada bilangan bahagian kesukaran item pada 2 ralat piawai yang diperoleh pada set ujian yang digunakan. Nilai pengasingan responden dan item yang melebihi daripada 2 adalah baik (Linacre 2010).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oleh hal yang demikian dalam kajian ini penyelidik memilih analisis kebolehpercayaan dan pengasingan ke atas item sahaja. Ini kerana menurut Linacre (2010), kebolehpercayaan item merujuk kepada kebolehulangan semula kesukaran item bagi set item yang sama apabila ditadbir kepada sampel responden yang sama. Justeru, jika kebolehpercayaan item rendah, pembina soalan perlu menambah bilangan item.

**(iii) Kebolehpercayaan ketekalan dalaman *Cronbach alfa***

Nilai *Cronbach Alpha* digunakan bagi mendapatkan indeks kebolehpercayaan bagi keseluruhan konstruk yang dianalisis. Kebolehpercayaan ketekalan dalaman merujuk kepada kestabilan dan ketekalan dalaman instrumen yang dibina. McMillan dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Schumacher (1984) menyatakan bahawa, nilai alpha 0.70 hingga 0.90 merupakan julat yang boleh diterima bagi memastikan dan membolehkan instrumen kajian digunakan dalam penyelidikan. Menurut Pallant (2001), nilai alpha yang boleh diterima adalah 0.6, iaitu bagi suatu instrumen yang baru dibina atau diperingkat awal penyelidikan.

**(iv) Polariti item**

Kesahan sesuatu soal selidik merujuk kepada analisis *output* utama. *Output* utama adalah polariti atau keselarian item untuk melihat koefisien korelasi ukuran-titik yang juga dikenali sebagai *point-measure correlation coefficient* (PTMEA CORR). Item-item yang bergerak dalam satu arah memberi maksud konstruk yang diukur dan memberi petunjuk kepada analisis polariti atau keselarian item. Item yang digunakan berfungsi ke arah selari untuk mengukur konstruk yang dibentuk akan dipamerkan oleh indeks positif dalam ukuran *Point Measure Correlation* (PTMEA CORR) dan mengesahkan bahawa item bagi konstruk adalah mampu untuk mengukur konstruk yang ingin diukur.

Jika sebaliknya atau nilai negatif atau sifar pada nilai *Point Measure Correlation* (PTMEA CORR.), maka ia berfungsi ke arah bercanggah dengan konstruk iaitu item tidak bergerak selari dengan item yang lain untuk mengukur konstruk maka terdapat item yang perlu diperbaiki atau digugurkan kerana indikator ini menunjukkan bahawa terdapat item yang memberi respon yang bercanggah dengan pemboleh ubah (Linacre 2010). Menurut Bond dan Fox (2001), polariti item

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


dengan mengenal pasti (PTMEA CORR) adalah juga merupakan pengesanan awal terhadap kesahan konstruk. Linacre (2010) dan Bond dan Fox (2007), mencadangkan ukuran (PTMEA CORR) bagi sesuatu ujian *high stake* adalah dalam julat $0.32 < x < 0.80$.

**(v) Kesesuaian *(fit)* item**

Kesesuaian item yang mengukur konstruk dapat dianalisis setelah selesai analisis dilakukan terhadap data hasil kajian. Kesesuaian item ini dianalisis untuk penentuan kesepadanan item yang mengukur sesuatu konstruk yang terpendam. Nisbah *chi-square* iaitu *infit* dan *outfit* MNSQ *(mean square)* istilah yang digunakan dalam analisis Rasch untuk melaporkan statistik kesesuaian item *(fit statistics)*. Dalam pada itu, indeks MNSQ *infit* dan *outfit* memberi petunjuk kepada pemeriksaan *fit* item yang dianalisis. Setiap analisis yang dilakukan adalah merujuk kepada indeks *infit* dan *outfit* namun pemberat setiap indeks adalah berbeza. Sungguhpun begitu, indeks *outfit* MNSQ perlu dilakukan dahulu berbanding *infit* MNSQ bagi penentuan kesepadanan item atau *item fit* yang digunakan untuk mengukur sesuatu konstruk. Bond dan Fox, (2007) menakrifkan julat yang diterima di antara 0.6 hingga 1.4 bagi skala likert data politomus. Jika nilai lebih tinggi daripada 1.4 menunjukkan item tidak *homogeneous* dalam satu skala pengukuran atau data yang mengelirukan. Sebaliknya, jika nilai yang rendah menunjukkan item yang mudah dijangka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


**(vi) Korelasi Residual Terpiawai Item**

Tujuan pengukuran nilai korelasi residual terpiawai adalah untuk menentukan sama ada terdapat item-item yang bertindan antara satu sama lain dan tidak bersifat tunggal. Dalam model pengukuran Rasch dapat mengukur item tersebut bersandar atau tidak di antara item dengan item yang lain. Jika item bersifat tunggal, ia dijangka boleh berlaku dengan nilai korelasi positif yang tinggi. Item-item tersebut adalah saling bersandar dan tidak bersifat tunggal jika nilai korelasi antara item menghasilkan nilai yang melebihi 0.7 (Linacre, 2010). Ini menunjukkan bahawa item tersebut telah berkongsi lebih daripada separuh *variance* rawak. Antaranya mungkin mempunyai ciri-ciri yang sama antara satu sama lain atau kerana kedua-duanya menggabungkan beberapa dimensi lain yang dikongsi bersama.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oleh hal yang demikian, Linacre (2010) menyarankan supaya hanya satu item sahaja dipilih untuk digunakan dalam pengukuran. Menurut beliau, bagi menghasilkan instrumen yang baik dan berkualiti, jika item-item menghasilkan nilai korelasi melebihi 0.7, item-item tersebut perlu digugurkan salah satu di antaranya dengan merujuk kepada nilai MNSQ yang hampir kepada 1.00 dikekalkan. Item yang bersifat tunggal dan tidak bersandar akan menghasilkan konstruk pengukuran yang unidimensi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


**(vii) Peta Item-Individu**

Peta kesukaran item dan kebolehan responden digunakan untuk menunjukkan sama ada instrumen yang ditadbir oleh penyelidik itu bersesuaian dengan kebolehan sampel atau menepati kumpulan sasaran. Ia juga dikenali sebagai *Peta Wright* yang mana ia dapat menggambarkan taburan item dan responden dengan jelas serta dapat menunjukkan perbezaan persepsi responden pada setiap konstruk. Kesukaran item dan persetujuan responden diletakkan dalam satu skala tunggal dan boleh digunakan untuk meramal keupayaan individu dalam sesuatu penilaian.

Satu garisan putus diletakkan untuk memisahkan responden dan item yang diletakkan secara bersebelahan. Ukuran kesukaran item dalam skala logit dan lokasi ukuran kebolehan individu digambarkan oleh garisan putus yang terletak di bahagian tengah atau 0. Pada bahagian kiri garisan putus adalah kedudukan persetujuan atau kebolehan responden, manakala pada bahagian kanan adalah mewakili kedudukan atau tahap kesukaran item.

Oleh sebab data politomi digunakan dalam kajian ini maka, peta item responden adalah menggambarkan aras persetujuan responden dari aspek kebolehan responden memberikan persepsi terhadap item yang dikemukakan. Menurut Bond dan Fox (2007), peta item-responden adalah menggambarkan aras persetujuan responden dari aspek kebolehan responden memberikan persepsi atau kemampuan memperakui item berdasarkan persepsi responden dan bukannya menilai keupayaan responden untuk menjawab persoalan jika data adalah data politomi. Kedudukan responden pada ruangan positif adalah menunjukkan responden mudah untuk memperakui item dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


bersetuju dengan item yang diberikan. Kedudukan responden pada ruangan negatif pula menunjukkan responden sukar untuk memperakui item dan tidak bersetuju dengan item yang diberikan.

Manakala bagi item pula, jika item berkedudukan di ruangan positif menunjukkan item adalah sukar untuk responden memberikan persepsi mereka dan jika di ruangan negatif menunjukkan item adalah mudah untuk responden memberikan persepsi. Jika dapat dikesan item yang terlalu sukar untuk diperakui atau terlalu mudah untuk dipersetujui iaitu berada pada nilai logit tertinggi dan terendah maka, item tersebut perlu diberi perhatian di mana ia perlu disemak dari aspek kesesuaian item iaitu nilai MNSQ sama ada item tersebut *fit* untuk mengukur sesuatu konstruk atau perlu digugurkan. Item yang seimbang ialah item yang membentuk *bell curve graph* iaitu item itu dibina mempunyai kesamarataan dari segi item yang sukar dan item yang mudah untuk di jawab.

**(viii) *Differential item functioning (DIF)***

*Differential Item Functioning (DIF)* berfungsi sebagai prosedur awal untuk mengesan item-item yang berkemungkinan berat sebelah atau *bias*. Apabila suatu instrumen pengukuran ditadbir kepada kumpulan yang berbeza dari aspek ciri dan latar belakang, ia mempunyai kebarangkalian berlakunya situasi di mana item-item adalah berat sebelah atau *bias* dengan tanpa disedari. Kajian DIF dalam instrumen pentaksiran pendidikan ialah satu prosedur yang bertujuan untuk mengenal pasti item ujian yang tidak menunjukkan kefungsian yang sama atau hampir sama apabila

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


ditadbir kepada kumpulan responden yang sama kebolehannya tetapi mempunyai perbezaan daripada aspek ciri dan latar belakang.

Menurut Siti Rahayah et al. (2010) melaporkan bahawa, faktor jantina perlu diperiksa dari aspek DIF kerana mungkin menjadi faktor yang menimbulkan *bias.* Menurut Bond dan Fox (2007), dengan melakukan analisis DIF dari aspek jantina, penyelidik boleh mengenal pasti item-item yang menunjukkan tanda-tanda awal ketidakadilan apabila kumpulan guru berbeza jantina yang sama tahap kebolehan dibandingkan. Namun demikian, terdapat juga pendapat yang menyatakan bahawa pemeriksaan DIF dicadangkan ke atas semua item instrumen pentaksiran yang ditadbir oleh kumpulan yang berbeza dari aspek jantina, ciri dan latar belakang untuk memastikan keadilan dan kesaksamaan dalam ujian yang merupakan satu aspek keberkesanan instrumen pentaksiran (Sheppard et al., 2006).

Bagi mengenalpasti item yang berkeadaan berat sebelah bagi sesuatu kumpulan, maka satu nilai t kritis yang diperoleh melalui analsis *Gender Differential Item Functioning* (GDIF) perlu dikenalpasti. Pada aras keyakinan pada 95%, nilai t kritis digunakan untuk menentukan aras signifikan ± 2.00 di mana nilai t kritis adalah terletak pada + 2.0 ≥ t ≥ -2.0 untuk semua analisis DIF (Bond dan Fox, 2007). Selain itu, indeks *Gender Differential Item Functioning* (GDIF) *contrast* juga digunakan bagi menunjukkan jurang perbezaan tahap pengesahan bagi setiap item apabila kedua-dua kumpulan responden lelaki dan perempuan dibandingkan. Nilai DIF Contrast perlu berada pada julat ± 0.5, namun menurut Wright dan Panchalakesan dalam Tennant dan Pallant (2007) melaporkan bahawa nilai saiz GDIF yang kurang daripada ± 0.5 logits atau melebihi - 0.5 adalah tidak penting dan boleh diabaikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Selain dari itu, apabila item mempunyai nilai DIF *Contrast* berada di luar aras seperti mempunyai nilai ≥ +0.5, ≤ -0.5 dan setelah merujuk kepada nilai t, maka item tersebut perlu diberi perhatian atau perlu digugurkan. Dalam menentukan keadaan berat sebelah antara lelaki atau perempuan, indeks negatif pada nilai *DIF Measure* adalah mewakili item yang mudah dijawab, manakala bagi nilai *DIF Measure* yang mempunyai nilai positif adalah merujuk kepada item yang sukar untuk dijawab. Sekiranya kedua-dua jantina mempunyai tanda yang sama pada nilai *DIF Measure*, nilai *DIF Measure* yang tinggi akan diambil bagi mengklasifikasikan soalan tersebut lebih sukar dijawab bagi kategori jantina (Linacre, 2010).

**(ix) Skala Pemeringkatan *rating* dan Keserasian Kategori**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi menentukan kesesuaian skala dan keserasian kategori yang dibentuk semakan terhadap skala pemeringkatan dilakukan. Pengujian kategori ini boleh digunakan untuk item berbentuk aneka pilihan atau berskala Likert. Penentuan kesesuaian kategori yang digunakan dalam pengukuran ini adalah termasuk dalam kriteria yang dicadangkan oleh Linacre (2002). Menurut beliau, kriteria yang perlu dipatuhi dalam menentukan kesesuaian kategori dalam analisis adalah seperti:

(i) terdapat sekurang-kurangnya 10 pemerhatian bagi setiap kategori

(ii) purata pengukuran (*average measure*) pada setiap kategori sepatutnya lebih tinggi berbanding kategori sebelumnya

(iii) nilai MNSQ bagi *outfit* bagi setiap kategori mestilah kurang dari 2.0

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


(iv) nilai *structure calibration* yang boleh dinyatakan sebagai *step difficulties* pula, perlu terdapat peningkatan pada setiap kategori dengan nilai beza lebih besar daripada 1.4 logit.

Rajah lengkuk kebarangkalian kategori yang terbentuk dalam analisis dengan memaparkan taburan kategori berdasarkan nilai *item measure* dan kebarangkalian respons memilih kategori sebagai kategori pilihan dilakukan melalui semakan terhadap kategori. Rajah lengkuk kebarangkalian kategori memaparkan taburan kategori dengan menghasilkan lengkuk serta mewujudkan sempadan pada setiap kategori. Sekiranya kriteria yang dinyatakan oleh Linacre (2006) tersebut tidak dipatuhi dengan pembuktian rajah lengkuk kebarangkalian kategori yang menunjukkan lengkuk antara kategori yang tidak jelas serta mempunyai sempadan kategori yang terlalu berbeza dengan sempadan kategori yang lain maka semakan seterusnya adalah diperlukan.

Jika hasil analisis mendapati ia tidak menepati kriteria yang disarankan seperti pemerhatian terhadap kategori adalah kurang daripada 10, terdapat peningkatan pada nilai *structure calibration* yang kurang daripada 1.4, purata pengukuran (*average measure*) pada kategori berikutnya lebih rendah berbanding kategori sebelumnya atau nilai MNSQ bagi *outfit* bagi setiap kategori melebihi dari 2.0 maka penggabungan antara kategori (*collapsing category*) adalah dicadangkan (Linacre, 2006). Apabila *collapsing category* dilakukan, maka semakan semula terhadap kategori perlu dilaksanakan dan perbandingan terhadap kategori yang sebelumnya juga harus dilakukan. Wright (1996a) dan Wright & Linacre (1999) menyatakan bahawa, setiap kategori yang digabungkan haruslah memberi makna dalam pengukuran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Dalam menentukan kategori skala yang mana harus dipilih dalam meningkatkan lagi kebolehpercayaan dan kesahan instrumen, Bond dan Fox (2007) telah memberikan pendapatnya di mana menurut mereka, nilai pengasingan responden yang lebih besar adalah menjadi keutamaan dalam pemilihan kesesuaian kategori skala melalui perbandingan yang dilakukan.

**(x) Unidimensi**

Menurut Wright dan Master (1982), unidimensi merujuk kepada item-item ujian yang mengukur satu trait tunggal. Whitehead (2009) dalam melakukan analisis unidimensi ini yang mengukur sesuatu skala secara serentak bagi setiap item adalah dalam proses yang sama, maka ciri unidimensionaliti akan wujud. Bond dan Fox (2007) pula menyatakan bahawa statistik keserasian membantu pembina instrumen mengenal pasti sama ada andaian unidimensi telah dipenuhi atau tidak. Item yang tidak memenuhi ciri-ciri unidimensi dianggap sebagai tidak dapat mengukur konstruk yang sepatutnya diukur. Justeru, item-item ini dikategorikan sebagai tidak serasi (misfit) dan bergerak jauh daripada jangkaan pola kebolehan atau ia dikategorikan sebagai multidimensional.

Terdapat beberapa faktor yang perlu diambil kira dalam memastikan sesuatu alat pengukuran tersebut adalah unidimensi. Berdasarkan Bond dan Fox (2009) yang merujuk kepada Linacre (2010) yang mencadangkan tiga peringkat pemeriksaan dan semakan data bagi tujuan mengenalpasti unidimensionaliti iaitu dengan mengenalpasti item yang mempunyai nilai baserial correalation (PTMEA CORR.) yang negatif. Item

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


yang mempunyai nilai PTMEA CORR. yang negatif menunjukkan item yang digunakan adalah tidak mampu untuk mengukur konstruk yang ingin diukur serta bergerak tidak selari dengan item yang lain untuk mengukur konstruk dan item tersebut perlu disingkirkan. Selain itu, semakan terhadap kesesuaian item bagi menentukan kesepadanan item (item fit) yang mengukur sesuatu konstruk dengan menggunakan indikator analisis kesesuaian (fit) item Rasch juga adalah diperlukan. Peringkat yang ketiga seperti yang dicadangkan oleh Linacre (1999) adalah dengan melaksanakan prosedur analisis faktor Rasch dalam mengesahkan keunidimensionaliti.

Dalam menentukan konstruk yang bersifat unidimensi maka perlu dipastikan bahawa item yang dibangunkan adalah hanya mengukur konstruk yang telah ditetapkan atau kata nama lain, item tersebut hanya mempunyai satu dimensi dalam mengukur konstruk yang dibangunkan. Linacre (2010) juga menambah bahawa item yang mempunyai korelasi residual antara item yang tinggi menunjukkan item tersebut adalah bersifat bersandar. Ini adalah kerana item tersebut mempunyai ciri-ciri yang sama antara satu sama lain atau kerana kedua-duanya menggabungkan beberapa dimensi lain yang dikongsi bersama. Maka bagi memastikan item bersifat tunggal dan keunidimensian konstruk, semakan terhadap korelasi residual antara item juga perlu dilakukan.

Untuk menilai kekuatan dimensi pengukuran, Wright dan Masters (1982) menyatakan bahawa secara praktikalnya, syarat-syarat yang membuktikan andaian ialah nilai variance mentah dijelaskan oleh ukuran (raw variance explained by measure) mestilah lebih daripada 40% yang mana dianggap sebagai satu dimensi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


pengukuran yang kuat. Namun apabila nilai variance dijelaskan oleh ukuran adalah melebihi 30%, ia dianggap sebagai satu dimensi ukuran yang sederhana, dan melebihi 20% dianggap satu dimensi yang minima (Reckase, 1979).

Menurut Wright dan Masters (1982), bagi menghasilkan suatu konstruk yang unidimensi, maka peratus varians tidak dijelaskan dalam kontras pertama (first contrast unexplained variance) perlulah kurang daripada 10%, dan nilai eigen kontras pertama (first contrast eigenvalue) juga perlu kurang daripada 5.0. Jika dapatan analisis yang dijalankan tidak menepati kriteria yang disyaratkan, maka ia menunjukkan terdapat wujudnya dimensi kedua atau sub dimensi di dalam dimensi utama. Ini membuktikan bahawa konstruk adalah bersifat tidak unidimensi dan memerlukan pemerhatian semula dari aspek kesesuaian item serta fungsinya dalam mengukur konstruk.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 3.6.5 Ringkasan Penganalisisan Data

Secara ringkasnya, setiap tujuan, kaedah dan pendekatan analisis yang digunakan dalam kajian ini diringkaskan dalam Jadual 3.14

**Jadual 3.14**

*Kaedah Penganalisisan Data*

| Tujuan Analisis | Parameter | Rujukan Kriteria dan Statistik | Pendekatan |
|---|---|---|---|
| Membentuk konstruk dan item | | Sorotan literatur, berdasarkan teori dan model dan | SLR |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


| Tujuan Analisis | Parameter | Rujukan Kriteria dan Statistik | Pendekatan |
|---|---|---|---|
| | | konseptualisasi dan operasionalisasi | |
| Pembinaan Item | | Taburan Item melalui Jadual Penentuan Item | |
| Kesahan Kandungan Pra rintis atau *Preliminary Item Tryouts* | Davis (1992)<br>≥ 0.80 | Pencapaian kesahan kandungan | |
| Kesahan Kandungan dan Muka | Lynn M. R. (1986)<br>≥ 0.80 | Merujuk pakar | CVI |
| Unidimensi | Wright dan Masters (1982)<br>1*) variance explained by measure* lebih daripada 40%<br>2) *Unexplned variance in 1st , 2nd, 3rd and 4th factor* kurang daripada 5 atau 10% | Nilai variance mentah dijelaskan oleh ukuran - *(raw variance explained by measure),*<br>Peratus varians tidak dijelaskan dalam kontras pertama - *(first contrast unexplained variance)*<br>Nilai eigen kontras pertama - (*first contrast eigenvalue)* | Model Rasch |
| Kebolehpercayaan Item dan Responden | Wright dan Master (1982)<br>Bond dan Fox (2007)<br>≥ 0.80 | Nilai kebolehpercayaan item dan responden | Model Rasch |
| Kebolehpercayaan Ketekalan Dalaman | McMillan dan Schumacker (1984) 0.70 hingga 0.90<br>Hopkins (1998) nilai minimum 0.90<br>Pallant (2001)<br>0.60 | Nilai Alpha | Model Rasch |
| Pengasingan Item dan Responden | Linacre (2005)<br>Melebihi daripada nilai 2.00 | Pengasingan Item dan Responden | Model Rasch |
| Polariti Item | Linacre (2010)<br>Nilai positif | Nilai *Point Measure Correlation* (PTMEA CORR) | Model Rasch |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


| Tujuan Analisis | Parameter | Rujukan Kriteria dan Statistik | Pendekatan |
|---|---|---|---|
| Kesesuaian Item | Bond dan Fox (2007)<br>Julat yang diterima 0.6-1.4 | Nilai MNSQ dan Z-std | Model Rasch |
| Item yang Bersandar | Linacre (2010)<br>Nilai korelasi item melebihi 0.7 (satu item sahaja dipilih) dan merujuk kepada nilai MNSQ yang hampir kepada 1.00 | Nilai korelasi residual terpiawai | Model Rasch |
| Peta Item-Individu | Ebel dan Frisbie (1991)<br>Mempunyai sedikit item yang sukar dan sedikit item yang mudah | Peta item-responden | Model Rasch |
| *Differential Item Functioning* (DIF) | Bond dan Fox (2007)<br>Nilai ujian *t* antara -2.0 hingga +2.0<br>Nilai *DIF Contrast* julat ±0.5 | Nilai t<br>Nilai DIF Contrast | Model Rasch |
| Skala Pemeringkatan rating dan Keserasian Kategori | Linacre (2010)<br>Nilai beza lebih besar daripada 1.4 logit<br>Bond dan Fox (2007)<br>Tidak lebih daripada nilai 5 logit | Bilangan pemerhatian,<br>Nilai purata pengukuran,<br>Nilai MNSQ outfit,<br>Nilai step difficulties,<br>Rajah lengkok kebarangkalian | Model Rasch |

## 3.7 Rumusan

Secara keseluruhannya, bab 3 ini telah memberikan penjelasan secara terperinci tentang reka bentuk dan kaedah kajian yang digunakan oleh penyelidik dalam kajian ini yang bertujuan untuk membina instrumen bagi menilai ciri-ciri kepimpinan guru di sekolah serta memeriksa dan menguji serta mengesahkan instrumen yang dibina. Melalui bab ini juga populasi dan kaedah pensampelan kajian serta instrumen kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


diperincikan berdasarkan tiga fasa kajian iaitu Fasa I iaitu pembentukan konstruk dan pembinaan item merujuk kepada mengenal pasti dan mentakrif konstruk melalui sorotan literatur, berdasarkan teori dan model serta konseptualisasi dan operasionalisasi. Melakukan kesahan muka dan kandungan dengan merujuk pakar. Fasa II untuk kajian rintis dan Fasa III untuk kajian sebenar dan pengesahan menggunakan data kuantitatif analisis sepenuhnya menggunakan model pengukuran Rasch bagi menentukan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen yang digunakan. Selanjutnya, aspek kajian yang turut dibincangkan kajian rintis, kajian sebenar, prosedur pengumpulan data serta kaedah penganalisisan data.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun psi

# BAB 4

# DAPATAN KAJIAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 4.1 Pengenalan

Kajian yang dijalankan ini bertujuan untuk membina Instrumen Penilaian Kepimpinan Guru Malaysia (IPKGM) untuk menilai ciri-ciri kepimpinan guru dalam kalangan guru. Untuk mencapai tujuan kajian ini, data diperoleh dan dikutip melalui tiga fasa iaitu Fasa I: pembentukan konstruk dan pembinaan item, Fasa II: kajian rintis dan Fasa III: kajian sebenar dan pengesahan. Pembentukan konstruk dan pembinaan item melibatkan pengenalpastian setiap konstruk dan item yang dikaji dalam membina IPKGM melalui sorotan literatur. Sorotan literatur melibatkan analisis secara sistematik melalui pembacaan dokumen berkaitan dengan aspek yang dikaji, penulisan item dan melakukan kesahan muka dan kandungan. Manakala, kajian rintis dan kajian sebenar dilakukan untuk memastikan setiap item yang terdapat dalam soal selidik dapat mengukur ciri-ciri kepimpinan guru.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Hasil dapatan kajian rintis dianalisis untuk memeriksa kefungsian dan kualiti item dengan menggunakan pendekatan model pengukuran Rasch. Item yang berkualiti serta dapat mengukur konstruk digunakan dalam kajian sebenar dan dilaporkan berdasarkan analisis juga melalui pendekatan model pengukuran Rasch.

## 4.2 Dapatan Persoalan Kajian Pertama (1a)

Persoalan Kajian 1a: Apakah konstruk dan item Instrumen Penilaian Kepimpinan Guru Malaysia (IPKGM) untuk menilai ciri-ciri kepimpinan guru dalam kalangan guru?

Bagi menjawab persoalan ini penyelidik mengenal pasti setiap konstruk dan item yang dikaji dalam membina IPKGM melalui sorotan literatur. Sorotan literatur melibatkan analisis secara sistematik melalui pembacaan artikel berkaitan dengan aspek yang dikaji. Kemudian penyelidik melakukan konseptualisasi, operasionalisasi dan jadual penentuan item bagi pembentukan konstruk dan item pada peringkat awal.

### 4.2.1 Pembentukan Konstruk dan Item

Di peringkat pembentukan konstruk dan item, dapatan kajian diperoleh berdasarkan kupasan sorotan literatur meta-analisis, di mana kajian berdasarkan integrasi model serta teori-teori berkaitan kepimpinan dalam pelaksanaan konsep kepimpinan guru dan konstruk yang digunakan dalam penilaian kendiri soal selidik kepimpinan guru

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


meliputi dalam dan luar negara. Konstruk dan item yang dibentuk dalam instrumen IPKGM adalah berdasarkan data yang diperoleh melalui kupasan sorotan literatur. Secara ringkasnya meta-analisis adalah analisis terhadap analisis yang lain, ia melibatkan penggabungan hasil kajian yang setanding dan diambil kira untuk menemui kesan yang utama (Cohen, Manion, & Morrison, 2011). Kaedah yang digunakan oleh Mohamed Shaffril et al. (2021) telah diadaptasi dalam pemilihan artikel yang berkaitan untuk dianalisis.

Beberapa pangkalan data yang dilanggan oleh perpustakaan universiti seperti *Science Direct, Proquest, Sage, Emerald Insight* dan *Jstor* telah digunakan untuk mencari artikel yang berkaitan. Selain itu, enjin carian *Google Scholar, Google Search* dan *ResearchGate* juga turut digunakan bagi memastikan carian yang lebih meluas dapat dilakukan. Artikel berkaitan kepimpinan guru yang diterbitkan sekitar tahun 2016 hingga 2020 telah dimuat turun untuk dianalisis. Kata kunci yang telah digunakan untuk mencari artikel tersebut adalah, *"kepimpinan guru", "atribut", "komitmen guru", "kompetensi guru", "kecerdasan emosi guru", "kualiti guru", "profesion keguruan", "teacher leadership", "teacher self-assesment", "teacher commitment", "teacher competency", "teacher emotional intelligence", "quality teacher", "teacher leadership model"* dan *"teacher instrument"*.

Antara kriteria pemilihan artikel untuk dianalisis adalah: (i) kajian dalam kepimpinan guru yang menggunakan kerangka teori atau model berkaitan kepimpinan guru; (ii) data kajian dikumpul dalam kalangan guru di Malaysia dan luar negara berkaitan dengan elemen mempengaruhi kepimpinan guru, (iii) hubungan komitmen guru dan kepimpinan guru, (iv) hubungan kompetensi dan (v) kepimpinan guru dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


hubungan kecerdasan emosi guru dan kepimpinan guru. Hasil carian literatur yang dilakukan di *Scopus, Google Scholar* dan *Science Direct* adalah sebanyak sebagai 153 artikel. Namun, daripada 153 artikel, akan malalui proses *screening* dengan merujuk Rajah 4.1. Sebanyak 23 artikel *duplicate* juga dikeluarkan. Setelah melakukan proses *screening*, sejumlah 85 artikel telah dikeluarkan kerana tidak memenuhi kriteria yang ditetapkan dan ini menjadikan baki artikel yang sedia ada ialah 45. Proses seterusnya ialah dengan melakukan *eligibility* ke atas baki 45 artikel yang terpilih dari proses *screening* tadi. Dalam proses ini sejumlah 22 artikel telah dikeluarkan kerana fokusnya tidak terarah kepada model kepimpinan guru. Berdasarkan proses ini, 23 artikel telah dipilih bagi melalui proses seterusnya iaitu penilaian kualiti.

Daripada 23 artikel yang di saring ini seperti dalam Jadual 4.1, penyelidik membahagikan kepada beberapa bahagian untuk mendapatkan konstruk dan item yang berkaitan untuk konseptualisasi dan kemudiannya di petakan kepada jadual penentuan item. Dapatan kajian ini telah dibahagikan kepada lima bahagian utama. Di mana untuk mendapatkan bukti yang kukuh berkaitan tiga elemen yang di kaji, penyelidik memfokuskan kepada i) ringkasan elemen kepimpinan guru dalam literatur, ii) perkaitan tiga elemen dengan kepimpinan guru, iii) kajian tiga elemen yang dikaji dengan kepimpinan guru dan lain-lain, iv) instrumen berkaitan kepimpinan guru dan v) ciri-ciri mempengaruhi kepimpinan guru.

Berdasarkan analisis yang telah dijalankan, didapati kebanyakan kajian berkaitan kepimpinan guru adalah tergolong di bawah kajian yang merangkumi ciri-ciri mempengaruhi kepimpinan guru seperti yang dijelaskan pada Jadual 4.2. Terdapat 16 kajian yang menerangkan berkaitan dengan ciri-ciri mempengaruhi kepimpinan


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


guru. Selain itu, terdapat hubungan di antara ciri-ciri kepimpinan guru dikaitkan dengan tiga konstruk yang dikaji seperti dalam Jadual 2.2 iaitu sebanyak 38 pengkaji.

**Rajah 4.1**

*Carta Alir Proses Tinjauan Literatur Bersismatik PRISMA*




05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## Jadual 4.1

*Hasil dapatan Berkaitan Kepimpinan Guru*

| No | Penyelidik | Tajuk | Tahun | Model |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Mahaliza Mansor<br>Hamidah Yusof<br>Rohaila Yusof<br>Norlia Mat Norwani<br>Norasibah Abdul Jalil<br>Fanny Kho Chee Yuet<br>Mohd Asri Mohd Noor<br>Khalip Musa<br>(Mansor et al., 2018) | Teacher Leadership Factors and Teacher Leadership Model Based on the Six Guiding Principles | 2018 | *Teacher Leadership and the Guiding Principles*<br>Mansor et al., (2018) |
| 2 | Jianping Shen<br>Huang Wu<br>Patricia Reeves<br>Yunzheng Zheng<br>Lisa Ryan<br>Dustin Anderson<br>(Shen et al., 2020) | The association between teacher leadership and student achievement: A meta-analysis | 2020 | *Teacher Leadership Model*<br>Katzenmeyer & Moller, (2009) |
| 3 | Junjun Chen<br>(Chen, 2020) | Understanding teacher leaders' behaviours: Development and validation of the Teacher Leadership Inventory | 2020 | *Teacher Leadership Model*<br>Katzenmeyer & Moller, (2009) |
| 4 | Wan Suhaila Wan Yaacob<br>Yahya Don<br>(Yaacob & Don, 2018) | Teacher Leadership Model: Roles and Values | 2018 | *Teacher Leadership Model*<br>Katzenmeyer & Moller, (2009) |
| 5 | Nor Lizana Kamaruzaman<br>Khalip Musa<br>Zahari Hashim<br>(Kamaruzaman et al., 2020) | Teacher Leadership: Concept and Framework | 2020 | Katzenmeyer and Moller (2001 & 2009) |
| 6 | Lokman Mohd Tahir<br>Rohaya Talib Hamimah<br>Mohd Naim Mohamad<br>Berhanddin Musah<br>(Mohd. Tahir et al., 2017) | Penilaian Psikometrik Instrumen Kesediaan Guru sebagai Pemimpin Guru | 2017 | *Teacher Leadership Model*<br>Katzenmeyer & Moller, (2009) |
| 7 | Julianne A. Wenner Todd Campbell<br>(J. A. Wenner & Campbell, 2017) | The Theoretical and Empirical Basis of Teacher Leadership: A Review of the Literature | 2017 | *Theory of Action*<br>York-Barr & Duke, (2004) |
| 8 | Jennie Miles Weiner<br>Alexandra J. Lamb<br>(Weiner & Lamb, 2020) | Exploring the possibilities and limits to transfer and learning: Examining a teacher leadership initiative using the theory of action framework | 2020 | *Theory of Action*<br>York-Barr & Duke, (2004) |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


| No | Penyelidik | Tajuk | Tahun | Model |
|---|---|---|---|---|
| 9 | Julianne A. Wenner (J. Wenner, 2017) | Urban Elementary Science Teacher Leaders: Responsibilities, Supports, and Needs | 2017 | *Theory of Action* York-Barr & Duke, (2004) |
| 10 | Michael Ryan, Monica Taylor Amanda Barone Leslie Della Pesca Sona Durgana Kelly Ostrowski Tonianne Piccirillo Kelly Pikaard (Ryan et al., 2017) | Teacher as Researcher, Teacher as Scholar, and Teacher as Leader | 2017 | *Theory of Action* York-Barr & Duke, (2004) |
| 11 | Carina Schott Henrico van Roekel Lars G. Tummers (Schott et al., 2020) | Teacher leadership: A systematic review, methodological quality assessment and conceptual framework | 2020 | *Theory of Action* York-Barr & Duke, (2004) |
| 12 | Saiful Adli Abd Rahim Harris Shah Abd Hamid Norhanida Samsudin Muhammad Faizal A. Ghani (Rahim et al., 2020) | Teacher Leadership Models: A Directed Analysis of Content | 2020 | *Spheres of Teacher Leadership Action for Learning* Fairman & Mackenzie, (2012) |
| 13 | Julie Hohner Augusto Riveros (Hohner & Riveros, 2017) | Transitioning from Teacher Leader to Administrator in Rural Schools in Southwestern Ontario | 2017 | *Spheres of Teacher Leadership Action for Learning* Fairman & Mackenzie, (2012) |
| 14 | Carolyn Crippen Jessica Willows (Crippen & Willows, 2019) | Connecting Teacher Leadership And Servant Leadership: A Synergistic Partnership | 2019 | Teacher Leader Model Standards, (2011) Teacher Leadership Exploratory Consortium |
| 15 | Melinda M. Mangin (Mangin, 2016) | Teacher Leadership: Furthering the Research Agenda | 2016 | *Teacher Leader Model Standards*, (2011) *Teacher Leadership Exploratory Consortium* |
| 16 | Nithya Doraiswamy Kristen M. Porter Grant Wilson Peter Paprzycki Charlene M. Czerniak Nicole Tuttle Kevin Czajkowski (Doraiswamy et al., 2016) | Development and Validation of an Instrument to Assess Teacher Leadership Behaviors in a Math–Science Partnership Program | 2016 | *Teacher Leader Model Standards*, (2011) *Teacher Leadership Exploratory Consortium* |
| 17 | Alex RedCorn (RedCorn, 2016) | Walking the Walk: The Presence of Core Educational Leadership Standards in the Development and Implementation of Partnership Academies | 2016 | *Teacher Leader Model Standards*, (2011) *Teacher Leadership Exploratory Consortium* |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


| No | Penyelidik | Tajuk | Tahun | Model |
|---|---|---|---|---|
| 18 | Lisa Smulyan (Smulyan, 2016) | Stepping into Their Power: The Development of a Teacher Leadership Stance | 2016 | *Teacher Leader Model Standards*, (2011) *Teacher Leadership Exploratory Consortium* |
| 19 | Nazeri Mohammad Arshad Jais Wan Ameran Wan Mat (Nazeri Mohammad, 2016) | Measurement Model Value Aspects Of Teacher Leadership In Vocational Education | 2016 | *Teacher Leader Model Standards*, (2011) *Teacher Leadership Exploratory Consortium* |
| 20 | Anna Berestova Natalya Gayfullina Sergey Tikhomirov (Berestova et al., 2020) | Leadership and Functional Competence Development in Teachers: World Experience | 2020 | *Teacher Leader Model Standards*, (2011) *Teacher Leadership Exploratory Consortium* |
| 21 | Norlia Mat Norwani Hamidah Yusof Mahaliza Mansor Wan Mohd Nazri Wan Mohd Daud (Norwani et al., 2016) | Development of Teacher Leadership Guiding Principles in Preparing Teachers for the Future | 2016 | *Teacher Leadership: Principles and Practice* Harris & Muijs, (2003) |
| 22 | Rania Sawalhi Youmen Chaaban (Sawalhi & Chaaban, 2019) | Student teachers' perspectives towards teacher leadership | 2019 | *Teacher Leadership Model* Katzenmeyer & Moller, (2009) |
| 23 | Tricia Browne-Ferrigno (Browne-Ferrigno, 2016) | Developing and Empowering Leaders for Collective School Leadership: Introduction to Special Issue | 2016 | *Teacher Leadership Model* Katzenmeyer & Moller, (2009) |

Melalui dapatan sorotan literatur Jadual 4.1, penyelidik memperoleh dapatan data hasil kajian penyelidik luar dan dalam negara tentang kepimpinan guru. Antara kajian yang berkaitan dengan kepimpinan guru ialah berkaitan dengan faktor mempengaruhi kepimpinan guru dan ciri-ciri kepimpinan guru. Selain itu, penyelidik juga membuat analisis berkaitan elemen yang mempunyai hubungan dengan kepimpinan guru yang memberikan satu pengukuran ciri-ciri kepimpinan guru kepada guru di sekolah. Elemen yang berkaitan ini, mempunyai hubungan dengan kepimpinan guru namun dikaji dalam bidang yang lain secara meluas seperti dalam Jadual 2.3.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Selain itu, soal selidik yang merupakan penilaian kendiri berkaitan kepimpinan guru juga disoroti oleh penyelidik bagi tujuan memastikan alat penilaian kepimpinan guru ini wujud dan mempunyai kajian-kajian yang telah dilakukan oleh penyelidik lepas. Oleh hal yang demikian, penyelidik merangkumkan penemuan hasil kajian ini dengan menemukan tiga elemen penting dalam penilaian ciri-ciri kepimpinan guru iaitu elemen komitmen guru, elemen kompetensi guru dan elemen kecerdasan emosi guru. Melalui dapatan sorotan literatur, penyelidik memperoleh dapatan data berkaitan dengan kepimpinan guru daripada hasil kajian penyelidik luar dan dalam negara. Jadual 4.2 menunjukkan ciri-ciri mempengaruhi kepimpinan guru.

**Jadual 4.2**

*Ciri-Ciri Mempengaruhi Kepimpinan Guru*

| **Pengarang** | **Ciri-Ciri Mempengaruhi Kepimpinan Guru** |
|---|---|
| (Boles & Troen, 1994) | Suatu bentuk kepimpinan yang kolektif yang bekerja bersama-sama dalam membangunkan kepakaran dengan bekerja secara kolaboratif. |
| (Childs-Bowen et al., 2000) | Guru memain peranan dalam komuniti pembelajaran profesional untuk meningkatkan pembelajaran murid, menyumbang kepada peningkatan sekolah, memberi inspirasi kepada kecemerlangan dalam amalan terbaik guru dan memperkasakan pihak berkepentingan untuk mengambil bahagian dalam penambahbaikan pendidikan. |
| (Crowther et al., 2009) | Guru memerlukan pemahaman dan amalan baharu yang menyumbang kepada kejayaan sekolah dan kepada kualiti hidup masyarakat dalam jangka masa panjang. |
| (Katzenmeyer & Moller, 2001) | Pemimpin yang memimpin di dalam dan di luar bilik darjah, mempengaruhi orang lain ke arah amalan pendidikan yang lebih baik dan mengenal pasti dan menyumbang kepada komuniti kepimpinan guru. |
| (Lambert, 1998) | Penglibatan yang luas dan mahir dalam kerja kepimpinan. |
| (Miller et al., 2000) | Tindakan guru di luar bilik darjah yang melibatkan tanggungjawab secara langsung atau tidak langsung dalam pembangunan profesional kepada rakan sejawat, mempengaruhi dasar komuniti atau bertindak sebagai |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


| Pengarang | Ciri-Ciri Mempengaruhi Kepimpinan Guru |
|---|---|
| | kakitangan tambahan untuk menyokong perubahan dalam amalan bilik darjah dalam kalangan guru. |
| (Wasley, 1991) | Keupayaan kepimpinan guru untuk melibatkan rakan sejawat dalam pengajaran dan pembelajaran murid atau aktiviti bersama murid dan kemudian berkongsi amalan pengajaran agar pengajaran di dalam dan di luar kelas lebih memberi makna kepada guru dan murid. |
| (York-Barr & Duke, 2004) | Proses di mana guru, secara individu atau kolektif, mempengaruhi rakan sejawat, pengetua dan ahli komuniti sekolah yang lain untuk memperbaiki amalan pengajaran dan pembelajaran dengan tujuan meningkatkan pembelajaran dan pencapaian pelajar. |
| (Mansor et al., 2018) | Guru tidak mempunyai sebarang jawatan formal di sekolah, mereka dihormati oleh rakan sejawat, belajar secara berterusan, mudah didekati oleh rakan sejawat dan sentiasa menggunakan kemahiran dan pengaruh sebagai satu kumpulan untuk meningkatkan tahap amalan pendidikan bersama guru lain. |
| (Mcgee et al., 2015) | Kepimpinan guru adalah satu ciri individu yang tertumpu terutamanya pada nilai peribadi, kualiti dan tingkah laku individu itu sendiri selain menumpukan kepada pencapaian hasil pengajaran, sasaran kecemerlangan sekolah selain mempunyai hubungan baik diantara pentadbir, murid, ibu bapa dan masyarakat. |
| (Fox et al., 2020) | Seorang guru yang menggalakkan interaksi dalam kelas melakukan keadilan terhadap profesion mereka dengan membimbing murid dan membantu mereka mengembangkan kemahiran komunikasi mereka. Malah guru memotivasikan murid mereka, mewujudkan peluang untuk mereka berinteraksi antara satu sama lain melalui aktiviti seperti lakonan, perbincangan kumpulan dan perbentangan. |
| (Lieberman & Miller, 2005) | Di bawah pentafsiran ini, guru perlu mempunyai ciri sebagai penyelidik, mentor, sarjana, dan pembangun; mereka memperluaskan makna apa yang dimaksudkan dengan menjadi guru. Mereka adalah pemimpin dan intelektual yang dapat membuat perbezaan di sekolah dan profesion mereka. Kepimpinan guru dapat membantu sekolah menjadi komuniti yang mempersiapkan pelajar untuk mengambil bahagian dalam masyarakat pengetahuan baru. |
| (Yaacob & Don, 2018) | Hubungan antara kepimpinan guru dan pencapaian akademik murid, menunjukkan bahawa kepimpinan guru sebagai kepimpinan yang disumbangkan oleh semua guru dengan cara guru bersedia untuk menerima pembelajaran sepanjang hayat, membangunkan keupayaan guru dan bersedia menerima kualiti |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


| Pengarang | Ciri-Ciri Mempengaruhi Kepimpinan Guru |
|---|---|
| | kepimpinan yang lebih tinggi. |
| (Cherkowski, 2012) | Mengetengahkan kepimpinan guru sebagai amalan kepimpinan dalam tiga domain utama iaitu kecemerlangan dalam pengajaran, kerjasama dengan rakan sejawat dan penyertaan dalam membuat keputusan di sekolah. Kepimpinan guru ialah ciri pendidik yang cemerlang yang bekerjasama dengan rakan sekerjanya untuk menambah baik pengajaran dan pembelajaran dan mengambil bahagian dalam proses kecemerlangan di sekolah. |
| (Cherkowski et al., 2021) | Kepimpinan guru dengan kecerdasan emosi mempunyai kesedaran diri yang lebih tinggi. Secara kritis, guru yang bijak mengawal emosi belajar mengenali tingkah laku diri, murid dan rakan sejawat agar mengurangkan rasa tekanan. |
| (Lahat, 2009) | Kepimpinan guru yang mempunyai kecerdasan emosi meningkatkan sensitiviti terhadap orang lain di samping keperluan sekolah. |

Berdasarkan beberapa penyataan penyelidik di atas, dapat dirumuskan bahawa kepimpinan guru ini memerlukan guru yang mempunyai ciri-ciri (i) personaliti dan perwatakan yang progresif, aspirasi, bersatu padu, demokratik, mempunyai visi dan misi; (ii) berperanan sebagai pembimbing yang baik kepada murid dan rakan sejawat; (iii) komitmen dan prihatin sepanjang pengajaran dan pembelajaran; (iv) memberi maklum balas kepada pelajar; (v) menjadi contoh teladan yang baik kepada pelajar; (vi) mempunyai kemahiran, pengetahuan dan nilai peribadi yang unggul dan; (vii) mempunyai kecerdasan emosi bagi meningkatkan sensitiviti terhadap orang lain.

Disamping itu, dapatan kajian yang dilakukan penyelidik terhadap *Teacher Leadership Skills Framework (Center for Strengthening the Teaching Profession, 2009),* pula menyenaraikan bahawa faktor yang mempengaruhi kepimpinan guru adalah (i) pengetahuan berkaitan pedagogi; (ii) membina hubungan saling

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


mempercayai; (iii) kemahiran komunikasi yang baik; (iv) sifat peribadi; dan (v) memudahkan pembelajaran profesional guru.

Begitu juga dengan model yang dihasilkan melalui kajian yang dilakukan oleh Katzenmeyer dan Moller (2011), yang mendapati bahawa faktor yang mempengaruhi kepimpinan guru adalah (i) guru memimpin di dalam dan di luar bilik darjah; (ii) menyumbang kepada murid, rakan sejawat dan komuniti; (iii) mempengaruhi orang lain ke arah amalan pendidikan yang lebih baik; dan (iv) menerima tanggungjawab untuk mencapai kepimpinan guru di sekolah. Daripada definisi ini, dikemukakan bahawa kepimpinan guru boleh berlaku di dalam dan di luar bilik darjah dan pengajaran oleh guru itu memerlukan kepimpinan yang bersepadu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Harris dan Munjis (2003) pula menjelaskan tentang faktor yang mempengaruhi kepimpinan guru melalui kajian beliau dengan menyatakan bahawa guru perlu (i) berperanan sebagai pembimbing dengan memberi bimbingan, tunjuk ajar dan memimpin kumpulan kerja bersama rakan sejawat.; (ii) guru mempunyai tugas yang menjadi teras kepada peningkatan pembelajaran dan pengajaran; dan (iii) kepimpinan guru berfokuskan pedagogi melalui pembangunan pemodelan bentuk pengajaran yang berkesan.

Selain itu, kepimpinan guru sebagai pengaruh dan bukannya satu kuasa yang formal (Snoek et al., 2017). Malah kepimpinan guru juga merupakan satu proses perubahan yang menunjukkan guru merupakan agen dan sumber perubahan utama dalam sesuatu inovasi (Harris & Jones, 2019). Dalam kajian Baker-Doyle (2019) menjelaskan kepimpinan guru tertumpu kepada tindakan yang melangkaui peranan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


yang diberikan secara formal kepada guru seperti berkongsi amalan terbaik di sekolah dan memulakan perubahan kepada murid dan rakan sejawat.

Selanjutnya, penyaringan artikel mengikut kata kunci berkaitan dengan kajian iaitu atribut kepimpinan guru dirujuk adalah hasil penemuan beberapa model kepimpinan guru. Namun dalam kajian ini, *Teacher Leadership Model* (Katzenmeyer & Moller, 2009) adalah teori yang memfokuskan peranan guru dalam banyak bidang untuk pemupukan kepimpinan guru seawal seseorang guru mula berkhidmat di sekolah. Ini kerana sekolah memainkan peranan penting dalam hal memperkembangkan potensi kepimpinan guru yang ada pada diri guru serta menjelaskan kepentingan kewujudan kepimpinan guru di sekolah dengan matlamat guru memahami peranan dalam kepimpinan guru pada masa akan datang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hasil penulisan Wenner dan Campbell (2017) tentang kepimpinan guru memerlukan guru memahami ciri-ciri kepimpinan guru dalam profesion keguruan dengan berusaha untuk mentakrifkan kecekapan asas kepimpinan guru, membangunkan pengalaman dan sokongan yang relevan untuk membantu guru memupuk kecekapan dalam kepimpinan guru dan menggerakkan kepimpinan guru dalam profesion keguruan. Selain itu, dalam penulisan York-Barr dan Duke (2004) juga memberi penekanan berkaitan kepimpinan guru dan memberi tumpuan kepada kepimpinan guru. Antaranya ialah bagaimana kepimpinan guru ditakrifkan, apakah yang dilakukan oleh guru dalam mencapai kepimpinan guru, apakah elemen atau ciri yang mempengaruhi kepimpinan guru, bagaimanakah kepimpinan guru bersedia untuk memimpin dan apakah kesan kepimpinan guru kepada guru. Berdasarkan Watt et al. (2010) menyatakan bahawa kepimpinan guru di sekolah ialah guru yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


mempunyai komitmen dalam mencapai pencapaian murid. Selain itu, Klassen et al. (2018) bersetuju bahawa guru mesti membangunkan pendekatan baru untuk membuat keputusan dan menentukan hala tuju pengajaran dan pembelajaran di dalam atau di luar kelas.

#### 4.2.1.1 Dapatan Konstruk dan Item Awal Kajian

Dapatan konstruk dan item awal ini dilakukan setelah mengenal pasti model berkaitan dengan konstruk melalui sorotan literatur seperti yang terdapat dalam Bab 2 dan Bab 4. Pembinaan item berpandukan konstruk dan sub konstruk ini melibatkan pemilihan item-item berpandukan definisi setiap konstruk dan sub konstruk yang dikaitkan dengan model atau teori yang dirujuk. Tiga elemen utama dikenal pasti hasil daripada tinjauan literatur yang dijalankan ialah elemen komitmen guru, elemen kompetensi guru dan elemen kecerdasan emosi guru dalam melengkapkan pelaksanaan konsep kepimpinan guru di sekolah.

Elemen komitmen guru menjadi konstruk pertama dalam pembinaan item. Penjelasan tentang konstruk komitmen guru ini melalui kajian lepas seperti Firestone dan Rosenblum (1988), Katzenmeyer dan Moller (2011) dan Yuet (2017) berhujah bahawa kepimpinan guru yang berkesan berkomitmen terhadap sesuatu tingkah laku, perkara, hasil pengajaran, sekolah, pengetahuan pedagogi, laluan kerjaya dan profesion keguruan mereka sendiri. Justeru, komitmen sangat penting kepada guru terutama untuk meningkatkan motivasi bagi menangani pelbagai perubahan yang menuntut permintaan yang tinggi dalam profesion keguruan. Selain itu, komitmen

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


guru juga mempunyai hubungan dengan pencapaian murid. Dalam bidang pendidikan, prestasi sekolah sebagai sebuah organisasi pendidikan sangat bergantung kepada komitmen guru sebagai pendidik dan pengetua serta guru besar sebagai pengurus dan pentadbir.

Terdapat empat sub konstruk iaitu komitmen guru terhadap profesion, komitmen guru terhadap sekolah, komitmen guru terhadap pengajaran dan pembelajaran dan komitmen guru terhadap murid. Konstruk komitmen guru ini bersandarkan Komitmen Guru Firestone dan Rosenblum (1988). Setelah sub konstruk dikenal pasti, pembinaan item bagi intrumen kajian dilakukan. Penyelidik membentuk suatu Jadual Penentuan Item bertujuan menulis dan mengumpulkan item-item yang dapat mencakupi definisi daripada tinjauan literatur yang dilakukan. Pada peringkat awal sebanyak 39 item dibina dan kemudiam item-item di berikan kepada pakar untuk disemak. Jadual 4.3 menunjukkan dapatan awal bagi konstruk dan pembinaan item bagi sub konstruk komitmen guru dalam konsep kepimpinan guru.

**Jadual 4.3**

*Dapatan Awal Konstruk Komitmen Guru*

| **Komitmen Guru Firestone dan Rosenblum (1988).** | **Sumber** | **Penerangan** |
|---|---|---|
| Konstruk Komitmen Guru | Firestone dan Rosenblum (1988).<br>Raman et al. (2015)<br>Crosswell dan Elliott (2004)<br>Fresko et al., (1997)<br>Ingersoll (1997) | Kepimpinan guru yang berkesan berkomitmen terhadap sesuatu tingkah laku, perkara, hasil pengajaran, sekolah, pengetahuan pedagogi, laluan kerjaya dan profesion keguruan mereka sendiri. Justeru, komitmen sangat penting kepada guru terutama untuk meningkatkan motivasi bagi menangani pelbagai perubahan yang menuntut permintaan yang tinggi dalam profesion keguruan. Selain itu, komitmen guru juga mempunyai hubungan dengan pencapaian murid. Dalam bidang pendidikan, prestasi sekolah sebagai sebuah organisasi pendidikan sangat bergantung kepada komitmen guru |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


| **Komitmen Guru Firestone dan Rosenblum (1988).** | **Sumber** | **Penerangan** |
|---|---|---|
| | | sebagai pendidik dan pengetua serta guru besar sebagai pengurus dan pentadbir. |
| Komitmen Guru Terhadap Profesion | Altun (2017)<br>Puteh (2016)<br>Hamdan et al. (2014)<br>Hong dan Matsko (2019) | Perguruan adalah satu profesion mulia yang datang dengan begitu banyak tanggungjawab dan kewajipan guru terhadap pelajar. Guru bukan sahaja mengajar dan menyampaikan ilmu tetapi memberi inspirasi dan motivasi kepada pelajar untuk hidup dan mengambil langkah penting dalam kehidupan. Guru terus berusaha untuk meningkatkan keyakinan pelajar dan mengarahkan mereka ke arah yang betul. Terdapat ramai guru yang berdedikasi sepanjang hayat mereka dalam memperkasakan pelajar dan menjadikan mereka insan yang lebih baik dan berjaya dalam hidup mereka. Untuk melihat komitmen guru terhadap profesion, bukan sahaja kualiti personaliti guru sahaja yang diperlukan, malah kefahaman guru berkaitan falsafah pendidikan guru, ikarar guru dan pekeliling berkaitan keguruan merupakan salah satu keperluan utama. |
| Komitmen Guru Terhadap Sekolah | Chan et al. (2008)<br>Selamat et al. (2013)<br>Thien et al. (2014) | Komitmen guru merupakan aspek kritikal dalam menentukan kejayaan reformasi pendidikan dan sekolah keberkesanan kerana guru yang komited tinggi sanggup menyumbangkan usaha tambahan mereka untuk mencapai visi dan matlamat sekolah. Peranan guru telah berkembang menjadi lebih rumit kerana guru mempunyai terlalu banyak kewajipan melibatkan ibu bapa, pembaharuan pendidikan, pencapaian murid dan kejayaan meningkatkan peningkatan sekolah. Komitmen guru terhadap sekolah ialah kekuatan guru dengan penglibatan dalam sekolah yang mempunyai kepercayaan yang kuat, penerimaan matlamat, visi dan misi sekolah dan keinginan untuk kekal lama di sekolah. |
| Komitmen Guru Terhadap Pengajaran dan Pembelajaran | Jannah (2014)<br>Tuğrul Mart (2013)<br>Collie et al. (2011) | Komitmen guru dalam mengajar merupakan tekad guru yang paling utama untuk menunjukkan kesungguhan dan menunjukkan segala kemampuan secara profesional dalam melaksanakan tugas di sekolah terutama di dalam kelas dengan mengaplikasikan segala pengetahuan yang ada. Adapun aspek yang dilihat dari komitmen terhadap pengajaran dan pembelajaran tersebut adalah prihatin, tanggung jawab dan menjadi pemimbing ketika mengajar agar murid dapat memahami apa yang di ajar oleh guru tersebut. Selain itu, guru memperhatikan dengan sungguh-sungguh tugasnya dalam mengajar seperti menyusun rancangan mengajar harian sebelum melaksanakan pengajaran dan menilai hasil<br>Pembelajaran dengan menulis refleksi keberkesanan pengajaran. Guru merasa perlu memberikan perhatian khusus terhadap masalah pelajar dalam kelas. Ini kerana tugas mengajar adalah tugas hakiki seorang guru yang harus dilaksanakan dengan sebaik-baiknya. |
| Komitmen Guru Terhadap Murid | Firestone dan Pennell (1993)<br>Aliakbari dan Amoli (2016) | Komitmen guru terhadap murid dipengaruhi oleh sifat keguruan, ciri keguruan, pengetahuan guru, latar belakang guru, ciri organisasi sekolah dan konteks persekitarannya. Komitmen guru terhadap murid juga |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


| Komitmen Guru Firestone dan Rosenblum (1988). | Sumber | Penerangan |
|---|---|---|
| | | melibatkan keupayaan diri guru dalam menjadi pembimbing dan pemudahcara ketika dalam pengajaran dan pembelajaran ataupun aktiviti di luar kelas. Di samping itu, keghairahan guru mencari sesuatu idea yang baharu dalam aktiviti di dalam kelas memberi semangat kepada murid. Sikap prihatin guru terhadap murid dan ambil tahu terhadap murid mampu memberi kesan jangka panjang kepada murid kerana guru sentiasa dijadikan contoh teladan oleh murid. |

Hasil daripada analisis sorotan tersebut, dapatan awal konstruk ini mampu membentuk konstruk komitmen guru dan sub konsruk yang lain iaitu komitmen guru terhadap profesion, komitmen guru terhadap sekolah, komitmen guru terhadap pengajaran dan pembelajaran dan komitmen guru terhadap murid. Tambahan pula, penerangan kepada setiap sub konstruk menemukan penyataan-penyatan item yang akan dibina bagi menilai ciri-ciri kepimpinan guru.

Seterusnya ialah elemen kompetensi guru menjadi konstruk kedua dalam pembinaan item. Penjelasan tentang konstruk kompetensi guru ini melalui kajian lepas seperti Ilanlou dan Zand (2011) Majoko (2019) dan Nessipbayeva (2019) berhujah bahawa kepimpinan guru yang berkesan memerlukan kompetensi guru yang tinggi dalam memenuhi peranan dan tanggungjawab bagi mencapai sistem pentaksiran pembelajaran yang baik. Pentaksiran bilik darjah ialah satu proses mengumpul bukti tentang pembelajaran murid dengan memerhati, memberi markah, mentafsir maklumat dan ibu bapa menerima laporan tentang keputusan murid. Bukan itu sahaja, hubungan guru dengan masyarakat, rakan sejawat, pentadbir juga harus dipengaruhi dengan nilai peribadi yang baik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Kompetensi adalah standard yang ditetapkan untuk guru dalam menguasai pelbagai kompetensi pendidikan bagi memenuhi keperluan pendidikan semasa dan meningkatkan kompetensi guru dalam pelaksanaan kepimpinan guru. Dalam memenuhi pelbagai tanggungjawab melaksanakan tanggungjawab kepimpinan guru yang digambarkan sebagai guru yang mengekalkan tanggungjawab pengajaran berasaskan bilik darjah K-12, sambil turut memikul tanggungjawab kepimpinan di luar bilik darjah (Katzenmeyer & Moller, 2001).

Kompetensi memerlukan pertimbangan profesional yang merangkumi pengetahuan, tanggungjawab profesional, pengalaman dan input yang diberikan kepada pelajar oleh seorang guru. Elemen ini memerlukan pengetahuan, kemahiran dan nilai peribadi guru untuk memimpin di dalam dan di luar bilik darjah, mengenal pasti dan menyumbang kepada komuniti, murid dan rakan sejawat, mempengaruhi orang lain ke arah amalan pendidikan yang lebih baik dan menerima tanggungjawab untuk mencapai hasil kepimpinan guru di sekolah (Wenner & Campbell, 2017).

Justeru, kompetensi guru sangat penting kepada guru kerana guru yang berkepimpinan memerlukan kemahiran, pengetahuan dan nilai peribadi yang diperlihatkan dalam tindak tanduknya ketika menjalankan tugas. Tambahan pula, guru yang mempunyai kompetensi ini menggunakan banyak keupayaan dan kebolehan intelektual semasa bertugas malah mereka mementingkan mutu dalam perkhidmatan yang diberikan.

Bersangkutan hal ini, terdapat tiga sub konstruk iaitu kompetensi guru dalam pengetahuan, komitmen guru dalam kemahiran dan komitmen guru dalam nilai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


peribadi. Konstruk kompetensi guru ini bersandarkan Teori Kompetensi Spencer dan Spencer (1993). Setelah sub konstruk dikenal pasti, pembinaan item bagi intrumen kajian dilakukan. Penyelidik membentuk suatu Jadual Penentuan Item bertujuan menulis dan mengumpulkan item-item yang dapat mencakupi definisi daripada tinjauan literatur yang dilakukan. Pada peringkat awal sebanyak 25 item dibina dan kemudiam item-item di berikan kepada pakar untuk disemak. Jadual 4.4 menunjukkan dapatan awal bagi konstruk dan pembinaan item bagi sub konstruk kompetensi guru dalam konsep kepimpinan guru.

**Jadual 4.4**

*Dapatan Awal Konstruk Kompetensi guru*

| **Kompetensi Guru Teori Kompetensi Spencer dan Spencer (1993)** | **Sumber** | **Penerangan** |
|---|---|---|
| Kompetensi Guru | Spencer (1986)<br>Anderson dan Hendrickson (2007)<br>Bigatel et al. (2012)<br>Bhargava dan Pathy (2011) | Kompetensi merupakan satu standard yang menentukan prestasi perkhidmatan seseorang pekerja dalam melaksanakan tugas mereka. Dalam konteks pendidikan, kompetensi guru adalah standard yang ditetapkan untuk guru dalam menguasai pelbagai kompetensi pendidikan bagi memenuhi keperluan pendidikan semasa dan meningkatkan kecekapan mereka dalam menjalankan tanggungjawab sebagai seorang guru. Dalam memenuhi tanggungjawab melaksanakan tugasan dalam bilik darjah dan luar bilik darjah, kompetensi memerlukan pertimbangan profesional yang merangkumi pengetahuan, tanggungjawab profesional dan pengalaman. Elemen ini memerlukan pengetahuan, kemahiran dan nilai peribadi guru untuk menghasilkan pengajaran dan pembelajaran berkesan di sekolah, menjaga hubungan bersama rakan sejawat, memahami kandungan pengajaran, bersikap positif, menyokong pembangunan profesional dan pengajian kurikulum. |
| Kompetensi Guru Dalam Pengetahuan | Kabilan (2004)<br>Yu et al. (2012)<br>Kim et al. (2017) | Kompetensi guru dalam pengetahuan ialah pemahaman praktikal atau teori tentang sesuatu mata pelajaran, kurikulum, pedagogi, Falsafah Pendidikan Guru dan perkara asas yang berkaitan dalam profesion keguruan. Kompetensi guru dalam pengetahuan melibatkan peranan guru itu sendiri dari awal fasa perguruan hingga menjadi guru yang berpengalaman. Kebiasaanya kompetensi guru dalam pengetahuan ini bermula dengan cara guru itu menggunakan sesuatu dan kemudian akhirnya |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


| **Kompetensi Guru Teori Kompetensi Spencer dan Spencer (1993)** | **Sumber** | **Penerangan** |
|---|---|---|
| | | memahami cara sesuatu itu berfungsi. Fungsi pengetahuan amat penting kepada seorang guru kerana ia terdiri daripada fakta, maklumat, atau pemahaman teori subjek. Membina ilmu adalah usaha seumur hidup. Pengetahuan juga terdiri daripada semua yang penglibatan guru dari sekolah, tugasan, rakan sejawat dan persekitaran guru tersebut. |
| Kompetesi Guru Dalam Kemahiran | Omar et al. (2020)<br>Parveen et al. (2021)<br>Brandt et al. (2019)<br>Osman et al. (2019) | Kompetensi Guru dalam kemahiran ialah kebolehan guru untuk melaksanakan tugas. Guru memperoleh kemahiran mereka melalui latihan, pengalaman atau kebolehan semula jadi. Kemahiran berbeza dengan pengetahuan kerana pengetahuan adalah prasyarat kepada kemahiran. Kemahiran dan pengetahuan perlu dalam membentuk kepimpinan guru bagi mencipta kecemerlangan keseluruhan dalam prestasi guru. Dalam tugasan guru melaksanakan tanggungjawab dalam profesion keguruan, guru perlukan kemahiran interpersonal untuk berkomunikasi dengan rakan sejawat, murid, pentadbir, ibu bapa dan masyarakat. |
| Kompetensi Guru Dalam Nilai Peribadi | Allport (1935)<br>Fellmann (2017)<br>Good dan Brophy (1972) | Nilai peribadi ialah keadaan mental dan saraf yang bersedia untuk bertindak balas, diatur melalui pengalaman yang memberikan pengaruh terarah dan dinamik ke atas tingkah laku. Nilai peribadi mampu mencirikan pemikiran dan tindakan seseorang dimana ia terbentuk daripada pengalaman peribadi seseorang individu. Nilai peribadi merangkumi minat dan perasaan individu. Dalam hal ini, profesion perguruan memerlukan tingkah laku dominan guru tertentu. Profesion keguruan ini memfokuskan kepada perkhidmatan yang lebih mementingkan pencapaian murid. Kejayaan proses pengajaran dan pembelajaran bergantung kepada komitmen guru terhadap nilai peribadi guru itu sendiri. Sahsiah pelajar boleh dibangunkan daripada nilai peribadi guru yang baik hati, penyayang dan sedia berkorban serta menunjukkan minat yang ikhlas terhadap muridnya. |

Melalui analisis penerangan bagi elemen dan sub elemen komitmen guru menunjukkan dapatan awal kajian memberi tumpuan kepada keupayaan guru dalam membentuk kepimpinan guru. Hal ini kerana, kepimpinan guru adalah satu proses menjadikan guru sebagai pemimpin guru yang profesional untuk memimpin perubahan di sekolah dan memberikan manfaat terutama kepada murid. Pemimpin guru melangkah keluar dari pintu bilik darjah mereka dan menerima cabaran untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


meningkatkan kompetensi mereka melalui bekerja dengan rakan sejawat, pentadbiran sekolah dan kakitangan profesional, serta murid dan masyarakat. Oleh hal yang demikian, guru seharusnya mempunyai kompetensi guru yang mencukupi untuk dapat melaksanakan tugasnya dengan baik dengan melakukan gabungan kompleks terhadap pengetahuan, kemahiran dan nilai peribadi yang ditunjukkan dalam konteks pemimpin guru yang perlu ada dalam pelaksanaan kepimpinan guru di sekolah.

Akhir sekali ialah elemen kecerdasan emosi guru menjadi konstruk ketiga dalam pembinaan item. Penjelasan tentang kecerdasan emosi guru ini melalui kajian lepas seperti Azahari Ramli et al. (2016), Chen dan Guo (2020), Issah (2018) dan Mayer dan Geher (1996) berhujah bahawa kecerdasan emosi ialah keupayaan seseorang untuk memahami emosi sendiri dan orang ramai yang berada di sekeliling. Goleman pula menegaskan kecerdasan emosi pula bermaksud seseorang mesti mempunyai kesedaran diri yang membolehkan diri sendiri mengenali perasaan dan menguruskan emosi diri dengan baik sekali. Justeru, kecerdasan emosi merupakan elemen penting kepada guru kerana berupaya untuk mendengar dan mewujudkan suasana yang kondusif untuk pembelajaran yang menarik minat murid, guru mempunyai kaedah pengajaran yang berkesan, guru percaya murid boleh melakukannya dengan baik dalam pembelajaran, guru menggalakkan pembelajaran aktif dan kolaboratif dan yang utama guru memahami bahawa setiap murid adalah berbeza dan perlu melayan mereka semua secara adil.

Terdapat lima sub konstruk kecerdasan emosi iaitu kesedaran kendiri, pengawalan kendiri, motivasi kendiri, empati dan kemahiran sosial. Konstruk kecerdasan emosi ini bersandarkan Teori Kecerdasan Emosi Goleman (1995). Setelah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


sub konstruk dikenal pasti, pembinaan item bagi intrumen kajian dilakukan. Penyelidik membentuk suatu Jadual Penentuan Item bertujuan menulis dan mengumpulkan item-item yang dapat mencakupi definisi daripada tinjauan literatur yang dilakukan. Pada peringkat awal sebanyak 46 item dibina dan kemudiam item-item di berikan kepada pakar untuk disemak. Jadual 4.5 menunjukkan dapatan awal bagi konstruk dan pembinaan item bagi sub konstruk kecerdasan emosi guru dalam kepimpinan guru.

**Jadual 4.5**

*Dapatan Awal Konstruk Kecerdasan Emosi Guru*

| **Kecerdasan Emosi Teori Kecerdasan Emosi Goleman (1995)** | **Sumber** | **Penerangan** |
|---|---|---|
| Kecerdasan Emosi | Goleman (1995)<br>O'Neil (1996)<br>Cherniss (2000) | Kecerdasan Emosi ialah keupayaan untuk memahami dan mengurus emosi diri sendiri dan emosi orang di sekeliling anda. Orang yang mempunyai tahap kecerdasan emosi yang tinggi tahu apa yang mereka rasa, maksud emosi mereka sendiri dan emosi mereka sendiri boleh mempengaruhi orang lain. Bagi seorang guru, mempunyai kecerdasan emosi adalah penting untuk berkongsi perasaan mereka. Perasaan boleh datang dalam pelbagai keadaan dan hanya guru yang benar-benar mempunyai kecerdasan emosi mampu untuk mengawal perasaan mereka dihadapan murid terutamanya. Jika dilihat dari keadaan sebenar, guru yang hebat ialah guru yang mampu kekal mengawal dengan tenang perasaan mereka berbanding dengan guru yang menjerit dan memarahi anak murid mereka apabila berada dalam tekanan. |
| Kesedaran Kendiri | Goleman (1995)<br>Kanesan et al. (2019)<br>Boyatzis et al. (2000) | Kesedaran kendiri membuatkan diri sendiri sentiasa tahu tentang perasaan sendiri dan mengetahui bagaimana emosi dan tindakan boleh mempengaruhi orang di sekeliling. Dalam hal ini, guru berperanan sebagai mempunyai gambaran yang jelas tentang kekuatan dan kelemahan diri sendiri dan guru akan berada dalam keadaan rendah hati apabila melakukan sesuatu tindakan. |
| Pengawalan Kendiri | Penrose et al. (2007)<br>Vesely et al. (2013)<br>Pishghadam et al. (2012) | Pengawalan kendiri, apabila diterapkan kepada guru, merujuk kepada sejauh mana guru mereka mampu mengawal emosi mereka dengan cara yang sangan berkaliber tanpa menyakitkan hati dan perasaan orang lain. Guru yang mengawal diri |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


| **Kecerdasan Emosi Teori Kecerdasan Emosi Goleman (1995)** | **Sumber** | **Penerangan** |
|---|---|---|
| | | mereka dengan berkesan jarang menyerang orang lain secara lisan, membuat keputusan terburu-buru atau beremosi, stereotaip atau menjejaskan nilai mereka. Guru yang mempunyai pengawalan kendiri dengan baik meluahkan emosi di atas kertas dan tidak menunjukkannya kepada sesiapa. Ini adalah tindakan yang lebih baik daripada bercakap dengan kuat kepada murid atau rakan sejawat. |
| Motivasi Kendiri | Hawkey (2006)<br>Drew (2007)<br>Justice dan Espinoza(2007) | Guru yang mempunyai motivasi kendiri bekerja secara konsisten ke arah matlamat yang ingin di capai mengikut perancangan yang telah dirancang. Mereka juga mempunyai standard yang sangat tinggi untuk kualiti kerja mereka yang melibatkan tugasan hakiki iaitu mengajar mahupun tugasan yang diarahkan oleh pihak sekolah. Guru yang mempunyai motivasi kendiri biasanya optimistik, tidak kira apa masalah yang mereka hadapi, mereka akan menggunakan akal dan fikiran secara positif untuk menghadapi segala cabaran. |
| Empati | Edannur (2010)<br>Corcoran dan Tormey (2012)<br>Abiodullah dan Aslam (2020). | Empati adalah penting untuk menguruskan sesuatu kumpulan manusia atau organisasi hingga berjaya. Guru yang mempunyai empati mempunyai keupayaan untuk meletakkan diri mereka dalam situasi orang lain. Mereka membantu membimbing rakan sejawat dalam pasukan mereka, mencabar orang lain yang bertindak tidak adil, memberi maklum balas yang membina dan mendengar luahan hati rakan sejawat dan murid yang memerlukannya. Dalam pada itu guru yang mempunyai empati juga mungkin bijak dalam membaca bahasa badan orang lain dan perkara ini dalam peranan kepimpinan sangat penting. |
| Kemahiran sosial | Singh dan Jha (2012)<br>Iordanoglou (2007)<br>Tok dan Morali (2009)<br>Walker (2001) | Guru yang berjaya dalam elemen kemahiran sosial kecerdasan emosi adalah mempunyai kemahiran komunikasi yang hebat. Mereka mempunyai sifat terbukaan yang tinggi dalam menerima apa jua berita mahupun luahan oleh murid, rakan sejawat, ibu bapa dan masyarakat. Guru mempunyai kemahiran sosial yang baik juga pandai mengurus perubahan dan menyelesaikan konflik secara diplomatik. Mungkin konflik itu datang daripada murid ataupun rakan sejawat namun guru yang mempunyai kemahiran sosial yang tinggi tidak akan berdiam diri dan akan cuba menunjukkan contoh dengan tingkah laku mereka sendiri. |

Rentetan daripada penerangan di atas, kepimpinan guru bukan sahaja melibatkan guru berdasarkan kedudukan kuasa dan kewibawaan secara formal tetapi cenderung ke arah tahap kecerdasan emosi guru. Hubungan kecerdasan emosi dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


kepimpinan guru menunjukkan dua elemen penting dalam pelaksanaan kepimpinan guru dimana kedua-dua elemen ini membantu meningkatkan pencapaian akademik pelajar, matlamat dan mencapai kejayaan, meningkatkan kerjasama berkumpulan, penambahbaikan sekolah dan pembelajaran profesional untuk penambahbaikan berterusan.

Tambahan pula, kepimpinan guru tidak hanya berlaku di dalam kelas, tetapi juga di luar kelas, kolaborasi budaya dengan rakan sekerja, organisasi sekolah dan masyarakat. Secara implikasinya, harus ada peningkatan dalam kualiti profesion keguruan. Usaha ini hanya akan berjaya sekiranya guru sendiri mempunyai kesedaran mengenai kepimpinan guru dan mementingkan kecerdasan emosi dalam pelaksanaan kepimpinan guru di sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Lantaran itu, dapatan awal konstruk kecerdasan emosi ini boleh dijadikan panduan untuk mengembangkan hubungan kecerdasan emosi dan kepimpinan guru dalam kalangan guru. Di samping itu, kajian ini akan memberi kesedaran kepada para guru bahawa kecerdasan emosi guru memberi kecemerlangan kepada seseorang di persekitaran kerjayanya bergantung kepada kebolehannya menggunakan aspek kecekapan emosi yang terdapat dalam kecerdasan emosinya.

#### 4.2.1.2 Komitmen Guru dalam Kepimpinan Guru

Pelaksanaan kepimpinan guru sangat bergantung kepada profesionalisme guru dan komitmen guru (Suskawationo et al., 2021). Meskipun kajian lampau menekankan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


elemen komitmen guru namun hubungan yang dikaitkan dengan iklim sekolah, kepengetuaan, profesionalisme guru dan perubahan tingkah laku guru menjurus kepada peranan guru yang bermotivasi dan mempunyai komitmen adalah penting dalam melibatkan diri dengan lebih berkesan seterusnya menunjukkan prestasi yang lebih baik di sekolah kerana mereka berminat untuk menggunakan usaha mereka untuk mencapai matlamat dalam organisasi (Kasa et al., 2020).

Komitmen guru telah dianggap sebagai elemen penting untuk kemajuan mana-mana institusi pendidikan dan terhadap prestasi guru (Huberman, 1993). Elemen komitmen guru pelaksanaan kepimpinan guru bukanlah sesuatu yang baharu. Kajian lepas seperti Heck dan Hallinger (2009), Khumalo (2019) dan Madhura (2020) telah bersetuju bahawa pengaruh kepimpinan guru terhadap pembelajaran murid secara tidak langsung melalui keadaan organisasi sekolah dan komitmen guru.

Komitmen guru menjelaskan bahawa guru mempunyai penglibatan di sekolah, keinginan guru bekerja dalam kumpulan, guru bersedia menyumbang kepakaran yang ada, ketaatan dan kepatuhan kepada sekolah, profesion, nilai dan etika kerja. Penyataan ini merujuk kepada (Kasa et al., 2020; Li & Liu, 2020; Suskawationo et al., 2021). Jelaslah bahawa, komitmen guru yang tinggi sememangnya amat diperlukan dalam institusi pendidikan, kerana ini akan mewujudkan suasana kerja yang profesional. Oleh itu, guru-guru diharap untuk konsisten menunjukkan komitmen mereka sebagai ahli dalam institusi pendidikan terutamanya sekolah.

Terdapat beberapa kajian yang melibatkan elemen komitmen guru dalam kepimpinan guru seperti kajian Madhura pada tahun 2020. Kajian daripada penyelidik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


ini menunjukkan hubungan yang agak bersesuaian dengan konstruk yang dikaji oleh penyelidik iaitu menentukan hubungan antara iklim sekolah dan komitmen guru dan kesan dimensi utama iklim sekolah, iaitu kepimpinan guru dan rakan sejawat, pencapaian akademik, profesionalisme guru dan kelemahan institusi terhadap komitmen guru. Walaupun kajian ini tidak mengkaji secara tepat konstruk komitmen guru dalam kepimpinan guru, namun kelopongan ini akan dikaji oleh penyelidik menggunakan konstruk, sub konstruk dan item komitmen guru yang dibina oleh penyelidik dengan mendasari model Komitmen Guru Firestone dan Rosenblum (1988).

Dalam masa yang sama, komitmen guru telah dianggap sebagai elemen penting untuk perkembangan dalam mana-mana institusi pendidikan terutama sekolah (Huberman, 1993) dan peramal yang signifikan terhadap prestasi guru (Dong & Xu, 2022). Begitu juga, komitmen guru merupakan elemen penting yang menyumbang kepada keberkesanan sesebuah sekolah dalam melakukan perubahan mendalam, berterusan seluruh sekolah dengan amalan yang terbaik segalanya bergantung atas sokongan padu oleh guru (Cassata & Allensworth, 2021). Komitmen guru dilihat mampu berkorelasi secara positif dengan kepimpinan guru bagi memastikan keberkesanan sekolah dan dipercayai penting untuk kemajuan akademik murid untuk mencapai keberhasilan sekolah yang diingini.

Disamping itu, kajian Ismail et al. (2021) menjelaskan komitmen guru sebagai elemen yang mempengaruhi kepimpinan kepengetuaan. Walaupun kajian ini melibatkan kepimpinan kepengetuaan tetapi elemen komitmen guru yang dikaji oleh penyelidik ini menunjukkan komitmen guru sebagai satu indikator yang penting

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


dalam sikap pengetua sebagai pemimpin. Ini dapat dilihat dalam hasil kajian iaitu yang diamalkan oleh pengetua sebagai pemimpin yang mana cenderung untuk memberi inspirasi dan motivasi kepada guru untuk meningkatkan komitmen guru itu sendiri. Malah, komitmen guru di sekolah yang diketuai oleh pengetua yang berkepimpinan amat memberangsangkan. Di samping itu, kajian ini menunjukkan bahawa kepimpinan transformasi yang diamalkan oleh pemimpin mereka di sekolah dapat dipertingkatkan dengan komitmen yang guru berikan.

Seterusnya, penyelidik mendapatkan maklumat berkaitan komitmen guru dengan penemuan kajian yang dijalankan oleh Adam Carswell (2021). Dalam kajian penyelidik tersebut menghujahkan guru perlu mengutamakan pembangunan kepimpinan guru di dalam kelas. Pembangunan kepimpinan guru lazimnya melibatkan sama ada guru menyatakan minat dalam kepimpinan atau pemimpin sekolah mencari bakat dalam guru yang mereka percaya mempunyai kapasiti untuk berkembang menjadi peranan kepimpinan formal.

Pemimpin sekolah dapat mengiktiraf guru yang mempunyai idea dan potensi kepimpinan yang hebat. Walau bagaimanapun, sebagai pentadbir sekolah ingin memupuk kapasiti kepimpinan dalam kalangan guru memerlukan perancangan yang rapi. Untuk melaksanakan tugas ini dengan berkesan, amalan terbaik dan teori mesti digunakan. Oleh itu, kajian yang dijalankan ini membincangkan penggunaan amalan terbaik seperti yang dikenal pasti dalam kajian lampau untuk menggalakkan kepimpinan guru di sekolah ialah dengan melihat komitmen guru, kerjasama, motivasi, amalan reflektif dan pembangunan profesionalisme guru tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Dalam kajian Imron et al. (2020) menghuraikan seseorang guru yang mempunyai komitmen mestilah terlatih dan mempunyai pengetahuan dalam menjalankan tugas, melaksanakan peranan dan tanggungjawab sebagai seorang guru dengan baik. Ini adalah kerana guru mempunyai komitmen terhadap profesionnya sendiri dengan menyertai program yang dapat melatih diri mereka menjadi seorang guru yang bertanggungjawab dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Bukan itu sahaja, guru yang mempunyai komitmen mempunyai hubungan yang positif dengan sekolah dan murid ketika menjalankan tugasan mereka. Komitmen akan berkait dengan sikap seseorang dalam menjalankan tanggungjawab, menjaga amanah yang diberikan dan menumpukan perhatian kepada setiap pekerjaan yang menjadi tanggungjawabnya (Aliakbari & Amoli, 2016). Komitmen menunjukkan bukti yang ditunjukkan oleh individu melalui tingkah laku mereka dilihat dari perspektif moral yang betul dan bermanfaat secara peribadi.

Sebagai yang kita maklum, guru memainkan peranan penting dalam mendidik murid melalui tugasan mereka di sekolah. Tambahan pula, guru di sekolah berulang kali memainkan peranan penting dalam memajukan kecemerlangan di sekolah dengan memberi sumbangan dari pelbagai aspek agar matlamat sekolah tercapai. Hal ini sejajar dengan kajian yang dilakukan oleh Sharma dan Pace (2019) yang menghujahkan komitmen guru yang melibatkan pendidikan berkualiti inklusif dan saksama untuk semua, boleh ditakrifkan sebagai ikrar guru untuk berbakti dan melakukan yang terbaik dalam kerja mereka supaya setiap murid boleh mencapai potensi maksimum dan memperoleh pelbagai kecekapan yang diperlukan untuk menjadi masyarakat yang cemerlang pada masa akan datang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Sementara itu, Peretomode dan Bello (2018) dalam kajiannya menunjukkan tahap keseluruhan komitmen guru terhadap sekolah adalah sangat tinggi. Guru-guru melakukan apa sahaja yang ditugaskan kepada mereka. Ini mungkin disebabkan tanggungjawab seorang guru atau terdapat tindakan tatatertib jika guru melakukan kesalahan sekiranya mereka gagal menjalankan tugas dengan baik atau tidak hadir ke sekolah tanpa sebab. Dapatan ini juga selari dengan kajian Ling et al. (2013) menunjukkan bahawa guru yang mempunyai komited kekal dalam sistem pendidikan kerana keterikatan emosi dan psikologi untuk membantu murid mencapai kejayaan. Di samping itu, komitmen guru juga boleh dikaitkan dengan kebijaksanaan dan semangat mereka untuk terus bekerja dalam sistem persekolahan dan bukannya berhenti untuk pekerjaan lain. Guru yang komitmen perlu mempunyai kepakaran dalam bidang yang diceburi dan melaksanakan tanggungjawab mereka dengan baik dan perlu menjadi contoh teladan yang baik kepada murid.

Daripada penerangan di atas, jelaslah bahawa elemen komitmen guru ini menjadi satu konstruk yang dapat menilai ciri-ciri kepimpinan guru. Berdasarkan kajian-kajian yang lepas, seorang guru yang mempunyai kepimpinan boleh dinilai berdasarkan komitmen guru. Antara ciri-ciri komitmen guru yang terdapat dalam kajian yang lepas ialah komitmen guru terhadap sekolah dan profesion, komitmen guru terhadap subjek yang di ajar, komitmen guru terhadap murid, komitmen guru dalam mengorbankan tenaga dan masa ketika di sekolah dan komitmen guru dalam pembelajaran berterusan.

Elemen komitmen guru ini dapat mengumpul bukti tentang komitmen guru terhadap profesion, sekolah, pengajaran dan pembelajaran dan murid yang merujuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


kepada pengetahuan khusus guru dalam mewujudkan dan memudahkan persekitaran pengajaran dan pembelajaran yang berkesan untuk semua murid. Elemen ini dilihat mampu menjadi konstruk untuk menilai ciri kepimpinan guru dengan mengemukakan beberapa penyataan yang bersesuaian berdasarkan analisis kajian lepas yang di dasari oleh model Komitmen Guru Firestone dan Rosenblum (1988). Konstruk komitmen guru ini akan dipecahkan kepada sub konstruk dan setiap konstruk dibina untuk lebih memahami pengetahuan khusus tentang penilaian guru dalam menilai pemimpin guru dalam pelaksaan kepimpinan guru di sekolah.

#### 4.2.1.2.1 Konseptualisasi Konstruk Komitmen Guru

Dalam kajian ini, pengukuran konstruk dilakukan oleh penyelidik sendiri kerana instrumen ini dibina oleh penyelidik kerana kekurangan instrumen penilaian kendiri yang khusus mengukur ciri-ciri kepimpinan guru berdasarkan konstruk komitmen guru, kompetensi guru dan kecerdasan emosi guru kepada sebilangan guru di Malaysia. Sehubungan itu, bahagian ini akan menerangkan proses konseptualisasi bagi konstruk komitmen guru.

Komitmen guru dalam kepimpinan guru adalah elemen yang mampu menonjolkan penilaian kendiri dalam ciri-ciri kepimpinan guru. Dalam kajian ini, komitmen guru didefinisikan secara lebih khusus sebagai tingkah laku, kehebatan seorang guru dalam melakukan sesuatu tugasan dalam tempat berkhidmat (Razak et al., 2009). Sejajar dengan kepimpinan guru yang dikemukakan oleh Harris (2002) iaitu kepimpinan guru merujuk kepada tindakan berprinsip yang dipegang atau

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


diamalkan oleh guru-guru untuk mencapai kejayaan sekolah secara menyeluruh dengan mengaplikasikan kuasa tersendiri dalam pengajaran. Ini akan membantu membentuk murid-murid yang berkualiti justeru memberi sumbangan jangka panjang terhadap kehidupan masyarakat.

Berdasarkan sorotan literatur pengkaji lepas iaitu N.Ovando (1994), Louis et al. (1994) dan Matthew Sheridan Lester (2014) komitmen guru dalam kepimpinan guru mampu memberi impak positif kerana tugas guru bukan sekadar mengajar sahaja, malah juga diharapkan untuk menjadi suri teladan kepada murid-murid, rakan sejawat dan juga masyarakat setempat. Pendapat ini turut disokong oleh Schott et al. (2020) yang menerangkan bahawa kepimpinan guru ialah guru yang mampu menyumbangkan kepada pembaharuan sekolah atau pembelajaran murid di dalam dan luar bilik darjah serta mempengaruhi rakan sejawat untuk menambahbaik amalan profesional mereka serta memberi sumbangan terhadap kebangkitan profesion keguruan.

Memandangkan konstruk komitmen guru ini menggunakan model sandaran kepada Komitmen Guru Firestone dan Rosenblum (1988), maka ia tidak boleh diukur secara langsung. Proses konseptualisasi perlu dilakukan bagi memberi definisi konsep, seterusnya menghasilkan item-item yang akan membentu definisi operasi bagi setiap sub konstruk yang hendak diukur. Komitmen Guru Firestone dan Rosenblum ini mempunyai empat elemen iaitu komitmen guru terhadap profesion, sekolah, pengajaran dan pembelajaran dan murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Bersangkutan hal ini, konseptualisasi komitmen guru ini juga menjelaskan ciri-ciri komitmen guru yang terdapat dalam diri guru dalam pelaksanaan kepimpinan guru di sekolah. Konseptualisasi dilakukan melalui sorotan literatur ke atas kajian-kajian lepas yang mempunyai hubungan dengan kepimpinan guru dan disesuaikan dengan konteks pendidikan di Malaysia. Konseptualisasi ini menjadi panduan kepada penyelidik untuk membina item-item yang sesuai dan menepati definisi konstruk.

Beberapa kajian lepas mengenai elemen komitmen guru dalam kepimpinan guru merentasi negara, budaya dan konteks telah menghasilkan pelbagai definisi konsep bagi konstruk komitmen guru. Berdasarkan sorotan literatur Jadual 4.6 menghuraikan definisi yang diberikan oleh penyelidik-penyelidik lepas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

**Jadual 4.6**

*Definisi Elemen Komitmen Guru dalam Kepimpinan Guru oleh Penyelidik Lepas*

| **Elemen Komitmen Guru dalam Kepimpinan Guru** | Sumber:<br>SEAMEO Innotech Regional Education Program (2010)<br>(N.Ovando, 1994)<br>(Louis et al., 1994)<br>(Matthew Sheridan Lester, 2014) |
|---|---|
| Definisi:<br>Kepimpinan guru yang berkesan berkomitmen terhadap sesuatu tingkah laku, perkara, hasil pengajaran, sekolah, pengetahuan pedagogi, laluan kerjaya dan profesion keguruan mereka sendiri. Justeru, komitmen sangat penting kepada guru terutama untuk meningkatkan motivasi bagi menangani pelbagai perubahan yang menuntut permintaan yang tinggi dalam profesion keguruan. Selain itu, komitmen guru juga mempunyai hubungan dengan pencapaian murid. Dalam bidang pendidikan, prestasi sekolah sebagai sebuah organisasi pendidikan sangat bergantung kepada komitmen guru sebagai pendidik dan pengetua serta guru besar sebagai | Sumber:<br>(Firestone & Rosenblum, 1988)<br>(Firestone & Pennell, 1993)<br>(Yuet, 2017)<br>(Katzenmeyer & Moller, 2011) |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


pengurus dan pentadbir.

| **Kriteria 1:** | **Komitmen Guru terhadap profesion** | (Irving et al., 1997) |
|---|---|---|
| Definisi | Komitmen Guru terhadap profesion adalah satu tahap kualiti yang mewujudkan peluang struktur kerjaya untuk menjadikan seorang guru lebih profesional dan berkualiti dalam menentukan tahap kecekapan guru dengan sentiasa memajukan diri dengan menyertai program untuk pembangunan profesionalisme berterusan. | (Gindi et al., 2020)<br>(Collie et al., 2012)<br>(Masry-Herzallah & Da'as, 2020)<br>Pelan Induk Pembangunan Profesionalisme Keguruan (PIPPK) (2014) |
| Elemen 1 | Saya meminati profesion keguruan | |
| Elemen 2 | Saya sentiasa mengamalkan teknik amalan terbaik guru | |
| Elemen 3 | Saya memilih profesion keguruan sebagai profesion utama | |
| Elemen 4 | Saya berpegang teguh kepada etika profesion keguruan | |
| Elemen 5 | Saya memberi sepenuh tenaga dan minat terhadap profesion keguruan | |
| Elemen 6 | Saya bertanggungjawab untuk meningkatkan profesionalisme diri dalam profesion keguruan | |
| Elemen 7 | Saya sentiasa bersedia untuk menyertai kursus, program atau seminar seperti yang diarahkan oleh pihak atasan | |
| Elemen 8 | Saya merasakan program pendidikan guru yang berterusan menjadi amat penting pada masa kini | |
| Elemen 9 | Saya sentiasa melihat kursus atau latihan yang diberikan oleh KPM sebagai satu peluang meningkatkan profesionalisme guru | |
| Elemen 10 | Saya menjadikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Falsafah Pendidikan Negara dan Falsafah Pendidikan Guru sebagai garis panduan dalam profesion keguruan | |

| **Kriteria 2:** | **Komitmen Guru terhadap sekolah** | (Hidayat, 2017) |
|---|---|---|
| Definisi | Komitmen guru terhadap sekolah sebagai satu tindakan afektif terhadap tujuan dan nilai sekolah diwujudkan dalam meningkatkan prestasi sekolah dengan mempunyai kepentingan diri dalam sekolah mengikut tahap komitmen guru itu sendiri dalam menerima kepimpinan guru yang berkesan melangkaui prinsip pengurusan tugasan guru di sekolah. Komitmen juga menunjukkan tahap perjanjian individu dengan satu set tingkah laku dan motivasi guru untuk bertindak terhadap sekolah. Guru yang mempunyai komitmen cenderung memberikan perhatian terhadap kepentingan organisasi yang lebih luas termasuk prestasi, kelangsungan hidup | (Ball & Goodson, 1906)<br>(Buchanan, 1974)<br>(Rousseau, 1998)<br>(Konovsky & Cropanzano, 1991)<br>(Troman & Woods, 2009)<br>(Boon, 2011) |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


| | | |
|---|---|---|
| | dan kejayaan berterusan yang menghasilkan kejayaan kepada sekolah. | |
| Elemen 1 | Saya sentiasa bermotivasi untuk ke sekolah | |
| Elemen 2 | Saya mempunyai keinginan untuk kekal di sekolah ini | |
| Elemen 3 | Saya mempunyai penilaian positif terhadap sekolah | |
| Elemen 4 | Saya sangat mengambil berat tentang prestasi sekolah | |
| Elemen 5 | Saya menunjukkan prestasi kerja yang baik dalam sekolah | |
| Elemen 6 | Saya berusaha sedaya upaya membantu sekolah untuk berjaya | |
| Elemen 7 | Saya sanggup memberi sumbangan agar matlamat sekolah tercapai. | |
| Elemen 8 | Saya aktif melibatkan diri dalam perlaksanaan tugas di sekolah | |
| Elemen 9 | Saya bersedia membantu sekolah ini untuk mencapai visi dan misi | |
| Elemen 10 | Saya sentiasa berasa gembira pada waktu persekolahan (semasa bekerja) | |
| Elemen 11 | Saya bercerita tentang kecemerlangan sekolah kepada rakan sejawat yang lain | |
| **Kriteria 3:** | **Komitmen Guru terhadap pengajaran dan pembelajaran** | (Habib Mat Som & Syed Kamaruzaman Syed Ali, 2011)<br>(Qadach et al., 2020) |
| Definisi | Kepimpinan guru menunjukkan kecemerlangan dalam konteks instruksional dan terus berkembang ketika mereka mengambil peranan sebagai kepimpinan guru. Pengetahuan guru menunjukkan kesediaan dalam bidang pedagogi untuk menerapkan pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang berbeza dalam merancang set induksi yang sesuai dengan pelbagai kekuatan, bakat dan kebolehan murid dalam konteks pembelajaran. | (Darling-Hammond, 2000)<br>(Habib Mat Som & Syed Kamaruzaman Syed Ali, 2011)<br>(D. N. Harris & Sass, 2011) |
| Elemen 1 | Saya menerapkan pengajaran berdasarkan pengetahuan asas saya | |
| Elemen 2 | Saya mengaplikasikan pengetahuan sedia ada mengenai subjek yang diajar | |
| Elemen 3 | Saya bertanggungjawab dalam memahami bidang pedagogi yang diajar | |
| Elemen 4 | Saya sentiasa merancang pengajaran dan pembelajaran dengan lebih awal | |
| Elemen 5 | Saya memilih strategi pengajaran yang berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran. | |
| Elemen 6 | Saya memastikan bahawa keperluan pengajaran dan pembelajaran murid tetap menjadi fokus utama di dalam kelas | |
| Elemen 7 | Saya sentiasa mahu mewujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang aktif dan efisyen di dalam kelas | |
| Elemen 8 | Saya sentiasa memudahkan pengajaran dan pembelajaran murid dengan menyediakan ABM yang bersesuaian | |
| Elemen 9 | Saya sentiasa memastikan penyampaian pengajaran dan pembelajaran | |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


| | | |
|---|---|---|
| | menarik, mudah dan tepat dengan kandungan yang diajar | |

| **Kriteria 4:** | **Komitmen Guru terhadap murid** | (Firestone & Rosenblum, 1988)<br>(Firestone & Pennell, 1993) |
|---|---|---|
| Definisi | Kepimpinan guru menggunakan strategi komunikasi yang berkesan untuk membina hubungan dan membantu murid untuk menyelesaikan tugas. Mereka komitmen menjadi pakar pendengar yang menggunakan kemahiran teknikal mereka untuk memudahkan perhubungan terjalin secara kolaboratif. Mereka memahami budaya dan sumbangan setiap murid dan menghormati semua perspektif. | (Ramsay et al., 1991)<br>(Lieberman et al., 2009)<br>(Pellicer & Anderson, 1995)<br>(Lieberman & Miller, 2005) |
| Elemen 1 | Saya bertindak berdasarkan budaya kerja dan amalan positif dengan murid | |
| Elemen 2 | Saya mengekalkan fikiran terbuka untuk membina hubungan positif bersama murid | |
| Elemen 3 | Saya mengambil sikap beretika dan menyokong murid dalam setiap tugasan atau aktiviti yang disertai | |
| Elemen 4 | Saya mengambil sikap prihatin untuk memastikan bahawa murid merasa dihargai apabila bersama saya | |
| Elemen 5 | Saya sentiasa memilih medium dan platform yang sesuai berdasarkan kebolehan dan tahap murid | |
| Elemen 6 | Saya sentiasa peka dalam membuat pilihan bagi melaksanakan aktiviti yang dapat menilai perkembangan murid tanpa henti | |
| Elemen 7 | Saya merancang pengajaran dengan baik untuk memberi dimensi baharu kepada murid (berdasarkan situasi kini-pandemik covid-19) | |
| Elemen 8 | Saya lebih memberi fokus kepada peningkatan pengetahuan dan kemahiran murid berbanding pengajaran berpusatkan guru | |
| Elemen 9 | Saya berperanan sebagai pemudahcara dengan memberi bimbingan, motivasi dan menggerakkan murid-murid dalam kelas agar menjalankan aktiviti yang dirancang | |

Setiap definisi bagi setiap kriteria dibentuk untuk menjadi elemen bagi setiap kriteria seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.6. Contohnya, elemen 1 hingga 10 bagi kriteria 1 diperoleh daripada definisi kriteria 1 iaitu komitmen guru terhadap profesion. Kemudian elemen ini akan ditukarkan dalam bentuk item yang akan dipindahkan kepada templat JPI bagi memudahkan setiap item itu dikod untuk dijadikan instrumen lengkap.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


#### 4.2.1.2.2 Jadual Penentuan Item Konstruk Komitmen Guru

JPI adalah salah satu elemen yang penting untuk penyelidik membina konstruk dan item berdasarkan dapatan daripada sorotan literatur dalam kajian ini. Ini adalah alat asas dalam merancang ujian atau ukuran untuk tujuan penyelidikan dan pendidikan. Zahari Suppian dan Jamil Ahmad (2016) menyatakan JPI adalah alat yang digunakan untuk memastikan bahawa ujian atau penilaian dapat mengukur sesuatu yang ingin diukur.

Oleh itu, apabila digunakan dengan tepat, ia dapat memberikan kandungan respons dan membina bukti (iaitu proses tindak balas) dalam bentuk bukti kesahan. JPI boleh digunakan untuk pembinaan ujian berskala besar, penilaian guru, pengembangan skala psikometrik dan untuk mengukur tahap-tahap yang ingin dikaji oleh penyelidik (Frey, B., 2018). Ini adalah alat asas dalam merancang ujian atau ukuran untuk tujuan penyelidikan dan pendidikan. Jadual 4.7 menunjukkan Jadual Penentuan Item bagi konstruk komitmen guru.

**Jadual 4.7**

*Jadual Penentuan Item bagi Konstruk Komitmen Guru*

| **Sub konstruk: Komitmen Guru Terhadap Profesion** | |
|---|---|
| **Kod** | **Item** |
| B1.1 | Saya meminati profesion keguruan |
| B1.2 | Saya sentiasa mengamalkan teknik amalan terbaik guru |
| B1.3 | Saya memilih profesion keguruan sebagai profesion utama |
| B1.4 | Saya berpegang teguh kepada etika profesion keguruan |
| B1.5 | Saya memberi sepenuh tenaga dan minat terhadap profesion keguruan |
| B1.6 | Saya bertanggungjawab untuk meningkatkan profesionalisme diri dalam profesion keguruan |
| B1.7 | Saya sentiasa bersedia untuk menyertai kursus, program atau seminar seperti yang diarahkan oleh pihak atasan |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


| | |
|---|---|
| B1.8 | Saya merasakan program pendidikan guru yang berterusan menjadi amat penting pada masa kini |
| B1.9 | Saya sentiasa melihat kursus atau latihan yang diberikan oleh KPM sebagai satu peluang meningkatkan profesionalisme guru |
| B1.10 | Saya menjadikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Falsafah Pendidikan Negara dan Falsafah Pendidikan Guru sebagai garis panduan dalam profesion keguruan |

**Sub konstruk: Komitmen Guru Terhadap Sekolah**

| Kod | Item |
|---|---|
| B2.1 | Saya sentiasa bermotivasi untuk ke sekolah |
| B2.2 | Saya mempunyai keinginan untuk kekal di sekolah ini |
| B2.3 | Saya mempunyai penilaian positif terhadap sekolah |
| B2.4 | Saya sangat mengambil berat tentang prestasi sekolah |
| B2.5 | Saya menunjukkan prestasi kerja yang baik dalam sekolah |
| B2.6 | Saya berusaha sedaya upaya membantu sekolah untuk berjaya |
| B2.7 | Saya sanggup memberi sumbangan agar matlamat sekolah tercapai. |
| B2.8 | Saya aktif melibatkan diri dalam perlaksanaan tugas di sekolah |
| B2.9 | Saya bersedia membantu sekolah ini untuk mencapai visi dan misi |
| B2.10 | Saya sentiasa berasa gembira pada waktu persekolahan (semasa bekerja) |
| B2.11 | Saya bercerita tentang kecemerlangan sekolah kepada rakan sejawat yang lain |

**Sub konstruk: Komitmen Guru Terhadap Pengajaran dan Pembelajaran**

| Kod | Item |
|---|---|
| B3.1 | Saya menerapkan pengajaran berdasarkan pengetahuan asas saya |
| B3.2 | Saya mengaplikasikan pengetahuan sedia ada mengenai subjek yang diajar |
| B3.3 | Saya bertanggungjawab dalam memahami bidang pedagogi yang diajar |
| B3.4 | Saya sentiasa merancang pengajaran dan pembelajaran dengan lebih awal |
| B3.5 | Saya memilih strategi pengajaran yang berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran. |
| B3.6 | Saya memastikan bahawa keperluan pembelajaran dan pembelajaran murid tetap menjadi focus utama di dalam kelas |
| B3.7 | Saya sentiasa mahu mewujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang aktif dan efisyen di dalam kelas |
| B3.8 | Saya sentiasa memudahkan pengajaran dan pembelajaran murid dengan menyediakan ABM yang bersesuaian |
| B3.9 | Saya sentiasa memastikan penyampaian pengajaran dan pembelajaran menarik, mudah dan tepat dengan kandungan yang di ajar |

**Sub konstruk: Komitmen Guru Terhadap Murid**

| Kod | Item |
|---|---|
| B4.1 | Saya bertindak berdasarkan budaya kerja dan amalan positif dengan murid |
| B4.2 | Saya mengekalkan fikiran terbuka untuk membina hubungan positif bersama murid |
| B4.3 | Saya mengambil sikap beretika dan menyokong murid dalam setiap tugasan atau aktiviti yang disertai |
| B4.4 | Saya mengambil sikap prihatin untuk memastikan bahawa murid merasa dihargai apabila bersama saya |
| B4.5 | Saya sentiasa memilih medium dan platform yang sesuai berdasarkan kebolehan dan tahap murid |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


| | |
|---|---|
| B4.6 | Saya sentiasa peka dalam membuat pilihan bagi melaksanakan aktiviti yang dapat menilai perkembangan murid tanpa henti |
| B4.7 | Saya merancang pengajaran dengan baik untuk memberi dimensi baharu kepada murid (berdasarkan situasi kini-pandemik covid-19) |
| B4.8 | Saya lebih memberi fokus kepada peningkatan pengetahuan dan kemahiran murid berbanding pengajaran berpusatkan guru |
| B4.9 | Saya berperanan sebagai pemudahcara dengan memberi bimbingan, motivasi dan menggerakkan murid-murid dalam kelas agar menjalankan aktiviti yang dirancang |

#### 4.2.1.3 Kompetensi Guru dalam Kepimpinan Guru

Elemen kompetensi dalam penyelidikan pendidikan menonjolkan tranformasi dalam perkembangan pelaksanaan kepimpinan guru di sekolah (Majoko, 2019). Antara intipati bersama di mana kompetensi guru berupaya memberi inspirasi dan motivasi semua guru bersemangat untuk mencapai matlamat bersama dalam pelaksanaan kepimpinan guru. Dalam penulisan Boyatzis (2008) menyatakan kompetensi guru meramalkan keberkesanan dalam profesionalisme guru, pengurusan guru dan peranan kepimpinan guru dalam banyak sektor terutama di sekolah dan kompetensi guru ini mampu dikembangkan oleh guru itu sendiri.

Di peringkat antarabangsa, terdapat minat yang semakin meningkat dalam menilai kompetensi guru yang didorong oleh permintaan untuk jaminan kualiti dan untuk pengiktirafan yang lebih tinggi terhadap profesion keguruan (Bisschoff & Grobler, 1998). Suyono dan Buenae (2020) melihat komitmen profesional sebagai komitmen guru yang berpengetahuan, cekap dan berkesan dari segi pengajaran. Malah, mereka mengekalkan bahawa komitmen guru adalah mengenai melakukan kerja yang baik. Dalam pada itu, Crawford et al. (2020) menjelaskan komitmen untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


meneruskan profesion sebagai seorang guru boleh ditingkatkan melalui latihan dan kemahiran. Kemahiran insaniah ialah kebolehan dan kecekapan psikologi yang dimanifestasikan melalui ciri-ciri personaliti untuk bersikap optimistik dalam setiap situasi termasuk motivasi, pengurusan tekanan, kreativiti, kerja berpasukan, kemahiran komunikasi dan kepimpinan.

Terdapat beberapa kajian yang melibatkan elemen kompetensi guru dalam kepimpinan guru seperti kajian Stolz (2020) yang melakukan kajian berkaitan dengan *New Pathways to the Profession and Teacher Identity Development* bersetuju bahawa kompetensi guru membantu kepimpinan guru di sekolah. Ini memandangkan sekolah berebut-rebut mencari guru yang layak untuk berkhidmat dan guru memberikan segala pengetahuan yang ada kepada sekolah. Malahan keinginan pihak pentadbiran untuk menyediakan kemudahan kepada guru terutama dalam bilik darjah menarik perhatian guru di sekolah yang akan mengekalkan profesion guru tersebut. Guru juga dapat mengembangkan lagi kemahiran dalam komunikasi, pengurusan kurikulum, sumber teknologi, perkongsian ilmu dan pelbagai lagi dengan sokongan yang diberikan oleh pihak pentadbir.

Bersangkutan hal ini juga, kajian yang dilakukan oleh Navarro et al. (2016) berkaitan kompetensi guru, ia dapat meningkatkan kemahiran dan pengetahuan dalam pembelajaran dan pengajaran menunjukkan hasil yang baik dengan menjadi nilai tambah untuk membangunkan kompetensi guru ke arah bagi memaksimumkan pembelajaran kepada pelajar. Hasil dapatan juga menjelaskan, guru mesti mempunyai kepakaran dalam pelbagai kompetensi dalam persekitaran yang sangat kompleks di mana beratus-ratus keputusan kritikal diperlukan setiap hari untuk guru membuat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


keputusan kerana guru merupakan pemimpin di sekolah. Jelasnya di sini, profesion keguruan menuntut integrasi pertimbangan kepimpinan guru dan kompetensi guru bagi menilai ciri-ciri kepimpinan guru dari elemen kompetensi guru dalam pelaksanaan kepimpinan guru di sekolah.

Penilaian kepimpinan guru di sekolah merupakan satu penilaian yang dapat membantu guru untuk menilai ciri-ciri kepimpinan yang ada dalam diri mereka. Kajian Muñiz (2020) meringkaskan kompetensi guru menggambarkan kemahiran dan pengetahuan seperti yang dicadangkan oleh penyelidikan dan teori dalam bidang pendidikan untuk membentuk guru memahami akan kepentingkan kompetensi bagi membangunkan dan melaksanakan standard pengajaran yang berdiri sendiri yang memfokuskan mengenai pengetahuan dan kemahiran yang penting untuk memberikan kuasa transformasi kepada guru. Oleh hal yang demikian, adalah berkemungkinan untuk menilai kompetensi guru melalui penilaian kendiri oleh guru itu sendiri. Ini kerana kompetensi guru memerlukan jumlah pengetahuan, kemahiran dan nilai peribadi yang sama, tetapi ada yang tidak. Beberapa elemen kompetensi guru mungkin melibatkan lebih banyak pengetahuan daripada kemahiran atau nilai peribadi, sedangkan, beberapa kompetensi guru mungkin lebih berasaskan ciri-ciri kepimpinan guru itu sendiri.

Seterusnya, kompetensi guru ini merangkumi usaha guru dalam memberikan strategi pedagogi yang mantap, pengetahuan kandungan subjek yang diajar, mempunyai nilai peribadi yang unggul, termasuk kemahiran dalam komunikasi, mendengar, kerjasama, kebolehsuaian, empati dan kesabaran. Ciri-ciri lain pengajaran berkesan termasuk kehadiran bilik darjah yang menarik, nilai dalam pembelajaran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


dunia sebenar, pertukaran amalan terbaik dan cinta pembelajaran sepanjang hayat seperti hasil kajian oleh Ong et al. (2017). Dalam kajian ini juga mencadangkan agar guru perlu meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dengan lebih baik dan meneroka amalan pengajaran mereka. Ini kerana, banyak kajian tentang kompetensi guru memfokuskan kepada peranan pengajaran guru dalam bilik darjah berbanding kompetensi guru yang sebenar. Kompetensi guru mampu diperluaskan lagi dengan melakukan kajian dalam pembangunan pendidikan guru.

Daripada penerangan di atas, jelaslah bahawa elemen kompetensi guru ini menjadi satu konstruk yang dapat menilai ciri-ciri kepimpinan guru. Guru sememangnya memerlukan penilaian kompetensi guru agar dapat mencapai standard kualiti guru yang berkesan sekali gus dapat guru menilai ciri-ciri kepimpinan guru. Ketiadaan penilaian ciri-ciri kepimpinan guru dalam elemen kompetensi guru ini menyebabkan beberapa ciri-ciri penting dalam kepimpinan guru yang sepatutnya ada pada diri seorang guru tidak diberi perhatian yang sewajarnya akan merencatkan pelaksanaan kepimpinan guru di sekolah dan dalam proses pembangunan perkembangan profesionalisme guru.

#### 4.2.1.3.1 Konseptualisasi Konstruk Kompetensi Guru

Pengukuran konstruk bagi kompetensi guru dilakukan oleh penyelidik sendiri kerana instrumen ini dibina oleh penyelidik kerana kekurangan instrumen penilaian kendiri yang khusus mengukur ciri-ciri kepimpinan guru dalam elemen kompetensi guru.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Sehubungan itu, bahagian ini akan menerangkan proses konseptualisasi bagi konstruk kompetensi guru dalam pelaksanaan konsep kepimpinan guru.

Kompetensi guru ialah kebolehan dan pengetahuan yang membolehkan seseorang guru mencapai kecemerlangan dalam bidang akademik. Dalam kajian ini, komitmen guru dalam kepimpinan guru didefinisikan secara lebih khusus sebagai pengetahuan, kemahiran dan nilai adalah antara aspek yang terpenting dalam memperkembangkan kepimpinan guru (Katzenmeyer & Moller, 2001). Namun begitu, guru yang memiliki ketiga-tiga aspek tersebut masih lagi kurang sehingga perlu diberi pendedahan yang betul dan lengkap (Gardner, 1990). Maka, usaha membangun serta mempromosikan kepimpinan guru merupakan salah satu cara untuk meningkatkan kualiti guru.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan sorotan literatur pengkaji lepas iaitu Chee Yuet (2017), Shantini et al. (2018) dan Boyatzis (2008) kompetensi guru dalam kepimpinan guru meningkatkan kompetensi mereka dengan menghadiri bengkel dan persidangan, melibatkan diri dalam kumpulan belajar, membaca buku yang berkaitan dengan minat masing-masing serta belajar dan bekerja secara kolaboratif dengan rakan sejawat. Dengan melakukan aktiviti-aktiviti seumpama ini, guru berupaya membina pandangan baru dalam pengajaran.

Konstruk kompetensi guru ini menggunakan teori sandaran kepada Teori Kompetensi Spencer dan Spencer (1993), maka ia tidak boleh diukur secara langsung. Proses konseptualisasi perlu dilakukan bagi memberi definisi konsep, seterusnya menghasilkan item-item yang akan membentuk definisi operasi bagi setiap sub

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


konstruk yang hendak diukur. Teori Kompetensi Spencer dan Spencer ini mempunyai tiga elemen iaitu kompetensi guru dalam pengetahuan, kemahiran dan nilai peribadi.

Bersangkutan hal ini, konseptualisasi kompetensi guru ini juga menjelaskan ciri-ciri kompetensi guru yang terdapat dalam diri guru dalam pelaksanaan kepimpinan guru di sekolah. Konseptualisasi dilakukan melalui sorotan literatur ke atas kajian-kajian lepas yang mempunyai hubungan dengan kepimpinan guru dan disesuaikan dengan konteks pendidikan di Malaysia. Konseptualisasi ini menjadi panduan kepada penyelidik untuk membina item-item yang sesuai dan menepati definisi konstruk dan sub konstruk. Berdasarkan sorotan literatur, Jadual 4.8 menghuraikan definisi yang diberikan oleh penyelidik-penyelidik lepas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

**Jadual 4.8**

*Definisi Elemen Kompetensi Guru dalam Kepimpinan Guru oleh Penyelidik Lepas*

| **Elemen Kompetensi Guru dalam Kepimpinan Guru** | Sumber:<br>SEAMEO Innotech Regional Education Program (2010)<br>(Chee Yuet, 2017)<br>(Shantini et al., 2018)<br>(Boyatzis, 2008) |
|---|---|
| Definisi:<br>Kompetensi guru yang dipraktikkan pada tahap yang tinggi dapat bertindak sebagai strategi untuk meningkatkan kualiti guru dan menjadi pemimpin guru yang berkesan. Asas kompetensi guru yang diperluas untuk meningkatkan profesionalisme guru dalam pengajaran, kerana guru diamanahkan untuk menerapkan pedagogi yang berlandaskan ilmiah dan untuk tujuan sosiobudaya dalam bidang pendidikan. Guru mampu mempengaruhi murid, rakan sejawat dan masyarakat. Guru yang mempunyai kompetensi yang diperlukan dalam profesion keguruan ialah guru yang mempunyai pengetahuan, kemahiran, nilai peribadi, motivasi dan kepercayaan. Guru dapat mengkaji dan menghayati nilai dan konsep pendidikan, meneroka | (Kohnen, 2005)<br>(Hollenbeck et al., 2006)<br>(Campbell et al., 2010)<br>(Spencer, 1993) |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


| | | |
|---|---|---|
| pengetahuan, dan mencipta pengalaman pembelajaran yang bermakna bagi diri mereka sendiri dan murid lain secara kritis. | | |
| **Kriteria 1:** | **Kompetensi Guru dalam Pengetahuan** | |
| Definisi | Masyarakat hari ini, menuntut pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti dari guru. Guru harus mempunyai banyak pengetahuan berkaitan dengan amalan pengajaran dan penilaian untuk memenuhi tuntutan dan standard pendidikan berkualiti. Untuk mengembangkan pengetahuan guru pada abad ke-21 ini, guru harus menerapkan strategi pembelajaran pengajaran yang berkesan yang dapat mengembangkan pengetahuan pedagogi dan kandungan guru itu sendiri. | (Shulman, 1987) (Avalos, 2011) (Loughran & Hamilton, 2016) |
| Elemen 1 | Saya mempunyai pengetahuan tentang kurikulum di sekolah | |
| Elemen 2 | Saya mempunyai pengetahuan pelbagai kaedah penilaian formatif dan sumatif | |
| Elemen 3 | Saya mempunyai pengetahuan tentang latar belakang murid dan ciri-ciri mereka | |
| Elemen 4 | Saya mempunyai pengetahuan pedagogi tentang kandungan subjek yang diajar | |
| Elemen 5 | Saya mempunyai pengetahuan yang mencukupi tentang matlamat subjek yang diajar | |
| Elemen 6 | Saya mempunyai pengetahuan mengenai tujuan, nilai, sejarah dalam falsafah pendidikan | |
| Elemen 7 | Saya mempunyai pengetahuan mengenai pengurusan di dalam bilik darjah dan di luar bilik darjah | |
| Elemen 8 | Saya mempunyai pengetahuan berkaitan tugasan selain tugas hakiki (seperti: pengurus koperasi, guru perpustakaan, penyelaras sukan dsb.) | |
| **Kriteria 2:** | **Kompetensi Guru dalam Kemahiran** | |
| Definisi | Guru berkebolehan dalam melakukan sesuatu tugasan secara fizikal dan mental dengan baik. Guru yang menjadi pemimpin guru yang baik perlu memiliki satu set kemahiran yang perlu kembangkan dari masa ke masa dengan latihan untuk penambahbaikan pengajaran dan pembelajaran dalam pengurusan kurikulum. Guru dapat meneraju serta memberi inspirasi dan memotivasi orang lain untuk memperbaiki diri dan menjadi lebih baik melalui tindakan mereka. Mereka dapat berkomunikasi dengan murid, rakan sekerja dan komuniti dengan berkesan dapat menyokong visi dan misi untuk sekolah. | (NAESP, 2008) (N. Hamzah et al., 2016) (Karmani, 2016) |
| Elemen 1 | Saya mempunyai kemahiran pemikiran kritikal | |
| Elemen 2 | Saya mempunyai kemahiran komunikasi yang baik | |
| Elemen 3 | Saya berupaya melatih murid untuk berfikir aras tinggi | |
| Elemen 4 | Saya mempunyai kemahiran dalam pengurusan sekolah | |
| Elemen 5 | Saya mengaplikasikan pelbagai kemahiran pengurusan kurikulum | |
| Elemen 6 | Saya mempunyai kemahiran sosial yang baik bersama dengan komuniti | |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


| | | |
|---|---|---|
| | sekolah | |
| Elemen 7 | Saya menunjukkan kecekapan dalam menggunakan sumber teknologi dan maklumat | |
| Elemen 8 | Saya mempunyai kemahiran perkongsian ilmu untuk meningkatkan kecemerlangan sekolah | |
| Elemen 9 | Saya berupaya menggalakkan budaya kolaborasi dalam kalangan murid dan rakan sejawat | |
| **Kriteria 3:** | **Kompetensi Guru dalam Nilai Peribadi** | |
| Definisi | Kompetensi guru dalam nilai ialah mengandungi ciri-ciri atau sifat yang berkesan ke atas konsep kendiri dan mempunyai kesan dalam peranan guru dalam menjadi pemimpin guru. Nilai peribadi dapat dilihat sebagai penilaian terhadap diri guru itu sendiri seperti identiti dan personaliti. Nilai peribadi ini juga menunjukkan tingkah laku seseorang terhadap tugasan yang dilakukan dengan cara yang tersendiri sehingga mampu mempengaruhi prestasi dalam tugasan sebagai seorang pemimpin guru. | (Bass, 1982)<br>(Gibb, 1947) |
| Elemen 1 | Saya sentiasa berfikiran positif | |
| Elemen 2 | Saya seorang yang mempunyai keyakinan diri | |
| Elemen 3 | Saya mempunyai amalan budaya kerja yang baik | |
| Elemen 4 | Saya seorang yang mengambil risiko dalam menyelesaikan masalah | |
| Elemen 5 | Saya seorang yang bersemangat dan gigih dalam mencapai matlamat | |
| Elemen 6 | Saya sentiasa bermuhasabah diri untuk melakukan penambahbaikan | |
| Elemen 7 | Saya seorang yang bertanggungjawab untuk menyelesaikan tugasan yang diberi | |
| Elemen 8 | Saya bersedia untuk menerima akibat daripada keputusan dan tindakan yang saya lakukan | |

Setiap definisi bagi setiap kriteria dibentuk untuk menjadi elemen bagi setiap kriteria seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.8. Contohnya, elemen 1 hingga 8 bagi kriteria 1 diperoleh daripada definisi kriteria 1 iaitu kompetensi guru dalam pengetahuan. Kemudian elemen ini akan ditukarkan dalam bentuk item yang akan dipindahkan kepada templat JPI bagi memudahkan setiap item itu dikod untuk dijadikan instrumen lengkap.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


#### 4.2.1.3.2 Jadual Penentuan Item Konstruk Kompetensi Guru

Jadual Penentuan Item bagi konstruk Kompetensi Guru di senaraikan oleh penyelidik melalui sorotan literatur dan konseptualisasi yang telah dianalisis. Jadual 4.9 menunjukkan JPI bagi Konstruk Kompetensi Guru.

**Jadual 4.9**

*Jadual Penentuan Item Konstruk Kompetensi Guru*

| **Sub konstruk: Kompetensi Guru dalam Pengetahuan** | |
|---|---|
| **Kod** | **Item** |
| C1.1 | Saya mempunyai pengetahuan tentang kurikulum di sekolah |
| C1.2 | Saya mempunyai pengetahuan pelbagai kaedah penilaian formatif dan sumatif |
| C1.3 | Saya mempunyai pengetahuan tentang latar belakang murid dan ciri-ciri mereka |
| C1.4 | Saya mempunyai pengetahuan pedagogi tentang kandungan subjek yang diajar |
| C1.5 | Saya mempunyai pengetahuan yang mencukupi tentang matlamat subjek yang diajar |
| C1.6 | Saya mempunyai pengetahuan mengenai tujuan, nilai, sejarah dalam falsafah pendidikan |
| C1.7 | Saya mempunyai pengetahuan mengenai pengurusan di dalam bilik darjah dan di luar bilik darjah |
| C1.8 | Saya mempunyai pengetahuan berkaitan tugasan selain tugas hakiki (seperti: pengurus koperasi, guru perpustakaan, penyelaras sukan dsb.) |
| **Sub konstruk: Kompetensi Guru dalam Kemahiran** | |
| **Kod** | **Item** |
| C2.1 | Saya mempunyai kemahiran pemikiran kritikal |
| C2.2 | Saya mempunyai kemahiran komunikasi yang baik |
| C2.3 | Saya berupaya melatih murid untuk berfikir aras tinggi |
| C2.4 | Saya mempunyai kemahiran dalam pengurusan sekolah |
| C2.5 | Saya mengaplikasikan pelbagai kemahiran pengurusan kurikulum |
| C2.6 | Saya mempunyai kemahiran sosial yang baik bersama dengan komuniti sekolah |
| C2.7 | Saya menunjukkan kecekapan dalam menggunakan sumber teknologi dan maklumat |
| C2.8 | Saya mempunyai kemahiran perkongsian ilmu untuk meningkatkan kecemerlangan sekolah |
| C2.9 | Saya berupaya menggalakkan budaya kolaborasi dalam kalangan murid dan rakan sejawat |
| **Sub konstruk: Kompetensi Guru dalam Nilai Peribadi** | |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


| Kod | Item |
|---|---|
| C3.1 | Saya sentiasa berfikiran positif |
| C3.2 | Saya seorang yang mempunyai keyakinan diri |
| C3.3 | Saya mempunyai amalan budaya kerja yang baik |
| C3.4 | Saya seorang yang mengambil risiko dalam menyelesaikan masalah |
| C3.5 | Saya seorang yang bersemangat dan gigih dalam mencapai matlamat |
| C3.6 | Saya sentiasa bermuhasabah diri untuk melakukan penambahbaikan |
| C3.7 | Saya seorang yang bertanggungjawab untuk menyelesaikan tugasan yang diberi |
| C3.8 | Saya bersedia untuk menerima akibat daripada keputusan dan tindakan yang saya lakukan |

#### 4.2.1.4 Kecerdasan Emosi Guru dalam Kepimpinan Guru

Elemen kecerdasan emosi dalam membentuk guru dalam pelaksanaan kepimpinan guru adalah penting. Isensee (2017) melaporkan bahawa organisasi pendidikan terutamanya sekolah mendapat banyak faedah dari kekuatan kecerdasasan emosi guru yang cerdas dalam menjadi satu faktor dalam kepimpinan. Kekuatan itu termasuk mempunyai hubungan yang berkesan, pasukan bekerja yang produktif, memotivasikan diri dan murid serta mengubah persekitaran kerja di sekolah (Waruwu, 2015).

Kesan kecerdasan emosi dalam kepimpinan guru mempunyai implikasi kerana seorang guru dengan tahap kecerdasan emosi yang tinggi umumnya muncul sebagai pemimpin guru dalam organisasi di sekolah (Agarwal, 2020). Penyelidikan yang berkembang menunjukkan bahawa kepimpinan guru dengan tahap kecerdasan emosi yang tinggi lebih sesuai untuk memberi kecemerlangan kepada murid dalam melalui cabaran sukar, menambah baik pencapaian akademik dan memberi transformasi dalam pendidikan kontemporari (Shibila Sabir & Thomas, 2020).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Dapatan sorotan literatur juga menunjukkan kecerdasan emosi dalam kepimpinan guru terdapat dalam SEAMEO Innotech Regional Education Program (2010) yang mementingkan kesediaan guru dan pemerhatian bahawa profesion keguruan ini sebagai satu profesion adalah sangat kompleks. Memandangkan pengajaran berkualiti oleh guru memerlukan komuniti pendidikan amat yang mempunyai ciri peribadi yang baik iaitu merujuk kepada sifat peribadi seperti bertanggungjawab, menepati masa, emosi yang stabil serta nilai etika profesional yang merujuk kepada etika dan moral yang baik menjadikan guru sebagai contoh teladan yang baik di sekolah dan masyarakat.

Selain itu, kecerdasan emosi dianggap sebagai salah satu set kemahiran yang penting perlu ada kepada guru di sekolah pada abad ke-21 ini (Supardi et al., 2016). Ia dilihat sebagai signifikan elemen yang dapat membantu kejayaan akademik pelajar dan prestasi guru di sekolah (Maulod et al., 2016). Kebelakangan ini, banyak elemen kursus, bengkel dan seminar dijalankan di sekolah untuk membolehkan guru dihebahkan mengenai elemen kecerdasan emosi untuk meningkatkan kepimpinan guru (Mohd Khairuddin Abdullah et al., 2017). Banyak penyelidikan juga telah mengesahkan bahawa kecerdasan emosi membantu menguruskan tekanan, kawalan emosi dan berkesan menangani pelbagai tanggungjawab yang lebih mencabar (Azahari Ramli et al., 2016; Halimah et al., 2016; Ocampo, 2019).

Jika ditinjau dari aspek hubungan kecerdasan emosi dengan pengajaran dan pembelajaran guru dan kepimpinan, sememangnya kajian yang dilakukan oleh Karakus et al. (2021) dalam bahagian kajiannya iaitu *Review Article: Emotions in Learning, Teaching, and Leadership: A Bibliometric Review of Asian Literature*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


*(1990–2018)* menunjukkan sebanyak 862 kajian dijalankan di Asia. Hal ini menunjukkan kepimpinan yang hebat adalah tentang seseorang individu mengawal kecerdasan emosi ke arah yang betul. Jelasnya lagi, memandangkan tugas mengajar ialah tanggungjawab guru yang merupakan khidmat manusia. Maka ia secara tidak langsung melibatkan tekanan sosial berkaitan dengan rakan sejawat, murid dan pentadbir. Oleh hal yang demikian, guru memerlukan kecerdasan emosi yang baik bagi membantu mereka mengawal emosi mereka terhadap murid, rakan sejawat, pentadbir, ibu bapa dan profesion itu sendiri. Dalam konteks sedemikian, kepimpinan guru perlu ditakrifkan semula untuk memasukkan kebolehan emosi di samping kebolehan kognitif.

Terdapat beberapa kajian yang melibatkan elemen kecerdasan emosi dalam kepimpinan guru seperti kajian (Valente et al., 2020). Tujuan penyelidikan ini adalah mengkaji sama ada kebolehan kecerdasan emosi mempengaruhi efikasi guru. Walaupun kajian ini tidak menjurus kepada hubungan kepimpinan guru, namun efikasi menerusi model konseptual efikasi kendiri guru, Tschannen-Moran et al. (1998) mengemukakan dua unsur penting berkaitan pengajaran guru iaitu analisis tugasan mengajar dan penilaian kecekapan guru dalam pengajaran dan pembelajaran. Dua unsur ini berkaitan dengan sembilan sfera kepimpinan guru Fairman dan Mackenzie (2014) iaitu guru mempelajari amalan sebagai seorang guru dengan sendirinya dan guru menjalankan kajian dengan melakukan refleksi ke atas diri sendiri.

Kajian ini mengetengahkan kecerdasan emosi dengan kerja guru terdiri daripada beban kerja yang ketara. Kedua-duanya memerlukan kepekaan dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


pengetahuan tentang cara mengurus dan mengawal emosi. Dalam hujahnya lagi, memandangkan salah satu ciri yang paling penting untuk menjadi seorang guru dan mengajar ialah hubungan emosi yang dimiliki guru dengan murid mereka, kecerdasan emosi telah menerima perhatian yang semakin meningkat daripada penyelidik dalam bidang pendidikan. Pengajaran dan pembelajaran tidak hanya mementingkan pengetahuan, kognitif dan kemahiran sahaja. Malah guru juga memerlukan amalan kecerdasan emosi yang baik dan sihat.

Kecerdasan emosi guru merupakan elemen yang sangat penting dalam proses pendidikan terutamanya di sekolah. Guru paling banyak memainkan peranan yang penting. Tingkah laku guru dalam proses pendidikan mempunyai pengaruh yang kuat terhadap perkembangan tingkah laku dan sahsiah pelajar. Oleh itu, kajian Wahyudi (2018) membuktikan kecergasan emosi guru ini melibatkan emosi dalaman guru itu sendiri untuk berhadapan dengan murid, rakan sejawat, pentadbir dan komuniti. Guru yang mempunyai kecerdasan emosi yang baik mampu memberikan komitmen dan meningkatkan prestasi guru dengan baik. Dalam kajian ini juga, menerangkan guru merupakan salah satu tenaga pendidik yang berperanan sebagai penentu kejayaan sekolah, kerana guru-guru yang secara langsung bertungkus lumus untuk memberikan bimbingan yang akhirnya akan menghasilkan kelulusan yang diharapkan. Oleh itu, prestasi guru hendaklah sentiasa dipertingkatkan.

Lima elemen yang menjadi konstruk untuk kajian kecerdasan emosi iaitu *self-awareness, self-motivation, self-control, empathy, and skill in fostering relationships*. Lima elemen ini bersandarkan teori kecerdasan emosi Goleman yang sememangnya digunakan sebagai teori yang kukuh dalam kajian kecerdasan emosi. Hasil kajian ini,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


menunjukkan kecerdasan emosi lebih menekankan kepada kebolehan dalam bidang emosi iaitu kebolehan menghadapi kekecewaan, kebolehan mengawal emosi, semangat dan kebolehan menjalinkan hubungan dengan orang lain. Perkara ini amat diperlukan oleh seorang guru kerana hubungan emosi antara guru dan pelajar adalah penting kerana ia kekal selama-lamanya. Walaupun dalam tempoh yang singkat dibebani dengan sukatan pelajaran, seorang guru mempunyai batasan untuk berinteraksi dengan pelajarnya.

Tambahan kajian yang mengunakan elemen kecerdasan emosi dapat di temukan dalam kajian Issah (2018). Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti peranan elemen kecerdasan emosi dalam menerajui perubahan dalam sesebuah organisasi. Secara khusus, kajian ini menyerlahkan perspektif berbeza berkaitan kecerdasan emosi dengan elemen kecerdasan emosi yang sememangnya sinonim dengan teori kecerdasan emosi Goleman iaitu kesedaran diri, pengawalan kendiri, motivasi diri, empati dan kemahiran sosial. Selanjutnya, kajian ini juga mencadangkan bagaimana kecerdasan emosi menyumbang kepada perubahan kepimpinan yang memfokuskan pada membina pasukan untuk mempengaruhi perubahan dan mengatasi rintangan terhadap perubahan yang berlaku dalam sesebuah organisasi.

Hasil kajian ini menunjukkan guru yang bijak dari segi kawalan kecerdasan emosi akan dapat menggunakan set kemahiran dalam memberikan sokongan dan galakan untuk menukar emosi sendiri apabila berdepan dengan orang ramai. Dengan kata lain, elemen kecerdasan emosi ini jika dinilai setiap sub elemen, mampu menyediakan kepimpinan guru dalam kecerdasan emosi yang membuatkan mereka

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


untuk melibatkan diri dengan rakan sejawat dan murid, membina komitmen, menjalin hubungan kerja yang baik dan meningkatkan kepuasan kepada pihak pentadbir.

Elemen kecerdasan emosi ini juga bersangkut paut dengan fikiran manusia yang mana dipengaruhi oleh tiga pembolehubah utama iaitu proses mental, emosi dan tahap motivasi individu (Murphy, 1989). Rentetan daripada itu, kajian oleh Naqvi et al. (2016) telah memberi tumpuan kepada penyelidikan yang mempunyai hubungan antara tahap kecerdasan emosi guru dan prestasi kerja guru di sekolah. Bersesuaian dengan kebanyakan kajian, hasil kajian menemukan guru yang mempunai kecerdasan emosi juga dapat memberi kesan kepada tingkah laku dan perasaan pelajar mereka. Kecerdasan emosi guru mampu membuat murid melibatkan diri dalam penyertaan murid di dalam atau di luar kelas di mana di situ menunjukkan guru mampu memimpin murid. Selain itu, dalam kajian ini menegaskan bahawa prestasi guru boleh diukur dari segi kebolehan murid untuk memahami kandungan yang terkandung dalam pengajaran dan pembelajaran oleh guru dan murid mampu melaksanakan dengan baik dalam ujian atau peperiksaan. Tahap perkembangan kognitif yang dicapai oleh murid pula disokong oleh kecerdasan emosi guru yang stabil.

Daripada penerangan kajian di atas, jelaslah bahawa elemen kecerdasan emosi ini sesuai dijadikan satu konstruk yang dapat menilai ciri-ciri kepimpinan guru. Sebagai lanjutan daripada kajian ini, elemen-elemen yang terdapat dalam teori kecerdasan emosi guru Goleman iaitu kesedaran diri, pengawalan kendiri, motivasi diri, empati dan kemahiran sosial boleh dinilai bagi melihat cir-ciri yang terdapat dalam diri guru tersebut. Ia juga penting untuk ambil perhatian bahawa guru yang mempunyai kecerdasan emosi yang baik mampu menunjukkan prestasi yang baik di

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


dalam bilik darjah dan di luar bilik darjah. Saranan Herman et al. (2022) adalah sesuai dengan kaedah penilaian yang dilakukan oleh penyelidik lalu dengan menilai sesuatu penilaian kendiri guru dengan menggunakan instrumen yang mempunyai konstruk yang ingin di ukur.

#### 4.2.1.4.1 Konseptualisasi Konstruk Kecerdasan Emosi Guru

Dalam kajian ini, pengukuran konstruk kecerdasan emosi digunakan dalam instrumen yang dibina sendiri oleh penyelidik. Konstruk kecerdasan emosi ini mempunyai instrumen yang tersendiri namun bukan dalam hubungan dengan kepimpinan guru. Walaubagaimanapun, konstruk ini perlu dikaji kerana ia memberikan impak kepada penilaian kendiri guru dalam mengenal pasti ciri-ciri kepimpinan guru dalam kalangan guru.

Berdasarkan sorotan literatur, kecerdasan emosi merujuk kepada kemampuan untuk memantau emosi seseorang dan emosi orang lain dalam mengawal pemikiran dan tindakan seseorang (Daniel Goleman, 1995). Selain itu, kecerdasan Emosi adalah cara mengenali, memahami dan memilih bagaimana kita berfikir, merasakan dan bertindak. Dalam pelaksanaan kepimpinan guru, kesediaan guru dari segi kecerdasan emosi amat penting. Ia merujuk kepada kesanggupan atau kerelaan guru untuk memikul tanggungjawab dan peranan kepimpinan guru di sekolah, terutamanya di dalam bilik darjah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Dengan itu, guru tidak lagi bertugas untuk mengajar sahaja, malah memberi sumbangan yang penting terhadap kecemerlangan sekolah dengan membimbing dan mempengaruhi komuniti sekolah yang terdiri daripada murid, rakan sejawat, pentadbir dan masyarakat setempat. Hal ini memberikan kesan kepada emosi guru dalam menyeimbangkan antara tugasan dan emosi mereka terhadap diri, murid, rakan sejawat, pentadbir, ibu bapa dan masyarakat.

Sehubungan dengan itu, penyelidik berpendapat kecerdasan emosi guru adalah elemen penting dalam mengenal pasti ciri-ciri kepimpinan guru di sekolah. Teori Kecerdasan Emosi Goleman menjadi sandaran kepada konstruk kecerdasan emosi guru. Terdapat lima elemen iaitu kesedaran diri, pengawalan kendiri, motivasi kendiri, empati dan kemahiran sosial.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bersangkutan hal ini, konseptualisasi kecerdasan emosi guru ini juga menjelaskan ciri-ciri kecerdasan emosi guru yang terdapat dalam diri guru dalam pelaksanaan kepimpinan guru di sekolah. Konseptualisasi dilakukan melalui sorotan literatur ke atas kajian-kajian lepas yang mempunyai hubungan dengan kepimpinan guru dan disesuaikan dengan konteks pendidikan di Malaysia. Konseptualisasi ini menjadi panduan kepada penyelidik untuk membina item-item yang sesuai dan menepati definisi konstruk. Berdasarkan sorotan literatur, Jadual 4.10 menghuraikan definisi yang diberikan oleh penyelidik-penyelidik lepas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


**Jadual 4.10**

*Definisi Elemen Kecerdasan Emosi Guru dalam Kepimpinan Guru oleh Penyelidik Lepas*

| **Elemen Kecerdasan Emosi Guru dalam Kepimpinan Guru** | | Sumber: SEAMEO Innotech Regional Education Program (2010) |
|---|---|---|
| Definisi:<br>Kecerdasan Emosi adalah kemampuan untuk memantau emosi seseorang dan emosi orang lain dalam mengawal pemikiran dan tindakan seseorang. Kecerdasan Emosi adalah cara mengenali, memahami, dan memilih bagaimana kita berfikir, merasakan dan bertindak. Ini membentuk interaksi kita dengan orang lain dan pemahaman kita tentang diri kita sendiri. Ia menentukan bagaimana dan apa yang kita pelajari, ia membolehkan kita menetapkan keutamaan dengan menentukan sebahagian besar tindakan harian kita. Penyelidikan menunjukkan bahawa ia bertanggungjawab sebanyak 80% kejayaan dalam hidup kita. Walaupun terdapat model yang berbeza untuk mengukur kecerdasan emosi, namun ia sesuai dengan ciri-ciri yang dikaitkan dengan kepimpinan dan pengurusan yang baik. | | (Daniel Goleman, 1995)<br>(Mayer & Salovey, 1993)<br>(Dijk & Freedman, 2007)<br>(Jena & Pradhan, 2014) |
| **Kriteria 1:** | **Kesedaran diri** | (Daniel Goleman, 1995) |
| Definisi | Melibatkan tanggapan guru dalam mengenal pasti dan memahami emosi diri dengan tepat. Seseorang guru mesti mempunyai pemahaman dan amalan kemahiran asas dalam kesedaran diri sendiri yang baik agar berjaya menjalin hubungan dengan murid, rakan sejawat dan masyarakat. Malah guru juga dapat menguruskan emosi dan faham akan kekuatan dan kelemahan diri serta memahami perasaan sendiri. Guru juga dapat mengenali kekuatan dan batasan mereka sendiri, terbuka dalam menerima maklumat dan pengalaman baharu dan belajar dari interaksi mereka dengan orang lain. Goleman menunjukkan bahawa orang yang mempunyai kesedaran diri mempunyai rasa humor yang baik, yakin pada diri dan kemampuan diri dan menyedari bagaimana tanggapan murid, rakan sejawat dan masyarakat terhadap diri guru itu sendiri. | (Issah, 2018)<br>(R. S. Barth, 2001)<br>(M. a Brackett & Katulak, 2007)<br>(Daniel Goleman, 2004)<br>(Daniel Goleman, 2011) |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


| | | |
|---|---|---|
| Elemen 1 | Saya mempunyai keyakinan diri yang utuh | |
| Elemen 2 | Saya sentiasa belajar tentang kemahiran baharu | |
| Elemen 3 | Saya menulis perasaan saya dalam buku harian atau jurnal | |
| Elemen 4 | Saya boleh mengawal amarah apabila berdepan dengan murid | |
| Elemen 5 | Saya sentiasa mengawal fikiran dan emosi dari berfikiran negatif | |
| Elemen 6 | Saya sentiasa ingin berubah demi kualiti pendidikan pada masa kini | |
| Elemen 7 | Saya mempunyai penilaian yang realistik terhadap keupayaan diri sendiri | |
| Elemen 8 | Saya menerima maklum balas orang lain terhadap saya dengan hati yang tenang | |
| Elemen 9 | Saya sentiasa berusaha untuk membina perkembangan dalam pemikiran | |
| **Kriteria 2:** | **Pengawalan Kendiri** | **(Daniel Goleman, 1995)** |
| Definisi | Guru berkebolehan mengurus emosi diri dengan cara yang sesusai dalam pelbagai situasi agar dapat memudahkan sesuatu tugasan. Kecekapan untuk mengawal dan mengurus emosi diri itu bergantung kepada kepada kesedaran diri sendiri. Ini tidak bermaksud seorang guru perlu meletakkan emosi dalam keadaan terkunci dalam hati dan menyembunyikan perasaan sebenarnya. Seorang guru perlu mengawal diri dari menyatakan dan hanya mengekspresikan emosi itu pada waktu dan masa yang tepat. Guru yang mahir dalam pengawalan kendiri cenderung dapat menyesuaikan diri dengan baik untuk berubah. Mereka juga pandai menguruskan konflik dan mengawal keadaan tegang atau sukar dengan cara yang berhemah. | (Van Deursen et al., 2015) (Daniel Goleman, 1995) (Peter Salovey & Mayer, 1993) (Asrar-ul-Haq et al., 2017) (Pfeifer & Dapretto, 2013) |
| Elemen 1 | Saya cepat pulih daripada tekanan emosi | |
| Elemen 2 | Saya sentiasa melihat cabaran sebagai peluang | |
| Elemen 3 | Saya dapat mengawal kemarahan saya dengan baik | |
| Elemen 4 | Saya sentiasa berusaha untuk menerima emosi sendiri | |
| Elemen 5 | Saya mempunyai kemahiran toleransi apabila berada dalam tekanan | |
| Elemen 6 | Saya boleh mengawal diri saya dari berfikiran negatif terhadap sesuatu perkara | |
| Elemen 7 | Saya sentiasa mencari jalan penyelesaian untuk menguruskan emosi yang sukar. | |
| Elemen 8 | Saya sentiasa mengawal fikiran dan perasaan saya apabila berasa tertekan dengan murid atau rakan sejawat | |
| Elemen 9 | Saya sentiasa mengetahui bahawa saya mempunyai pilihan bagaimana hendak bertindak balas apabila berada dalam sesuatu konflik di sekolah | |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


| **Kriteria 3:** | **Motivasi Kendiri** | **(Daniel Goleman, 1995)** |
|---|---|---|
| Definisi | Seorang guru berupaya menggunakan kekuatan peribadi dalam diri untuk mempengaruhi murid, rakan sejawat dan masyarakat dalam meningkatkan dan mencapai sesuatu matlamat, komitmen terhadap matlamat atau kesediaan guru untuk bertindak berdasarkan peluang yang ada. Proses bertindak dalam mencapai sesuatu matlamat ini datang dari faktor dalaman diri atau luaran diri. Oleh itu guru memerlukan motivasi dalam diri untuk menjadi seseorang yang mempunyai kemahiran kecerdasan emosi dalam motivasi kendiri. Ini kerana guru lebih cenderung melakukan tindakan untuk menetapkan matlamat apa yang diingini. Mereka mempunyai keperluan yang tinggi untuk pencapaian dan selalu mencari jalan untuk melakukan yang lebih baik. Mereka juga sangat komited dan pandai mengambil inisiatif. | (Shibila Sabir & Thomas, 2020)<br>(Dijk & Freedman, 2007)<br>(Trigueros et al., 2019)<br>(Wirawan et al., 2019)<br>(Hong et al., 2011) |
| Elemen 1 | Saya berani melakukan perubahan di dalam kelas | |
| Elemen 2 | Saya sentiasa komitmen untuk mencapai matlamat peribadi | |
| Elemen 3 | Saya menjadikan tahap prestasi tertentu dalam memenuhi kepuasan diri | |
| Elemen 4 | Saya sentiasa berusaha untuk mencapai matlamat menjadi guru yang cemerlang | |
| Elemen 5 | Saya sentiasa mejadikan pencapaian murid sebagai motivasi untuk lebih cemerlang | |
| Elemen 6 | Saya mampu menangani cabaran dan terus mengejar cita-cita walaupun ada halangan | |
| Elemen 7 | Saya sentiasa menjadikan murid sebagai kekuatan semangat dalam melakukan aktiviti/ kerja di sekolah | |
| Elemen 8 | Saya sentiasa menerima perubahan dalam bidang pendidikan sebagai satu cabaran sebagai seorang guru | |
| Elemen 9 | Saya sentiasa menganggap teguran daripada pihak atasan sebagai kata semangat dan nasihat | |
| **Kriteria 4:** | **Empati** | **(Daniel Goleman, 1995)** |
| Definisi | Seorang guru yang sensitif dan prihatin kepada emosi orang lain terutamanya kepada murid dan rakan sejawat. Seorang guru mampu memahami perasaan murid dan rakan sejawat melalui bahasa bukan lisan seperti tutur bicara, gerak geri dan gambaran wajah mereka. Empati mungkin mendasari hubungan tingkah laku kepimpinan seperti pertimbangan, yang dicirikan oleh rasa saling percaya, menghormati dan menyokong idea orang | (Ioannidou & Konstantikaki, 2008)<br>(Skinner & Spurgeon, 2005)<br>(Castillo et al., 2013)<br>(Ali et al., 2009)<br>(M. Shi & Du, 2020) |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


| | | |
|---|---|---|
| | lain, dan penghargaan terhadap perasaan mereka. | |
| Elemen 1 | Saya sentiasa bersifat terbuka | |
| Elemen 2 | Saya sentiasa mengkaji sikap anda sendiri | |
| Elemen 3 | Saya sentiasa memberi maklum balas yang membina | |
| Elemen 4 | Saya mempunyai rasa ingin tahu tentang orang yang tidak dikenali | |
| Elemen 5 | Saya memahami perasaan rakan sejawat saya apabila melakukan sesuatu tugasan | |
| Elemen 6 | Saya mendengar dengan teliti maklumat yang disampaikan oleh orang lain | |
| Elemen 7 | Sebelum saya mengkritik seseorang, saya akan meletakkan diri saya ditempat orang tersebut | |
| Elemen 8 | Saya bersikap fleksibel mengikut perbualan orang lain kerana pemikiran dan perasaan orang lain juga berubah | |
| Elemen 9 | Saya memilih nada suara yang paling berkesan untuk perbualan dengan murid ketika pengajaran dan pembelajaran | |
| **Kriteria 5:** | **Kemahiran Sosial** | **(Daniel Goleman, 1995)** |
| Definisi | Guru perlu mempunyai kemahiran sosial terutama dalam kerja berpasukan. Kemahiran sosial memupuk hubungan yang mempunyai kemahiran interpersonal yang baik. Guru juga dapat berasa selesa dengan orang lain dengan mudah. Guru yang mempunyai sikap sebegini cenderong untuk mempunyai murid yang meminati mereka dan rakan guru yang mudah mesra dengan mereka. | (Lopes et al., 2004) (Laveine et al., 2005) (Trigueros et al., 2020) (Drigas & Papoutsi, 2018) (Chung et al., 2012) (Ng et al., 2008) (Abacioglu et al., 2019) (Perry & Ball, 2007) |
| Elemen 1 | Saya sentiasa menjadi pendengar yang aktif. | |
| Elemen 2 | Saya sentiasa menjadi pemecah ais/ *icebreaker* bagi membantu memulakan sesuatu perbualan | |
| Elemen 3 | Saya sentiasa cakna dengan kemahiran sosial orang lain (murid dan rakan sejawat) | |
| Elemen 4 | Saya sentiasa mengemukakan soalan secara terbuka kepada murid dan rakan sejawat | |
| Elemen 5 | Saya sentiasa menunjukkan minat pada orang lain (murid dan rakan sejawat) | |
| Elemen 6 | Saya mempunyai kemahiran komunikasi yang baik dengan murid dan rakan sejawat | |
| Elemen 7 | Saya sentiasa memerhatikan bahasa badan/ *body language* orang lain ketika bercakap | |
| Elemen 8 | Saya mempunyai hubungan mata/ *eye contact* yang baik dengan orang lain (murid dan rakan sejawat) | |
| Elemen 9 | Saya sentiasa membimbing rakan sejawat yang memerlukan bimbinga dalam sesuatu tugasan | |
| Elemen 10 | Saya sentiasa bekerjasama dengan rakan sejawat yang lain untuk mengusahakan program berdasarkan keperluan | |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Setiap definisi bagi setiap kriteria dibentuk untuk menjadi elemen bagi setiap kriteria seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.10. Contohnya, elemen 1 hingga 9 bagi kriteria 1 diperoleh daripada definisi kriteria 1 iaitu kesedaran diri. Kemudian elemen ini akan ditukarkan dalam bentuk item yang akan dipindahkan kepada templat JPI bagi memudahkan setiap item itu dikod untuk dijadikan instrumen lengkap.

#### 4.2.1.4.2 Jadual Penentuan Item Konstruk Kecerdasan Emosi Guru

Jadual Penentuan Item bagi konstruk Kecerdasan Emosi Guru di senaraikan oleh penyelidik melalui sorotan literatur. Jadual 4.11 menunjukkan JPI bagi Konstruk Kecerdasan Emosi Guru.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

**Jadual 4.11**

*Jadual Penentuan Item Konstruk Kecerdasan Emosi Guru*

| **Sub konstruk: Kesedaran Diri** | |
|---|---|
| **Bil** | **Item** |
| D1.1 | Saya mempunyai keyakinan diri yang utuh |
| D1.2 | Saya sentiasa belajar tentang kemahiran baharu |
| D1.3 | Saya menulis perasaan saya dalam buku harian atau jurnal |
| D1.4 | Saya boleh mengawal amarah apabila berdepan dengan murid |
| D1.5 | Saya sentiasa mengawal fikiran dan emosi dari berfikiran negatif |
| D1.6 | Saya sentiasa ingin berubah demi kualiti pendidikan pada masa kini |
| D1.7 | Saya mempunyai penilaian yang realistik terhadap keupayaan diri sendiri |
| D1.8 | Saya menerima maklum balas orang lain terhadap saya dengan hati yang tenang |
| D1.9 | Saya sentiasa berusaha untuk membina perkembangan dalam pemikiran |
| **Sub konstruk: Pengawalan Kendiri** | |
| **Bil** | **Item** |
| D2.1 | Saya cepat pulih daripada tekanan emosi |
| D2.2 | Saya sentiasa melihat cabaran sebagai peluang |
| D2.3 | Saya dapat mengawal kemarahan saya dengan baik |
| D2.4 | Saya sentiasa berusaha untuk menerima emosi sendiri |
| D2.5 | Saya mempunyai kemahiran toleransi apabila berada dalam tekanan |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


| | |
|---|---|
| D2.6 | Saya boleh mengawal diri saya dari berfikiran negatif terhadap sesuatu perkara |
| D2.7 | Saya sentiasa mencari jalan penyelesaian untuk menguruskan emosi yang sukar. |
| D2.8 | Saya sentiasa mengawal fikiran dan perasaan saya apabila berasa tertekan dengan murid atau rakan sejawat |
| D2.9 | Saya sentiasa mengetahui bahawa saya mempunyai pilihan bagaimana hendak bertindak balas apabila berada dalam sesuatu konflik di sekolah |

**Sub konstruk: Motivasi Kendiri**

| **Bil** | **Item** |
|---|---|
| D3.1 | Saya berani melakukan perubahan di dalam kelas |
| D3.2 | Saya sentiasa komitmen untuk mencapai matlamat peribadi |
| D3.3 | Saya menjadikan tahap prestasi tertentu dalam memenuhi kepuasan diri |
| D3.4 | Saya sentiasa berusaha untuk mencapai matlamat menjadi guru yang cemerlang |
| D3.5 | Saya sentiasa mejadikan pencapaian murid sebagai motivasi untuk lebih cemerlang |
| D3.6 | Saya mampu menangani cabaran dan terus mengejar cita-cita walaupun ada halangan |
| D3.7 | Saya sentiasa menjadikan murid sebagai kekuatan semangat dalam melakukan aktiviti/ kerja di sekolah |
| D3.8 | Saya sentiasa menerima perubahan dalam bidang pendidikan sebagai satu cabaran sebagai seorang guru |
| D3.9 | Saya sentiasa menganggap teguran daripada pihak atasan sebagai kata semangat dan nasihat |

**Sub konstruk: Empati**

| **Bil** | **Item** |
|---|---|
| D4.1 | Saya sentiasa bersifat terbuka |
| D4.2 | Saya sentiasa mengkaji sikap diri sendiri |
| D4.3 | Saya sentiasa memberi maklum balas yang membina |
| D4.4 | Saya mempunyai rasa ingin tahu tentang orang yang tidak dikenali |
| D4.5 | Saya memahami perasaan rakan sejawat saya apabila melakukan sesuatu tugasan |
| D4.6 | Saya mendengar dengan teliti maklumat yang disampaikan oleh orang lain |
| D4.7 | Sebelum saya mengkritik seseorang, saya akan meletakkan diri saya ditempat orang tersebut |
| D4.8 | Saya bersikap fleksibel mengikut perbualan orang lain kerana pemikiran dan perasaan orang lain juga berubah |
| D4.9 | Saya memilih nada suara yang paling berkesan untuk perbualan dengan murid ketika pengajaran dan pembelajaran |

**Sub konstruk: Kemahiran Sosial**

| **Bil** | **Item** |
|---|---|
| D5.1 | Saya sentiasa menjadi pendengar yang aktif |
| D5.2 | Saya sentiasa menjadi pemecah ais/*icebreaker* bagi membantu memulakan sesuatu perbualan |
| D5.3 | Saya sentiasa cakna dengan kemahiran sosial orang lain (murid dan rakan sejawat) |
| D5.4 | Saya sentiasa mengemukakan soalan secara terbuka kepada murid dan |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


| | |
|---|---|
| | rakan sejawat |
| D5.5 | Saya sentiasa menunjukkan minat pada orang lain (murid dan rakan sejawat) |
| D5.6 | Saya mempunyai kemahiran komunikasi yang baik dengan murid dan rakan sejawat |
| D5.7 | Saya sentiasa memerhatikan bahasa badan/ *body language* orang lain ketika bercakap |
| D5.8 | Saya mempunyai hubungan mata/ *eye contact* yang baik dengan orang lain (murid dan rakan sejawat) |
| D5.9 | Saya sentiasa membimbing rakan sejawat yang memerlukan bimbingan dalam sesuatu tugasan |
| D5.10 | Saya sentiasa bekerjasama dengan rakan sejawat yang lain untuk mengusahakan program berdasarkan keperluan |

## 4.3 Dapatan Persoalan Kajian Pertama (1b)

Apakah item Instrumen Penilaian Kepimpinan Guru Malaysia (IPKGM) mempunyai kesahan kandungan melalui analisis CVI yang boleh di terima?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi menjawab persoalan kajian ini, penyelidik melakukan kesahan muka dan kandungan melalui pakar dalam bidang tertentu. Selain itu, data daripada kajian *Preliminary Item Tryouts* juga dianalisis bagi memastikan konstruk dan item yang dibina menepati kesesuaian dari segi kefahaman bahasa dan masa yang diperuntukkan serta kandungan IPKGM dapat difahami oleh sampel kajian.

### 4.3.1 Dapatan Kesahan Muka dan Kandungan Pakar

110 item telah disahkan kandungan berdasarkan penilaian enam orang pakar I-CVI berdasarkan skala yang diberikan. Hasil analisis I-CVI yang dilakukan didapati julat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


bagi setiap item menunjukkan nilai I-CVI bagi item-item Konstruk Komitmen Guru ialah (0.50 sehingga 1.00). Bagi item-item Konstruk Kompetensi Guru, nilai I-CVI (0.83 sehingga 1.00). Manakala bagi item-item Konstruk Kecerdasan Emosi Guru, nilai I-CVI (0.83 sehingga 1.00). Oleh hal yang demikian, dapatan ini mengesahkan bahawa instrumen yang digunakan dalam kajian ini telah memenuhi kriteria kesahan kandungan dengan beberapa item diperbaiki dan digugurkan. Selanjutnya, perincian analisis dapatan I-CVI bagi setiap item adalah seperti dalam Jadual 4.12, Jadual 4.13 dan Jadual 4.14

**Jadual 4.12**

*Nilai I-CVI Bagi Konstruk dan Item Komitmen Guru*

| Item | P1 | P2 | P3 | P4 | P5 | P6 | I-CVI | PC | Pekali Kappa |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| B1.1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1.00 | 0.015625 | 1.00 |
| B1.2 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1.00 | 0.015625 | 1.00 |
| B1.3 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1.00 | 0.015625 | 1.00 |
| B1.4 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1.00 | 0.015625 | 1.00 |
| B1.5 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1.00 | 0.015625 | 1.00 |
| B1.6 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1.00 | 0.015625 | 1.00 |
| B1.7 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1.00 | 0.015625 | 1.00 |
| B1.8 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1.00 | 0.015625 | 1.00 |
| B1.9 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1.00 | 0.015625 | 1.00 |
| B1.10 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1.00 | 0.015625 | 1.00 |
| B2.1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1.00 | 0.015625 | 1.00 |
| B2.2 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1.00 | 0.015625 | 1.00 |
| B2.3 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1.00 | 0.015625 | 1.00 |
| B2.4 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1.00 | 0.015625 | 1.00 |
| B2.5 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1.00 | 0.015625 | 1.00 |
| B2.6 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1.00 | 0.015625 | 1.00 |
| B2.7 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1.00 | 0.015625 | 1.00 |
| B2.8 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1.00 | 0.015625 | 1.00 |
| B2.9 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1.00 | 0.015625 | 1.00 |
| B2.10 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1.00 | 0.015625 | 1.00 |
| B2.11 | 1 | 0 | 0 | 1 | 1 | 0 | 0.50 | 0.3125 | 0.27 |
| B3.1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1.00 | 0.015625 | 1.00 |
| B3.2 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1.00 | 0.015625 | 1.00 |
| B3.3 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1.00 | 0.015625 | 1.00 |
| B3.4 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1.00 | 0.015625 | 1.00 |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


| Item | P1 | P2 | P3 | P4 | P5 | P6 | I-CVI | PC | Pekali Kappa |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| B3.5 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1.00 | 0.015625 | 1.00 |
| B3.6 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1.00 | 0.015625 | 1.00 |
| B3.7 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1.00 | 0.015625 | 1.00 |
| B3.8 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1.00 | 0.015625 | 1.00 |
| B3.9 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1.00 | 0.015625 | 1.00 |
| B4.1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1.00 | 0.015625 | 1.00 |
| B4.2 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1.00 | 0.015625 | 1.00 |
| B4.3 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1.00 | 0.015625 | 1.00 |
| B4.4 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1.00 | 0.015625 | 1.00 |
| B4.5 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1.00 | 0.015625 | 1.00 |
| B4.6 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1.00 | 0.015625 | 1.00 |
| B4.7 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1.00 | 0.015625 | 1.00 |
| B4.8 | 1 | 0 | 1 | 1 | 1 | 1 | 0.83 | 0.09375 | 0.82 |
| B4.9 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1.00 | 0.015625 | 1.00 |

S-CVI/Ave = 0.98 (diterima). I-CVI = *item content validity index*,
Pc = *Probability of chance agreement*; S-CVI = *scale content validity index*.

**Jadual 4.13**

*Nilai I-CVI Bagi Konstruk dan Item Kompetensi Guru*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

| Item | P1 | P2 | P3 | P4 | P5 | P6 | I-CVI | PC | Pekali Kappa |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| C1.1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1.00 | 0.015625 | 1.00 |
| C1.2 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1.00 | 0.015625 | 1.00 |
| C1.3 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1.00 | 0.015625 | 1.00 |
| C1.4 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1.00 | 0.015625 | 1.00 |
| C1.5 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1.00 | 0.015625 | 1.00 |
| C1.6 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1.00 | 0.015625 | 1.00 |
| C1.7 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1.00 | 0.015625 | 1.00 |
| C1.8 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1.00 | 0.015625 | 1.00 |
| C2.1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1.00 | 0.015625 | 1.00 |
| C2.2 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1.00 | 0.015625 | 1.00 |
| C2.3 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1.00 | 0.015625 | 1.00 |
| C2.4 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1.00 | 0.015625 | 1.00 |
| C2.5 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1.00 | 0.015625 | 1.00 |
| C2.6 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1.00 | 0.015625 | 1.00 |
| C2.7 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1.00 | 0.015625 | 1.00 |
| C2.8 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1.00 | 0.015625 | 1.00 |
| C2.9 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1.00 | 0.015625 | 1.00 |
| C3.1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1.00 | 0.015625 | 1.00 |
| C3.2 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1.00 | 0.015625 | 1.00 |
| C3.3 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1.00 | 0.015625 | 1.00 |
| C3.4 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1.00 | 0.015625 | 1.00 |
| C3.5 | 1 | 0 | 1 | 1 | 1 | 1 | 0.83 | 0.09375 | 0.82 |
| C3.6 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1.00 | 0.015625 | 1.00 |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


| Item | P1 | P2 | P3 | P4 | P5 | P6 | I-CVI | PC | Pekali Kappa |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| C3.7 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1.00 | 0.015625 | 1.00 |
| C3.8 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1.00 | 0.015625 | 1.00 |

S-CVI/Ave = 0.99 (diterima). I-CVI = *item content validity index*,
Pc = *Probability of chance agreement*; S-CVI = *scale content validity index*.

**Jadual 4.14**

*Nilai I-CVI Bagi Konstruk dan Item Kecerdasan Emosi Guru*

| Item | P1 | P2 | P3 | P4 | P5 | P6 | I-CVI | PC | Pekali Kappa |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| D1.1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1.00 | 0.015625 | 1.00 |
| D1.2 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1.00 | 0.015625 | 1.00 |
| D1.3 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1.00 | 0.015625 | 1.00 |
| D1.4 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1.00 | 0.015625 | 1.00 |
| D1.5 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1.00 | 0.015625 | 1.00 |
| D1.6 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1.00 | 0.015625 | 1.00 |
| D1.7 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1.00 | 0.015625 | 1.00 |
| D1.8 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1.00 | 0.015625 | 1.00 |
| D1.9 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1.00 | 0.015625 | 1.00 |
| D2.1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1.00 | 0.015625 | 1.00 |
| D2.2 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1.00 | 0.015625 | 1.00 |
| D2.3 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1.00 | 0.015625 | 1.00 |
| D2.4 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1.00 | 0.015625 | 1.00 |
| D2.5 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1.00 | 0.015625 | 1.00 |
| D2.6 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1.00 | 0.015625 | 1.00 |
| D2.7 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1.00 | 0.015625 | 1.00 |
| D2.8 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1.00 | 0.015625 | 1.00 |
| D2.9 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1.00 | 0.015625 | 1.00 |
| D3.1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1.00 | 0.015625 | 1.00 |
| D3.2 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1.00 | 0.015625 | 1.00 |
| D3.3 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1.00 | 0.015625 | 1.00 |
| D3.4 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1.00 | 0.015625 | 1.00 |
| D3.5 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1.00 | 0.015625 | 1.00 |
| D3.6 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1.00 | 0.015625 | 1.00 |
| D3.7 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1.00 | 0.015625 | 1.00 |
| D3.8 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1.00 | 0.015625 | 1.00 |
| D3.9 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1.00 | 0.015625 | 1.00 |
| D4.1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1.00 | 0.015625 | 1.00 |
| D4.2 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1.00 | 0.015625 | 1.00 |
| D4.3 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1.00 | 0.015625 | 1.00 |
| D4.4 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1.00 | 0.015625 | 1.00 |
| D4.5 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1.00 | 0.015625 | 1.00 |
| D4.6 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1.00 | 0.015625 | 1.00 |
| D4.7 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1.00 | 0.015625 | 1.00 |
| D4.8 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 0 | 0.83 | 0.09375 | 0.82 |
| D4.9 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1.00 | 0.015625 | 1.00 |
| D5.1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1.00 | 0.015625 | 1.00 |
| D5.2 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1.00 | 0.015625 | 1.00 |
| D5.3 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1.00 | 0.015625 | 1.00 |
| D5.4 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1.00 | 0.015625 | 1.00 |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


| Item | P1 | P2 | P3 | P4 | P5 | P6 | I-CVI | PC | Pekali Kappa |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| D5.5 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1.00 | 0.015625 | 1.00 |
| D5.6 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1.00 | 0.015625 | 1.00 |
| D5.7 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1.00 | 0.015625 | 1.00 |
| D5.8 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1.00 | 0.015625 | 1.00 |
| D5.9 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1.00 | 0.015625 | 1.00 |
| D5.10 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1.00 | 0.015625 | 1.00 |

S-CVI/Ave = 0.99 (diterima). I-CVI = *item content validity index*,
Pc = *Probability of chance agreement*; S-CVI = *scale content validity index*.

### 4.3.2 Analisis Maklum Balas Pakar

Seterusnya, berdasarkan makum balas panel pakar yang diperincikan seperti dalam Jadual 4.15, proses pengubahsuaian dan pemurnian borang soal selidik telah dilakukan iaitu melibatkan kesesuaian item, pengubahsuaian pernyataan, pengubahsuaian susunan ayat, pembetulan terhadap kesilapan teknikal seperti ejaan dan bahasa, pengubahsuaian pada skala pengukuran agar menghasilkan pengukuran yang bermakna serta melakukan pengguguran item, terutamanya bagi item yang dikenal pasti bertindan mempunyai maksud sama. Untuk itu, perincian analisis dapatan kajian bagi setiap item adalah seperti dalam Jadual 4.16, Jadual 4.17 dan Jadual 4.18.

**Jadual 4.15**

*Analisis Maklum Balas Panel Pakar Terhadap Instrumen Kajian*

| Bil | Panel Pakar | Maklum Balas Pakar |
|---|---|---|
| 1. | Dr A (Pakar 1) | 1. Item pada instrumen secara keseluruhannya adalah baik.<br>2. Susunan item perlu mengikut kepentingan.<br>3. Item bagi setiap konstruk bersesuai kerana terdiri daripada tujuh hingga sepuluh item.<br>4. Item adalah merujuk sumber literatur yang relevan dengan konteks kajian. |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


| Bil | Panel Pakar | Maklum Balas Pakar |
|---|---|---|
| | | 5. Penggunaan skala perlu sesuai dengan item yang hendak diukur.<br>6. Soalan dan pernyataan adalah sesuai.<br>7. Pernyataan yang digunakan adalah pendek dan padat, mudah difahami dan jelas.<br>8. Penggunaan bahasa adalah mudah, tidak timbul kekeliruan.<br>9. Item B4.3, D1.9, D5.2, D5.5 perlu baiki maksud ayat dan kesalahan bahasa. |
| 2. | Dr. B (Pakar 2) Psikologi dan Kaunseling | 1. Item pada instrumen secara keseluruhannya adalah baik dan jelas difahami.<br>2. Susunan item sesuai.<br>3. Penggunaan bahasa mudah difahami.<br>4. Item yang dibina sesuai untuk penilaian kendiri guru sebagai kepimpinan guru.<br>5. Item B1.5, B3.7, B4.8, C1.2, C4.5 terdapat perkataan sama maksud. Boleh dibaiki dengan membetulkan kesalahan perkataan.<br>6. Item B.11 kurang sesusai. Boleh digugurkan atau diperbaiki. |
| 3. | Tuan C (Pakar 3) Pengurusan dan Pentadbiran Sekolah | 1. Secara keseluruhannya konstruk bagi setiap item adalah jelas dan baik.<br>2. Bahagian dalam soal selidik telah menggambarkan tajuk kajian<br>3. Item dapat mengukur soalan kendiri guru untuk menjadi kepimpinan guru.<br>4. Penyataan yang digunakan jelas dan faham.<br>5. Item D5.2 “pemecah ais” perlu dimurnikan dengan perkataan yang lebih difahami.<br>6. Item B1.9, B2.11, D1.4 dan D5.2 adalah item agak relevan dalam mengukur domain. Boleh digugurkan atau dikekalkan kerana berada dalam konteks teori yang tepat.<br>7. Skala bagi setiap item sesuai bagi mengukur penilaian kendiri guru. |
| 4. | Puan D (Pakar 4) Pengurusan dan Pentadbiran Sekolah (Bahasa dan Kandungan) | 1. Item pada instrumen secara keseluruhannya adalah baik dan sesuai diberikan kepada guru.<br>2. Item B1.5, B1.8, B1.9, B2.7, B2.8, B3.7, B3.9, B4.2, B4.4, B4.7, B4.8, B4.9, C2.7, D1.4, D1.5, D1.6, D2.6, D2.9, D3.5, D4.3, D4.7, D4.8, D5.10 mempunyai kesalahan ejaan, bahasa dan frasa ayat yang minima. Baiki semula penyataan item tersebut.<br>3. Item B2.7, C4.8 dan C5.10 perlu ubahsuai agar tidak menimbulkan kekeliruan, dicadangkan perlu menggunakan ayat yang menggambarkan satu maksud sahaja.<br>4. Jika ada beberapa aspek dinilai dalam satu item, dicadangkan menggunakan satu perkataan untuk |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


| Bil | Panel Pakar | Maklum Balas Pakar |
|---|---|---|
| | | mewakili maksud penyataan yang lain.<br>5. Secara keseluruhannya konstruk bagi setiap item adalah jelas dan baik.<br>6. Bahagian dalam soal selidik telah menggambarkan tajuk kajian |
| 5. | Puan E (Pakar 5) Sektor Pembelajaran (Bahasa dan Kandungan) | 1. Dicadangkan untuk ditambahkan item bagi Kompetensi Guru dalam nilai peribadi. Satu atau dua item yang merujuk kepada teori dan sorotan literatur<br>2. Kesesuaian pemilihan beberapa perkataan bagi item B1.5, B1.8, B2.7, B3.9, B4.9, C2.7, D1.4 dan D4.8 perlu di semak semula dan perlu diperbaiki agar penggunaan lebih sesuai.<br>3. Item B2.7- memberi sumbangan berbentuk apa? Jelaskan agar maksud sumbangan itu sampai.<br>4. Item B3.7 kesalahan ejaan efisyen. Minta dibaiki ejaan tersebut.<br>5. Item B4.7 ejaan covid. Sebaiknya menggunakan semua huruf besar COVID.<br>6. Kesalahan kepada arahan soalan bahagian B.<br>7. C2.7- maksud yang hendak disampaikan tidak jelas. Dalam ayat menunjukkan kecekapan…. Seperti? Perlu baiki ayat tersebut dengan menambahkan kecekapan apa?<br>8. Item B1.5, B1.8, B2.7, B3.7, B3.9, B4.2, B4.4, B4.7, B4.8, B4.9, C2.7, D1.4, D1.6, D2.6, D2.9, D4.7 dan D4.8 terdapat kesalahan ejaan dan frasa ayat dan perlu dibaiki.<br>9. Keseluruhan item dibina dengan baik. |
| 6. | Puan F (Pakar 6) Pembangunan Profesionalisme Guru | 1. Item B1.8 tukarkan perkataan *program pendidikan guru yang*… kepada program pembangunan profesionalisme berterusan.<br>2. Item B2.4 saya *sangat* perkataan *sangat* boleh digugurkan<br>3. Item B3.7 perkataan dan *efisyen* tidak perlu atau gugurkan sahaja<br>4. Item B4.4 perkataan untuk digantikkan dengan bahawa. Dan perkataan bahawa digugurkan.<br>5. Item B3.8, B3.9, C1.6 dan D4.8 perlu dibaiki ayat agar maksudnya lebih jelas dan difahami.<br>6. Item C2.9 gantikan perkataan kolaborasi dengan kolaboratif.<br>7. Keseluruhan item dibina dengan baik dan boleh digunakan untuk penilaian kendiri kepada guru namun memerlukan Penambahbaikan dari segi ayat dan susunan perkataan.<br>8. Konstruk Kecerdasan Emosi memainkan peranan penting dalam penilaian kendiri ini dan keseluruhan item menunjukkan penyataan yang dapat diukur dan |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


| Bil | Panel Pakar | Maklum Balas Pakar |
|---|---|---|
| | | dicadangkan untuk mencari sorotan kajian berkaitan dengan pengawalan kendiri atau tekanan yang dihadapi oleh guru. |
| 7. | Dr G (Pakar 7) Statistik Pengukuran dan Penilaian | 1. Skala "Kurang Setuju" dicadangkan perlu ditukar kepada Neutral bagi menjaga "normal curve" taburan data. Namun terpulang kepada penyelidik.<br>2. Bilangan item adalah bilangan yang munasabah. Ini kerana responden dapat menjawab dengan lebih semangat dan lebih tepat.<br>3. Soalan bersifat *Self Questionnaire* adalah lebih mudah penilaiannya kerana berada dalam kumpulan penilaian kendiri diri guru itu sendiri.<br>4. Penyataan yang diguna sangat bertepatan dengan setiap model, teori dan sorotan literatur yang dibuat oleh pengkaji.<br>5. Susunan item adalah lebih baik berturutan dalam satu kelompok konstruk |
| 8. | Puan H (Pakar 8) Statistik Pengukuran dan Penilaian | 1. Secara keseluruhan item dibina dengan baik dan mencapai objektif pembinaan item.<br>2. Skala pengukuran yang sesuai kerana instrumen ini adalah instrumen bersifat *Self Questionnaire* iaitu menilai kendiri individu dalam mengenal pasti ciri-ciri kepimpinan guru<br>3. Teknik penyoalan atau jenis skala pengukuran menggunakan skala persetujuan adalah bersesuaian<br>4. Item ini akan diuji semula dengan menggunakan Rasch Model adalah analisis yang tepat bagi melihat setiap item itu.<br>5. Keseluruhan item dibina dengan baik dan bersesuaian dengan teori, model dan sorotan literatur yang dikaji.<br>6. Mana-mana item yang mempunyai maksud yang lebih kurang sama dicadangkan salah satu perlu digugurkan.<br>7. Sub-konstruk bagi setiap konstruk yang dibina bersesuaian, antara 10-12 item.<br>8. Penggunaan skala bersesuaian agar konstruk benar-benar dapat diukur.<br>9. Item B2.1, B2.10, B2.11, B3.4, B4.6, B4.8, C1.2, C1.3, C2.1, C2.3, C2.4, C2.8, C2.9, C3.2, C3.5, D1.1, D1.5, D1.7, D2.1, D2.5, D2.7, D2.8, D2.9, D3.7, D4.1, D4.2, D4.4, D4.7, D4.8, D5.1, D5.3, D5.4, D5.5 adalah item yang agak relevan. Boleh dikekalkan atau digugurkan dari set instrumen ini.<br>10. Item C3.4, D1.3 dan D5.2 adalah item dalam kelompok tidak penting dan dicadangkan untuk digugurkan.<br>11. Kesesuaian penyataan item adalah ringkas dan jelas maksudnya. |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


| Bil | Panel Pakar | Maklum Balas Pakar |
|---|---|---|
| | | 12. Terdapat satu atau dua item yang cenderung (bias), item yang bertindih dan item yang mengukur perkara yang sama berulang pada konstruk yang sama. Ia perlu dibaiki dengan menggunakan perkataan yang mudah difahami. |

**Jadual 4.16**

*Item Dibaiki/Digugurkan bagi Konstruk Komitmen Guru*

| **B1. Komitmen Guru Terhadap Profesion** | | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Item Sebenar** | **Komen** | **Item Dibaiki** |
| B1.5 | Saya memberi sepenuh tenaga dan minat terhadap profesion keguruan | Bahasa | Saya memberikan sepenuh tenaga dan minat terhadap profesion keguruan |
| B1.8 | Saya merasakan program pendidikan guru yang berterusan menjadi amat penting pada masa kini | Bahasa | Saya berasa program pembangunan profesionalisme berterusan menjadi amat penting pada masa ini |
| B1.9 | Saya sentiasa melihat kursus atau latihan yang diberikan oleh KPM sebagai satu peluang meningkatkan profesionalisme guru | Bahasa | Saya sentiasa melihat kursus atau latihan yang diberikan oleh KPM sebagai satu peluang untuk meningkatkan profesionalisme guru |
| **B2. Komitmen Guru Terhadap Sekolah** | | | |
| **Bil** | **Item Sebenar** | **Komen** | **Item Dibaiki** |
| B2.7 | Saya sanggup memberi sumbangan agar matlamat sekolah tercapai. | Tidak Jelas/ Bahasa | Saya sanggup memberikan sumbangan dari pelbagai aspek agar matlamat sekolah tercapai**.** |
| B2.8 | Saya aktif melibatkan diri dalam perlaksanaan tugas di sekolah | Kesalahan Ejaan | Saya aktif melibatkan diri dalam pelaksanaan tugas di sekolah |
| B2.11 | Saya bercerita tentang kecemerlangan sekolah kepada rakan sejawat yang lain | Digugurkan | |
| **B3: Komitmen Guru Terhadap Pengajaran Dan Pembelajaran** | | | |
| **Bil** | **Item Sebenar** | **Komen** | **Item Dibaiki** |
| B3.7 | Saya sentiasa mahu mewujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang aktif dan efisyen di dalam | Bahasa | Saya sentiasa mahu mewujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang aktif di dalam kelas |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


| | | | |
|---|---|---|---|
| | kelas | | |
| B3.9 | Saya sentiasa memastikan penyampaian pengajaran dan pembelajaran menarik, mudah dan tepat dengan kandungan yang di ajar | Bahasa | Saya sentiasa memastikan penyampaian pengajaran dan pembelajaran menarik, mudah dan tepat dengan kandungan yang diajar |
| **B4: Komitmen Guru Terhadap Murid** | | | |
| **Bil** | **Item Sebenar** | **Komen** | **Item Dibaiki** |
| B4.2 | Saya mengekalkan fikiran terbuka untuk membina hubungan positif bersama murid | Bahasa | Saya mengekalkan fikiran terbuka untuk membina hubungan positif bersama dengan murid |
| B4.4 | Saya mengambil sikap prihatin untuk memastikan bahawa murid merasa dihargai apabila bersama saya | Bahasa | Saya mengambil sikap prihatin untuk memastikan murid berasa dihargai apabila bersama dengan saya |
| B4.7 | Saya merancang pengajaran dengan baik untuk memberi dimensi baharu kepada murid (berdasarkan situasi kini-pandemik covid-19) | Kesalahan Kata Nama Khas | Saya merancang pengajaran dengan baik untuk memberi dimensi baharu kepada murid (berdasarkan situasi kini-pandemik COVID-19) |
| B4.8 | Saya lebih memberi fokus kepada peningkatan pengetahuan dan kemahiran murid berbanding pengajaran berpusatkan guru | Bahasa/ Kurang jelas | Saya mengambil berat terhadap peningkatan pengetahuan dan kemahiran murid |
| B4.9 | Saya berperanan sebagai pemudahcara dengan memberi bimbingan, motivasi dan menggerakkan murid-murid dalam kelas agar menjalankan aktiviti yang dirancang | Bahasa | Saya berperanan sebagai pemudahcara dengan memberikan bimbingan, motivasi dan menggerakkan murid-murid dalam kelas agar menjalankan aktiviti yang dirancang |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


**Jadual 4.17**

*Item Dibaiki/ Digugurkan bagi Konstruk Kompetensi Guru*

| **C1. Kompetensi Guru Dalam Pengetahuan** | | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Item Sebenar** | **Komen** | **Item Dibaiki** |
| C1.6 | Saya mempunyai pengetahuan mengenai tujuan, nilai, sejarah dalam falsafah pendidikan | Bahasa/Ayat | Saya mempunyai pengetahuan tentang Falsafah Pendidikan Guru |
| **C2. Kompetensi Guru Dalam Kemahiran** | | | |
| **Bil** | **Item Sebenar** | **Komen** | **Item Dibaiki** |
| C2.7 | Saya menunjukkan kecekapan dalam menggunakan sumber teknologi dan maklumat | Bahasa | Saya menunjukkan kecekapan yang tinggi dalam menggunakan sumber teknologi dan maklumat |
| C2.9 | Saya berupaya menggalakkan budaya kolaborasi dalam kalangan murid dan rakan sejawat | Bahasa | Saya berupaya menggalakkan budaya kolaboratif dalam kalangan murid dan rakan sejawat |

**Jadual 4.18**

*Item Dibaiki/Digugurkan bagi Konstruk Kecerdasan Emosi Guru*

| **D1. Kesedaran Kendiri** | | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Item Sebenar** | **Komen** | **Item Dibaiki** |
| D1.4 | Saya boleh mengawal amarah apabila berdepan dengan murid | Bahasa | Saya boleh mengawal kemarahan apabila berdepan dengan murid |
| D1.5 | Saya sentiasa mengawal fikiran dan emosi dari berfikiran negatif | Bahasa | Saya sentiasa mengawal fikiran dan emosi daripada berfikiran negatif |
| D1.6 | Saya sentiasa ingin berubah demi kualiti pendidikan pada masa kini | Bahasa | Saya sentiasa ingin berubah demi kualiti pendidikan pada masa ini |
| **D2. Pengawalan Kendiri** | | | |
| **Bil** | **Item Sebenar** | **Komen** | **Item Dibaiki** |
| D2.6 | Saya boleh mengawal diri saya dari berfikiran negatif terhadap sesuatu perkara | Bahasa | Saya boleh mengawal diri saya daripada berfikiran negatif terhadap sesuatu perkara |
| D2.9 | Saya sentiasa mengetahui bahawa saya mempunyai pilihan bagaimana | Bahasa | Saya sentiasa mengetahui bahawa saya mempunyai cara hendak bertindak balas apabila |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


| | | | |
|---|---|---|---|
| | hendak bertindak balas apabila berada dalam sesuatu konflik di sekolah | | berada dalam sesuatu konflik di sekolah |
| **D4. Empati** | | | |
| **Bil** | **Item Sebenar** | **Komen** | **Item Dibaiki** |
| D4.3 | Saya sentiasa memberi maklum balas yang membina | Bahasa | Saya sentiasa memberikan maklum balas yang membina |
| D4.8 | Saya bersikap fleksibel mengikut perbualan orang lain kerana pemikiran dan perasaan orang lain juga berubah | Ayat kurang jelas | Saya mudah menyesuaikan topik perbualan mengikut situasi |
| **D5. Kemahiran Sosial** | | | |
| **Bil** | **Item Sebenar** | **Komen** | **Item Dibaiki** |
| D5.10 | Saya sentiasa bekerjasama dengan rakan sejawat yang lain untuk mengusahakan program berdasarkan keperluan | Ayat kurang jelas | Saya sentiasa bekerjasama dengan rakan sejawat dalam memastikan program sekolah dilaksanakan dengan cemerlang |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ekoran daripada analisis maklum balas pakar berkaitan dengan konstruk dan item IPKGM yang dibina, penyelidik merumuskan, terdapat item yang dibaiki struktur ayat dan bahasa berdasarkan kepada komen penilai pakar. Terdapat satu item yang digugurkan setelah mendapat persetujuan daripada enam pakar dan dapatan analisis I-CVI menunjukkan nilai I-CVI 0.50 dan nilai Pekali Kappa 0.27 iaitu berada di bawah paras persetujuan yang diterima iaitu 0.78. Oleh itu, setelah satu item digugurkan, jumlah keseluruhan item menjadi 109 item.

### 4.3.3 Analisis Maklum Balas Pra Rintis atau Preliminary Item Tryout

Item yang dibaiki kemudiannya diuji kepada guru dalam kajian *preliminary item tryout* kepada sekumpulan kecil guru yang dianggap mewakili populasi dalam kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


sebenar. *Preliminary item tryout* ini dirancang untuk semakan kepada arahan soalan, masa yang diambil untuk menjawab, kefahaman bagi setiap penyataan pada soalan sama ada jelas atau sebaliknya dan ia juga boleh mendedahkan kekaburan dalam kandungan ujian. Selepas pelarasan, item yang masih kekal ditadbir kepada kumpulan yang lebih iaitu dalam kajian rintis.

Jadual 4.19 menunjukkan laporan maklum balas 10 orang guru dalam kajian *preliminary item tryout* yang dilakukan oleh penyelidik dengan menggunakan IPKGM.

**Jadual 4.19**

*Maklum Balas Sampel Kajian Preliminary Item Tryout*

| Bil | Sampel Kajian | Komen |
|---|---|---|
| 1 | Guru A | 1. Masa menjawab tidak mengambil masa terlalu lama<br>2. Bahasa mudah difahami |
| 2 | Guru B | 1. Item D3.2 komitmen tukarkan kepada komited<br>2. Instrumen yang baik |
| 3 | Guru C | 1. Mudah difahami dan boleh dijawab |
| 4 | Guru D | 1. Bahasa yang mudah difahami |
| 5 | Guru E | 1. Instrumen yang baik |
| 6 | Guru F | 1. Mudah difahami |
| 7 | Guru G | 1. Soalan jelas |
| 8 | Guru H | 1. Sesuai diberikan kepada guru |
| 9 | Guru I | 1. Penyataan yang ringkas |
| 10 | Guru J | 1. Tidak mengambil masa yang lama |

Bagi menguji kesahan isi kandungan IPKGM penyelidik telah menggunakan kaedah kesahan kandungan soal selidik yang dibina oleh Ahmad et al. (2005). Soal selidik ini dinamakan sebagai Borang Penilaian Ujian Pra adalah soalan berbentuk skala semantik yang mempunyai 10 titik dengan titik paling kanan ditanda 10 (sangat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


setuju), titik paling kiri, ditanda 1 (sangat tidak setuju) terdiri 5 pernytaan berkaitan dengan kandungan soalan IPKGM. Nilai kesahan kandungan IPKGM dikira menggunakan formula yang dicadangkan oleh Ahmad et al. (2005) iaitu:

$$\frac{\text{Jumlah Skor (x)}}{\text{Skor Maksimum (50)}} \text{ X } 100\% = \text{Pencapaian Kesahan Kandungan}$$

Berdasarkan jadual 4.20, penyelidik melaporkan nilai kesahan kandungan bagi IPKGM adalah .98 (r=.98, n=10) dan kandungan dalam IPKGM mempunyai nilai kesahan kandungan yang tinggi dan boleh diterima untuk tujuan kajian rintis.

**Jadual 4.20**

*Kesahan Kandungan IPKGM oleh Guru dalam Kajian Preliminary Item Tryout*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

| | Skor | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| **Guru** | **Item 1** | **Item 2** | **Item 3** | **Item 4** | **Item 5** | **Nilai *r*** |
| Guru A | 10 | 10 | 10 | 10 | 10 | 1.00 |
| Guru B | 10 | 10 | 10 | 10 | 10 | 1.00 |
| Guru C | 10 | 10 | 10 | 10 | 10 | 1.00 |
| Guru D | 10 | 10 | 10 | 10 | 10 | 1.00 |
| Guru E | 10 | 10 | 10 | 10 | 10 | 1.00 |
| Guru F | 9 | 9 | 9 | 9 | 10 | 0.92 |
| Guru G | 10 | 10 | 10 | 10 | 10 | 1.00 |
| Guru H | 10 | 10 | 10 | 10 | 10 | 1.00 |
| Guru I | 9 | 9 | 9 | 9 | 9 | 0.90 |
| Guru J | 10 | 10 | 10 | 10 | 10 | 1.00 |
| Nilai *r* keseluruhan = | | | | | | 0.98 |

### 4.3.4 Rumusan Konstruk dan Item

Pembinaan item bagi setiap konstruk dan sub konstruk IPKGM dalam kajian ini dibentuk berdasarkan analisis sorotan literatur dan kemudiannya sorotan itu ditulis

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


dalam Jadual Penulisan Item yang telah di bina. Penyelidik memastikan bahawa semua item yang dibina mencerminkan konstruk dan sub konstruk serta memenuhi tujuan pembinaan IPKGM ini. Selain itu, penyelidik juga memastikan bahawa semua penyataan item yang dibina jelas dan mudah difahami.

Dalam kajian ini, penyelidik membina sendiri item-item berdasarkan penerangan daripada kajian lampau, koseptualisasi dan operasionalisasi pada konstruk utama dan daripada konstruk utama dibina pula item bagi setiap sub konstruk yang sememangnya konstruk dan sub konstruk ini didasari dengan tiga model dan teori utama iaitu Komitmen Guru Firestone dan Rosenblum (1988), Teori Kompetensi Spencer dan Spencer (1993) dan Teori Kecerdasan Emosi Goleman (1995) sebagai sumber pengetahuan berkaitan tiga konstruk utama yang ingin dinilai iaitu komitmen guru, kompetensi guru dan kecerdasan emosi. Manakala Teori Kepimpinan Guru dan Model Pembangunan Profesionalisme Berterusan dijadikan sebagai garis panduan dalam perincian penyataan prestasi yang patut dicapai oleh seseorang guru.

Hasilnya penyelidik telah membina sebanyak 110 item, dan satu item telah digugurkan selepas analisis kesahan kandungan dilakukan berdasarkan maklum balas pakar dalam I-CVI menjadikan keseluruhan item ialah 109. Kesemua item yang dibina menggunakan penyataan berbentuk positif bagi mengelakkan kecenderungan berlakunya kesilapan sistematik semasa sampel kajian memberikan respons terhadap item-item dalam instrumen ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


**Jadual 4.21**

*Bilangan Item dan Pemilihan Skala*

| Konstruk | Sub konstruk | Bilangan Item | Skala |
|---|---|---|---|
| Komitmen Guru | Komitmen Guru terhadap Profesion | 10 | Skala Jenis Likert 5 Mata |
| | Komitmen Guru terhadap Sekolah | 10 | |
| | Komitmen Guru terhadap Pengajaran dan Pembelajaran | 9 | |
| | Komitmen Guru terhadap Murid | 9 | |
| Kompetensi Guru | Kompetensi Guru terhadap Pengetahuan | 8 | Skala Jenis Likert 5 Mata |
| | Kompetensi Guru terhadap Kemahiran | 9 | |
| | Kompetensi Guru terhadap Nilai Peribadi | 8 | |
| Kecerdasan Emosi Guru | Kesedaran Kendiri | 9 | Skala Jenis Likert 5 Mata |
| | Pengawalan Kendiri | 9 | |
| | Motivasi Kendiri | 9 | |
| | Empati | 9 | |
| | Kemahiran Sosial | 10 | |
| | Jumlah | 109 | |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 4.3.5 Ringkasan Dapatan Kajian Pembentukan Konstruk dan Item

Berdasarkan dapatan sorotan literatur sistematik, konstruk bagi IPKGM telah dapat ditentukan iaitu (i) Komitmen Guru, (ii) Kompetensi Guru dan (iii) kecerdasan emosi guru. Setelah 3 konstruk utama diperolehi, 12 sub konstruk telah dihasilkan, item dibina dengan merujuk kepada teori dan model sandaran iaitu Komitmen Guru Firestone dan Rosenblum (1988), Teori Kompetensi Spencer dan Spencer (1993) dan Teori Kecerdasan Emosi Goleman (1995). Manakala Teori Kepimpinan Guru dan Model Pembangunan Profesionalisme Berterusan dijadikan sebagai garis panduan dalam perincian penyataan prestasi yang patut dicapai oleh seseorang guru.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Item penilaian adalah berbentuk penyataan dan skala likert 5 mata digunakan. Sebanyak 110 item telah dihasilkan dan telah disahkan dari aspek merujuk kepada pakar-pakar yang terlibat serta proses kesahan kandungan oleh pakar serta perbincangan bersama penyelia, maka terdapat beberapa item yang perlu diperbaiki dan digugurkan. Sebanyak 23 item telah diperbaiki iaitu B1.5, B1.8, B1.9, B2.7, B2.8, B3.7, B3.9, B4.2, B4.4, B4.7, B4.8, B4.9, C1.6, C2.7, C2.9, D1.4, D1.5, D1.6, D2.6, D2.9, D4.3, D4.8 dan D5.10 serta 1 item telah digugurkan iaitu B2.11 bagi menghasilkan item dan instrumen yang lebih berkesan. Keadaan ini menghasilkan item akhir sebanyak 109 item untuk digunakan dalam kajian rintis.

## 4.4 Dapatan Persoalan Kajian Kedua

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Persoalan Kajian 2: Bagaimanakah kefungsian item bagi Instrumen Penilaian Kepimpinan Guru Malaysia (IPKGM) berdasarkan pengukuran Rasch pada peringkat kajian rintis?

Bagi menjawab persoalan kajian ini, penyelidik melakukan kajian rintis bagi memastikan item yang dibina memenuhi prosedur model pengukuran Rasch serta dapat menghasilkan item yang boleh mengukur konstruk yang dihasilkan bagi menilai ciri-ciri kepimpinan guru dalam kalangan guru. Kajian rintis ini telah ditadbir kepada 50 orang guru yang terdiri bukan daripada sampel kajian sebenar.

Bagi menjawab persoalan kajian untuk mencapai objektif kajian kedua, penyelidik melakukan pemeriksaan i) kebolehpercayaan item dan responden, (ii)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


indeks pengasingan item dan responden, (iii) kebolehpercayaan ketekalan dalaman, (iv) polariti item, (v) kesesuaian *(fit)* item, (vi) menentukan korelasi residual terpiawai item, (vii)peta item-indvidu dan (viii) mengesan (*differential item functioning-DIF)*.

### 4.4.1 Kebolehpercayaan Item dan Responden

Bagi menentukan kebolehpercayaan item dalam IPKGM, analisis statistik dengan pendekatan model pengukuran Rasch digunakan dengan merujuk kepada nilai kebolehpercayaan item dan responden. Kebolehpercayaan item dan responden dianalisis mengikut konstruk IPKGM dan secara keseluruhan konstruk IPKGM. Hasil analisis menunjukkan data analisis yang dilakukan kepada item IPKGM untuk mengetahui nilai kebolehpercayaan item mengikut konstruk berdasarkan jadual 4.22.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

**Jadual 4.22**

*Nilai Kebolehpercayaan Item dan Responden Setiap Konstruk Item IPKGM: Kajian Rintis*

| Bil | Konstruk | Kebolehpercayaan item | Kebolehpercayaan responden |
|---|---|---|---|
| 1 | Komitmen Guru | 0.81 | 0.94 |
| 2 | Kompetensi Guru | 0.81 | 0.94 |
| 3 | Kecerdasan Emosi Guru | 0.80 | 0.94 |

Berdasarkan analisis yang dilakukan, didapati nilai kebolehpercayaan item bagi konstruk komitmen guru ialah 0.81, manakala bagi konstruk kompetensi guru pula, ialah 0.81 dan konstruk kecerdasan emosi guru ialah 0.80. Nilai kobolehpercayaan responden juga menunjukkan ketiga-tiga konstruk mempunyai nilai yang sama iaitu 0.94. Ini menunjukkan setiap konstruk mempunyai nilai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


kebolehpercayaan item dan responden yang tinggi dan bersesuaian. Item yang dibina mempunyai kebolehpercayaan yang diterima kuat bersesuaian dengan item instrumen yang baru dibina atau berada dalam peringkat awal penyelidikan.

Analisis terhadap IPKGM juga dilaksanakan secara keseluruhan iaitu dengan melihat kebolehpercayaan item dan responden. Jadual 4.23 menunjukkan nilai kebolehpercayaan item di mana, nilai kebolehpercayaan item adalah 0.81 (> 0.8). Manakala nilai kebolehpercayaan responden adalah 0.94 (>0.8). Ini menunjukkan nilai kebolehpercayaan item secara keseluruhan menunjukkan item mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi. Manakala kebolehpercayaan responden juga menunjukkan ia mampu membezakan keupayaan responden dengan responden yang lain bagi sesuatu pemboleh ubah yang diukur.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

**Jadual 4.23**

*Nilai Kebolehpercayaan Item dan Responden Bagi Keseluruhan Konstruk IPKGM: Kajian Rintis*

| Kebolehpercayaan | Nilai |
|---|---|
| Item | 0.81 |
| Responden | 0.94 |

### 4.4.2 Indeks Pengasingan Item dan Responden

Bagi menentukan pengasingan item dan responden dalam IPKGM, analisis statistik dengan pendekatan model pengukuran Rasch digunakan dengan merujuk kepada pengasingan item dan responden. Pengasingan item dan responden dianalisis

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


mengikut konstruk IPKGM dan secara keseluruhan konstruk IPKGM. Hasil analisis menunjukkan data analisis yang dilakukan kepada item IPKGM untuk mengetahui nilai pengasingan item dan respsonden mengikut konstruk berdasarkan jadual 4.24.

**Jadual 4.24**

*Nilai Pengasingan Item dan Responden Setiap Konstruk Item IPKGM: Kajian Rintis*

| Bil | Konstruk | Pengasingan item | Pengasingan Responden |
|---|---|---|---|
| 1 | Komitmen Guru | 2.08 | 3.83 |
| 2 | Kompetensi Guru | 2.06 | 3.83 |
| 3 | Kecerdasan Emosi Guru | 2.00 | 3.83 |

Hasil dapatan menunjukkan nilai pengasingan item setiap konstruk adalah melebihi daripada nilai 2.00. Hasil analisis menunjukkan bahawa konstruk komitmen guru, nilai pengasingan item adalah 2.08; bagi konstruk kompetensi guru, juga menujukkan nilai pengasingan item 2.06 dan nilai pengasingan item konstruk kecerdasan emosi guru adalah 2.00. Ini menunjukkan bahawa nilai pengasingan item bagi IPKGM adalah baik dan mampu mengenal pasti hierarki kesukaran item. Manakala nilai pengasingan responden bagi ketiga-tiga konstruk adalah sama iaitu 3.83.

Analisis terhadap IPKGM juga dilaksanakan secara keseluruhan iaitu dengan melihat pengasingan item dan responden yang terlibat dalam kajian. Jadual 4.25 menunjukkan nilai pengasingan item adalah 2.05 (> 0.2). Manakala nilai pengasingan responden adalah 3.83 (>0.2). Ini menunjukkan nilai pengasingan item secara keseluruhan menunjukkan hierarki setiap kesukaran item dapat dikenal pasti. Manakala pengasingan responden juga menunjukkan ia mampu membezakan antara responden yang mempunyai prestasi tinggi dan rendah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


**Jadual 4.25**

*Nilai Pengasingan Item dan Responden Bagi Keseluruhan Konstruk IPKGM: Kajian Rintis*

| Pengasingan | Nilai |
|---|---|
| Item | 2.05 |
| Responden | 3.83 |

### 4.4.3 Kebolehpercayaan Ketekalan Dalaman

Nilai kebolehpercaayan ketekalan dalaman berrdasarkan nilai Alfa Cronbach dianalisis berdasarkan Model Pengukuran Rasch. Analisis memperoleh nilai alpha cronbach bagi IPKGM iaitu 0.94 (> 0.7). Nilai ini menunjukkan item-item mempunyai ketekalan apabila ditadbir secara berkala dan berulang kali kepada kumpulan responden yang berlainan tetapi masih mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi. Kebolehpercayaan item yang tinggi juga menunjukkan kecukupan item untuk mengukur apa yang hendak diukur dalam IPKGM ini.

### 4.4.4 Polariti Item

Dengan merujuk Jadual 4.26, didapati nilai Point Measure Correlation (PTMEA CORR.) bagi kesemua 109 item berdasarkan analisis yang dilakukan terhadap item IPKGM mempunyai nilai yang positif dan bukan sifar. Berdasarkan hasil dapatan tersebut menunjukkan semua item yang disediakan bergerak menghala ke satu arah dengan konstruk dan mampu untuk mengukur konstruk dan tidak bercanggah dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


konstruk yang hendak diukur. Jika nilai PTMEA CORR. adalah tinggi, maka item tersebut berupaya untuk membezakan kemampuan antara responden.

**Jadual 4.26**

*Nilai Point Measure Correlation Bagi Semua Item: Kajian Rintis*

| ***Entry Number*** | ***Point Measure Corr.*** | ***Item*** | ***Entry Number*** | ***Point Measure Corr.*** | ***Item*** | ***Entry Number*** | ***Point Measure Corr.*** | ***Item*** |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 86 | 0.02 | D23 | 64 | 0.24 | D01 | 48 | 0.44 | C10 |
| 8 | 0.08 | B08 | 89 | 0.24 | D26 | 71 | 0.44 | D08 |
| 31 | 0.08 | B31 | 19 | 0.26 | B19 | 96 | 0.44 | D33 |
| 46 | 0.08 | C08 | 57 | 0.26 | C19 | 14 | 0.46 | B14 |
| 69 | 0.08 | D06 | 80 | 0.26 | D17 | 37 | 0.46 | B37 |
| 94 | 0.08 | D31 | 105 | 0.26 | D42 | 52 | 0.46 | C14 |
| 23 | 0.16 | B23 | 2 | 0.27 | B02 | 75 | 0.46 | D12 |
| 61 | 0.16 | C23 | 25 | 0.27 | B25 | 100 | 0.46 | D37 |
| 84 | 0.16 | D21 | 40 | 0.27 | C02 | 6 | 0.49 | B06 |
| 109 | 0.16 | D46 | 63 | 0.27 | C25 | 29 | 0.49 | B29 |
| 1 | 0.17 | B01 | 88 | 0.27 | D25 | 44 | 0.49 | C06 |
| 24 | 0.17 | B24 | 16 | 0.30 | B16 | 67 | 0.49 | D04 |
| 39 | 0.17 | C01 | 54 | 0.30 | C16 | 92 | 0.49 | D29 |
| 62 | 0.17 | C24 | 77 | 0.30 | D14 | 20 | 0.50 | B20 |
| 87 | 0.17 | D24 | 102 | 0.30 | D39 | 58 | 0.50 | C20 |
| 22 | 0.19 | B22 | 9 | 0.31 | B09 | 81 | 0.50 | D18 |
| 60 | 0.19 | C22 | 32 | 0.31 | B32 | 106 | 0.50 | D43 |
| 83 | 0.19 | D20 | 47 | 0.31 | C09 | 12 | 0.53 | B12 |
| 108 | 0.19 | D45 | 70 | 0.31 | D07 | 35 | 0.53 | B35 |
| 17 | 0.19 | B17 | 95 | 0.31 | D32 | 50 | 0.53 | C12 |
| 55 | 0.19 | C17 | 13 | 0.32 | B13 | 73 | 0.53 | D10 |
| 78 | 0.19 | D15 | 36 | 0.32 | B36 | 98 | 0.53 | D35 |
| 103 | 0.19 | D40 | 51 | 0.32 | C13 | 7 | 0.53 | B07 |
| 21 | 0.20 | B21 | 74 | 0.32 | D11 | 30 | 0.53 | B30 |
| 59 | 0.20 | C21 | 99 | 0.32 | D36 | 45 | 0.53 | C07 |
| 82 | 0.20 | D19 | 18 | 0.41 | B18 | 68 | 0.53 | D05 |
| 107 | 0.20 | D44 | 56 | 0.41 | C18 | 93 | 0.53 | D30 |
| 85 | 0.21 | D22 | 79 | 0.41 | D16 | 15 | 0.60 | B15 |
| 5 | 0.23 | B05 | 104 | 0.41 | D41 | 38 | 0.60 | B38 |
| 28 | 0.23 | B28 | 4 | 0.41 | B04 | 53 | 0.60 | C15 |
| 43 | 0.23 | C05 | 27 | 0.41 | B27 | 76 | 0.60 | D13 |
| 66 | 0.23 | D03 | 42 | 0.41 | C04 | 101 | 0.60 | D38 |
| 91 | 0.23 | D28 | 65 | 0.41 | D02 | 11 | 0.60 | B11 |
| 3 | 0.24 | B03 | 90 | 0.41 | D27 | 34 | 0.60 | B34 |
| 26 | 0.24 | B26 | 10 | 0.44 | B10 | 49 | 0.60 | C11 |
| 41 | 0.24 | C03 | 33 | 0.44 | B33 | 72 | 0.60 | D09 |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


| *Entry Number* | *Point Measure Corr.* | *Item* | *Entry Number* | *Point Measure Corr.* | *Item* | *Entry Number* | *Point Measure Corr.* | *Item* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | 97 | 0.60 | D34 |

Jadual 4.27 di bawah menunjukkan ringkasan dapatan data bagi *polarity item* IPKGM pada setiap konstruk. Berdasarkan jadual tersebut menunjukkan bahawa kesemua konstruk mempunyai nilai PTMEA CORR. minimum dan maksimum yang positif. Oleh hal yang demikian, semua item dikekalkan kerana berada dalam parameter positif dan bukan sifar.

**Jadual 4.27**

*Polariti Item IPKGM: Kajian Rintis*

| Bil | Konstruk | PT.MEAS CORR. | | | | Jumlah Item |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | Min. | Item | Maks. | Item | |
| 1 | Komitmen Guru | 0.08 | B08/B31 | 0.60 | B11/B15/B34/B38 | 38 |
| 2 | Kompetensi Guru | 0.08 | C08 | 0.60 | C11/C15 | 25 |
| 3 | Kecerdasan Emosi Guru | 0.02 | D23 | 0.60 | D09/D13/D34/D38 | 46 |

### 4.4.5 Kesesuaian (fit) Item

Jadual 4.28 menunjukkan misfit oder yang memaparkan 10 item yang mempunyai nilai MNSQ terbesar dan 10 item yang mempunyai nilai MNSQ terkecil yang dihasilkan melalui analisis yang ditunjukkan oleh item *statistic: misfit oder*.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


**Jadual 4.28**

*Nilai MNSQ bagi kesesuaian (fit) item IPKGM: Kajian Rintis*

| *Entry Number* | *Measure* | *Infit* | | *Outfit* | | *Pt- Measure* | *Item* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | *MNSQ* | *ZSTD* | *MNSQ* | *ZSTD* | | |
| 8 | 0.22 | 1.14 | 0.70 | 1.48 | 2.0 | A.08 | B08 |
| 31 | 0.22 | 1.14 | 0.70 | 1.48 | 2.0 | B.08 | B31 |
| 46 | 0.22 | 1.14 | 0.70 | 1.48 | 2.0 | C.08 | C08 |
| 69 | 0.22 | 1.14 | 0.70 | 1.48 | 2.0 | D.08 | D06 |
| 94 | 0.22 | 1.14 | 0.70 | 1.48 | 2.0 | E.08 | D31 |
| 3 | -0.50 | 1.45 | 1.8 | 1.41 | 1.6 | F.24 | B03 |
| 26 | -0.50 | 1.45 | 1.8 | 1.41 | 1.6 | G.24 | B26 |
| 41 | -0.50 | 1.45 | 1.8 | 1.41 | 1.6 | H.24 | C03 |
| 64 | -0.50 | 1.45 | 1.8 | 1.41 | 1.6 | I.24 | D01 |
| 89 | -0.50 | 1.45 | 1.8 | 1.41 | 1.6 | J.24 | D26 |
| BETTER FITTING OMITTED | | | | +----------+----------+ | | | |
| 10 | 0.64 | 0.70 | -1.6 | 0.71 | -1.5 | j.44 | B10 |
| 33 | 0.64 | 0.70 | -1.6 | 0.71 | -1.5 | i.44 | B33 |
| 48 | 0.64 | 0.70 | -1.6 | 0.71 | -1.5 | h.44 | C10 |
| 71 | 0.64 | 0.70 | -1.6 | 0.71 | -1.5 | g.44 | D08 |
| 96 | 0.64 | 0.70 | -1.6 | 0.71 | -1.5 | f.44 | D33 |
| 13 | -0.50 | 0.62 | -1.8 | 0.66 | -1.5 | e.32 | B13 |
| 36 | -0.50 | 0.62 | -1.8 | 0.66 | -1.5 | d.32 | B36 |
| 51 | -0.50 | 0.62 | -1.8 | 0.66 | -1.5 | c.32 | C13 |
| 74 | -0.50 | 0.62 | -1.8 | 0.66 | -1.5 | b.32 | D11 |
| 99 | -0.50 | 0.62 | -1.8 | 0.66 | -1.5 | a.32 | D36 |

Berdasarkan Jadual 4.28 di atas, terdapat nilai MNSQ pada item yang diuji melebihi daripada nilai yang sesuai (fit) dengan apa yang disyaratkan oleh model pengukuran Rasch. Nilai yang melebihi daripada nilai 1.40 adalah pada ruangan outfit iaitu 1.48 bagi B08, B31, C08, D06, dan D31. Bagi nilai 1.41 pula ialah item B03, B26, C03, D01 dan D26. Manakala nilai yang kurang daripada 0.6 pada ruangan outfit tiada. Melalui diagnosis ini, mendapati terdapat 10 item yang digugurkan daripada 109 item yang disediakan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 4.4.6 Korelasi Residual Terpiawai Item

Bagi menentukan sama ada terdapat item-item yang bertindan dengan item yang lain, maka nilai korelasi residual perlu dirujuk seperti yang dinyatakan dalam Jadual 4.29 di bawah. Korelasi residual yang tinggi untuk dua item menunjukkan item tersebut adalah bersifat bersandar. Hal ini adalah kerana item tersebut mempunyai ciri-ciri yang sama antara satu sama lain atau kerana kedua-duanya menggabungkan beberapa dimensi lain yang dikongsi bersama.

**Jadual 4.29**

*Korelasi Residual Terpiawai Terbesar pada item IPKGM: Kajian Rintis*

| ***Correlation*** | ***Entry Number*** | ***Item*** | ***MNSQ*** | ***Entry Number*** | ***Item*** | ***MNSQ*** |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1.00 | 74 | D11 | 0.66 | 99 | D36 | 0.66 |
| 1.00 | 75 | D12 | 1.03 | 100 | D37 | 1.03 |
| 1.00 | 76 | D13 | 0.71 | 101 | D38 | 0.71 |
| 1.00 | 77 | D14 | 1.10 | 102 | D39 | 1.10 |
| 1.00 | 79 | D16 | 1.07 | 104 | D41 | 1.07 |
| 1.00 | 80 | D17 | 1.15 | 105 | D42 | 1.15 |
| 1.00 | 81 | D18 | 0.79 | 106 | D43 | 0.79 |
| 1.00 | 82 | D19 | 0.96 | 107 | D44 | 0.96 |
| 1.00 | 83 | D20 | 1.11 | 108 | D45 | 1.11 |
| 1.00 | 84 | D21 | 1.17 | 109 | D46 | 1.17 |

Berdasarkan Jadual 4.29 di atas, menunjukkan terdapat 10 pasang item yang mempunyai nilai korelasi yang tinggi iaitu pada nilai korelasi 1.00 antara item D11, D12, D13, D14, D16, D17, D18, D19, D20, D21, D36, D37, D38, D39, D41, D42, D43, D44, D45 dan D46. Ini bermakna item-item ini mempunyai maksud pengukuran yang sama atau menggabungkan beberapa dimensi lain yang dikongsi bersama.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Maka dengan itu, item ini perlu digugurkan atau diperbaiki struktur ayat bagi salah satu item yang terlibat antara keduanya. Namun, pemilihan item yang akan digugurkan perlu dirujuk kepada nilai MNSQ item-item yang terlibat, iaitu melebihi nilai MNSQ 1.00. Sungguhpun begitu, penyelidik telah membaiki dan menyemak semula item yang bertindan sama ada item ini mempunyai maksud yang hampir sama atau sebaliknya dan boleh diuji dalam kajian sebenar. Oleh hal demikian, item yang dikeluarkan hanya D12, D16, D17, D20, D39, D42 dan D46. Maka item yang kurang daripada nilai MNSQ dengan nilai 1.00 telah dikekalkan.

### 4.4.7 Peta Item-Individu

Analisis data bagi IPKGM menggambarkan taburan item dan responden menunjukkan perbezaan antara sampel, ditunjukkan dalam Jadual 4.30. Julat aras kesukaran item yang diperoleh adalah antara 0.97 logit pada item B12 dan -0.76 pada item D40 yang merupakan nilai ukuran maksimum dan minimum dalam ruangan *measure* dalam analisis *item measure*. Nilai logit yang semakin besar menunjukkan bahawa item tersebut semakin sukar untuk dipersetujui dan nilai logit yang semakin kecil menunjukkan item tersebut semakin mudah untuk dipersetujui.

Manakala nilai julat persetujuan responden pula menunjukkan nilai 3.56 logit yang merupakan nilai ukuran maksimum pada bilangan responden ke 28 dan 0.14 logit yang merupakan nilai ukuran minimum seperti mana yang ditujukan oleh bilangan responden ke 14. Nilai logit yang semakin besar pada nilai logit responden menunjukkan sampel guru semakin mudah memperakui item-item yang diberikan dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


nilai logit semakin kecil pula menunjukkan sampel guru semakin sukar untuk memperakui item-item yang diberikan.

**Jadual 4.30**

*Julat Aras Kesukaran Item dan Persetujuan Responden: Kajian Rintis*

| | Aras Kesukaran Item | | Aras Persetujuan Responden | |
|---|---|---|---|---|
| | Maksimum | Minimum | Maksimum | Minimum |
| Mean | 0.00 | | 1.42 | |
| Entry Number | B12 | D40 | 28 | 14 |
| Nilai Logit | 0.97 | -0.76 | 3.56 | 0.14 |

Berdasarkan analisis, julat kesukaran item dan persetujuan responden adalah agak berbeza iaitu aras persetujuan responden adalah lebih tinggi berbanding aras kesukaran item bagi 109 item IPKGM. Berdasarkan perbezaan *Mean Item* dan *Mean Person* mendapati perbezaan mean adalah +1.42. Ini menunjukkan bahawa keupayaan responden untuk memberikan persepsi bagi memperakui item adalah lebih tinggi berbanding tahap kesukaran item. Dapatan ini menunjukkan bahawa aras kesukaran item pada 109 item IPKGM yang ditadbir kepada responden kajian adalah baik dan boleh diterima. Berdasarkan analisis yang dilakukan terhadap tiga konstruk kepimpinan guru menunjukkan IPKGM bersesuaian dengan kebolehan sampel dalam kajian rintis atau menepati sasaran.

| L | -1.33 | P | -1.64 | 0.31 | 0.95 | 3 | B03 |
| L | -1.68 | P | -1.68 | 0.00 | 0.00 | 4 | B04 |
| L | -1.41 | P | -1.49 | 0.18 | 0.24 | 5 | B05 |
| L | -0.54 | P | -0.79 | 0.26 | 0.82 | 6 | B06 |
| L | -0.30 | P | -0.66 | 0.36 | 1.14 | 7 | B07 |
| L | -0.38 | P | -0.97 | 0.59 | 1.87 | 8 | B08 |
| L | -1.17 | P | -1.08 | -0.08 | -0.26 | 9 | B09 |
| L | 0.01 | P | 0.68 | -0.68 | -2.20 | 10 | B10 |
| L | -1.01 | P | -0.32 | -0.69 | -2.17 | 11 | B11 |
| L | -0.85 | P | -0.36 | -0.49 | -1.54 | 12 | B12 |
| L | -0.86 | P | -0.66 | -0.19 | -0.59 | 13 | B13 |
| L | -1.66 | P | -0.84 | -0.83 | -2.52 | 14 | B14 |
| L | -1.17 | P | -0.22 | -0.95 | -2.99 | 15 | B15 |
| L | -0.93 | P | -0.47 | -0.46 | -1.45 | 16 | B16 |
| L | -1.25 | P | -0.60 | -0.65 | -2.04 | 17 | B17 |
| L | -0.85 | P | -0.08 | -0.77 | -2.45 | 18 | B18 |
| L | -0.85 | P | -1.25 | 0.40 | 1.25 | 19 | B19 |
| L | -1.27 | P | -1.27 | 0.00 | 0.00 | 20 | B20 |
| L | -0.93 | P | -1.18 | 0.25 | 0.78 | 21 | B21 |
| L | -0.30 | P | -0.60 | 0.30 | 0.94 | 22 | B22 |
| L | -0.69 | P | -0.66 | -0.03 | -0.09 | 23 | B23 |
| L | -1.01 | P | -1.03 | 0.02 | 0.07 | 24 | B24 |
| L | 0.24 | P | 0.24 | 0.00 | 0.00 | 25 | B25 |
| L | -0.77 | P | -0.75 | -0.02 | -0.06 | 26 | B26 |
| L | -1.17 | P | -1.19 | 0.02 | 0.07 | 27 | B27 |
| L | -0.93 | P | -1.13 | 0.20 | 0.64 | 28 | B28 |
| L | -1.09 | P | -1.25 | 0.16 | 0.50 | 29 | B29 |
| L | -0.61 | P | -0.82 | 0.20 | 0.64 | 30 | B30 |
| L | -0.46 | P | -0.34 | -0.11 | -0.36 | 31 | B31 |
| L | 0.16 | P | 0.02 | 0.14 | 0.44 | 32 | B32 |
| L | -0.46 | P | -0.77 | 0.31 | 0.99 | 33 | B33 |
| L | -0.77 | P | -0.68 | -0.09 | -0.28 | 34 | B34 |
| L | 0.68 | P | 0.39 | 0.29 | 0.96 | 35 | C01 |
| L | 0.75 | P | 0.43 | 0.32 | 1.07 | 36 | C02 |
| L | 0.08 | P | 0.04 | 0.04 | 0.14 | 37 | C03 |
| L | -0.38 | P | -0.33 | -0.05 | -0.16 | 38 | C04 |
| L | 0.46 | P | 0.27 | 0.18 | 0.60 | 39 | C05 |
| L | 0.31 | P | -0.20 | 0.51 | 1.64 | 40 | C06 |
| L | 1.23 | P | 1.30 | -0.07 | -0.25 | 41 | C07 |
| L | 0.38 | P | 0.12 | 0.26 | 0.86 | 42 | C08 |
| L | 0.89 | P | 1.13 | -0.24 | -0.83 | 43 | C09 |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


| *Group* | *DIF Measure* | *Group* | *DIF Measure* | *DIF Contrast* | *t* | *Entry Number* | *Item* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| L | 1.36 | P | 1.49 | -0.13 | -0.46 | 44 | C10 |
| L | 1.48 | P | 1.20 | 0.29 | 1.02 | 45 | C11 |
| L | 0.23 | P | 0.25 | -0.02 | -0.07 | 46 | C12 |
| L | 1.42 | P | 1.61 | -0.19 | -0.68 | 47 | C13 |
| L | 0.82 | P | 1.18 | -0.36 | -1.23 | 48 | C14 |
| L | 0.53 | P | 0.74 | -0.20 | -0.68 | 49 | C15 |
| L | -0.85 | P | -0.85 | 0.00 | 0.00 | 50 | C16 |
| L | -0.46 | P | -0.26 | -0.20 | -0.63 | 51 | C17 |
| L | -0.61 | P | -0.58 | -0.03 | -0.11 | 52 | C18 |
| L | 0.82 | P | 1.01 | -0.20 | -0.66 | 53 | C19 |
| L | -0.15 | P | -0.26 | .11 | 0.36 | 54 | C20 |
| L | 0.01 | P | -0.49 | 0.50 | 1.59 | 55 | C21 |
| L | -0.22 | P | -0.86 | 0.64 | 2.01 | 56 | C22 |
| L | 0.01 | P | -0.22 | 0.23 | 0.72 | 57 | C23 |
| L | 0.31 | P | 0.12 | 0.19 | 0.61 | 58 | D01 |
| L | 4.92 | P | 4.67 | 0.25 | 1.37 | 59 | D02 |
| L | 1.18 | P | 1.18 | 0.00 | 0.00 | 60 | D03 |
| L | 0.75 | P | 0.89 | -0.15 | -0.49 | 61 | D04 |
| L | 0.75 | P | 0.65 | 0.10 | 0.34 | 62 | D05 |
| L | 0.23 | P | 0.81 | -0.57 | -1.88 | 63 | D06 |
| L | 0.08 | P | 0.37 | -0.29 | -0.93 | 64 | D07 |
| L | 1.36 | P | 1.12 | 0.24 | 0.85 | 65 | D08 |
| L | 0.53 | P | 0.66 | -0.13 | -0.44 | 66 | D09 |
| L | 0.46 | P | 0.49 | -0.04 | -0.12 | 67 | D10 |
| L | 0.82 | P | 0.91 | -0.09 | -0.31 | 68 | D11 |
| L | 0.68 | P | 0.68 | 0.00 | 0.00 | 69 | D12 |
| L | 0.89 | P | 0.91 | -0.02 | -0.07 | 70 | D13 |
| L | 0.23 | P | 0.68 | -0.45 | -1.47 | 71 | D14 |
| L | 0.89 | P | 0.74 | 0.15 | 0.52 | 72 | D15 |
| L | 0.38 | P | 0.26 | 0.13 | 0.42 | 73 | D16 |
| L | 0.68 | P | -0.20 | 0.87 | 2.88 | 74 | D17 |
| L | 0.60 | P | 0.57 | 0.04 | 0.12 | 75 | D18 |
| L | 0.31 | P | 0.04 | 0.27 | 0.87 | 76 | D19 |
| L | 0.38 | P | 0.06 | 0.32 | 1.05 | 77 | D20 |
| L | -0.61 | P | -0.36 | -0.25 | -0.79 | 78 | D21 |
| L | 0.23 | P | -0.18 | 0.41 | 1.33 | 79 | D22 |
| L | 0.08 | P | 0.27 | -0.19 | -0.62 | 80 | D23 |
| L | 0.08 | P | -0.26 | 0.34 | 1.10 | 81 | D24 |
| L | -0.15 | P | -0.17 | 0.02 | 0.07 | 82 | D25 |
| L | 0.31 | P | 0.10 | 0.21 | 0.68 | 83 | D26 |
| L | 0.23 | P | 0.27 | 0.14 | -0.12 | 84 | D27 |
| L | 0.01 | P | -0.16 | 0.16 | 0.53 | 85 | D28 |
| L | -0.38 | P | -0.14 | -0.24 | -0.77 | 86 | D29 |
| L | 1.09 | P | 1.64 | -0.55 | -1.91 | 87 | D30 |
| L | 0.60 | P | 0.95 | -0.34 | -1.14 | 88 | D31 |
| L | 0.53 | P | 0.84 | -0.31 | -1.03 | 89 | D32 |
| L | 0.68 | P | 0.59 | 0.08 | 0.28 | 90 | D33 |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


| *Group* | *DIF Measure* | *Group* | *DIF Measure* | *DIF Contrast* | *t* | *Entry Number* | *Item* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| L | 0.75 | P | 0.27 | 0.47 | 1.57 | 91 | D34 |
| L | 0.38 | P | 0.14 | 0.24 | 0.80 | 92 | D35 |

Berdasarkan Jadual 4.51 di atas, hasil dapatan analisis GDIF yang dijalankan menunjukkan bahawa terdapat 8 item yang tidak berada berada dalam kesignifikanan nilai t (+2.0 ≥ t ≥ -2.0). Oleh itu, terdapat perbezaan yang signifikan dalam item IPKGM terhadap jantina dan ini menunjukkan bahawa terdapat berat sebelah (*bias*) terhadap lelaki sebanyak 2 item dan perempuan 6 item dikesan pada item-item tesebut. Ini berikutan apabila kedua-dua jantina mempunyai tanda yang sama pada nilai DIF Measure, nilai DIF Measure yang tinggi akan diambil bagi mengklasifikasikan soalan tersebut lebih sukar dijawab bagi kumpulan jantina yang dianalisis. Oleh hal demikian item tersebut digugurkan. Item dengan nilai t (+2.0 ≥ t ≥ -2.0) ialah B01/ -2.31, B10/-2.20, B11/-2.17, B14/-2.52, B15/-2.99, B17/-2.45, C22/2.01 dan D17/2.88.

### 4.5.10 Kefungsian Struktur Kategori Skala Pengukuran

Analisis struktur kategori dilakukan bagi menentukan keserasian dan kesesuaian kategori berdasarkan 3 konstruk yang dibentuk. Dalam kajian ini, skala Likert lima mata telah digunakan iaitu 1 = Sangat tidak setuju, 2 = Tidak Setuju, 3 = Kurang Setuju, 4 = Setuju, 5 = Sangat Setuju. Jadual 4.52 menunjukkan dengan jelas tentang penggunaan kategori skala pengukuran yang digunakan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


**Jadual 4.52**

*Penggunaan Struktur Kategori dan Step Calibration/Treshold Item*

SUMMARY OF CATEGORY STRUCTURE. Model="R"

| CATEGORY LABEL | SCORE | OBSERVED COUNT | % | OBSVD AVRGE | SAMPLE EXPECT | INFIT MNSQ | OUTFIT MNSQ | STRUCTURE CALIBRATN | CATEGORY MEASURE | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | 1 | 55 | 0 | .50 | -2.45 | 5.43 | 9.90 | NONE | ( -3.67) | 1 STJ |
| 2 | 2 | 88 | 0 | .53 | -.77 | 1.74 | 1.94 | -2.21 | -2.23 | 2 TS |
| 3 | 3 | 940 | 2 | 1.84 | 1.47 | 1.26 | 1.22 | -1.94 | -1.01 | 3 KS |
| 4 | 4 | 17090 | 45 | 3.27 | 3.37 | .97 | 1.00 | -.54 | 2.09 | 4 S |
| 5 | 5 | 19823 | 52 | 6.25 | 6.19 | .90 | .86 | 4.68 | ( 5.78) | 5 SS |

OBSERVED AVERAGE is mean of measures in category. It is not a parameter estimate.

Berdasarkan Jadual 4.52, kategori yang sering dipilih oleh responden ialah kategori 5 (52%), diikuti oleh kategori 4 (45%), kategori 3 (2%), kategori 2 (0%) dan kategori 1 (0%). Proses pengesahan dalam Rasch Model yang berkaitan dengan nilai *threshold item* di antara setiap skala yang diukur menunjukkan purata meningkat secara berterusan dan konsisten dalam *observed average* daripada 0.50 hingga 6.25 logit. Peningkatan ini memperlihatkan corak tindak balas yang konsisten oleh responden yang mempuyai keupayaan yang lebih tinggi dan menyokong skala atau kategori yang paling tinggi. Manakala, terdapat responden yang mempunyai keupayaan lebih rendah dan menyokong kategori atau skala yang lebih rendah.


Apabila dirujuk pada nilai *structure calibration* yang boleh dinyatakan sebagai *step difficulties* pula, mendapati terdapat peningkatan pada setiap kategori dengan nilai beza adalah lebih besar daripada 1.4 logit. Linacre mengesyorkan bahawa perbezaan dalam nilai *threshold* hendaklah 1.4 logit tetapi tidak melebihi 5 logit (Bond & Fox, 2007). Jika nilai beza kurang daripada 1.4, maka adalah disyorkan untuk membuang penilaian yang terjejas dan lebih baik jika melakukan gabungan kategori (*collapsing category*) serta membahagikan skala penilaian jika lebih daripada nilai 5 logit.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


**Rajah 4.6**

*Category Probabilities* kategori 5 mata.




Berdasarkan rajah lengkuk kebarangkalian kategori seperti yang dipaparkan pada Rajah 4.6 menunjukkan kesemua kategori tersebar dengan perbezaan yang berbeza. Jika dilihat pada kedua-dua sempadan pada kategori 1 dan 2 menunjukkan sempadan yang agak kecil berbanding sempadan kategori yang lain iaitu dengan perbezaan -0.27. Perbezaan seterusnya ialah -1.40 dan sempadan yang terakhir menunjukkan perbezaan yang paling besar iaitu 4.14. Secara keseluruhannya, jika dilihat kepada taburan kategori ini menunjukkan kategori 1, 2 dan 3 kurang tersebar dengan baik atau tidak mendapat sokongan yang tinggi daripada responden. Dan kategori 4 dan 5 menjadi pilihan responden untuk memilih dan menunjukkan sokongan yang tinggi dalam kategori tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 4.5.11 Unidimensi

Unidimensi di dalam analisis Model Rasch merupakan satu andaian yang perlu dibuktikan dengan memastikan setiap item yang diukur atau dibina hanya mengukur konstruk yang ditetapkan sahaja atau dalam erti kata yang lain hanya satu konstruk sahaja diukur. IPKGM mempunyai tiga konstruk yang diukur iaitu komitmen guru, kompetensi guru dan kecerdasan emosi guru. Andaian unidimensi perlu dibuktikan supaya item yang dibangunkan searah untuk membentuk satu corak dengan syarat-syarat yang ditetapkan iaitu (1) *variance explained by measure* lebih daripada 40%, (2) *variance explained by 1st, 2nd, 3rd and 4th factor* kurang daripada 5 atau 10%.

**Jadual 4.53**

*Analisis Principal Component Analysis of Residuals (PCAR) Keseluruhan Konstruk*

| | Nilai *Eigen* | *Empirical* | *Modeled* |
|---|---|---|---|
| *Raw variance explained by measures* | 84.7 | 47.9% | 50.2% |
| *Unexplned variance in 1st contrast* | 8.1 | 4.6% | 8.8% |
| *Unexplned variance in 2nd contrast* | 5.2 | 2.9% | 5.6% |
| *Unexplned variance in 3rd contrast* | 4.3 | 2.4% | 3.8% |
| *Unexplned variance in 4th contrast* | 3.5 | 2.0% | 3.4% |

Merujuk Jadual 4.53, nilai *Eigen* bagi *Unexplned variance by 1st, 2nd, 3rd and 4th factor* bagi keseluruhan konstruk dan item IPKGM masing-masing menunjukkan nilai 8.1, 5.2, 4.3 dan 3.5 logit yang mewakili 4.6%, 2.9%, 2.4% dan 2.0% daripada varians reja. Model Rasch menerangkan 47.9% dalam *variance explained by measures* telah melepasi batas minimum yang melibatkan 40% keperluan unidimensi Model Rasch. Ini bermakna instrumen IPKGM telah mencapai kedua-dua syarat, dan andaian unidimensi adalah tercapai. Dengan kata lain, instrumen IPKGM bersifat unidimensi yang hanya mengukur satu konstruk sahaja.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


**Jadual 4.54**

*Analisis Principal Component Analysis of Residuals (PCAR) Konstruk Komitmen Guru*

| | Nilai *Eigen* | *Empirical* | *Modeled* |
|---|---|---|---|
| *Raw variance explained by measures* | 31.3 | 47.9% | 50.2% |
| *Unexplned variance in 1st contrast* | 4.5 | 6.8% | 13.2% |
| *Unexplned variance in 2nd contrast* | 3.7 | 5.7% | 10.9% |
| *Unexplned variance in 3rd contrast* | 2.8 | 4.3% | 8.2% |
| *Unexplned variance in 4th contrast* | 1.9 | 2.9% | 5.6% |

Jadual 4.54 nilai *Eigen* bagi *Unexplned variance by 1st, 2nd, 3rd and 4th factor* bagi konstruk komitmen guru menunjukkan nilai 4.5, 3.7, 2.8 dan 1.9 logit yang mewakili 6.8%, 5.7%, 4.3% dan 2.9% daripada varians reja. Model Rasch menerangkan 47.9% dalam *variance explained by measures* telah melepasi batas minimum yang melibatkan 40% keperluan unidimensi Model Rasch. Ini bermakna konstruk komitmen guru IPKGM telah mencapai kedua-dua syarat, dan andaian unidimensi adalah tercapai. Dengan kata lain, konstruk komitmen guru IPKGM bersifat unidimensi yang hanya mengukur satu konstruk sahaja.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

**Jadual 4.55**

*Analisis Principal Component Analysis of Residuals (PCAR) Konstruk Kompetensi Guru*

| | Nilai *Eigen* | *Empirical* | *Modeled* |
|---|---|---|---|
| *Raw variance explained by measures* | 21.2 | 47.9% | 50.2% |
| *Unexplned variance in 1st contrast* | 3.4 | 7.7% | 14.7% |
| *Unexplned variance in 2nd contrast* | 2.7 | 6.0% | 11.5% |
| *Unexplned variance in 3rd contrast* | 2.1 | 4.8% | 9.1% |
| *Unexplned variance in 4th contrast* | 1.3 | 3.0% | 5.8% |

Merujuk Jadual 4.55 pula, nilai *Eigen* bagi *Unexplned variance by 1st, 2nd, 3rd and 4th factor* bagi konstruk kompetensi guru menunjukkan nilai 3.4, 2.7, 2.1 dan 1.3 logit yang mewakili 7.7%, 6.0%, 4.8% dan 3.0% daripada varians reja. Model

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Rasch menerangkan 47.9% dalam *variance explained by measures* telah melepasi batas minimum yang melibatkan 40% keperluan unidimensi Model Rasch. Ini bermakna konstruk kompetensi guru IPKGM telah mencapai kedua-dua syarat, dan andaian unidimensi adalah tercapai. Dengan kata lain, konstruk kompetensi guru IPKGM bersifat unidimensi yang hanya mengukur satu konstruk sahaja.

**Jadual 4.56**

*Analisis Principal Component Analysis of Residuals (PCAR) Konstruk Kecerdasan Emosi Guru*

| | Nilai *Eigen* | *Empirical* | *Modeled* |
|---|---|---|---|
| *Raw variance explained by measures* | 32.2 | 47.9% | 50.2% |
| *Unexplned variance in 1st contrast* | 4.9 | 7.3% | 14.0% |
| *Unexplned variance in 2nd contrast* | 3.8 | 5.7% | 10.9% |
| *Unexplned variance in 3rd contrast* | 2.2 | 3.3% | 6.3% |
| *Unexplned variance in 4th contrast* | 2.0 | 3.0% | 5.7% |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.56, nilai *Eigen* bagi *Unexplned variance by 1st, 2nd, 3rd and 4th factor* bagi konstruk kecerdasan emosi menunjukkan nilai 4.9, 3.8, 2.2 dan 2.0 logit yang mewakili 7.3%, 5.7%, 3.3% dan 3.0% daripada varians reja. Model Rasch menerangkan 47.9% dalam *variance explained by measures* telah melepasi batas minimum yang melibatkan 40% keperluan unidimensi Model Rasch. Ini bermakna konstruk kecerdasan emosi guru IPKGM telah mencapai kedua-dua syarat, dan andaian unidimensi adalah tercapai. Dengan kata lain, konstruk kecerdasan emosi guru IPKGM bersifat unidimensi yang hanya mengukur satu konstruk sahaja.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 4.5.12 Ringkasan Dapatan Kajian Sebenar

Secara kesimpulannya, penyelidik menjalankan kajian sebenar dengan melibatkan 413 sampel dan IPKGM yang merangkumi sebanyak 92 item. Sebanyak enam diagnosis bagi tujuan pemeriksaan kefungsian item telah dijalankan. Bersangkutan hal ini, hasil analisis yang ditunjukkan mendapati terdapat beberapa item telah dicadangkan untuk digugurkan dalam senarai item yang dibina oleh penyelidik. Item yang perlu digugurkan ialah sebanyak 15 item daripada konstruk komitmen guru. Item tersebut ialah B01, B02, B03, B05, B07, B08, B10, B11, B13, B14, B15, B17, B18, B19 dan B27. Bagi konstruk kompetensi guru pula sebanyak 3 item digugurkan iaitu C20, C21 dan C22. Seterusnya konstruk kecerdasan emosi ialah sebanyak 4 item iaitu D02, D07, D17 dan D30. Jumlah keseluruhan item yang digugurkan untuk IPKGM ialah sebanyak 22 item daripada 92 item.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan Jadual 4.57 di bawah menunjukkan bahawa hanya 70 item sahaja yang dikekalkan dalam senarai item IPKGM seperti dalam Lampiran Q. Secara keseluruhannya, item IPKGM yang dihasilkan adalah telah mematuhi syarat yang ditentukan oleh model pengukuran Rasch dengan menunjukkan bahawa semua item mempunyai nilai *Pt-Measure Correlation* yang positif, *fit* kepada model, mempunyai aras kesukaran yang diterima, tidak bersifat bersandar, mempunyai kebolehpercayaan item yang tinggi dan nilai pengasingan item yang diterima. Item-item juga mempunyai kebolehpercayaan responden yang tinggi dan nilai pengasingan responden yang melebihi 2.00 iaitu suatu pengasingan responden yang diterima. Berdasarkan analisis juga mendapati, skala Likert 4 mata skala Likert 5 mempunyai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


nilai *observed count* yang tinggi iaitu 45% dan 52%. Jadual 4.56 menunjukkan jumlah item yang digugurkan dan yang dikekalkan dalam senarai item IPKGM.

**Jadual 4.57**

*Ringkasan Pemeriksaan Kefungsian Item IPKGM: Kajian Sebenar.*

| Bil | Konstruk | Item Kekal | Jumlah Item Kekal | Item Gugur | Jumlah Item Gugur |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Komitmen Guru | B04 B06 B09 B12 B16 B20 B21 B22 B23 B24 B25 B26 B28 B29 B30 B31 B32 B33 B34 | 19 | B01, B02, B03, B05, B07, B08, B10, B11, B13, B14, B15, B17, B18,B19, B27 | 15 |
| 2. | Kompetensi Guru | C01 C02 C03 C04 C05 C06 C07 C08 C09 C10 C11 C12 C13 C14 C15 C16 C17 C18 C19 C23 | 20 | C20 C21 C22 | 3 |
| 3. | Kecerdasan Emosi Guru | D01 D02 D03 D04 D05 D06 D07 D08 D09 D10 D11 D12 D13 D14 D15 D16 D18 D19 D20 D21 D22 D23 D24 D25 D26 D27 D28 D29 D30 D31 D32 D33 D34 D35 | 31 | D02 D07 D17 D30 | 4 |
| | | Jumlah | 70 | | 22 |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun psi

# BAB 5

# RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 5.1 Pengenalan

Bab ini menyatakan rumusan, perbincangan dan cadangan dapatan kajian yang berasaskan kepada persoalan kajian yang dibentuk. Persoalan kajian yang dibentuk berteraskan objektif kajian yang telah dibina bagi mencapai matlamat kajian iaitu (i) pembentukan konstruk dan pembinaan item; di peringkat Fasa I (ii) menguji dan memeriksa kefungsian item IPKGM di peringkat Fasa II: Kajian Rintis; (iii) menguji dan memeriksa kefungsian item IPKGM di peringkat Fasa III: Kajian Sebenar dan Pengesahan. Penyelidik juga membuat kesimpulan terhadap kajian serta cadangan bagi kajian pada masa hadapan dalam pelaksanaan kepimpinan guru di sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## 5.2 Rumusan Dapatan Kajian

Rumusan dapatan kajian adalah berdasarkan persoalan-persoalan kajian yang dikaji mengikut fasa pembinaan instrumen seperti yang dinyatakan dalam Bab 3. Rumusan dapatan kajian diterangkan seperti berikut: -

### 5.2.1 Rumusan Dapatan Fasa I: Pembentukan Konstruk dan Pembinaan Item

Rumusan dapatan Fasa I iaitu di peringkat pembentukan konstruk dan item menunjukkan dapatan kajian diperoleh berdasarkan dapatan kupasan sorotan literatur sistematik berdasarkan integrasi model serta teori-teori berkaitan kepimpinan guru dalam pelaksanaan kepimpinan guru dan konstruk yang digunakan dalam penilaian kendiri soal selidik kepimpinan guru. Konstruk dan item yang dibentuk dalam instrumen IPKGM adalah berdasarkan data yang diperoleh melalui dapatan kupasan sorotan literatur dan melakukan konseptualisasi serta operasionalisasi dan akhirnya penyelidik menyediakan jadual penentuan item (JPI).

Kaedah sorotan literatur sistematik bertujuan untuk mencari dan mengenal pasti maklumat kajian secara sistematik dan berasas. Memandangkan kajian ini ialah kajian Reka Bentuk Urutan Penjelasan *(Sequential Explanatory Design)* maka elemen yang dikaji adalah daripada sorotan literatur lepas yang memerlukan penyelidik mencari dan menganalisis secara komprehensif, berstruktur, tiada keraguan dan boleh diulang pada proses seterusnya bagi sesuatu pencarian kata kunci. Selain itu, proses pembentukan konstruk dan item juga merupakan kajian yang berbentuk kritikan atau

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


ataupun kritikal yang melibatkan perbandingan sekumpulan literatur. Maka ia memerlukan kepada penetapan set kriteria yang mantap. Justeru itu, kajian ini telah menetapkan kriteria yang tertentu bagi memudahkan pencarian literatur. Antara kriteria yang telah ditetapkan ialah tempoh masa kajian literatur iaitu mestilah berada pada lingkungan tahun 2016 hingga 2020. Selain itu, penetapan terhadap pemilihan literatur iaitu mestilah terdiri daripada artikel jurnal, prosiding, buku atau tesis.

Oleh hal yang sedemikian, penyelidik menemukan hasil melalui analisis dengan menyenaraikan faktor yang mempengaruhi ciri-ciri kepimpinan guru dalam pelaksanaan kepimpinan guru. Seterusnya, penyelidik menganalisis konstruk yang mempunyai hubungan dengan kepimpinan guru yang memberikan satu pengukuran ciri-ciri yang dapat menilai ciri kepimpinan guru. Selain itu, terdapat lima soal selidik yang berkaitan dengan penilaian kendiri kepimpinan guru yang dikaji oleh penyelidik dengan menyenaraikan konstruk yang diukur dalam setiap soal selidik tersebut.

Hasil dapatan awal analisis yang dilakukan menemukan tiga elemen yang penting dalam penilaian kepimpinan guru di sekolah. Tiga elemen penting ialah komitmen guru dalam pelaksanaan kepimpinan guru, kompetensi guru dalam pelaksanaan kepimpinan guru dan kecerdasan emosi guru dalam pelaksanaan kepimpinan guru. Ketiga-tiga elemen penting ini dijadikan konstruk untuk pembinaan IPKGM dengan bersandarkan teori dan model Komitmen Guru Firestone dan Rosenblum (1988), Teori Kompetensi Spencer dan Spencer (1993) dan Teori Kecerdasan Emosi Goleman (1995) sebagai sumber pengetahuan manakala Model Pembangunan Profesionalisme Berterusan dan Teori Kepimpinan Guru dijadikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


sebagai garis panduan dalam perincian penyataan prestasi yang patut dicapai oleh seseorang guru.

Bersangkutan dengan itu, maka penyelidik memperoleh dapatan yang selari dengan penemuan berkaitan dengan penerangan setiap konstruk dan membentuk item-item yang berkaitan. Tiga konstruk utama dan 12 sub konstruk seperti yang dilampirkan dalam lampiran. Kajian yang dilaksanakan mendapati konstruk yang mempunyai hubungan dengan kepimpinan guru di sekolah ialah komitmen guru, kompetensi guru dan kecerdasan emosi guru. Dapatan ini juga dapat dirumuskan bahawa guru bukan sahaja memainkan peranannya di dalam kelas tetapi di sekolah dan di luar sekolah. Elemen kepimpinan guru tersebut secara eksplisit menunjukkan satu persamaan iaitu peranan guru berkembang kepada satu peranan kepada murid berkembang kepada rakan sejawat, sekolah dan masyarakat. Di samping itu, kepimpinan guru dilihat dapat meningkatkan pencapaian murid di sekolah.

Dalam pembentukan item pada peringkat awal, sebanyak 39 item dibina bagi konstruk komitmen guru. Bagi kompetensi guru pula sebanyak 25 item dan kecerdasan emosi guru sebanyak 46 item dan menjadikan keseluruhan item yang dibina ialah sebanyak 110 item. Item-item baharu ini dibina dan disusun oleh penyelidik dengan merujuk penyataan pengkaji lepas, analisis sorotan literatur sistematik dan penerangan atau definisi bagi setiap teori dan model yang menjadi sandaran kepada setiap konstruk yang di kaji dalam Jadual Penentuan Item. Jadual Penentuan Item ialah satu *templat* atau alat yang digunakan untuk memastikan bahawa penilaian yang hendak dilakukan itu dapat mengukur sesuatu yang ingin diukur.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Setelah item dihasilkan, analisis kesahan kandungan pakar dan kesahan muka dilakukan. Bagi kesahan kandungan pakar, ia berdasarkan analisis Penskoran *The Content Validity Index for Item* (I-CVI) Lynn M. R., (1986) yang digunakan untuk menskor setiap item yang telah disemak oleh enam orang pakar berkenaan menggunakan skala empat mata mengikut prosedur yang ditetapkan dalam penskoran I-CVI. Analisis bagi kesahan kandungan untuk setiap Indeks Kesahan Kandungan Instrumen (I-CVI). Dapatan analisis mendapati setiap item yang dinilai mempunyai nilai yang baik iaitu diantara 0.83 hingga 1.00. Nilai ini ditetapkan tidak kurang daripada 0.78 dan sebaiknya nilai (I-CVI) bagi instrumen yang baharu dibangunkan adalah ≥ 0.80. Cuma terdapat satu item yang mempunyai nilai 0.27 dan perlu digugurkan.

Namun secara keseluruhan bagi ketiga-tiga konstruk ini mempunyai dapatan yang baik dan tahap persetujuan adalah sangat baik dan item mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi. Setelah melalui proses semakan pakar berdasarkan (I-CVI), kesahan muka dilakukan oleh dua orang pakar dalam bidang bagi mengesahkan item-item yang dibina mewakili konstruk yang diukur termasuk ketepatan penggunaan bahasa dan ejaan dalam frasa ayat. Setelah itu, didapati terdapat 23 item diperbaiki kerana terdapat kesalahan ayat, ejaan dan frasa serta 1 item digugurkan. Berdasarkan kajian, sebanyak 109 item telah dipersetujui daripada 110 item yang telah disediakan. 109 item ini akan digunakan dalam *preliminary item tryouts* dan kajian rintis.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 5.2.2 Rumusan Dapatan Fasa II: Kajian Rintis

Rumusan bagi dapatan Fasa II iaitu dapatan analisis yang dijalankan terhadap 50 orang guru dan 109 item digunakan dalam kajian ini dan dianalisis menggunakan perisian winsteps dalam pendekatan model pengukuran Rasch. Analisis item bagi keseluruhan konstruk pula mendapati, nilai kebolehpercayaan item ialah 0.81 (> 0.8) dan nilai kebolehpercayaan responden ialah 0.94 (>0.8) yang menunjukkan nilai kebolehpercayaan item secara keseluruhan menunjukkan item mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi. Manakala kebolehpercayaan responden juga menunjukkan ia mampu membezakan keupayaan responden dengan responden yang lain bagi sesuatu pemboleh ubah yang diukur.

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala nilai pengasingan item secara keseluruhan pula ialah 2.05 (> 2.0) dan pengasingan responden ialah 3.83 (>2.0) yang menunjukkan 5 aras kebolehan responden untuk mempersetujui item namun dalam hasil kajian ini 4 aras kebolehan responden yang dipilih. Analisis juga memperoleh nilai alpha cronbach bagi IPKGM iaitu 0.94 (> 0.7). Penyelidik membuktikan bahawa item yang disediakan mempunyai kebolehpercayaan item yang tinggi dan pengasingan responden yang boleh diterima kerana telah mengikut kriteria yang ditetapkan oleh model pengukuran Rasch.

Analisis nilai PTMEA CORR. bagi keseluruhan 109 item yang dianalisis adalah positif iaitu di antara 0.02 hingga 0.60. Analisis ini menunjukkan bahawa kesemua item yang disediakan bergerak menghala ke satu arah dengan konstruk danmampu untuk mengukur konstruk. Dari aspek kesesuaian (fit) item pula, terdapat 10 item digugurkan dari senarai item yang disediakan kerana mempunyai nilai MNSQ

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


yang melebihi nilai 1.4 dan kurang daripada 0.6 bagi data politomus. Namun demikian, 99 item menunjukkan nilai yang fit iaitu nilai MNSQ yang diterima dan menepati kriteria model pengukuran Rasch.

Bagi analisis nilai korelasi residual setiap item dikenal pasti dan telah menemui 10 pasang item yang mempunyai nilai korelasi yang melebihi syarat yang ditetapkan iaitu melebihi 0.7. Hal ini adalah kerana, item tersebut mempunyai ciri-ciri dan maksud yang sama antara satu sama lain. Hasil daripada dapatan tersebut mendapati, 7 item digugurkan iaitu D12, D16, D17, D20, D39, D42 dan D46. Maka item yang kurang daripada nilai MNSQ dengan nilai 1.00 telah dikekalkan.

Hasil analisis mendapati, aras kesukaran item tertinggi ialah +0.97 logit dan paling rendah atau mudah ialah +0.76 logit. Namun demikian, aras persetujuan responden yang tertinggi ialah +3.56 logit dan yang terendah pula ialah +0.14. Dapatan ini menunjukkan item-item yang telah dihasilkan mempunyai aras kesukaran yang boleh diterima iaitu kemampuan tertinggi guru untuk memberikan penilaian dan memperakui item adalah lebih tinggi berbanding aras kesukaran item. Dapatan juga menunjukkan bahawa bilangan item yang mudah untuk guru memberikan penilaian dan memperakui item adalah lebih besar daripada bilangan item yang sukar untuk guru memberikan penilaian mereka.

Analisis *Differential Item Functioning* menunjukkan terdapat beberapa item tidak berada dalam nilai t $+2.0 \geq t \geq -2.0$. Sebanyak lima item digugurkan manakala empat item lagi dikekalkan berdasarkan persetujuan pakar yang menilai item tersebut. Selain itu, di dalam analisis ini kumpulan responden lelaki mempunyai kebolehan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


yang berbeza dengan kumpulan responden perempuan. Disebabkan item IPKGM ini bukanlah soalan ujian, tetapi hanya penyataan yang memerlukan penilaian kendiri oleh responden maka apa yang dapat dirumuskan ialah indeks nilai negatif pada nilai *DIF Measure* mewakili item yang mudah dijawab manakala bagi nilai *DIF Measure* yang mempunyai positif adalah merujuk kepada item yang sukar untuk dijawab.

### 5.2.3 Rumusan Dapatan Fasa III: Kajian Sebenar dan Pengesahan

Kajian sebenar dijalankan kepada 413 orang guru menggunakan IPKGM yang telah melalui beberapa proses dalam pembinaan instrumen tersebut. Dalam kajian ini seramai seramai 90 orang guru (21.8%) ialah guru lelaki dan 323 orang guru (78.2%) ialah guru perempuan. Seramai 413 orang guru yang mengambil bahagian namun seramai 359 orang guru (86.9%) ialah berbangsa melayu, 34 orang guru (12.3%) berbangsa India, 17 (8.2%) orang guru (12.3%) berbangsa Cina dan 3 orang guru (0.7%) berbangsa lain-lain. Taburan bilangan dan peratusan mengikut umur pula ialah kurang daripada 30 tahun ialah seramai 23 orang guru (5.6%), lebih daripada 31 hingga 40 tahun ialah seramai 130 orang guru (31.5%), lebih daripada 41 hingga 50 tahun ialah seramai 192 orang guru (46.5%), dan melebihi 51 tahun ke atas ialah seramai 68 orang guru (16.5%).

Bagi kumpulan gred jawatan pula terdapat 11 kumpulan gred jawatan yang terlibat dalam kajian iaitu Gred 29 ialah seramai 1 orang guru (0.2%), Gred 32 ialah seramai 3 orang guru (0.7%), Gred 34 ialah seramai 8 orang guru (1.9%), Gred 38 ialah seramai 16 orang guru (3.9%), Gred 41 ialah seramai 73 orang guru (17.7%),

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Gred 42 ialah seramai 42 orang guru (10.2%), Gred 44 ialah seramai 173 orang guru (41.9%), Gred 48 ialah seramai 75 orang guru (18.2%), Gred DG 52 ialah seramai 6 orang guru (1.5%), DG 54 ialah seramai 13 orang guru (3.1%) dan lain-lain ialah seramai 3 orang guru (0.7%). Seterusnya tempoh perkhidmatan guru yang kurang daripada 4 tahun ialah seramai 19 orang guru (4.6%), lebih daripada 4 hingga 8 tahun ialah 46 orang guru (11.1%), lebih daripada 8 hingga 16 tahun ialah seramai 130 orang guru (31.5%), lebih daripada 16 hingga 25 tahun ialah seramai 152 orang guru (36.8%) dan melebihi 25 tahun ialah 66 orang guru (16.0%). Akhir sekali ialah taburan bilangan dan peratusan jenis sekolah yang terlibat dalam kajian ini. Iaitu responden guru dari Sekolah Jenis Kebangsaan ialah seramai 20 orang (4.8%), responden dari Sekolah Kebangsaan ialah seramai 254 orang (61.5%) dan responden dari Sekolah Menengah Kebangsaan ialah seramai 139 orang (33.7%)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hasil daripada kajian mendapati, nilai kebolehpercayaan item bagi setiap konstruk bagi IPKGM yang digunakan dalam kajian sebenar adalah melebihi daripada 0.8. Konstruk komitmen guru memberikan nilai kebolehpercayaan item 0.93, konstruk kompetensi guru 0.97 dan kecerdasan emosi guru 0.98. Dapatan ini menunjukkan bahawa keseluruhan konstruk mempunyai kebolehpercayaan item yang tinggi dan diterima. Manakala kebolehpercayaan responden bagi ketiga-tiga konstruk ialah 0.95 menunjukkan kebolehpercayaan yang tinggi. Analisis item bagi keseluruhan konstruk juga mendapati nilai kebolehpercayaan item bagi keseluruhan konstruk ialah 0.98 (>0.8) dan nila kebolehpercayaan responden ialah 0.95.

Bagi nilai pengasingan item bagi konstruk komitmen guru ialah 3.53, kompetensi guru ialah 5.71 dan kecerdasan emosi guru ialah 6.67, pengasingan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


responden pula bagi ketiga-tiga konstruk ialah 4.53. Bagi keseluruhan konstruk pula menunjukkan nilai pengasingan yang diterima iaitu 7.14 dan pengasingan responden pula adalah 4.35. Dapatan analisis ini menunjukkan bahawa item yang terkandung dalam IPKGM mengandungi 7 aras kesukaran yang berbeza dengan 4 aras kebolehan responden untuk memberi persepsi. Hasil analisis juga mendapati, nilai alpha cronbach bagi instrumen ialah 0.99 dan ini menunjukkan bahawa instrumen yang digunakan dalam kajian sebenar mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi.

Berdasarkan nilai *Point Measure Correlation* yang menunjukkan nilai positif pada kesemua item yang dianalisis menggunakan IPKGM dalam kajian sebenar ini. Item-item ini berkeupayaan serta mampu untuk mengukur konstruk, bergerak menghala ke satu arah dengan konstruk dan tidak bercanggah dengan konstruk yang hendak diukur. Namun apabila dirujuk pada nilai MNSQ pada dapatan analisis yang diperoleh pula, didapati terdapat 12 item yang tidak sesuai (*fit*) dengan model dalam mengukur konstruk. Sepuluh item tersebut didapati tidak sesuai *(fit)* kerana item-item tersebut dikesan mempunyai nilai MNSQ yang melebihi daripada 1.4 dan dua item kurang daripada 0.6. Julat yang dibenarkan dalam MNSQ ialah 0.6 hingga 1.4. Bersangkutan hal ini, item- item tersebut digugurkan dari senarai item IPKGM.

Seterusnya dapatan analisis bagi nilai korelasi residual keseluruhan item yang diuji dalam IPKGM menunjukkan tidak terdapat item yang bertindan dan tiada item yang melebihi 0.7. Dapatan ini diperoleh dengan melihat nilai korelasi residual antara item yang tinggi iaitu melebihi daripada 0.7 yang terhubung antara item-item di dalam instrumen. Oleh itu, tiada item yang perlu digugurkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Aras kesukaran item dan persetujuan responden dikenal pasti melalui pengujian yang dijalankan terhadap item kajian sebenar. Melalui analisis yang dilakukan didapati nilai aras kesukaran item maksimum ialah 4.73 manakala minimum ialah -1.84. Aras persetujuan responden maksimum ialah 11.25 dan nilai minimum ialah 0.44. Berdasarkan dapatan, menunjukkan nilai aras persetujuan responden lebih tinggi berbanding aras kesukaran item. Ini memberikan persepsi dan memperakui bahawa sampel kajian mampu menguji setiap item dengan baik. Hal ini juga menunjukkan aras kesukaran item instrumen IPKGM yang ditadbir kepada responden adalah baik dan boleh diterima. Berdasarkan taburan responden yang memberikan penilaian dan memperakui item juga menunjukkan keadaan keseluruhan responden adalah berada pada ruangan positif logit. Analisis juga mendapati bahawa, taburan item yang dihasilkan menunjukkan bahawa item adalah seimbang dengan bilangan item yang mudah untuk guru memberikan penilaian dan memperakui item adalah lebih besar daripada bilangan item yang sukar untuk guru memberikan penilaian mereka.

Item IPKGM diuji melalui pengujian dan analisis DIF berdasarkan jantina. Hasil analisis mendapati item yang sediakan bagi kajian sebenar ini mempunyai lapan item yang berat sebelah atau *bias* terhadap jantina. Dapatan analisis yang diperoleh menunjukkan nilai t tidak berada dalam julat yang signifikan. Oleh hal demikian item tersebut perlu digugurkan. Analisis DIF juga menunjukkan perbezaan psikometrik item IPKGM berfungsi untuk dua kumpulan lelaki dan perempuan. Perbezaan prestasi bagi sesuatu item IPKGM yang mempunyai nilai negatif *DIF measure* di antara kumpulan lelaki dan perempuan mewakili item yang mudah dijawab dan nilai *DIF measure* yang positif adalah merujuk kepada item IPKGM yang sukar untuk dijawab.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Berdasarkan dapatan analisis terhadap kesesuaian penggunaan skala pengukuran IPKGM berskala Likert 5 mata, mendapati bahawa jumlah bilangan pada kategori 1 adalah kecil iaitu 0 pemerhatian sahaja. Dapatan ini tidak menepati apa yang telah dinyatakan oleh Linacre (2006) yang menyatakan bahawa sekurang-kurangnya 10 pemerhatian bagi setiap kategori skala. Ia juga dikesan pada rajah lengkuk kebarangkalian kategori kedua-dua sempadan pada kategori 1 dan 2 menunjukkan sempadan yang agak kecil berbanding sempadan kategori yang lain.

Walau bagaimanapun, terdapat peningkatan pada setiap peringkat kategori pada *step difficulties* dan dengan nilai beza adalah lebih besar daripada 1.4 logit. Linacre mengesyorkan bahawa perbezaan dalam nilai *threshold* hendaklah 1.4 logit tetapi tidak melebihi 5 logit (Bond & Fox, 2007). Secara keseluruhannya, jika dilihat kepada taburan kategori ini menunjukkan kategori 1, 2 dan 3 kurang tersebar dengan baik atau tidak mendapat sokongan yang tinggi daripada responden. Dan kategori 4 dan 5 menjadi pilihan responden untuk memilih dan menunjukkan sokongan yang tinggi dalam kategori tersebut. Oleh yang demikian, pengekalan skala ini memperlihatkan corak tindak balas yang konsisten oleh responden yang mempuyai keupayaan yang lebih tinggi dan menyokong skala atau kategori yang paling tinggi. Manakala, terdapat responden yang mempunyai keupayaan lebih rendah dan menyokong kategori atau skala yang lebih rendah.

Semakan unidimensi menunjukkan item-item yang dibina dalam IPKGM dapat membentuk konstruk yang unidimensi dengan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan iaitu (1) *variance explained by measure* lebih daripada 40%, (2) *variance explained by 1st, 2nd, 3rd and 4th factor* kurang daripada 5 atau 10%. Item yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


dibina hanya mengukur konstruk yang telah ditetapkan dengan mempunyai hanya satu dimensi dalam mengukur konstruk yang dibangunkan.

Hasil daripada pengujian dan pemeriksaan yang dilakukan dalam kajian sebenar mendapati, sebanyak 22 item telah digugurkan daripada senarai 92 item yang disediakan dan menjadikan jumlah akhir item ialah 70 item. Kajian juga mendapati bahawa skala pengukuran yang sesuai digunakan dalam kajian ini ialah skala Likert 5 mata. Dengan pemeriksaan dan pengujian yang telah dilakukan, maka item-item yang dihasilkan telah dipastikan kebolehpercayaan dan kesahannya untuk melakukan pengukuran. Oleh yang demikian, item yang telah dihasilkan ialah item-item yang telah diuji dan disahkan dengan melalui prosedur yang ditentukan oleh model pengukuran Rasch untuk menghasilkan item dan instrumen yang berkualiti bagi mencapai matlamat pengukuran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 5.3 Perbincangan Dapatan Kajian

Dalam bahagian ini, penyelidik membincangkan hasil dapatan kajian berdasarkan persoalan-persoalan kajian seperti yang telah dinyatakan bagi menjawab objektif kajian yang dibentuk.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 5.3.1 Pembentukan Konstruk dan Sub konstruk

Persoalan pertama kajian dibentuk oleh penyelidik untuk mencapai objektif yang pertama iaitu membentuk konstruk dan sub konstruk ciri-ciri kepimpinan guru bagi membina IPKGM. Oleh hal yang demikian, penyelidik mengadaptasi model pembinaan instrumen yang bersesuaian dengan kajian penyelidik dengan mengaplikasi Model Pembinaan Instrumen Miller, Lovler & Mcintire (2013) sebagai landasan panduan dalam proses pembinaan IPKGM seperti dalam kajian pembinaan instrumen yang dilakukan oleh penyelidik (Mokhtar, 2020; Mustaffa et al., 2013; Ramli et al., 2020).

Selain itu, kupasan sorotan literatur sistematik juga dilakukan oleh penyelidik dalam perbandingan instrumen kepimpinan guru yang terdapat di Malaysia dan luar negara bagi mendapatkan konstruk, sub kontruk dan item yang mengukur perincian penilaian seorang guru dalam pelaksanaan kepimpinan guru yang telah digunakan dalam instrumen sedia ada. Analisis ini digunakan oleh penyelidik untuk mencari konstruk, sub konstruk dan item yang baharu untuk mengukur ciri-ciri kepimpinan guru tetapi terdapat dalam pengukuran ciri-ciri dalam bidang yang berlainan. Ini dinyatakan oleh Hutzschenreuter et al. (2020) dan Snyder (2019) dalam kajian mereka iaitu sorotan literatur terdiri daripada sintesis dan analisis penyelidikan yang terdahulu berkaitan dengan *research interest* yang dilakukan dalam sesuatu kajian.

Maka diperingkat ini, tiga konstruk utama dalam kajian dibentuk hasil dapatan dari sorotan literatur yang dilakukan secara berperingkat dan mendalam dalam mengukur penilaian kendiri ciri-ciri kepimpinan guru. Penilaian kendiri ini selari

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


dengan kajian yang dijalankan oleh beberapa penyelidik terutama dalam kajian psikologi untuk menilai diri sendiri. Antaranya ialah kajian Bradley dan Lang (1994), Carter dan Dunning (2008) dan Nadine J. Kaslow (2004) yang merumuskan bahawa kekuatan seseorang individu itu yang membolehkan sesuatu keputusan dilakukan dengan menilai diri mereka menggunakan usaha sendiri untuk memilih kerjaya yang terbaik dalam kehidupan diri sendiri. Namun dalam kajian ini, penyelidik menilai penilaian kendiri ciri-ciri kepimpinan guru. Tambahan pula, penilaian kendiri ini dapat menilai kelemahan dan kekuatan diri sendiri berdasarkan penilaian yang diberi lalu mereka dapat menyelesaikan kelemahan tersebut jika terdapat pada diri mereka.

Hasil dapatan daripada kupasan sorotan literatur sistematik berkaitan kepimpinan guru ini dapat dilihat apabila Kementerian Pendidikan Malaysia meletakkan kepentingan kepimpinan guru dalam Gelombang 3 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Ia juga amat diperlukan bagi menjamin peningkatan kualiti pendidikan yang menjalani proses transformasi dalam Sistem Pendidikan Negara yang bermula pada tahun 2013. Para guru berperanan dalam menjadi kepimpinan guru dan memikul tanggungjawab untuk memenuhi standard profesion keguruan mereka (Karmani, 2016). Namun begitu, untuk mencapai kepimpinan guru ini, seseorang guru perlu mempunyai ciri-ciri yang dapat menunjukkan kepimpinan guru tersebut.

Dalam dapatan data yang menggunakan pendekatan kupasan sorotan literatur sistematik ini dipandu menggunakan meta-analisis yang merupakan garis panduan tinjauan literatur yang berkualiti kerana prosesnya yang agak ketat dan terperinci melibatkan kuantiti data yang besar. Kelebihan meta-analisis adalah dapat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


menunjukkan elemen ketelusan, konsisten dan piawai yang tinggi bagi menghasilkan laporan kajian kualitatif melalui prosesproses tertentu (Flemming et al., 2019). Proses ini adalah proses yang sistematik, prosedur yang jelas bagaimana ia dihasilkan dan skop yang menyeluruh merangkumi semua bahan yang berkaitan serta boleh diguna kembali (replicate) pengkaji lain dengan pendekatan yang sama bagi membincangkan sesuatu topik (Okoli, 2015).

Namun dalam masa penyelidik mendapatkan data untuk pembinaan konstruk dan item IPKGM ini, penyelidik melakukan satu analisis bibliometrik berkaitan dengan kajian kepimpinan guru dalam pelaksanaan kepimpinan guru di sekolah dari kepelbagaian konteks secara global seperti dalam Lampiran S untuk mengukuhkan lagi dapatan data berkaitan konstruk dan item yang dikaji. Sumber untuk proses pengumpulan data diperoleh melalui carian Scopus menggunakan kata kunci yang dikenal pasti, iaitu kepimpinan guru. Terdapat 931 kajian empirikal mengenai kepimpinan guru yang telah dikenal pasti berdasarkan kriteria yang ditetapkan melalui artikel jurnal yang diterbitkan. Data ini di analisis menggunakan *Microsoft Excel*, *Harzing's Publish* atau *Perish VOSviewer software.*

Elemen yang sering dinyatakan dalam kajian kepimpinan guru ini ialah berkaitan dengan emosi, usaha guru, pengajaran dan pembelajaran, profesion keguruan, tanggungjawab guru kepada murid dan sekolah, komunikasi, mentor, motivasi, nilai peribadi, kemahiran guru, pengetahuan guru dan pembelajaran profesional. Elemen-elemen ini juga terdapat dalam beberapa kajian awal yang dilakukan oleh Valenti (1952) *Measuring Educational Leadership Attitudes,* Nelson (1966) *Teacher Leadership: An Empirical Approach to Analyzing Teacher Behavior*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


*in the Classroom,* Kinicki dan Schriesheim (1978) *Teachers as leaders: A moderator variable approach,* Peterson dan Cooke (1983) *Attitudinal and contextual variables explaining teachers' leadership behavior* dan Smylie dan Denny (1990) *Teacher Leadership: Tensions and Ambiguities in Organizational Perspective.*

Penyelidik juga melakukan sorotan literatur berkaitan dengan kepimpinan guru dan elemen-elemen yang yang mempunyai hubungan dengan penilaian ciri-ciri kepimpinan guru (Aziz et al., 2021; Ishak et al., 2016; Okan et al., 2018). Bahan bacaan artikel yang dianalisis oleh penyelidik dikategorikan mengikut elemen yang menemukan tiga elemen utama yang bersesuaian dengan kepimpinan guru iaitu komitmen guru, kompetensi guru dan kecerdasan emosi guru. Maka di peringkat ini, penyelidik menemui model atau teori sandaran yang berkaitan dengan konstruk utama agar menjadi sumber pengetahuan pembentukan sub konstruk dan item yang ingin dibentuk. Model dan teori sandaran ini penting dalam mengukuhkan lagi bukti dalam kajian (Kent et al., 2020; Leshem & Trafford, 2007). Model dan teori yang berkaitan ialah Model Komitmen Guru Firestone dan Rosenblum (1988), Teori Kompetensi Spencer dan Spencer (1993) dan Teori Kecerdasan Emosi Goleman (1995). Manakala Teori Kepimpinan Guru dan Model Pembangunan Profesionalisme Berterusan dijadikan sebagai garis panduan dalam perincian penyataan prestasi yang patut dicapai oleh seorang guru.

Kepimpinan guru mempunyai hubungannya dengan komitmen guru. Perkaitan ini terdapat dalam beberapa kajian seperti yang dinyatakan oleh Adam Carswell (2021), Cassata dan Allensworth (2021), Celik dan Yildiz (2017) Cherkowski (2012) Harris (2002) Peretomode dan Bello (2018) dan Shi et al. (2020). Penyataan ini juga

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


dipersetujui oleh pakar dalam pengesahan kandungan dalam pembinaan IPKGM. Oleh itu, dapatan konstruk komitmen guru ini bersandarkan Model Komitmen Guru Firestone dan Rosenblum (1988). Model Komitmen Guru Firestone dan Rosenblum (1988) ini mempunyai elemen *Multidimensional Construct.* Elemen ini juga disokong oleh Tyree (1996). Ini kerana dua atau lebih dimensi dalam komitmen mungkin lebih mencerminkan komitmen yang berbeza terhadap pengajaran dan pembelajaran dan juga murid. Malah guru juga sangat komitmen terhadap sekolah dan profesion mereka. Ini bersesuaian dengan penyataan oleh Somech dan Bogler (2002).

Malah, komitmen guru adalah kuasa dalaman yang mendorong guru untuk mengorbankan lebih banyak masa dan tenaga dalam mengekalkan penglibatan di sekolah. Kesediaan mempromosikan sekolah ini mewujudkan hubungan komitmen antara guru dan sekolah yang akhirnya memberi inspirasi kepada guru untuk mencari cara untuk meningkatkan kepimpinan guru dan mewujudkan persekitaran pembelajaran yang berkesan untuk membolehkan murid mencapai sasaran mereka. Komitmen guru terhadap pengajaran adalah faktor penting untuk menyumbang kepada pencapaian pelajar. Hal ini bersangkut paut dengan Model Komitmen Guru Firestone dan Rosenblum (1988) yang mempunyai empat sub konstruk iaitu komitmen guru terhadap profesion, komitmen guru terhadap sekolah, komitmen guru terhadap pengajaran dan pembelajaran dan komitmen guru terhadap murid.

Konstruk dan sub konstruk komitmen guru ini sangat penting dalam ciri kepimpinan guru. Ramai pengkaji telah menyatakan bahawa komitmen guru ini penting dalam membentuk kepimpinan guru dalam pelaksanaan kepimpinan guru di sekolah seperti dinyatakan oleh Liu (2020), Price (2021) Stolz (2020) Tait (2008) dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Yilmaz (2014). Kenyataan ini juga dipersetujui oleh pakar yang terlibat dalam proses kesahan kandungan bagi menyemak setiap konstruk dan sub konstruk yang di bina. Di samping itu, SEAMEO Regional Center for Educational Innovation and Technology menekankan bahawa guru perlu mempunyai komitmen dalam meningkatkan kemahiran guru dalam profesion keguruan.

Hasil kajian juga membuktikan bahawa kepimpinan guru memerlukan kompetensi dalam kemahiran, pengetahuan dan nilai peribadi seperti dalam kajian Chong dan Cheah (2009) dan Wahid, R. B., Tek, O. E., dan Kosni (2018). Elemen ini juga didapati daripada kajian lampau serta rujukan yang dilakukan terhadap instrumen pelaksanaan kepimpinan guru yang dibina oleh Norwani et al. (2016) dalam Penyediaan Pembangunan Prinsip Panduan Kepimpinan Guru Dalam Menyediakan Guru Untuk Masa Hadapan dan Lowery-Moore et al. (2016) dalam Intipati Kepimpinan Guru: Satu Inkuiri Fenomenologi Pembangunan Profesionalisme Berterusan.

Kepimpinan guru yang mempunyai kompetensi, mampu melakukan pembaharuan dalam pendidikan berorientasikan ke arah membuat penyediaan lebih berfungsi untuk pembangunan kompetensi yang mereka perlukan dalam pelaksanaan kepimpinan guru di sekolah. Pada masa yang sama, penilaian kendiri diri seseorang guru itu perlu dinilai untuk mengukur sejauh mana seorang guru itu mengenal pasti ciri-ciri kepimpinan guru berdasarkan salah satu elemen iaitu kompetensi guru. Kenyataan ini terdapat dalam kajian Barbarash (2016) dan Pantić dan Wubbels (2010) dan selari dengan kajian Sunarto et al. (2020) yang menyatakan bahawa kompetensi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


yang perlu dikuasai oleh seorang guru ialah kompetensi pedagogi, sahsiah, kecekapan profesional dan kecekapan sosial dalam pendidikan.

Hasil kajian menunjukkan bahawa komunikasi yang baik, perkongsian ilmu, suasana kerja kolaboratif merupakan perkara yang perlu ada dalam kepimpinan guru. Seorang guru mesti sentiasa berkembang dan berupaya untuk melibatkan diri secara berkesan dengan pelbagai kumpulan yang berbeza iaitu murid, rakan sejawat, pentadbir dan masyarakat (Poekert et al., 2016). Guru berusaha untuk menerima kompetensi guru dan kesan utamanya terhadap diri dan kumpulan yang lain, namun juga memahami bagaimana kompetensi guru mampu mendominasi ciri-ciri kepimpinan guru. Subandi et al. (2020) berpendapat kepimpinan guru mesti membangunkan kemahiran untuk mencabar ketidaksamaan dan bekerjasama dengan kumpulan yang pelbagai untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran yang saksama untuk semua murid. Dapatan ini berdasarkan hasil dapatan sorotan literatur yang dilakukan dalam kajian lampau seperti Berg et al. (2014) Ghamrawi (2010) dan Handler (2010).

Melalui Teori Kompetensi Spencer dan Spencer (1993), konstruk dan sub kontruk kompetensi guru mengukuhkan lagi pembentukan konstruk dan sub kontsruk melalui dapatan kajian yang dilakukan oleh penyelidik melalui sorotan literatur iaitu konstruk kompetensi guru boleh diaplikasikan dalam menghasilkan penilaian kendiri guru dalam menilai ciri-ciri kepimpinan guru. Menurut Teori Kompetensi Spencer dan Spencer, tiga sub konstruk yang terdapat dalam dalam teori ini iaitu kompetensi pengetahuan, kemahiran dan nilai peribadi dapat mewujudkan satu garis panduan bagi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


pembinaan item bagi setiap sub kontruk dengan melihat kepada definisi, konseptualisasi dan operasionalisis yang dilakukan oleh penyelidik.

Kepimpinan guru juga menggariskan tentang peranan guru sebagai pemudah cara atau mengurus iaitu memberi bimbingan, motivasi dan menggerakkan murid-murid dalam kelasnya agar menjalankan serta mengikuti aktiviti pembelajaran dan memastikan penggunaan strategi pengajaran berpusatkan murid dan berpusatkan bahan belajar (Schott et al., 2020). Namun ia memerlukan kawalan emosi yang baik untuk berhadapan dengan pelbagai situasi dan keadaan. Guru yang mengawal emosi dapat menunjukkan keprihatinan terhadap murid, mewujudkan iklim emosi dalam bilik darjah yang membangunkan persekitaran pembelajaran murid dan membantu guru menjadi lebih berkesan untuk memastikan pencapaian akademik murid (Lowery-Moore et al., 2016).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hasil kajian menunjukkan kecerdasan emosi penting dalam ciri-ciri kepimpinan guru seperti dalam kajian (Chen & Guo, 2020; Maulod et al., 2016; Naqvi et al., 2016; Yildizbas, 2017). Ini ditunjukkan dengan pembentukan konstruk dan sub konstruk berkaitan dengan kecerdasan emosi menggunakan Teori Kecerdasan Emosi Goleman (1995). Penelitian terhadap artikel yang berkaitan menunjukkan dalam pelaksanaan guru menjadi kepimpinan guru, kecerdasan emosi dianggap sebagai kemahiran di sekolah pada abad ke-21 ini. Ia dilihat sebagai signifikan elemen yang dapat membantu guru untuk menilai ciri kepimpinan guru. Dapatan ini disokong oleh (Alotaibi et al., 2020 dan Gómez-Leal et al., 2022).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Dalam penyelidikan ini juga telah mengesahkan bahawa kecerdasan emosi membantu menguruskan tekanan, kawalan emosi dan berkesan menangani pelbagai tanggungjawab yang lebih mencabar dengan menjadikan sub konstruk kecerdasan emosi iaitu kesedaran diri, pengawalan kendiri, motivasi kendiri, empati dan kemahiran sosial sebagai panduan kepada pembinaan item untuk mengukur ciri-ciri kepimpinan guru. Dapatan ini, hasil dapatan sorotan literatur yang dilakukan oleh penyelidik. Penyataan ini juga dipersetujui oleh Chigeda et al. (2022) Mastromatteo et al. (2021) dan Nwosu et al. (2022) dalam kajian mereka. Malah konstruk dan sub konstruk ini merupakan elemen utama dalam beberapa kajian dalam bidang psikologi Tao et al. (2021), bidang keselamatan dan kesihatan Al-Hamdan et al. (2021) dan Yildirim-Hamurcu dan Terzioglu (2021), dalam bidang pengurusan sumber manusia Garavan et al. (2022) dan Khan et al. (2021) dan dalam bidang pendidikan Caglar-Ozhan et al. (2022) yang sememangnya terbukti sebagai salah satu konstruk dan sub kontruk untuk mengukur kecerdasan emosi seseorang individu.

Oleh hal yang demikian, perbincangan yang telah dinyatakan di atas merumuskan bahawa konstruk bagi penilaian kendiri ciri-ciri kepimpinan guru yang dapat dikenal pasti ialah komitmen guru, kompetensi guru dan kecerdasan emosi guru. Serta setiap konstruk ini mempunyai sub konstruk iaitu komitmen guru ialah komitmen guru terhadap profesion, komitmen guru terhadap sekolah, komitmen guru terhadap pengajaran dan pembelajaran dan komitmen guru terhadap murid. Bagi sub kontsruk kompetensi guru pula terbahagi kepada tiga sub konstruk iaitu pengetahuan, kemahiran dan nilai peribadi. Kemudian bagi konstruk kecerdasan emosi pula, sub konstruk terdiri daripada lima iaitu kesedaran diri, pengawalan kendiri, motivasi kendiri, empati dan kemahiran sosial.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Maka dengan itu, bagi penilaian kendiri ciri-ciri kepimpinan guru di sekolah, elemen-elemen tersebut telah dijadikan sebagai konstruk dalam IPKGM untuk guru mengenal pasti ciri-ciri kepimpinan guru yang terdapat pada diri mereka. Selain daripada itu, konstruk telah diperoleh melalui kajian seperti kenyataan yang dibincangkan di atas iaitu terdapat 12 sub konstruk yang wujud dalam 3 konstruk yang dibentuk melalui sorotan literatur dan kesahan oleh pakar menjadi keutamaan untuk memilih konstruk dan sub konstruk yang terlibat. Dengan dapatan ini, maka persoalan-persoalan kajian yang terhasil dapat dijawab dan objektif kajian yang dibentuk dapat dicapai.

### 5.3.2 Pembentukan Item

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam pembentukan item bagi menjawab persoalan kajian untuk mencapai objektif kajian yang pertama iaitu konstruk dan item Instrumen Penilaian Kepimpinan Guru Malaysia (IPKGM) untuk menilai ciri-ciri kepimpinan guru dalam kalangan guru, item telah dibina selaras dengan definisi konseptualisasi dan operasionalisasi bagi setiap konstruk dan sub konstruk di mana ia dihasilkan melalui kupasan sorotan literatur dan hasil penyelidik sendiri merujuk kepada konstruk dan sub konstruk yang telah dibina. Definisi bagi setiap konstruk dan sub kontruk dianalisis oleh penyelidik dengan teliti dan membina item-item daripada definisi yang telah dihuraikan. Item-item tersebut dibina setelah definisi konseptualisasi dilakukan oleh penyelidik dengan menukar idea yang abstrak kepada konsep yang lebih jelas dan nyata. Proses ini akhirnya membawa kepada penghuraian konsep yang lebih bermakna dan akhirnya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


membawa kepada penciptaan item-item yang ingin diukur dengan lebih spesifik atau boleh diukur.

JPI telah digunakan dalam kajian ini sebagai satu panduan atau *templat* menulis item-item mengikut konstruk dan sub konstruk yang ditentukan untuk menjadikan satu set instrumen yang mempunyai kesahan isi pengujian yang lebih jelas. JPI dalam kajian ini merupakan penyusunan item-item yang bersifat penilaian kendiri bukan penilaian ujian yang mengikut tahap taksonomi bloom. Penyelidik menggunakan JPI agar dapat menyusun item-item dengan lebih tersusun dan item-item tersebut mempunyai hubungkait dengan konstruk dan sub konstruk berdasarkan sorotan literatur yang dilakukan oleh penyelidik sendiri. Penyataan ini disokong oleh Alade dan Omoruyi (2014) dengan menyatakan bahawa dengan merujuk kepada JPI sebagai aktiviti yang menyenaraikan maklumat yang tepat. Ia ditakrifkan dengan jelas sebagai skop yang mungkin yang memberi penekanan kepada sesuatu perkara yang hendak diuji dan mengaitkan objektif dengan kandungan bagi memastikan item yang diuji seimbang.

Dalam kajian ini, item-item yang dibentuk adalah berdasarkan definisi bagi setiap sub konstruk dan ia melalui proses sorotan literatur dan konseptualisasi. Item-item juga bersifat penyataan diri untuk penilaian kendiri dan bukan soalan ujian. Item dibentuk dan diagihkan mengikut kesesuaian penyataan bagi setiap sub konstruk dan mudah difahami dalam penyususnan penyataan ayat. Namun demikian, bilangan item yang disusun pada setiap konstruk dalam kajian memadai sebanyak 20 hingga 30 penytaaan soalan sahaja. Ini bagi mengelakkan sampel kajian merasa terbeban untuk menjawab soalan yang diberikan. Perkara ini disebut dalam penulisan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Diamantopoulos et al. (2012) yang menyatakan bahawa setiap item mempunyai maksud penytaan tersediri yang mewakili kepada keseluruhan konstruk dan item tersebut hendaklah tidak terlampau banyak dan memadai untuk mengukur apa yang hendak diukur.

Pada peringkat awal pembinaan item, sejumlah 110 item telah dihasilkan berlandaskan 3 konstruk utama diperolehi, 12 sub konstruk telah dihasilkan, item dibina dengan merujuk kepada teori dan model sandaran iaitu Komitmen Guru Firestone dan Rosenblum (1988), Teori Kompetensi Spencer dan Spencer (1993) dan Teori Kecerdasan Emosi Goleman (1995). Manakala Model Pembangunan Profesionalisme Berterusan dan Teori Kepimpinan Guru dijadikan sebagai garis panduan dalam perincian penyataan prestasi yang patut dicapai oleh seseorang guru. Ini bersesuaian dengan pendapat Cohen dan Swerdlik (2002) yang mengatakan bahawa penghasilan item yang banyak pada peringkat awal pembentukan item adalah diperlukan.

Sebelum kajian rintis dilaksanakan, sebanyak 110 item telah dihasilkan dan telah disahkan dari aspek merujuk kepada pakar-pakar yang terlibat serta proses kesahan kandungan oleh pakar serta perbincangan bersama penyelia, maka terdapat beberapa item yang perlu diperbaiki dan digugurkan. Sebanyak 23 item telah diperbaiki serta 1 item telah digugurkan bagi menghasilkan item dan instrumen yang lebih berkesan. Keadaan ini menghasilkan item akhir sebanyak 109 item untuk digunakan dalam kajian rintis. Dapatan ini menerangkan bahawa, item yang dibina adalah selari dengan definisi operasional dan konseptualisasi bagi setiap konstruk dan sub konstruk yang hendak diukur serta boleh dipercayai.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Perbincangan di atas menunjukkan bahawa item yang dibina dengan taburan item yang seimbang dan menepati definisi konstruk serta dimensi yang dihasilkan. 109 item yang dihasilkan mempunyai kebolehpercayaan yang sangat baik hasil dari semakan dan persetujuan pakar-pakar yang dipilih. Oleh yang demikian, setelah terhasilnya item bagi instrumen IPKGM ini, maka persoalan kajian telah dapat dijawab dan objektif kajian telah dapat dicapai.

### 5.3.3 Pengujian dan Pemeriksaan Kefungsian Item

Pengujian dan pemeriksaan kefungsian item dalam kajian ini, dilakukan pada dua peringkat fasa 2 iaitu pada kajian rintis dan di fasa 3 iaitu kajian sebenar dan pengesahan untuk menentukan kesahan item yang dihasilkan. Item yang terdapat dalam IPKGM telah dapat dibuktikan dari kesahan dan kebolehpercayaan melalui pengujian dan analisis data yang dilakukan. Dalam kajian ini, item-item yang diuji telah dapat dikenal pasti dari aspek (i) kebolehpercayaan item dan responden, (ii) indeks pengasingan item dan responden, (iii) kebolehpercayaan ketekalan dalaman *alpha cronbach*, (iv) polariti item, (v) kesesuaian *fit* item, (vi) korelasi residual terpiawai item, (vii) peta item-individu, (viii) *Differential Item Functioning* (DIF) dan (ix) kefungsian struktur kategori skala pengukuran dan (x) unidimensi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 5.3.3.1 Kebolehpercayaan Item dan Responden

Kajian kesahan dan kebolehpercayaan instrumen adalah sangat penting untuk mengekalkan ketepatan soal selidik. Menurut Howard dan Henry (1988) konsisten bermaksud apabila item yang sama adalah diuji beberapa kali pada subjek yang sama pada selang masa yang berbeza, keputusan skor atau jawapan yang diberikan adalah lebih kurang sama. Ini menunjukkan bahawa instrumen yang dihasilkan ini adalah konsisten dan stabil untuk digunakan dalam penilaian terhadap guru dengan menggunakan sampel yang lain tetapi mempunyai ciri-ciri yang sama dengan sampel dalam kajian ini dengan melihat pengujian yang dilakukan kepada item dalam kajian rintis dan kajian sebenar.

Berdasarkan penyataan ini, dapatan analisis yang dilakukan dalam kajian sebenar mempunyai nilai kebolehpercayaan item lebih tinggi daripada nilai kebolehpercayaan item pada kajian rintis. Ini kerana pada kajian rintis terdapat item yang digugurkan dan tidak menepati standard model pengukuran Rasch setelah analisis dilakukan. Namun demikian, dapatan kajian rintis dan sebenar telah menghasilkan nilai kebolehpercayaan yang menepati dengan saranan Wright dan Masters (1982) dan Bond dan Fox (2007) yang menyatakan bahawa nilai melebihi 0.80 ialah nilai kebolehpercayaan item yang diterima kuat.

Dalam beberapa kajian pembinaan instrumen baharu yang menggunakan aplikasi model Rasch sebagai analisis data dalam penyelidikan seperti kajian oleh Mohamad Zaini dan Othman (2016) dan Yasin et al. (2015) mendapati pembinaan IPKGM mempunyai nilai kebolehpercayaan item yang lebih tinggi daripada kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


mereka. Ini kerana kajian Mohamad Zaini dan Othman dalam Pembinaan Instrumen Sikap Dan Persepsi Terhadap Akademik Dan Sahsiah mempunyai nilai kebolehpercayaan item 0.91 dan kajian Yasin pula dalam pembinaan item *Learning Transfer Item* mempunyai nilai kebolehpercayaan item 0.74. Maka dengan ini, terbukti bahawa item instrumen IPKGM yang dihasilkan mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi dan boleh diterima kuat. Tambahan pula, menurut parameter yang ditakrifkan oleh Linacre (2010), saiz sampel responden mungkin mencukupi untuk memberikan keyakinan 99% daripada sampel yang dianggarkan berada dalam lingkungan ±0.5 logit hasil analisis data mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi.

Oleh yang demikian, melalui analisis ini, nilai kebolehpercayaan dan pengasingan item telah berjaya diperoleh yang mana menunjukkan bahawa item yang dihasilkan mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi, pengasingan yang diterima serta menepati kriteria standard pengukuran yang ditetapkan. Maka dengan itu, dapatan ini telah menjawab persoalan kajian yang terkandung dalam objektif kajian berkaitan dengan kebolehpercayaan dan pengasingan item.

### 5.3.3.2 Pengasingan Item dan Responden

Pengasingan item adalah untuk mengesahkan hierarki sesuatu item dan item yang dihasilkan mempunyai strata kesukaran yang berbeza dan melebihi daripada strata minimum yang disyaratkan oleh Linacre (2006) iaitu 2 strata kesukaran. Ini adalah kerana, melalui kajian menunjukkan bahawa item yang dihasilkan di peringkat kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


rintis mempunyai nilai pengasingan 2.05 dan di peringkat kajian sebenar pula ialah 7.14. Dapatan ini menunjukkan bahawa di peringkat kajian rintis, instrumen dibezakan berdasarkan 2 strata kesukaran item yang berbeza dan di peringkat kajian sebenar pula dibezakan berdasarkan 7 strata kesukaran item yang berbeza.

Nilai pengasingan responden menunjukkan bilangan strata kebolehan responden memberikan persepsi yang dikenal pasti dalam kumpulan sampel yang diukur pada 2 ralat piawai. Bagi kajian ini, nilai pengasingan responden di peringkat kajian rintis adalah 3.83 dan di peringkat kajian sebenar adalah 4.35 yang menunjukkan bahawa nilai pengasingan responden bagi 50 orang di peringkat kajian rintis telah dibahagikan kepada 4 strata kebolehan dan 413 orang di peringkat kajian sebenar telah dibahagikan kepada 5 strata kebolehan bagi menjawab item yang diberikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dapatan ini menunjukkan item-item yang dihasilkan mempunyai strata kesukaran dan strata kebolehan yang berbeza bersesuaian dengan cadangan Linarce (2005) yang menyatakan nilai pengasingan melebihi 2 adalah baik. Malah hasil dapatan ini disokong oleh Adnan et al. (2019) dalam instrumen I-CGPKM yang dibina. Oleh yang demikian, melalui analisis ini, pengasingan item telah berjaya diperoleh yang mana menunjukkan bahawa item yang dihasilkan mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi, pengasingan yang diterima serta menepati kriteria standard pengukuran yang ditetapkan. Maka dengan itu, dapatan ini telah menjawab persoalan kajian yang terkandung dalam objektif kajian berkaitan pengasingan item dan responden.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 5.3.3.3 Kebolehpercayaan Ketekalan Dalaman

Bagi nilai Alpha Crobach pula, kajian sebenar mempunyai nilai yang lebih tinggi daripada kajian rintis. Dalam kajian ini nilai Alpha Crobach melebihi 0.90 dan mempunyai ukuran ketekalan dalaman. Ini bermakna dalam kajian ini, item-item yang dibina mempunyai hubungan yang rapat sebagai satu kumpulan. Namun dalam kenyataan McMillan dan Schumacher (2006), nilai antara 0.70 hingga 0.90 adalah nilai yang mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi dan boleh diterima. Manakala Hopkins (1990) pula berpendapat, nilai minimum 0.90 mempunyai kebolehpercayaan yang baik. Namun, Pallant (2016) berhujah bahawa dalam pembinaan instrumen yang baharu yang dibina pada awal penyelidikan memadai dengan nilai kebolehpercayaan 0.6 dan mencadangkan agar penyelidik menghasilkan item yang lebih banyak pada awal penyelidikan kerana kebiasaannya aka nada item yang akan digugurkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 5.3.3.4 Polariti Item

Pemeriksaan *Point Measure Correlation* (PTMEA CORR.) untuk mengesan item adalah bagi mengesan *polarity* item bertujuan untuk menguji sejauh mana pembinaan kostruk mencapai matlamatnya. Jika nilai yang terkandung dalam PTMEA CORR ialah positif (+), ia menunjukkan item mengukur konstruk yang hendak diukur (Bond & Ford, 2007). Manakala jika nilai PTMEA CORR adalah negatif (-), item tidak dibangunkan untuk mengukur konstruk yang hendak diukur dan menunjukkan bahawa jalinan respon pada item atau responden adalah bercanggah dengan konstruk iaitu item tidak bergerak selari dengan item yang lain untuk mengukur konstruk. Oleh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


hal yang demikian, ia perlu diperbaiki atau digugurkan kerana item tersebut tidak menjurus kepada soalan (tidak fokus) atau sukar dijawab oleh responden.

Bersangkutan hal ini, analisis data yang telah dilakukan menunjukkan nilai PTMEA CORR dalam kajian rintis dan kajian sebenar berada dalam nilai positif untuk kesemua item yang dibina dalam IPKGM. Manakala julat nilai PTMEA CORR dalam kajian rintis adalah diantaran 0.02 hingga 0.60 dan julat nilai PTMEA CORR dalam kajian sebenar ialah 0.33 hingga 0.73. Dapatan ini telah mengesahkan bahawa kesemua item bagi semua konstruk adalah mampu untuk mengukur konstruk yang ingin diukur kerana item yang dihasilkan tidak mempunyai nilai PTMEA CORR. yang negatif atau sifar. Oleh hal yang demikian, dapatan ini mengesahkan kesemua item bagi semua konstruk adalah mampu untuk mengukur konstruk yang ingin diukur kerana item yang dihasilkan tidak mempunyai nilai PTMEA CORR. yang negatif atau sifar.

Sehubungan dengan itu, melalui pengujian data dalam *polarity* item dapat menentukan item yang telah dibina ini berada dalam julat yang memenuhi kriteria yang ditetapkan iaitu berada dalam nilai positif. Oleh itu tiada item yang digugurkan pada peringkat ini. Namun dalam kajian rintis, terdapat satu item yang berada pada tahap nilai minimum iaitu 0.02, namun masih diterima kerana berada dalam nilai yang positif. Perbincangan di atas menjelaskan item yang dihasilkan tidak bercanggah dengan konstruk yang hendak diukur dan kesemua item adalah bergerak selari dalam mengukur konstruk.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 5.3.3.5 Kesesuaian *fit* Item

Dalam kajian ini, data politomus digunakan untuk memeriksa data bagi kesesuaian *fit* item. Data yang digunakan ialah data skala likert dengan lima mata persetujuan. Bond dan Fox (2007) berhujah kesesuaian item bagi mengukur konstruk yang dibina dapat dilihat melalui nilai yang terdapat pada indeks outfit Mean-Square (MNSQ). Nilai Outfit MNSQ yang dimaksudkan perlu berada pada julat diantara 0.6 sehingga 1.4 untuk skala likert data politomus untuk memastikan item yang dibangunkan adalah sesuai untuk mengukur konstruk. Sekiranya nilai yang diperolehi melebihi 1.4, ia menunjukkan item tersebut mengelirukan. Manakala jika nilai kurang daripada 0.6, ia menunjukkan item terlalu mudah untuk dijangka oleh responden.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam kajian rintis, terdapat 109 item IPKGM yang diuji. Melalui pengujian dan pemeriksaan ini, ia menunjukkan bahawa terdapat 10 daripada 109 item adalah *misfit* atau tidak *fit* dengan model. Hal ini adalah kerana melalui analisis membuktikan bahawa terdapat 10 item telah melebihi daripada nilai MNSQ 1.40. Oleh yang demikian, bagi tujuan meningkatkan kualiti instrumen untuk digunakan di peringkat kajian sebenar, item *misfit* ini telah digugurkan dari senarai item yang dihasilkan.

Manakala dalam kajian sebenar, sebanyak 92 item IPKGM yang diuji. Melalui pengujian dan pemeriksaan ini, ia menunjukkan bahawa terdapat 12 daripada 92 item adalah *misfit* atau tidak *fit* dengan model. Hal ini adalah kerana melalui analisis membuktikan bahawa terdapat 10 item telah melebihi daripada nilai MNSQ 1.40 dan 2 item kurang dari nilai MNSQ 0.6 Oleh yang demikian, bagi tujuan meningkatkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


kualiti instrumen untuk digunakan di peringkat kajian sebenar, item *misfit* ini telah digugurkan dari senarai item yang dihasilkan. Selain itu, nilai outfit ZSTD perlu berada dalam lingkungan -2 hingga +2 (Bond & Fox, 2015). Namun jika nilai outfit MNSQ diterima, indeks ZSTD boleh diabaikan (Linacre, 2010). Oleh itu jika syarat ini tidak ditepati, maka item boleh dipertimbangkan untuk disingkirkan atau dimurnikan.

Dalam kajian (Uto, 2021) menyatakan, dengan pelaksanaan kesesuaian fit item ini, item-item yang tidak padan *misfit* dapat disingkirkan. Penyingkiran item-item *misfit* berupaya mempertingkatkan kebolehpercayaan item dan yang secara tidak langsung memenuhi tujuan pengkalibrasian instrumen bagi memastikan pengukuran yang lebih tepat. Sementara itu, Smith et al. (2008) berpendapat item-item yang mempunyai nilai MNSQ bagi *infit* dan *outfit* mestilah dalam julat antara 0.6 hingga 1.4 logits. Item-item yang berada di luar julat ini berkemungkinan mengukur kehingaran yang tidak berkaitan dengan apa yang ingin diukur.

Melalui perbincangan di atas, item telah diuji dan disemak dengan kriteria yang dirujuk iaitu kesesuaian *(fit)* item. Oleh itu, item-item yang tidak menepati kriteria atau syarat yang diterima telah digugurkan. Ini memastikan bahawa setiap item sesuai dalam mengukur konstruk ciri-ciri kepimpinan guru dan meningkatkan kesahan serta kualiti IPKGM ini. Oleh yang demikian, berdasarkan dapatan membuktikan bahawa objektif kajian berkaitan dengan kesesuaian item (*fit*) telah dapat dicapai serta dapat menjawab persoalan kajian yang terkandung di dalamnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 5.3.3.6 Korelasi Residual Terpiawai Item

Pengujian data untuk menentukan sama ada item yang dibina bersandar antara satu sama lain atau tidak dengan menguji item-item tersebut melalui pengukuran nilai korelasi residual terpiawai. Jika nilai korelasi antara item menghasilkan nilai melebihi 0.7 menunjukkan bahawa item-item tersebut adalah saling bersandar dan tidak bersifat tunggal. Manakala, Linacre (2010) mencadangkan supaya hanya satu item sahaja digunakan dalam pengukuran jika terdapat pertindihan antara dua item walaupun berdasarkan teori ujian klasik menyatakan bahawa item-item yang mempunyai nilai korelasi titik-biserial yang tinggi mungkin dikatakan sebagai item yang terbaik.

Oleh itu, merujuk kepada analisis daripada dapatan kajian rintis terdapat mterdapat 10 pasang item yang mempunyai nilai korelasi yang tinggi iaitu pada nilai korelasi 1.00. Ini bermakna item-item ini mempunyai maksud pengukuran yang sama atau menggabungkan beberapa dimensi lain yang dikongsi bersama. Namun, pemilihan item yang akan digugurkan perlu dirujuk kepada nilai MNSQ item-item yang terlibat, iaitu melebihi nilai MNSQ 1.00. Sungguhpun begitu, penyelidik telah membaiki dan menyemak semula item yang bertindan sama ada item ini mempunyai maksud yang hampir sama atau sebaliknya dan boleh diuji dalam kajian sebenar. Oleh hal demikian, hanya 7 item yang digugurkan dari 10 item tersebut. Dalam kajian sebenar pula, tiada item yang melebihi nilai 0.7. Oleh itu, tiada item yang dikesan bertindan dengan item-item yang lain dan item tidak dikesan mempunyai ciri-ciri yang sama antara satu sama lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Hasil dapatan yang dilakukan mengesahkan bahawa kesemua dapatan ini menepati ciri-ciri yang dicadangkan oleh Linacre (2010). Item-item yang dibina juga telah digugurkan bagi mengesan *local dependence* iaitu sama ada item bersandar atau tidak di antara item dengan item yang lain dalam analisis korelasi item ini dan item yang kekal melepasi nilai korelasi yang sesuai dengan model pengukuran Rasch. Hasil dapatan ini membuktikan bahawa objektif kajian yang berkaitan dengan perkara ini telah dapat dicapai setelah persoalan-persoalan yang wujud dapat dijawab

**5.3.3.7 Peta Item-Individu**

*Peta Wright* memberikan gambaran dalam sesuatu ujian atau peperiksaan yang mempunyai jawapan dalam skala dengan meletakkan kesukaran item dalam sesuatu ujian atau peperiksaan pada skala pengukuran yang sama dengan keupayaan responden. Ini memberikan perbandingan antara responden dan item untuk lebih memahami sejauh mana sesuatu ujian atau peperiksaan itu diukur dengan tepat. Wright dan Masters (1982) menyatakan bahawa kalibrasi dilakukan iaitu kesukaran item dan persetujuan responden diletakkan di dalam satu skala yang tunggal dan boleh digunakan untuk menganggar keupayaan individu dalam penilaian.

Namun dalam kajian ini, item yang dibina adalah merujuk kepada penilaian kendiri ciri-ciri kepimpinan guru dan data bersifat politomus dengan skala likert lima mata, maka peta item-responden diaplikasikan kepada aras persetujuan responden dari aspek menilai diri sendiri atau responden dan bukannya mengukur aras kebolehan responden untuk menjawab setiap soalan. Kajian dalam menentukan aras kesukaran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


item dan persetujuan responden berasaskan data politomus ini juga telah dilakukan dalam kajian penyelidik seperti Rahayah Ariffin et al. (2010), Hassan (2011) dan Adzhar et al. (2017).

Taburan *Peta Wright* dalam dapatan data kajian rintis yang dilakukan menunjukkan julat kesukaran item dan persetujuan responden adalah agak berbeza iaitu aras persetujuan responden adalah lebih tinggi berbanding aras kesukaran item yang dibina. Ini menunjukkan bahawa persetujuan responden untuk memberikan persepsi bagi memperakui item adalah lebih tinggi berbanding tahap kesukaran item. Dapatan ini menunjukkan bahawa aras kesukaran item yang ditadbir kepada responden kajian adalah baik dan boleh diterima. Dalam kajian sebenar pula, julat kesukaran item dan persetujuan responden adalah agak berbeza iaitu aras persetujuan responden adalah lebih tinggi berbanding aras kesukaran item. Ini menunjukkan bahawa keupayaan responden untuk memberikan persepsi bagi memperakui item adalah lebih tinggi berbanding tahap kesukaran item. Dapatan ini menunjukkan bahawa aras kesukaran item yang ditadbir kepada responden kajian adalah baik dan boleh diterima. Tambahan pula, dalam kajian rintis dan sebenar ini menunjukkan nilai logit tertinggi responden lebih tinggi berbanding nilai logit bagi item.

Dalam paparan *Peta Wright* menunjukkan taburan hampir keseluruhan responden adalah berada pada ruangan positif. Manakala taburan item lebih teragih kepada ruangan positif iaitu item yang sukar dan ruangan negatif item yang mudah dipersetujui. Ini juga membuktikan bahawa taburan persetujuan responden di peringkat kajian rintis dan kajian sebenar adalah baik kerana responden berkemampuan untuk memberikan persepsi mereka dengan menjawab kesemua item

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


yang diberikan seperti yang dipaparkan di sepanjang kontinium skala logit berdasarkan model pengukuran Rasch.

Berdasarkan perbincangan ini, responden dapat memberikan persepsi yang baik dan menunjukkan kesemua item mampu untuk dipersetujui oleh responden. Taburan item juga menunjukkan aras kesukaran item yang hampir seimbang iaitu terdapat beberapa item yang sukar dan mudah untuk dipersetujui. Konklusinya, objektif kajian yang berkaitan dengan aras kesukaran dan persetujuan telah dapat dicapai kerana kesemua persoalan kajian yang berkaitan dengannya telah dapat dijawab.

#### 5.3.3.8 *Differential Item Functioning* (DIF)

Analisis *Differential Item Functioning* (DIF) dilakukan dalam kajian ini untuk mengesan item-item yang berkemungkinan berat sebelah atau bias dari aspek jantina. Penyataan ini selari dengan kajian yang dilakukan oleh Alavi dan Bordbar (2016) dan Hagquist dan Andrich (2017) yang turut bersetuju bahawa *Differential Item Functioning* (DIF) ialah elemen utama dalam menilai keadilan dan kesahan item dan menjadi salah satu sumber varians konstruk yang dicadangkan ke atas semua item instrumen yang ditadbir kepada kumpulan yang mempunyai pecahan kumpulan yang berbeza seperti jantina, bangsa, umur dan peringkat pendidikan yang boleh menyebabkan berat sebelah dan seterusnya menjejaskan kesahan item yang dibina.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Oleh hal yang demikian, bagi memastikan item yang dibina tidak berat sebelah bagi satu kumpulan yang berbeza, penyelidik melakukan kepada dua kumpulan jantina. Perkara ini dapat dilihat dalam analisis kajian rintis yang mana terdapat lima item menunjukkan nilai negatif pada DIF *Measure* di ruangan responden perempuan. Hal ini menunjukkan bahawa responden perempuan lebih mudah untuk mengesahkan lima item daripada 109 item yang dibina berbanding responden lelaki dan terdapat berat sebelah (*bias*) kepada perempuan yang dikesan pada item-item tesebut. Kelima-lima item itu digugurkan bagi memenuhi kriteria kesahan sesuatu intrumen.

Dalam kajian sebenar pula, terdapat 8 item yang tidak berada berada dalam kesignifikanan nilai t. Oleh itu, terdapat perbezaan yang signifikan dalam item IPKGM terhadap jantina dan ini menunjukkan bahawa terdapat berat sebelah (*bias*) terhadap lelaki dan perempuan dikesan pada item-item tesebut. Lapan item tersebut digugurkan daripada jumlah 92 item dalam kajian sebenar. Nilai DIF Measure juga mempunyai tanda yang sama dalam beberapa item yang digugurkan dan apabila penyelidik ingin mengklasifikasikan item tersebut, nilai DIF Measure yang tinggi akan diambil dan ia dapat menunjukkan bahawa 2 item yang sukar dijawab dalam kumpulan lelaki dan 6 item yang sukar di jawab dalam kumpulan perempuan.

Secara konklusinya, perbincangan di atas menunjukkan bahawa analisis DIF yang dilakukan dalam kajian rintis dan kajian sebenar dapat menguji item yang dikesan mempunyai *bias* terhadap kumpulan jantina iaitu lelaki dan perempuan dan dapat menjawab objektif kajian dan persoalan kajian. Hasil dapatan menunjukkan, terdapat item yang gugurkan setelah ia dikesan mempunyai DIF terhadap jantina di peringkat kajian rintis dan kajian sebenar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 5.3.3.9 Kefungsian Struktur Kategori Skala Pengukuran

Semakan terhadap kefungsian struktur kategori skala pengukuran menunjukkan keserasian dan kesesuaian skala yang digunakan dalam pembinaan IPKGM ini. Dalam kajian ini, skala Likert lima mata telah digunakan iaitu 1 = Sangat tidak setuju, 2 = Tidak Setuju, 3 = Kurang Setuju, 4 = Setuju, 5 = Sangat Setuju. Dapatan juga membuktikkan kategori yang sering dipilih oleh responden ialah kategori 5 (52%), diikuti oleh kategori 4 (45%), kategori 3 (2%), kategori 2 (0%) dan kategori 1 (0%). Kategori 3, 2 dan 1 didapati tidak menepati kriteria responden untuk dipilih sebagai pilihan skala. Analisis juga menunjukkan bahawa, bilangan yang diperhatikan pada kategori 3,2 dan 1 pemerhatian iaitu lebih kecil berbanding dengan kriteria yang ditetapkan. Berdasarkan semakan kategori melalui rajah lengkuk kebarangkalian kategori 3,2 dan 1 juga menunjukkan sempadan yang agak kecil berbanding sempadan kategori 4 dan 5.

Analisis ini menunjukkan responden memilih skala berdasarkan pengukuran item yang diukur dan mengikut penilaian kendiri responden sendiri. Rajah lekuk menunjukkan pilihan sangat setuju dan setuju menjadi pilihan responden untuk menentukan setiap kefungsian struktur dan kesesuaian skala yang dipilih dan menentukan kategori skala yang mana harus dipilih bagi meningkatkan lagi kebolehpercayaan dan kesahan IPKGM yang dibina. Jika dilihat analisis ini, nilai pengasingan responden yang lebih besar menjadi keutamaan dalam pemilihan kesesuaian kategori skala melalui perbezaan bagi nilai setiap skala. Oleh yang demikian, kesemua skala yang terdapat dalam pembinaan IPKGM ini dikekalka oleh penyelidik sebagai skala pengukuran bagi mengukur ciri-ciri kepimpinan guru dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


pelaksanaan kepimpinan guru berdasarkan konstruk komitmen guru, kompetensi guru dan kecerdasan emosi guru dalam IPKGM ini.

### 5.3.3.10 Unidimensi

Analisis unidimensi dilakukan dalam kajian sebenar dengan menggunakan 92 item IPKGM kepada 413 orang sampel kajian. Analisis unidimensi menunjukkan konstruk yang diukur bersifat selaras dan searah. Item IPKGM yang mengukur tiga konstruk utama iaitu komitmen guru, kompetensi guru dan kecerdasan emosi guru adalah bersifat unidimensi dengan mematuhi syarat-syarat unidimensi yang ditetapkan oleh model pengukuran Rasch iaitu *raw variance explained by measure* melebihi 40% dan variance *explained by 1st, 2nd, 3rd and 4th factor* kurang daripada 10%. Dapatan ini mencukupi untuk menentukan item IPKGM yang dibina adalah hanya mengukur konstruk yang telah ditetapkan.

Analisis juga dilakukan kepada kesemua item dalam konstruk yang berbeza. Konstruk yang meliputi komitmen guru, kompetensi guru dan kecerdasan emosi guru. Penelitian ke atas jadual *Standard Residual Variance* hasil analisis kajian sebenar mendapati ketiga-tiga konstruk yang dianalisis bersifat unidimensi. Dua kriteria untuk menguji unidimesi telah ditepati iaitu nilai *Principal Component Analysis* (PCA) berdasarkan *variance explained by measure* dan nilai varians pada *unxplained variance by 1st contrast* (size) serta penilaian item yang mempunyai nilai kebebasan setempat. Dapatan kajian ini memperoleh nilai PCA 47.9% bagi ketiga-tiga konstruk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


yang dianalisis. Ini menunjukkan konstruk yang dikaji memenuhi syarat unidimensi dan setiap item dapat mengukur konstruk yang dikaji.

Dalam kajian Adzhar et al. (2017) Pembangunan Instrumen Penerimaan E-Pembelajaran Pelajar Pascasiswazah Menggunakan Analisis Rasch menunjukkan instrumen yang dibina mempunyai ciri unidimensi yang baik dengan peratus *varinace explained by measure* ialah 48.50% melebihi nilai 40%. Namun dalam kajian ini juga menyatakan terdapat tiga alat ukuran yang boleh digunakan untuk menilai psikometrik unidimensionaliti iaitu dengan melakukan semakan terhadap nilai PTMEA CORR. dengan menunjukkan nilai positif, semakan terhadapt kesepadanan item dan yang ketiga melaksanakan prosedur analisis mengesahkan unidimensi. Oleh hal yang demikian, hasil penelitian menunjukkan item IPKGM ini mampu mengukur konstruk yang ingin diukur ini kerana item tersebut mempunyai ciri-ciri item bersifat tunggal.

## 5.4 Kesimpulan Kajian

Kajian ini telah dilakukan bagi tujuan pemeriksaan kefungsian item terhadap instrumen IPKGM yang dibangunkan dengan menggunakan pendekatan model pengukuran Rasch, seterusnya mengesahkannya sebagai satu instrumen yang mampu untuk mengukur ciri-ciri kepimpinan guru dalam pelaksanaan kepimpinan guru di sekolah. Kesemua kriteria yang ditetapkan dalam model pengukuran Rasch telah dipatuhi iaitu seperti yang disarankan oleh Bond dan Fox (2007) dalam menentukan nilai kebolehpercayaan yang diterima dan kesesuaian (*fit*) item terhadap model

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


berdasarkan nilai MNSQ. Selain itu, Linacre (2006) juga mencadangkan kriteria yang perlu dipatuhi dalam menghasilkan item yang berkualiti seperti kriteria penentuan item yang selari dengan item yang lain untuk mengukur konstruk dengan merujuk nilai *Point Measure Correlation*.; indeks pengasingan yang baik dan nilai korelasi yang dibenarkan.

Kajian ini telah menghasilkan item yang mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi, maka item-item adalah stabil dan tekal serta mampu untuk ditadbir oleh responden yang lain dengan ciri-ciri yang sama atau hampir sama. Item yang dihasilkan juga mempunyai aras kesukaran item dan kebolehan responden yang boleh dibezakan berdasarkan nilai pengasingan yang diperoleh iaitu menunjukkan pengasingan item dan responden adalah boleh diterima. Kajian juga telah memastikan bahawa *polarity* item yang terhasil berdasarkan analisis yang dilakukan terhadap item IPKGM. Ekoran daripada hasil analisis didapati, keseluruhan nilai PTMEA CORR. adalah positif dan ini menunjukkan bahawa item yang dihasilkan dapat mengukur konstruk yang hendak diukur, bergerak menghala ke satu arah dengan konstruk dan tidak bercanggah dengan konstruk yang hendak diukur. Jika nilai PTMEA CORR. adalah tinggi, maka item tersebut berupaya untuk membezakan kemampuan antara responden.

Secara konklusinya, berdasarkan dapatan kajian yang diperoleh membuktikan bahawa ketiga-tiga persoalan kajian dapat dijawab dan objektif kajian telah dapat dicapai. IPKGM yang dibina bagi mengukur ciri-ciri kepimpinan guru dalam pelaksanaan kepimpinan guru berdasarkan konstruk komitmen guru, kompetensi guru dan kecerdasan emosi guru telah berjaya dihasilkan setelah melalui prosedur

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


pengujian dan pemeriksaan model pengukuran Rasch. Instrumen ini telah disahkan serta mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi dan boleh digunakan kerana mampu untuk mengukur apa yang hendak diukur.

## 5.5 Implikasi Kajian

Dapatan kajian ini mempunyai implikasi teoritikal dan praktikal. Kedua-duanya dibincangkan mengikut sub tajuk seperti berikut:

### 5.5.1 Implikasi Teoritikal

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kepimpinan guru yang dikaji merupakan realiti yang perlu ada kepada guru dalam perkhidmatan. Pelaksanaan kepimpinan guru yang berkesan di sekolah perlu memenuhi ciri-ciri kepimpinan guru dalam mempengaruhi murid, rakan sejawat dan ahli komuniti sekolah yang lain untuk memperbaiki amalan pengajaran dan pembelajaran dengan tujuan meningkatkan pembelajaran dan pencapaian pelajar. Model Pembangunan Profesionalisme Guru memberi penegasan untuk menjadi guru yang berkualiti dari segi profesionalisme, kompetensi dan keberkesanan mengajar perlu memahami tiga aspek utama iaitu amalan nilai profesional, pengetahuan dan kemahiran. Sememangnya tiga aspek utama menjurus kepada elemen kompetensi guru iaitu salah satu elemen untuk mengukur ciri-ciri kepimpinan guru. Tambahan pula, elemen komitmen guru dan kecerdasan emosi guru juga dalam penilaian ciri-ciri kepimpinan guru memberikan satu ruang yang luas kepada guru untuk membentuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


kepimpinan guru dan memantapkannya dalam menghasilkan guru yang berkualiti dalam mempertabat profesion keguruan.

Di samping itu, Teori Kepimpinan Guru menekankan bahawa kesedaran guru-guru dalam sistem pendidikan yang sentiasa berubah ini memerlukan guru dalam perkhidmatan ini memahami pelaksanaan kepimpinan guru di sekolah untuk menyampaikan proses pengajaran dan pembelajaran yang efisien kepada murid. Guru akan sentiasa terdedah tentang perubahan dalam sistem pendidikan oleh pihak-pihak atasan, namun kerjasama dalam kalangan guru-guru adalah penting untuk menangani situasi tersebut dengan baik. Komitmen guru yang sihat sesama guru adalah asas untuk merancang, mengambil keputusan, membuat refleksi, menangani masalah di samping berkongsi kepakaran dan kemahiran dalam hal-hal yang berkaitan dengan sekolah, terutamanya yang melibatkan pelajar. Ringkasnya, sikap kerjasama secara kolektif merupakan perkara asas dalam kepimpinan guru. Seorang guru yang bagus mempunyai nilai peribadi dan kecerdasan emosi yang sangat baik. Pelajar sentiasa tertarik kepada guru yang mempunyai personaliti yang baik.

Dalam situasi ini, guru berada pada tahap mencapai domain dan teras yang terdapat dalam Kerangka Standard Guru Malaysia 2.0 yang dikaji iaitu keterbukaan untuk memikul tanggungjawab yang diberikan kepada guru. Domain dan teras itu secara langsung memberi pendedahan kepada guru memahami tanggungjawab seorang guru itu bukan sahaja dalam pada diri guru itu sendiri malah kepada murid, sekolah, masyarakat, komuniti dan ibu bapa dan profesion keguruan. Panduan Kerangka Standard Guru Malaysia 2.0 dapat dijadikan kayu pengukur dalam membina kapasiti kepimpinan guru sebagai salah satu strategi pembaharuan yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


digunakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia yang komited kepada dalam penambahbaikan dalam merancang keperluan pembangunan profesionalisme guru.

Matlamat ini jelas dan sejajar bagi melestarikan pendidikan berkualiti yang menjadi syarat utama bagi memastikan kemenjadian murid. Melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 secara jelas menerangkan hasrat ini boleh dicapai oleh guru yang berkepimpinan. Guru perlulah mempunyai komitmen guru yang dapat dihasilkan rentetan daripada konsep pembangunan profesionalisme keguruan Kementerian Pendidikan Malaysia bermula daripada fasa pra perkhidmatan, awal perkhidmatan dan pemantapan kerjaya guru. Hal ini dikatakan demikian kerana komitmen guru yang ada pada setiap guru dapat memberi perubahan dalam membentuk kepimpinan guru.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Elemen komitmen guru yang memerlukan guru bertanggungjawab terhadap profesion, sekolah, pengajaran dan pembelajaran dan murid dalam membentuk ciri kepimpinan guru ini sangat digalakkan. Komimen guru dalam pelaksanaan kepimpinan guru mempunyai implikasi terhadap guru kerana seorang guru yang mempunyai komitmen mampu menunjukkan hasil terhadap kerja mereka. Malah, komitmen guru telah diiktiraf sebagai salah satu faktor yang paling kritikal dalam pengajaran yang berkesan. Oleh itu, guru yang mempunyai komitmen yang tinggi boleh membuat perubahan kepada pembelajaran dan pencapaian murid mereka sekaligus dapat menjadi guru yang komited mempunyai kecenderungan untuk melaksanakan peranan dengan berkesan yang diperlukan dengan mewujudkan hubungan guru dan murid yang baik selaras dengan nilai profesional. Komitmen guru ini membenarkan guru bertanggungjawab dalam tugasan yang digalas. Walau

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


bagaimanapun, dalam pertembungan tanggungjawab guru dan nilai kerjaya, semuanya mempunyai kepentingan dedikasi dalam komitmen guru.

Bertitik tolak dengan kenyataan di atas, seorang guru yang memilih profesion keguruan juga memberikan komitmen yang tinggi kepada bidang yang dipilih. Ini kerana komitmen guru mempunyai kaitan dengan kepuasan bekerja secara positif yang merangkumi komitmen guru terhadap profesion, sekolah, pengajaran dan pembelajaran dan murid. Guru yang mampu mempengaruhi murid adalah guru yang melibatkan diri dalam kepimpinan guru. Keberkesanan penilaian ciri-ciri kepimpinan guru adalah berkemungkinan berkaitan dengan imej diri guru yang professional. Begitulah cara seseorang guru menilai dirinya sendiri mengenai kebolehan pedagogi dan interpersonal yang dianggap penting untuk pelaksanaan kepimpinan guru di sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Situasi ini seolah-olah menggambarkan seorang guru yang berkepimpinan mempunyai sifat dan ciri kualiti peribadi dan profesional semata-mata, tetapi juga dari segi kecerdasan emosi. Hal ini disebabkan oleh guru yang mempunyai kecerdasan emosi yang baik mampu melibatkan diri dalam kepimpinan guru, boleh mengenali emosi murid mereka, berkembang secara positif melalui sikap terhadap diri sendiri dan merasakan mereka cekap untuk membantu murid mereka. Dalam situasi ini, guru perlu berada pada tahap mencapai ciri-ciri kecerdasan emosi yang dikaji iaitu kesedaran kendiri, pengawalan kendiri, motivasi kendiri, empati dan kemahiran sosial. Elemen kecerdasan emosi ini secara langsung memberi pendedahan kepada guru dalam memahami tanggungjawab kepimpinan guru itu bukan sahaja dalam pada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


diri guru itu sendiri malah dalam memahami emosi murid, rakan sejawat dan masyarakat.

### 5.5.2 Implikasi Praktikal

Kajian ini juga telah memberikan beberapa implikasi praktikal, yang dilihat dari pelbagai sudut dan perspektif berdasarkan kepada pemboleh ubah-pembolah ubah yang dikaji. Penilaian kendiri oleh guru adalah asas kepada amalan reflektif yang menyumbang kepada pembangunan profesional guru. Instrumen ialah alat penilaian yang berfungsi sebagai panduan untuk menilai diri sendiri. Dalam hal ini, guru diberi pendedahan dalam menilai ciri-ciri kepimpinan guru yang terdapat dalam IPKGM. IPKGM ini mengandungi konstruk, sub konstruk dan item yang mampu mengukur ciri kepimpinan guru yang terdapat dalam diri guru itu sendiri. IPKGM ini dibangunkan dengan mempunyai garis panduan dan alat untuk menilai prestasi guru dalam membantu guru membuat penilaian kendiri guru.

IPKGM juga merupakan satu instrumen yang mempunyai konstruk yang berkaitan dengan elemen kepimpinan guru. Dalam kesinambungan dengan instrumen yang sedia ada, IPKGM ini telah berusaha untuk membangunkan garis panduan bersama-sama dengan alat untuk menilai ciri-ciri kepimpinan guru dan IPKGM ini diberikan kepada guru dan pihak berkepentingan untuk diguna pakai sebagai penilaian kendiri, aktiviti pembangunan profesional berterusan dan dalam pelaksanaan kepimpinan guru di sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Pendekatan menggunakan IPKGM secara individu memberi peluang untuk mengenal pasti ciri-ciri kepimpinan guru yang ada dalam diri mereka. Guru seharusnya mengetahui diri sendiri kerana mereka lebih memahami diri mereka dan mereka seharusnya bersikap jujur dalam menilai diri sendiri. Tambahan pula, guru ini dikategorikan sebagai kepimpinan guru kerana guru sememangnya seorang pemimpin secara langsung. Namun begitu, ini tidak bermaksud bahawa mereka berada dalam golongan pentadbir. Pentadbir masih dilabel sebagai pemimpin dalam kelompok pentadbir dan guru masih menerima arahan daripada mereka.

Oleh itu, penilaian oleh pihak pentadbiran juga harus mantap untuk membantu dan membimbing serta membaiki kelemahan-kelemahan guru ini dari aspek personaliti, sahsiah dan kepimpinan serta mencungkil keistimewaan yang mereka miliki ke satu tahap lonjakan yang mampu membanggakan semua pihak. Bersangkutan hal ini, guru besar, pengetua dan pihak pentadbiran juga digalakkan menggunakan IPKGM untuk menilai prestasi guru, menyokong mereka melalui program pembangunan guru yang sesuai, menjadikan guru bertanggungjawab terhadap tanggungjawab mereka serta sentiasa mengingatkan mereka bahawa mereka adalah guru yang terlibat dalam pelaksanaan kepimpinan guru.

Selain itu, guru perlu mengenali diri mereka sendiri sebagai seorang yang profesional dalam profesion keguruan. Guru yang dikurniakan pengetahuan, sikap, kecekapan, komitmen, keupayaan refleksi dan peka bukan sahaja kepada murid dan sekolah tetapi juga perspektif sosial yang lebih besar kepada masyarakat. Ciri-ciri kepimpinan guru menonjolkan kepentingan refleksi terhadap kepimpinan guru, komitmen guru, kompetensi guru dan kecerdasan emosi guru seseorang guru itu untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


menjadi lebih berperikemanusiaan dan profesional dalam bidang keguruan. Dengan penilaian kendiri yang dilakukan oleh guru terhadap diri mereka, mereka akan mengetahui sejauh mana tahap mereka dalam item-item yang terdapat dalam IPKGM. Jika mana-mana guru mempunyai ciri-ciri kepimpinan guru yang rendah ketika menilai diri mereka sendiri, mereka boleh mengambil inisiatif untuk membaiki diri mereka kearah membentuk kepimpinan guru.

Malah, jika IPKGM ini ditadbir oleh pentadbir dalam sesuatu seminar atau kursus, pihak pentadbir boleh mengenalpasti guru-guru yang kurang mempunyai ciri-ciri kepimpinan guru dan harus diberi perhatian. Ini kerana dunia pendidikan sentiasa mengalami perubahan mengikut perkembangan dan tuntutan semasa. Segala dasar dan perubahan yang diperkenalkan menuntut seluruh warga pendidik memahami, menghayati dan melaksanakannya dengan sebaik mungkin. Dalam situasi ini, ciri-ciri kepimpinan guru dilihat dapat membantu guru menjadi satu elemen penting untuk menghadapi perubahan dalam pendidikan terutama dalam pelaksanaan kepimpinan guru di sekolah.

Pelaksanaan kepimpinan guru di sekolah juga merupakan agenda yang penting dalam memartabatkan profesion keguruan. Kepimpinan guru ini telah merupakan satu proses. Pemimpin guru adalah guru yang profesional yang menjalankan proses untuk memimpin perubahan di sekolah dan memberi manfaat semua murid. Guru melangkah keluar dari pintu bilik darjah mereka dan menerima cabaran untuk meningkatkan amalan mereka melalui bekerja dengan rakan sejawat, pentadbiran sekolah, murid dan ibu bapa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Namun ia berlaku salah satu kekeliruan dalam mentakrifkan kepimpinan guru dan mengenal pasti kepimpinan guru ialah kepimpinan tidak terdapat pada sesuatu jawatan atau gelaran. Di kebanyakan sekolah terdapat guru yang dilantik sebagai ketua jabatan peringkat gred mereka, tetapi dinamakan sebagai guru besar atau pengetua tidak sama dengan menjadi pemimpin guru. Pelaksanaan kepimpinan guru ini memang bertujuan diberikan kepada guru kerana tugas mereka memimpin murid di dalam dan di luar bilik darjah. Malah guru bekerja secara kolaboratif bersama rakan sejawat dan mempunyai hubungan yang baik dengan ibu bapa dan masyarakat.

Justifikasinya, semua guru mengikuti pengajian dalam bidang pendidikan. Tempoh pengajian berbeza mengikut bidang yang diceburi namun ia tetap sebagai latihan untuk mempelajari pelbagai teori, subjek dan silibus berkaitan program pendidikan yang ditawarkan oleh pihak institusi pendidikan kepada mereka. Selama tempoh pengajian itu juga, guru akan menjalani latihan praktikum sebagai pendedahan awal untuk mengadaptasi budaya sekolah dari aspek pelajar, pengurusan dan pentadbiran, pedagogi dan isi kandungan mata pelajaran serta kaedah pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, guru ini juga diberi tugasan dalam bidang kokurikulum dan tugas-tugas semasa yang diberikan oleh pihak pentadbir. Bersangkutan hal ini, ciri kepimpinan guru itu seharusnya dimiliki oleh semua guru kerana semua guru melalui satu proses pengambilan guru yang sama.

Oleh hal yang demikian, pelaksanaan kepimpinan guru ini harus diterapkan di sekolah dan guru juga sentiasa bersikap sebagai pemimpin kerana guru menunjukkan ciri-ciri tertentu yang menentukan guru itu mempunyai ciri-ciri kepimpinan guru atau

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


tidak. Walaupun hakikatnya, semua guru memiliki beberapa sifat ini, hanya guru yang konsisten dapat menyepadukan mereka ke dalam pelaksanaan kepimpinan guru.

## 5.6 Sumbangan Kajian Terhadap Teori

Kajian-kajian berkaitan dengan kepimpinan guru telah banyak dijalankan sama ada di dalam mahupun luar negara. Walau bagaimanapun kajian-kajian tersebut melihat kesediaan guru-guru dalam kepimpinan guru menggunakan instrumen berkaitan dengan kepimpinan guru seperti *Teacher Leadership School Survey (TLSS), Teacher Leadership Program Readiness Surveys (2016), Teacher Leadership: An Assessment Framework for an Emerging Area of Professional Practice* (2010) dan *The Center for Strengthening the Teaching Profession* (CSTP). Selain itu, terdapat juga kajian berkaitan Pembangunan Model Kepimpinan Guru, Hubungan Kepimpinan Guru, Pengaruh Kepimpinan Guru dan beberapa kajian berkaitan pembinaan instrumen kepimpinan guru dalam konstruk yang tertentu. Dengan keadaan sedemikian, penyelidik telah memfokuskan subjek kajian kepada guru untuk penilaian kendiri kepimpinan guru dalam pelaksanaan kepimpinan guru di sekolah menggunakan IPKGM yang terdapat konstruk komitmen guru, kompetensi guru dan kecerdasan emosi guru.

IPKGM ini dibina oleh penyelidik dengan menggunakan teori dan model yang akan digunakan ialah Teori Kepimpinan Guru Katzenmeyer dan Moller (2009), Model Pembangunan Profesionalisme Guru, Komitmen Guru Firestone dan Rosenblum (1988), Teori Kompetensi Spencer dan Spencer (1993) dan Kecerdasan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Emosional Goleman (1995) sebagai model sandaran bagi konstruk yang dibina. Namun penyelidik akan menjelaskan juga teori-teori berkaitan dengan Model Pembinaan Instrumen sebagai garis panduan pembinaan instrumen dan Model Pengukuran Rasch sebagai model yang mendasari analisis data. Bagi mengukur penilaian kendiri kepimpinan guru, IPKGM ini diberikan kepada guru. Skala lima mata IPKGM ini menetukan sejauh mana aspek komitmen guru, kompetensi guru dan kecerdasan emosi guru diaplikasikan dalam penilaian kendiri kepimpinan guru dalam pelaksanaan kepimpinan guru di sekolah.

Berdasarkan analisis data dalam dapatan kajian, ini dapat dirumuskan bahawa dapatan kajian ini memberi impak yang positif dan sumbangan teori yang diguna pakai, malah memberikan pendedahan yang berkesan dalam mengukur penilaian kendiri pemimpin guru dalam pelaksanaan kepimpinan guru di sekolah menggunakan IPKGM yang diedarkan kepada guru. Dapatan-dapatan yang diperoleh daripada kajian ini dapat juga membantu menambah baik dan menyokong teori-teori sedia ada dengan penambahbaikan dan cadangan-cadangan yang diberi hasil dari kajian yang dijalankan.

### 5.6.1 Sumbangan Kajian Terhadap Teori Kepimpinan Guru Katzenmeyer dan Moller (2009)

Pelaksanaan kepimpinan guru di sekolah merupakan salah satu faktor penting dalam usaha untuk meningkatkan tahap pelibatan murid di dalam bilik darjah demi kecemerlangan sekolah di samping melahirkan modal insan yang holistik serta membantu rakan sejawat, pihak sekolah, ibu bapa dan masyarakat. Oleh itu, guru

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


perlu mempunyai ciri-ciri kepimpinan guru dalam diri dan menukar tanggapan bahawa kepimpinan itu bukan hanya kepada pengetua, malah guru juga sebagai pemimpin. Guru perlu bersedia melibatkan diri dalam kepimpinan guru berdasarkan beberapa konstruk dan sub konstruk yang telah dibangunkan oleh penyelidik berkaitan dengan kepimpinan guru. Dalam kajian ini Teori Kepimpinan Guru Katzenmeyer dan Moller yang menjadi asas sebahagian konstruk yang terdapat dalam IPKGM.

Teori Kepimpinan Guru Katzenmeyer dan Moller memberi tujuh dimensi yang perlu diaplikasikan oleh guru untuk kepimpinan guru. Dimensi-dimensi ini sangat berguna kepada guru sebagai langkah pendedahan melibatkan diri dalam kepimpinan guru. Misalnya, dimensi keserakanan dalam Teori Kepimpinan Guru Katzenmeyer dan Moller amat penting untuk pemupukan budaya kerjasama untuk menyokong perkembangan rakan guru dan pembelajaran iaitu guru perlu melibatkan diri untuk membimbing rakan sekerja bagi tujuan penambahbaikan proses pengajaran dan pembelajaran pelajar dan juga pengurusan sekolah. Dimensi ini menjadi sandaran kepada pembentukan item-item dalam IPKGM.

Hasil kajian juga menunjukkan Teori Kepimpinan Guru Katzenmeyer dan Moller membuktikan kepimpinan guru melibatkan guru perlu mendalami dimensi dalam teori kepimpinan guru ini. Oleh yang demikian, kajian ini yang menggunakan Teori Kepimpinan Guru Katzenmeyer dan Moller sebagai sandaran kepada hubungan dengan konstruk yang berkaitan mampu menjadi taburan item yang seimbang dari aspek aras kesukarannya dan menepati definisi konstruk, sub konstruk serta item yang dihasilkan. Item yang dihasilkan mempunyai kebolehpercayaan yang sangat baik hasil

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


dari semakan dan persetujuan pakar-pakar yang dipilih. Bersangkutan hal ini, setelah terhasilnya item bagi instrumen IPKGM ini, dimensi asal yang terdapat dalam teori ini dapat ditambah baik dengan menambah beberapa elemen yang lain melalui proses penambahbaikan.

Malah, Teori Kepimpinan Guru Katzenmeyer dan Moller ini juga apabila dianalisis, ia dapat menghubungkaitkan dengan pelbagai konstruk yang lain dan terdapat dalam kajian yang lain. Secara langsung, IPKGM yang dibina dengan bersandarkan Teori Kepimpinan Guru Katzenmeyer dan Moller ini dapat membantu guru-guru menilai ciri-ciri kepimpinan guru dan melaksanakan kepimpinan guru di sekolah. Teori Kepimpinan Guru Katzenmeyer dan Moller ini dapat dikolaborasi dengan konstruk yang lain dan dapat memberi peluang kepada Teori yang lain untuk disebarluaskan perincian bagi setiap item yang terdapat dalam IPKGM ini.

### 5.6.2 Sumbangan Kajian Terhadap Komitmen Guru Firestone dan Rosenblum (1988)

Dalam Komitmen Guru Firestone dan Rosenblum ini, penyelidik menggunakan keseluruhan konstruk dan sub kontruk yang terdapat dalam konstruk ini. Komitmen Guru Firestone dan Rosenblum ini merupakan *Multidimensional Construct*. Ia merujuk kepada sekolah sebagai organisasi, murid, profesion keguruan atau pengajaran bilik darjah mereka yang berkaitan dengan sikap dan ciri-ciri seorang guru. Sebagai seorang guru yang mempunyai komitmen yang tinggi akan menunjukkan minat kepada organisasi atau sekolah dan bagi guru yang tidak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


mempunyai komitmen yang tinggi mungkin mempunyai hasrat untuk kekal atau meninggalkan sesebuah organisasi atau sekolah.

Pelaksanaan kepimpinan guru di sekolah menghasilkan penemuan elemen-elemen yang penting dalam menilai ciri-ciri kepimpinan guru. Komitmen Guru Firestone dan Rosenblum merupakan sandaran kepada konstruk komitmen guru yang digunakan untuk membentuk sub konstruk dan item dalam IPKGM. Hasil kajian dan dapatan soroton literatur menunjukkan hubungan antara komitmen guru dalam kepimpinan guru. Komitmen guru mampu diperincikan sebagai item yang dapat mengukur ciri-ciri kepimpinan guru. Dalam pelaksanaan kepimpinan guru di sekolah, komitmen guru memainkan peranan yang penting. Prestasi unggul guru dalam memimpin dibentuk melalui komitmen guru yang tinggi serta mampu untuk merancang tugas dengan pencapaian yang luar biasa.

Selain itu, kajian berkaitan dengan komitmen guru ini telah dilakukan secara meluas. Namun ia amat berbeza antara komitmen guru dan komitmen organisasi. Malah komitmen guru ini menjurus kepada usaha atau kebolehan guru kepada murid, profesion keguruan, sekolah dan pengajaran dan pembelajaran yang merupakan asas kepada ciri-ciri kepimpinan guru. Komitmen guru dalam bidang pendidikan bukanlah sesuatu yang tetap, ia boleh berubah mengikut diri guru itu sendiri malah ia juga bergantung kepada usaha dan motivasi dari diri sendiri dan sokongan persikataran. Oleh kerana persekitaran yang sering berubah, maka adalah perlu seseorang guru melakukan penilaian kendiri terhadap diri sendiri.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Sehubungan dengan itu, konstruk komitmen guru yang dikaji dan menjadi konstruk dalam IPKGM merupakan sesuatu yang baharu dan dapat diterima sebagai salah satu konstruk yang dapat menilai ciri-ciri kepimpinan guru. Dapatan item menunjukkan item yang dibina mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi dan hasil semakan pakar juga diterima dengan baik. Pendekatan penilaian komitmen guru dalam kepimpinan guru melihat lebih mendalam berkaitan ciri-ciri kepimpinan guru. Melalui pengukuran ini, seseorang guru dapat mengetahui apakah mereka memiliki komitmen dalam pelaksanaan kepimpinan guru di sekolah. Sekiranya belum mencapai, maka perlulah dilakukan penambahbaikan dengan cara yang sesuai oleh usaha guru itu sendiri atau pihak pentadbir.

### 5.6.3 Sumbangan Kajian Terhadap Teori Kompetensi Spencer dan Spencer (1993)

Dalam kajian ini, elemen kompetensi guru dilihat mempunyai hubung kait dengan kepimpinan guru. Kompetensi guru dalam kajian ini meliputi tiga sub konstruk iaitu pengetahuan, kemahiran dan nilai peribadi bersandarkan Teori Kompetensi Spencer dan Spencer sebagai teori sandaran. Berdasarkan Teori ini dapat disimpulkan bahawa sebagai guru perlulah menguasai ilmu pengetahuan, kemahiran dan nilai peribadi dan dijelmakan dalam item IPKGM untuk penilaian kepimpinan guru dalam diri guru sendiri. Guru yang mempunyai kompetensi adalah guru yang mampu untuk menjadi melaksanakan kepimpinan guru di sekolah. Oleh itu, bagi mengukur konstruk kompetensi guru dalam kepimpinan guru perlulah mempunyai satu penilaian yang khusus untuk guru menilainya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Asas penggunaan Teori Kompetensi Spencer dan Spencer ini adalah meluas dalam bidang penyelidikan di Malaysia mahupun di luar negara. Ia dikaji mengikut bidang yang diminati oleh penyelidik. Terdapat kajian kompetensi dalam pelaksanaan amalan profesionalisme guru kaunselor, pembinaan instrumen yang memfokuskan kepada kompetensi guru dan pembinaan model berkaitan dengan kompetensi guru. Namun dalam kajian ini, teori ini digunakan sebagai sandaran kepada pembinaan konstruk dalam penilaian ciri-ciri kepimpinan guru. Sumbangan ini dilihat sebagai sesuatu yang baharu sebagai elemen dalam penilaian ciri-ciri kepimpinan guru. Dan sememangnya dalam pelaksanaan kepimpinan guru memerlukan kompetensi bagi meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan nilai peribadi. Oleh itu elemen yang terdapat dalam teori dijadikan satu konstruk dalam IPKGM merupakan satu garis panduan atau standard khusus untuk mengukur ciri-ciri kepimpinan guru.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 5.6.4 Sumbangan Kajian Terhadap Teori Kecerdasan Emosi Goleman (1995)

Teori Kecerdasan Emosi Goleman merupakan model sandaran yang digunakan dalam pembinaan konstruk kecerdasan emosi dalam IPKGM. Aplikasi teori ini di dalam IPKGM menggunakan kecerdasan emosi sebagai konstruk utama dan lima sub konstruk yang lain sebagai panduan kepada setiap item yang dibina. Kecerdasan emosi dalam pelaksanaan kepimpinan guru di sekolah merupakan elemen yang penting. Sebagai seoang guru, kecerdasan emosi ini sangat diperlukan dalam pelaksanaan kepimpinan guru. Sebagai seorang guru, mereka perlu faham, teliti dan hayati Teori Kecerdasan Emosi Goleman ini dan jadikan sebagai panduan lengkap untuk menjadi seorang guru yang berkepimpinan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Kajian berkaitan dengan kecerdasan emosi ini telah banyak dikaji dari pelbagai peringkat pengajian. Pemboleh ubah yang dilihat sebagai satu pemboleh ubah penting dalam diri seseorang individu dan pastinya kajian paling banyak dalam kajian bidang psikologi ataupun pembangunan manusia. Namun apabila penyelidik melakukan sorotan literatur, kecerdasan emosi merupakan elemen penting dalam penilaian kendiri ciri-ciri seorang kepimpinan guru. Gabungan teori ini menunjukkan hasil pengukuran item yang dapat diterima sebagai salah satu konstruk dalam IPKGM.

Tambahan pula, kecerdasan emosi ini merangkumi lima sub konstruk asal namun diubahsuai oleh penyelidik menjadi perkataan yang menghampiri maksud yang sama bagi mewakili setiap sub konstruk iaitu kemampuan mengenali emosi diri kepada kesedaran diri, kemampuan mengurus emosi diri kepada pengawalan kendiri, kemampuan memotivasikan diri kepada motivasi kendiri, kemampuan mengenali emosi orang lain kepada empati dan kemampuan membina hubungan kepada kemahiran sosial. Daripada hasil penilaian kendiri diri guru dalam konstruk kecerdasan emosi ini, dapat diramalkan sememangnya guru mampu melaksanakan kepimpinan guru di sekolah. Kecerdasan emosi guru ini dipengaruhi oleh pelbagai faktor yang dimiliki oleh guru itu sendiri. Kesignifikan kecerdasan emosi guru ini mempengaruhi pelaksanaan kepimpinan guru di sekolah dan mampu membantu pihak sekolah, murid, rakan sejawat, ibu bapa dan masyarakat. Selain itu, berdasarkan pelaksanaan kepimpinan guru di sekolah sememangnya kecerdasan emosi banyak memberi penekanan yang baik kepada guru-guru dalam mengawal emosi mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Pendedahan konstruk kecerdasan emosi guru di dalam IPKGM, banyak menyokong ke arah ciri-ciri kepimpinan guru. Ini mungkin disebabkan oleh inisiatif guru-guru itu sendiri yang ingin berusaha menambah keupayaannya dengan menghadiri bengkel, kursus, seminar dan sebagainya yang berkaitan dengan kecerdasan emosi dalam usaha disepadukan dengan aspek kepimpinannya. Di samping itu, guru-guru tersebut juga menyedari bahawa keperluan serta kepentingan mereka untuk mengawal emosi mereka mengikut situasi pada masa kini. Pada zaman yang serba moden ini, adakala mereka sering kali dicabar oleh keupayaan dan pengetahuan anak murid mereka sendiri dan juga ibu bapa dan masyarakat. Untuk mengatasi situasi sedemikian mereka perlulah mencari pendekatan yang relevan untuk meningkatkan kawalan emosi mereka. Dengan ini boleh dikatakan bahawa penilaian kendiri ciri-ciri kepimpinan guru dalam pelaksanaan kepimpinan guru di sekolah adalah satu tanda yang baik untuk mentransformasikan sistem pendidikan negara kita menuju ke arah kejayaan.

## 5.7 Cadangan Kajian

Berdasarkan kepada hasil kajian yang telah dibincangkan, penyelidik telah mengemukakan cadangan di mana diharapkan dapat menjadi sumber rujukan dan keperluan kepada pihak-pihak yang terlibat bagi mana-mana kajian yang akan dilakukan kelak berkaitan dengan kepimpinan guru. Antara cadangan yang penyelidik ingin kemukakan dalam kajian ini kepada pihak-pihak yang terlibat ialah:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 5.7.1 Cadangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia

Penilaian kendiri guru menggunakan IPKGM ini bertujuan membolehkan guru menilai ciri-ciri kepimpinan guru dari segi komitmen guru, kompetensi guru dan kecerdasan emosi guru dan dapat melaksanakan kepimpinan guru di sekolah. Selain itu, penilaian kendiri menggunakan IPKGM dapat melahirkan guru yang berkualiti selari dengan Standard Guru Malaysia yang selama ini menjadi garis panduan kompentasi profesional yang patut di capai oleh seorang guru.

Bersangkutan hal ini, terdapat keperluan yang jelas dalam penilaian kendiri guru dalam konstruk yang dibina dan untuk mengenal pasti ciri-ciri kepimpinan guru yang wujud dalam diri guru itu sendiri. Ini adalah kerana, guru merupakan individu yang berhubung terus dengan murid, rakan sejawat, pentadbir dan masyarakat melalui sikap mereka sendiri. Dengan melihat kepentingan tersebut, suatu usaha untuk menilai ciri-ciri kepimpinan guru adalah perlu dan penyelidik mencadangkan kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia. Konstruk, sub konstruk dan item yang disediakan ini boleh digunakan bagi tujuan tersebut kerana ia merupakan instrumen yang telah dibina melalui satu prosedur dan proses yang diakui dan terbukti berdasarkan diagnosis empirikal tentang kesahan dan kebolehpercayaannya untuk mengukur dan menilai ciri-ciri kepimpinan guru.

Berdasarkan kajian awal yang dilakukan oleh penyelidik, mendapati terdapat beberapa instrumen penilaian kendiri, namun dalam pelaksanaan kepimpinan guru masih tiada sebarang dokumen sokongan dari konstruk komitmen guru, kompetensi guru dan kecerdasan emosi guru dari pihak yang terlibat untuk melaksanakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


penilaian kendiri ini. Oleh hal yang demikian, penyelidik mencadangkan agar menghasilkan panduan pelaksanaan penilaian kendiri kepimpinan guru atau dokumen rujukan yang boleh dijadikan panduan dan rujukan dalam pelaksanaan kepimpinan guru di sekolah. Panduan pelaksanaan penilaian kendiri atau dokumen rujukan tersebut hendaklah merangkumi konstruk, sub kontruk dan item yang dapat mengukur ciri-ciri kepimpinan guru, penjelasan kepada setiap konstruk yang berkaitan dalam menyokong pelaksaan kepimpinan guru di sekolah serta kebaikan yang diperoleh oleh pihak yang terlibat yang sesuai dengan keadaan di Malaysia dari aspek polisi dan prosedur.

### 5.7.2 Cadangan kepada Pentadbir Sekolah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pelaksanaan penilaian kendiri yang dilakukan kepada guru bukanlah sesuatu yang baharu. Namun, penilaian kendiri dari segi ciri-ciri kepimpinan guru masih belum dilaksanakan di sekolah. Ini dapat dibuktikan apabila penyelidk sendiri yang berjumpa dengan pengetua dan guru besar serta pentadbir di sekolah-sekolah yang terlibat dalam kajian ketika penyelidik menghantar soal selidik kepada sekolah yang berkaitan. Respon daripada pengetua dan guru besar atau pentadbir di sekolah-sekolah yang terlibat amat positif berkaitan dengan IPKGM yang dibina oleh penyelidik kerana terdapat diantara mereka yang ingin menggunakan IPKGM sebagai salah satu intrumen penilaian untuk menilai ciri-ciri kepimpinan guru kepada guru di sekolah mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Oleh hal yang demikian, penghasilan instrumen ini diharapkan dapat membantu pengetua dan guru besar atau pentadbir sekolah dalam menilai ciri-ciri kepimpinan guru di sekolah. Diharapkan juga, pihak pengetua dan guru besar atau pentadbir bersikap positif dan terbuka di mana ia bukan bermaksud untuk mencari kelemahan dan kekurangan dari aspek keupayaan guru dalam kepimpinan guru, namun ia adalah bertujuan untuk menghasilkan suatu pelaksanaan yang terbaik dari aspek penilaian kendiri ciri-ciri kepimpinan guru. Penyelidik mencadangkan supaya penilaian kendiri yang dilakukan oleh pihak pengetua dan guru besar atau pentadbir di sekolah mengenal pasti bahawa guru itu mempunyai ciri-ciri kepimpinan guru perlulah mengikut kriteria yang ditetapkan. Di samping itu juga, hubungan pengetua dan guru besar atau pentadbir di sekolah dan guru perlulah diteruskan dan dikekalkan bagi menghasilkan guru yang berkepimpinan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di samping itu juga, penyelidik mencadangkan supaya pihak pengetua, guru besar atau pentadbir di sekolah mengambil peluang untuk melaksanakan kolaborasi dengan pihak luar khususnya dalam usaha untuk membentuk guru ke arah menjadi pemimpin guru terutama dalam progam Latihan dalam Perkhidmatan (LADAP) mahupun Komuniti Pembelajaran Profesional (PLC). Pengukuhan dan pemantapan yang dicadangkan adalah dari aspek penilaian kendiri guru ke atas beberapa konstruk yang hendak diukur yang dapat membantu guru melaksanakan kepimpinan guru di sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 5.7.3 Cadangan kepada Guru

Peranan guru di sekolah dalam melaksanakan pelbagai tugasan tidak dinafikan kepentingannya dan peranan mereka. Maka dengan itu, guru merupakan individu yang bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas dan merupakan komponen teras penentu kejayaan pelaksanaan kurikulum tersurat dan tersirat yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Mereka bukan sahaja bertindak sebagai penyampai ilmu malah bertanggungjawab mendidik akhlak yang baik kepada murid. Oleh itu, penyelidik mencadangkan, suatu pendedahan yang jelas tentang kepimpinan guru adalah diperlukan bagi tujuan memantapkan lagi ciri-ciri kepimpinan guru seterusnya dapat menghasilkan pelaksanaan kepimpinan guru di sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam melahirkan guru yang berkualiti dan mempunyai ciri-ciri kepimpinan guru, guru sendiri harus memberi perhatian yang sepenuhnya dalam menangani kelemahan dalam diri guru sekiranya ada kelemahan. Guru itu sendiri tidak boleh meminggirkan aspek kualiti diri seseorang guru kerana kualiti diri guru merupakan sesuatu yang sangat penting untuk diberikan perhatian kerana tiada maknanya kita memiliki jumlah guru yang ramai tetapi memiliki kualiti yang rendah. Kesedaran guru-guru terhadap diri sendiri adalah penting bukan sahaja kepada diri sendiri malah untuk menyampaikan proses pengajaran dan pembelajaran yang efisien kepada murid-muridnya.

Sungguhpun jika guru-guru diberi pendedahan tentang perubahan ini oleh pihak-pihak atasan, namun kerjasama dalam kalangan guru-guru adalah penting untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


menangani menerima situasi tersebut dengan baik. Kolaboratif yang sihat sesama pihak atasan adalah asas untuk merancang, mengambil keputusan, membuat refleksi, menangani masalah di samping berkongsi kepakaran dan kemahiran dalam hal-hal yang berkaitan dengan sekolah, terutamanya yang melibatkan murid. Tambahan pula, sikap kerjasama secara kolektif merupakan perkara asas dalam kepimpinan guru.

## 5.8 Cadangan untuk Kajian Lanjutan

Hasil dapatan kajian, penyelidik ingin menyarankan beberapa cadangan yang difikirkan sesuai bagi meneruskan kajian terhadap pelaksanaan kepimpinan guru di sekolah serta cadangan untuk kajian lanjutan yang berkaitan dengan kesediaan guru dalam melibatkan diri dalam kepimpinan guru pada masa akan datang. Berdasarkan kajian yang dijalankan ini, beberapa penambahbaikan wajar dilakukan bagi pelaksanaan kajian lanjutan. Antaranya adalah seperti berikut:

1. IPKGM merupakan kajian yang dijalankan secara kuantitatif. Maka bagi mendapatkan dapatan kajian yang lebih pelbagai, penyelidik mencadangkan menambah kaedah kualitatif dalam mengumpul data bagi permulaan kutipan data iaitu melibatkan temu bual secara bersemuka. Oleh itu, kajian lanjutan yang akan dijalankan wajar menggunakan pelbagai kaedah bagi memungut data dalam memastikan keputusan kajian yang diperoleh dapat dibuat penelitian dan perbandingan untuk membuat keputusan yang lebih tepat.
2. Penyelidik mencadangkan kajian lanjutan juga boleh dilaksanakan kepada sampel kajian iaitu pengetua, guru besar atau pihak pentadbir bagi menilai ciri-ciri kepimpinan guru menggunakan IPKGM untuk mencirikan guru tersebut sama ada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


mempunyai kepimpinan guru atau sebaliknya. Tambahan pula, sebagai pengetua, guru besar atau pihak pentadbir, item-item yang terdapat dalam IPKGM juga mampu mengukur ciri-ciri kepimpinan kepada pentadbir. Dan dalam masa yang sama, dokumen tambahan ini juga boleh dijadikan sebagai salah satu intrumen penilaian guru bagi membantu pihak atasan untuk memberikan markah bagi Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT).

3. IPKGM merupakan gabungan beberapa model dan teori sebagai sandaran utama kepada pembinaan konstruk, sub konstruk serta item. Penyelidik menyarankan agar membangunkan model dengan menggunakan IPKGM ini.

4. Kajian ini hanya mengenal pasti DIF dari aspek jantina sahaja dan tidak melibatkan dari aspek jenis sekolah, bangsa dan sebagainya. Oleh itu, penyelidik mencadangkan kajian lanjutan dilakukan berkaitan DIF dari aspek yang dinyatakan supaya IPKGM akan lebih adil dan saksama.

5. IPKGM yang dihasilkan adalah dalam bentuk *hardcopy* dan *softcopy. Softcopy* yang disediakan ialah melalui pautan *Google Form* dan *QR Scan Code.* Oleh itu penyelidik mencadangkan agar IPKGM ini dijadikan satu aplikasi digital untuk memudahkan guru mengakses hanya menggunakan peranti sahaja. Aplikasi itu juga mempunyai skor markah untuk penanda aras bagi ciri-ciri kepimpinan guru yang dinilaikan oleh guru.

## 5.9 Penutup

Berdasarkan kupasan literatur, jelaslah menunjukkan bahawa guru perlu mengenal pasti ciri-ciri kepimpinan guru di sekolah. Ini adalah kerana hanya sekolah yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


cemerlang mampu melahirkan modal insan yang holistik. Kecemerlangan sekolah ini bukan hanya dimiliki oleh pemimpin sekolah semata-mata, malah komitmen, kompetensi dan kecerdasan emosi guru juga menjadi elemen penting. Malah, tahap penilaian kepimpinan guru dalam kalangan guru perlu diperkembangkan demi kejayaan sekolah. Berdasarkan kajian membuktikan bahawa sememangnya terdapat keperluan guru untuk menilai diri mereka sendiri berdasarkan ciri-ciri kepimpinan guru bagi mengenal pasti kelemahan dan kekuatan yang wujud pada mereka. Berdasarkan kajian dan perbincangan yang dilakukan membuktikan bahawa kajian ini adalah relevan dilaksanakan di mana ia bertujuan untuk menyediakan suatu instrumen yang berkualiti setelah diuji dan disahkan untuk digunakan sebagai alat atau instrumen untuk menilai ciri-ciri kepimpinan guru berdasarkan persepsi guru itu sendiri.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hasil penilaian yang dilakukan terhadap guru boleh membantu pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan sekolah dalam memperkasakan pelaksanaan kepimpinan guru amnya dan penilaian ciri-ciri kepimpinan guru khasnya untuk membentuk guru yang mempunyai tanggungjawab sebagai agen sosial terhadap murid, ibu bapa, masyarakat, negara, rakan sejawat dan profesion keguruan. Pemimpim guru yang berkesan akan menghasilkan ciri-ciri kepimpinan guru yang berkesan seterusnya melahirkan murid yang berkualiti dari aspek sikap, pengetahuan dan kemahiran selaras dengan sebuah negara yang menitik beratkan pembangunan kemanusiaan yang seimbang, profesion keguruan sentiasa menjadi agenda kerajaan untuk menjadikan bidang keguruan ini bertaraf dunia. Kesimpulannya, penyelidik percaya bahawa kajian ini dapat memberikan sumbangan yang signifikan kepada pihak Kementerian Pendidikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan sekolah untuk memastikan pelaksanaan kepimpinan guru ini dapat dilaksanakan dengan jayanya bagi mencapai matlamat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 seperti yang dirancang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## RUJUKAN

Abacioglu, C. S., Volman, M., & Fischer, A. H. (2019). Teacher interventions to student misbehaviors: The role of ethnicity, emotional intelligence, and multicultural attitudes. *Current Psychology*.

Abell, Neil, David W. S, and Akihito. K. (2009). Developing and Validating Rapid Assessment Instruments. *Oxford University Press.*

Abiodullah, M. [Muhammad], Sameen, D. [Dur-e], & Aslam, M. [Muhammad]. (2020). Emotional Intelligence as a Predictor of Teacher Engagement in Classroom. *Bulletin of Education and Research*, *42*(1), 127–140. https://files.eric.ed.gov/fulltext/EJ1258049.pdf

Abidin, A. Z., Mashitah, N., Radzi, M., Ahmed, H. H., Manusia, F. P., Pendidikan, U., & Idris, S. (2021). Kesahan Instrumen Pentaksiran Sosioemosi Kanak-Kanak ( IPSK ) Menggunakan Model MILLER. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, *10*(2), 118–131.

Abiodullah, M., & Aslam, M. (2020). Emotional Intelligence as a Predictor of Teacher Engagement in Classroom. *Bulletin of Education and Research*, *42*(1), 127–140.

Adam Carswell, M. (2021). Developing the Leadership Capacity of Teachers: Theory to Practice. *Journal of School Administration Research and Development*, *6*(1), 52–59. https://doi.org/10.32674/JSARD.V6I1.2844

Adnan, R. M., Effendi, M., & Mohd, E. (2019). Kesahan dan kebolehpercayaan instrumen I-CGPKM menggunakan model Rasch. *Journal of Quality Measurement and Analysis*, *15*(1), 1–14.

Adzhar, H., Karim, A. A., & Sahrin, M. U. (2017). Pembangunan Instrumen Penerimaan E-Pembelajaran Pelajar Pascasiswazah Menggunakan Analisis

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Rasch. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, *42*(2), 147–155. https://doi.org/10.17576/jpen-2017-42.02-08

Aftab, N., Ali Shah, S. A., & Khan, Z. (2020). The moderating effect of gender on the relationship between organizational commitment and organizational citizenship behavior in Pakistani university teachers. *Cogent Psychology*, *7*(1). https://doi.org/10.1080/23311908.2020.1860480

Agarwal, D. N. (2020). Comparative Assessment of Emotional Intelligence of Prospective and Working Secondary Teachers of Delhi-NCR. *International Journal of Psychosocial Rehabilitation*, *24*(5), 7363–7375. https://doi.org/10.37200/ijpr/v24i5/pr2020771

Ahad, R., Mustafa, M. Z., Mohamad, S., Abdullah, N. H. S., & Nordin, M. N. (2021). Work attitude, organizational commitment and emotional intelligence of Malaysian vocational college teachers. *Journal of Technical Education and Training*, *13*(1), 15–21. https://doi.org/10.30880/jtet.2021.13.01.002

Ahmad, J., Noah, S. M., Kadir, R. A., & Ahmad, H. (2005). Keberkesanan Modul Program Maju Diri ke atas Motivasi Pencapaian di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah di Negeri Selangor. *Kolokium Penyelidikan IPBL.*

Aizat, A. H. M., & Kamarudin, M. (2020). Tahap Profesionalisme Guru Sekolah Kebangsaan di Semenanjung Malaysia. *Management Research Journal*, *9*(2), 37–45.

Akram, M., & Zepeda, S. J. (2015). Development and Validation of a Teacher Self-assessment Instrument. *Journal of Research and Reflections in Education*, *9*(2), 134–148. https://www.prdb.pk/front/development-and-validation-of-a-teacher-self-assessment-inst-5329

Alade, O. M., & Omoruyi, I. V. (2014). Table of Specification and Its Relevance in

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Educational Development Assessment. *European Journal of Educational and Development Psychology*, *2*(1), 1–17.

Alam, A., & Ahmad, M. (2018). The role of teachers' emotional intelligence in enhancing student achievement. *Journal of Asia Business Studies*, *12*(1), 31–43. https://doi.org/10.1108/JABS-08-2015-0134

Alavi, S. M., & Bordbar, S. (2016). Differential Item Functioning Analysis of High-Stakes Test in Terms of Gender: A Rasch Model Approach. *Malaysian Online Journal of Educational Sciences*, *5*(1), 10–24.

Albrahim, F. A. (2022). Online Teaching Skills and Competencies. *The Turkish Online Journal of Educational Technology*, *19*(1), 9–10. https://doi.org/10.5430/wjel.v12n3p187

Aldosari, M., Heydarnejad, T., Hashemifardnia, A., & Abdalgane, M. (2023). The interplay among self-assessment, using reflection for assessment, classroom enjoyment, and immunity: into prospects of effective language learning. *Language Testing in Asia*, *13*(1), 1–20. https://doi.org/10.1186/s40468-022-00213-1

| **BIL** | **ITEM** | **STS** | **TS** | **SS** | **S** | **SS** |
| C01 | Saya mempunyai pengetahuan tentang kurikulum di sekolah | **1** | **2** | **3** | **4** | **5** |
| C02 | Saya mempunyai pengetahuan pelbagai kaedah penilaian formatif dan sumatif | **1** | **2** | **3** | **4** | **5** |
| C03 | Saya mempunyai pengetahuan pedagogi tentang kandungan subjek yang diajar | **1** | **2** | **3** | **4** | **5** |
| C04 | Saya mempunyai pengetahuan yang mencukupi tentang matlamat subjek yang diajar | **1** | **2** | **3** | **4** | **5** |
| C05 | Saya mempunyai pengetahuan tentang Falsafah Pendidikan Guru | **1** | **2** | **3** | **4** | **5** |
| C06 | Saya mempunyai pengetahuan mengenai pengurusan di dalam bilik darjah dan di luar bilik darjah | **1** | **2** | **3** | **4** | **5** |



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

| C2. KOMPETENSI GURU DALAM KEMAHIRAN | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| **BIL** | **ITEM** | **STS** | **TS** | **SS** | **S** | **SS** |
| C07 | Saya mempunyai kemahiran pemikiran kritikal | **1** | **2** | **3** | **4** | **5** |
| C08 | Saya mempunyai kemahiran komunikasi yang baik | **1** | **2** | **3** | **4** | **5** |
| C09 | Saya berupaya melatih murid untuk berfikir aras tinggi | **1** | **2** | **3** | **4** | **5** |
| C10 | Saya mempunyai kemahiran dalam pengurusan sekolah | **1** | **2** | **3** | **4** | **5** |
| C11 | Saya mengaplikasikan pelbagai kemahiran pengurusan kurikulum | **1** | **2** | **3** | **4** | **5** |
| C12 | Saya mempunyai kemahiran sosial yang baik bersama dengan komuniti sekolah | **1** | **2** | **3** | **4** | **5** |
| C13 | Saya menunjukkan kecekapan yang tinggi dalam menggunakan sumber teknologi dan maklumat | **1** | **2** | **3** | **4** | **5** |
| C14 | Saya mempunyai kemahiran perkongsian ilmu untuk meningkatkan kecemerlangan sekolah | **1** | **2** | **3** | **4** | **5** |
| C15 | Saya berupaya menggalakkan budaya kolaboratif dalam kalangan murid dan rakan sejawat | **1** | **2** | **3** | **4** | **5** |

| C3. KOMPETENSI GURU DALAM NILAI PERIBADI | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| **BIL** | **ITEM** | **STS** | **TS** | **SS** | **S** | **SS** |
| C16 | Saya sentiasa berfikiran positif | **1** | **2** | **3** | **4** | **5** |
| C17 | Saya seorang yang mempunyai keyakinan diri | **1** | **2** | **3** | **4** | **5** |
| C18 | Saya mempunyai amalan budaya kerja yang baik | **1** | **2** | **3** | **4** | **5** |
| C19 | Saya seorang yang mengambil risiko dalam menyelesaikan masalah | **1** | **2** | **3** | **4** | **5** |
| C20 | Saya bersedia untuk menerima akibat daripada keputusan dan tindakan yang saya lakukan | **1** | **2** | **3** | **4** | **5** |

| ELEMEN KECERDASAN EMOSI GURU | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| D1. KESEDARAN KENDIRI | | | | | | |
| **BIL** | **ITEM** | **STS** | **TS** | **SS** | **S** | **SS** |
| D01 | Saya sentiasa belajar tentang kemahiran baharu | **1** | **2** | **3** | **4** | **5** |
| D02 | Saya boleh mengawal kemarahan apabila berdepan dengan murid | **1** | **2** | **3** | **4** | **5** |
| D03 | Saya sentiasa mengawal fikiran dan emosi daripada berfikiran negatif | **1** | **2** | **3** | **4** | **5** |
| D04 | Saya mempunyai penilaian yang realistik terhadap keupayaan diri sendiri | **1** | **2** | **3** | **4** | **5** |
| D05 | Saya menerima maklum balas orang lain terhadap saya dengan hati yang tenang | **1** | **2** | **3** | **4** | **5** |



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

| D2. PENGAWALAN KENDIRI | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| **BIL** | **ITEM** | **STS** | **TS** | **SS** | **S** | **SS** |
| D06 | Saya cepat pulih daripada tekanan emosi | **1** | **2** | **3** | **4** | **5** |
| D07 | Saya sentiasa melihat cabaran sebagai peluang | **1** | **2** | **3** | **4** | **5** |
| D08 | Saya sentiasa berusaha untuk menerima emosi sendiri | **1** | **2** | **3** | **4** | **5** |
| D09 | Saya mempunyai kemahiran toleransi apabila berada dalam tekanan | **1** | **2** | **3** | **4** | **5** |
| D10 | Saya boleh mengawal diri saya daripada berfikiran negatif terhadap sesuatu perkara | **1** | **2** | **3** | **4** | **5** |
| D11 | Saya sentiasa mengetahui bahawa saya mempunyai cara hendak bertindak balas apabila berada dalam sesuatu konflik di sekolah | **1** | **2** | **3** | **4** | **5** |

| D3. MOTIVASI KENDIRI | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| **BIL** | **ITEM** | **STS** | **TS** | **SS** | **S** | **SS** |
| D12 | Saya berani melakukan perubahan di dalam kelas | **1** | **2** | **3** | **4** | **5** |
| D13 | Saya menjadikan tahap prestasi tertentu dalam memenuhi kepuasan diri | **1** | **2** | **3** | **4** | **5** |
| D14 | Saya sentiasa berusaha untuk mencapai matlamat menjadi guru yang cemerlang | **1** | **2** | **3** | **4** | **5** |
| D15 | Saya mampu menangani cabaran dan terus mengejar cita-cita walaupun ada halangan | **1** | **2** | **3** | **4** | **5** |
| D16 | Saya sentiasa menjadikan murid sebagai kekuatan semangat dalam melakukan aktiviti/ kerja di sekolah | **1** | **2** | **3** | **4** | **5** |
| D17 | Saya sentiasa menganggap teguran daripada pihak atasan sebagai kata semangat dan nasihat | **1** | **2** | **3** | **4** | **5** |

| D4. EMPATI | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| **BIL** | **ITEM** | **STS** | **TS** | **SS** | **S** | **SS** |
| D18 | Saya sentiasa bersifat terbuka | **1** | **2** | **3** | **4** | **5** |
| D19 | Saya sentiasa mengkaji sikap diri sendiri | **1** | **2** | **3** | **4** | **5** |
| D20 | Saya sentiasa memberikan maklum balas yang membina | **1** | **2** | **3** | **4** | **5** |
| D21 | Saya memahami perasaan rakan sejawat saya apabila melakukan sesuatu tugasan | **1** | **2** | **3** | **4** | **5** |
| D22 | Saya mendengar dengan teliti maklumat yang disampaikan oleh orang lain | **1** | **2** | **3** | **4** | **5** |
| D23 | Sebelum saya mengkritik seseorang, saya akan meletakkan diri saya ditempat orang tersebut | **1** | **2** | **3** | **4** | **5** |
| D24 | Saya mudah menyesuaikan topik perbualan mengikut situasi | **1** | **2** | **3** | **4** | **5** |
| D25 | Saya memilih nada suara yang paling berkesan untuk perbualan dengan murid ketika pengajaran dan pembelajaran | **1** | **2** | **3** | **4** | **5** |



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

| D5. KEMAHIRAN SOSIAL | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| **BIL** | **ITEM** | **STS** | **TS** | **SS** | **S** | **SS** |
| D26 | Saya sentiasa menjadi pendengar yang aktif. | **1** | **2** | **3** | **4** | **5** |
| D27 | Saya sentiasa mengemukakan soalan secara terbuka kepada murid dan rakan sejawat | **1** | **2** | **3** | **4** | **5** |
| D28 | Saya sentiasa menunjukkan minat pada orang lain (murid dan rakan sejawat) | **1** | **2** | **3** | **4** | **5** |
| D29 | Saya sentiasa memerhatikan bahasa badan/ *body language* orang lain ketika bercakap | **1** | **2** | **3** | **4** | **5** |
| D30 | Saya mempunyai hubungan mata/ *eye contact* yang baik dengan orang lain (murid dan rakan sejawat) | **1** | **2** | **3** | **4** | **5** |
| D31 | Saya sentiasa membimbing rakan sejawat yang memerlukan bimbingan dalam sesuatu tugasan | **1** | **2** | **3** | **4** | **5** |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sekian terima kasih. Kesudian anda untuk menjawab dan memulangkan soal selidik ini akan membantu kami meningkatkan lagi kecekapan dan keberkesanan guru sebagai seorang pemimpin. Sekiranya terdapat keperluan maklumat tambahan, hubungi Noredayu Ariff di talian 012-6760265 dan emel: noredayu.ariff@gmail.com



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

# AKTA HAK CIPTA 1987

## PERATURAN-PERATURAN HAK CIPTA (PEMBERITAHUAN SUKARELA) 2012

### SIJIL PEMBERITAHUAN HAK CIPTA
[Subperaturan 8(2)]

| | | |
|---|---|---|
| No. Pemberitahuan | : | **CRDV2022W03620** |
| Tajuk Karya | : | **INSTRUMEN PENILAIAN PEMIMPIN GURU (IPPG)** |
| Jenis Karya | : | **TERBITAN** |
| Tarikh Permohonan | : | **02 SEPTEMBER 2022** |

Saya dengan ini mengesahkan di bawah Akta Hak Cipta 1987 [Akta 332] dan Peraturan-Peraturan Hak Cipta (Pemberitahuan Sukarela) 2012 bahawa karya hak cipta dengan No. Pemberitahuan seperti di atas bagi pemohon **NOREDAYU BINTI ARIFF (830807145650)** sebagai **PEMUNYA** dan **PENCIPTA** telah didaftarkan ke dalam Daftar Hak Cipta menurut seksyen 26B Akta Hak Cipta 1987 [Akta 332].

.....

**ABDUL HARIS BIN HAJI LAKAR**
**PENGAWAL HAK CIPTA**
**MALAYSIA**



CERTIFIED TO MS ISO 9001:2008 CERT. NO : AA5617 09 MAC 2012

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



# Keperluan Kajian Kepimpinan Guru: Satu Kajian Bibliometrik

[1]Noredayu Ariff
Universiti Pendidikan Sultan Idris
[2]Mahaliza Mansor
Universiti Pendidikan Sultan Idris
[3]Jamal @ Nordin Yunus
Universiti Pendidikan Sultan Idris
*noredayu.ariff@gmail.com*

## ABSTRAK

Dalam era baru ini, yang mana transformasi pendidikan berlaku secara meluas, kepimpinan guru muncul sebagai salah satu konsep yang paling penting di sekolah dalam usaha meningkatkan pencapaian sekolah. Usaha membangunkan pemimpin guru mula menjadi salah satu agenda yang penting dalam hal konsep kepimpinan guru dalam membentuk guru sebagai pemimpin guru di sekolah. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis keperluan kepimpinan guru dalam pelaksanaan konsep kepimpinan guru di sekolah dari kepelbagaian konteks secara global. Sumber untuk proses pengumpulan data diperoleh melalui carian *Scopus* menggunakan kata kunci yang dikenal pasti, iaitu kepimpinan guru, pemimpin guru dan Bibliometrik. Terdapat 931 kajian empirikal mengenai kepimpinan guru yang telah dikenal pasti berdasarkan kriteria yang ditetapkan melalui artikel jurnal yang diterbitkan. Data ini di analisis menggunakan *Microsoft Excel*, *Harzing's Publish* atau *Perish VOSviewer software* yang dinamakan kaedah analisis Bibliometrik. Hasilnya terdapat beberapa elemen yang memberi nilai tambah dalam elemen kepimpinan guru bagi memastikan kepimpinan guru ini relevan dengan konteks pendidikan di negara kita. Hasil penelitian ini diharapkan dapat membantu penyelidik merumuskan elemen-elemen utama dalam membangunkan konsep kepimpinan guru akan dating. Terdapat perkembangan positif dalam kajian kepimpinan guru dalam kalangan guru dari segi penyelidikan di peringkat global. Namun, penyelidikan empirikal yang lebih mantap diperlukan untuk melaksanakan kajian berkaitan kepimpinan guru.

**Kata Kunci:** Kepimpinan Guru, Pemimpin Guru, Bibliometrik

## 1. Pengenalan

Pendidikan merupakan agenda terpenting dalam pembangunan sesebuah negara dimana dengan pendidikan ia dapat melahirkan generasi berwawasan yang mampu memikul tanggungjawab serta mendaulatkan negara (Radin & Yasin, 2018). Sistem pendidikan sentiasa berubah dari semasa ke semasa selari dengan peredaran zaman. Secara tidak langsung tugas dan tanggungjawab guru juga berubah dan semakin bertambah. Andai sebelum ini tanggungjawab guru hanyalah mendidik dan mengajar namun di zaman era globalisasi ini, peranan guru bukan sahaja hanya mendidik tetapi mereka juga harus menjadi lebih bersedia dan praktikal dalam mempersiapkan diri murid (Sirota. E. et al., 2017). Hasrat



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Kementerian Pendidikan Malaysia adalah melahirkan guru yang berjiwa pendidik dan kompeten sekaligus melahirkan guru-guru yang berkualiti seperti yang dijelaskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.

Agir dan Mohd Matore (2022) menyatakan perubahan sistem pendidikan ini banyak memberikan cabaran bukan sahaja kepada murid malahan kepada guru. Menerusi teknik pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) guru perlu menyediakan murid untuk menghadapi IR4.0 dengan melengkapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran mengenai pendidikan abad ke-21(Wong & Kamisah Osman, 2018). Guru pula, perlu mempunyai kemahiran menggunakan teknologi, celik digital dan menguasai kaedah PdPC moden. Malah, guru perlu memantapkan diri dengan pembangunan sahsiah diri guru itu seperti yang terkandung dalam Standard Guru Malaysia 2.0.

Standard Guru Malaysia 2.0 terdiri dari dua komponen iaitu Dimensi Kompetensi dan Etika Keguruan. Dimensi Kompetensi menjelaskan kompetensi yang perlu dimiliki oleh guru pada pelbagai tahap pembangunan profesionalisme untuk melaksanakan PdPC dengan berkesan. Manakala Etika Keguruan merupakan prinsip moral dan nilai akhlak yang seharusnya menjadi pegangan dan amalan guru di Malaysia bagi memastikan profesion keguruan sebagai kerjaya profesional serta dipandang mulia oleh masyarakat.

Bersangkutan dengan hal ini, guru memainkan peranan yang penting dalam memantapkan profesion keguruan. Guru dilihat sebagai pemimpin yang memikul pelbagai peranan untuk menyokong kejayaan sekolah dan murid (Hunzicker, 2018). Sama ada peranan ini diberikan secara formal atau dikongsi secara tidak formal, ia membina keupayaan keseluruhan sekolah untuk menjadikan bertambah baik. Oleh kerana guru boleh memimpin dalam pelbagai cara, ramai guru boleh menjadi pemimpin dalam kalangan rakan sejawat mereka.

Kunci untuk meningkatkan pendidikan adalah guru yang sangat kompeten, kerana mereka diakui secara meluas sebagai faktor berkaitan sekolah yang paling penting dalam mempengaruhi pencapaian pelajar (Yahya Don, 2014). Semua guru perlu menjadi pemimpin di bilik darjah dan sekolah mereka untuk meningkatkan pencapaian pelajar dan prestasi sekolah (Harun et al., 2016). Guru menyedari akan hakikat ini dan meminta peluang dalam perkembangan kepimpinan untuk meningkatkan kemahiran dan kecekapan mereka.

Namun, dalam pelaksanaan guru menjadi pemimpin guru, kepimpinan guru dianggap sebagai kemahiran di sekolah pada abad ke-21 ini (Supardi et al., 2016). Ia dilihat sebagai signifikan elemen yang dapat membantu kejayaan akademik pelajar dan prestasi guru di sekolah (Maulod et al., 2016). Kebelakangan ini, banyak elemen kursus, bengkel dan seminar dijalankan di sekolah untuk membolehkan guru dihebahkan mengenai komponen kepimpinan guru untuk meningkatkan kepimpinan guru (Mohd Khairuddin Abdullah et al., 2017). Banyak penyelidikan juga telah mengesahkan bahawa kepimpinan guru membantu menguruskan pelbagai tanggungjawab guru yang lebih mencabar kepada murid, sekolah, rakan sejawat dan ibu bapa serta masyarakat (Azahari Ramli et al., 2016; Halimah et al., 2016; Ocampo, 2019)

## 2. Objektif Kajian

Objektif kajian ini secara umumnya adalah untuk menilai sesuatu arah atau kecenderongan kajian tertentu dengan melihat hasil dapatan kajian atau data bagi sesuatu kajian dan memetakan dalam bentuk rajah. Secara khususnya kajian ini adalah untuk:

1) Menganalisis kajian secara global dalam bidang kepimpinan guru dari tahun ke tahun
2) Mengenalpasti asas kriteria sorotan literatur bilangan artikel yang diterbitkan.


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## 3. Methodologi Kajian

Analisis bibilometrik ini dilakukan adalah untuk memahami kajian berkaitan kepimpinan guru yang terdapat dalam kajian tempatan dan diluar negara (Donthu et al., 2021). Malah menurut beliau lagi, analisis bibliometrik ini begitu lazim dalam penulisan ilmiah kerana ia berfungsi sebagai pengumpulan maklumat penyelidik tentang permasalahan yang sedang dikaji. Dalam proses melakukan analisis bibliometrik pula, seseorang penyelidik akan mengenalpasti apakah yang telah dipelajari oleh orang lain mengenai permasalahan yang serupa dengan permasalahan yang dikaji. Fan et al., (2020) menerangkan bahawa proses analisis bibliometrik dimulakan dengan menyaring artikel mengikut kata kunci berkaitan dengan kajian. Secara ringkasnya, analisis ini dapat menunjukkan trend keseluruhan dalam apa yang telah diterbitkan mengenai tajuk tersebut. Beberapa aspek artikel telah dikenal pasti seperti metodologi penyelidikan yang digunakan, konteks kajian dan penemuan pengkaji lepas.

Penyaringan artikel mengikut kata kunci berkaitan dengan kajian iaitu kajian kepimpinan guru memudahkan penyelidik menemukan artikel yang berkaitan. Pencarian awal melalui halaman Scopus telah menghasilkan sejumlah artikel yang akan dianalisis namun perlu disaring. Selepas itu, semua artikel yang dipilih dibaca dengan teliti. Maklumat mengenai nama pengarang artikel, judul, tarikh diterbitkan, objektif kajian, metodologi, dan penemuan direkodkan secara sistematik dalam lembaran kerja Excel. Kemudian, penemuan yang diselaraskan dibincangkan di bahagian seterusnya iaitu *Harzing's Publish* atau *Perish VOSviewer software.*

## 4. Kelestarian Kepimpinan Guru

Dalam era baru ini, transformasi pendidikan berlaku secara meluas, kepimpinan guru muncul sebagai salah satu konsep yang paling penting di sekolah dalam usaha meningkatkan pencapaian sekolah (Radin & Yasin, 2018). Justeru itu, peralihan asas telah berlaku dalam kepimpinan guru, yang mana pendekatan mengenakan kuasa yang selama ini dipraktikkan dalam organisasi pendidikan, terutamanya di sekolah telah mula berubah kepada pendekatan pemberian kuasa (Sergiovanni, 1991). Dengan itu, tugas pemimpin sekolah sebagai pengurus berubah menjadi fasilitator, manakala tugas guru pula dari guru menjadi pemimpin guru.

Malah, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia Gelombang 3 2021-2025 Kementerian Pendidikan Malaysia (2013) menekankan konsep kepimpinan guru untuk mewujudkan budaya kecemerlangan profesionalisme berasaskan rakan setugas di mana akan memberi manfaat kepada profesionalisme guru yang berkaitan dengan kurikulum dan susunan pengajaran, jadual waktu, pendekatan pedagogi dan pentaksiran berasaskan sekolah (Awang Lokey & M.Hasani Dali, 2016). Oleh hal yang sedemikian, guru yang berada dalam dunia pendidikan diharapkan mempunyai kelayakan yang mencapai standard kualiti yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia yang mampu menggalas tanggungjawab ini. Oleh itu, guru perlu jelas tentang peranan dan tanggungjawab bagi pelaksanaan konsep kepimpinan guru yang diharapkan.


Oleh hal yang demikian, penyelidik menganalisis keperluan kepimpinan guru dalam pelaksanaan konsep kepimpinan guru di sekolah dari kepelbagaian konteks secara global. Dalam proses pengumpulan data ini, data diperoleh melalui carian *Scopus* menggunakan kata kunci yang dikenal pasti, iaitu kepimpinan guru, pemimpin guru dan bibliometrik. Terdapat 931 kajian empirikal mengenai kepimpinan guru yang telah dikenal pasti berdasarkan kriteria yang ditetapkan melalui artikel jurnal yang diterbitkan. Selepas itu, semua artikel yang dipilih dibaca dengan teliti dan dianalisis.


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 1 menunjukkan hasil dapatan data dengan tiga kata kunci kajian berkaitan dengan kepimpinan guru dalam data Scopus sahaja. Data menunjukkan bahawa bermula pada tahun 1952 hingga 2022 terdapat sebanyak 931 penyelidikan yang dilakukan di seluruh negara. Kajian berkaitan dengan kepimpinan guru ini mula meningkat bermula pada tahun 2007 hingga kini. Tren menaik ini menunjukkan kepimpinan guru ini mempunyai kajian yang masih perlu dikaji.




Rajah 1: Jumlah kajian kepimpinan guru 1952 hingga 2022

Selaras dengan penyataan di atas, kajian berkaitan kepimpinan guru ini dipraktikkan secara terperinci oleh beberapa orang pengkaji lepas dengan kajian kepimpinan guru di mana setiap satu kajian ini mempunyai kualiti dan berupaya menterjemahkan unsur-unsur kepimpinan guru dalam organisasi khususnya sekolah dengan baik. Kajian ini dikaji untuk menggerakkan peranan guru sebagai pemimpin ke arah tindakan bersepadu (Sinha & Hanuscin, 2017).

Oleh itu, kajian-kajian ini mempunyai implikasi bagi kepimpinan guru dalam pendidikan. Kajian kepimpinan guru yang dimaksudkan merangkumi peranan formal dan tidak formal kepimpinan guru dalam pelaksanaan konsep kepimpinan guru merangkumi ciri-ciri pemimpin guru dan atribut guru sebagai pemimpin. Seterusnya, kajian kepimpinan guru yang disokong oleh penyelidikan yang mantap dapat digunakan oleh penyelidik untuk mengukur sejauh mana pelaksanaan keperluan kepimpinan guru mengikut objektif dan tujuan penyelidik. Malah kajian kepimpinan guru ini, mempunyai implikasi untuk penyelidikan masa depan untuk dijadikan set instrumen yang sah dan boleh dipercayai serta disokong oleh ujian statistik untuk digunakan dalam kajian kepimpinan guru.

### *4.1 Elemen Kepimpinan Guru dalam Era Millenium*

Pembelajaran abad ke 21 ini banyak mengubah corak pengajaran dan pembelajaran kita selama ini. Binkley, M., Erstad, O., Herman, J. Raizen, S., Ripley, (2012) menghujahkan perubahan positif ini adalah bagi memastikan apa yang kita lakukan adalah seiring dengan perkembangan teknologi dan kemajuan dunia dalam era millennium. Dengan kewujudan pelbagai teknologi terkini, maka sudah pasti adalah tidak relevan lagi amalan pengajaran pada abad terdahulu terus diamalkan pada masa sekarang.



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Oleh hal yang demikian, bagi mencapai objektif pembelajaran pada abad ini, tanggungjawab yang berat tentulah disandarkan kepada guru. Peranan guru ini amat penting dalam menentukan corak pengajaran dan pembelajaran di sekolah malah sebagai seorang pemimpin. Kajian lepas seperti Cosenza (2015), berhujah bahawa mengajar dan memimpin adalah dua pekerjaan yang berbeza, namun setiap pemimpin yang handal pasti akan mengajar. Oleh yang demikian, kepimpinan yang efektif dalam kalangan guru di sekolah adalah penting dalam usaha melahirkan generasi akan datang yang produktif dan berjaya. Oleh yang demikian, kini kepimpinan guru menjadi semakin penting dan popular sejajar dengan peningkatan tuntutan terhadapnya (Huang, 2016).

Pada dasarnya kepimpinan guru merujuk kepada tindakan berprinsip yang dipegang atau diamalkan oleh guru-guru untuk mencapai kejayaan sekolah secara menyeluruh dengan mengaplikasikan kuasa tersendiri dalam pengajaran (Mei Kin et al., 2018). Ini akan membantu membentuk murid-murid yang berkualiti justeru memberi sumbangan jangka panjang terhadap kehidupan masyarakat. Walau bagaimanapun, bagi menggalakkan guru-guru untuk menerima konsep kepimpinan guru perlu dikendalikan dengan teliti (Darling-Hammond & Richardson, 2009).

Satu kajian berkaitan elemen kepimpinan guru perlu dikaji kepada guru sebelum guru-guru bertindak sebagai pemimpin (Matthew Finster, 2016). Mereka perlu menyediakan diri mereka dengan memahami dan menerima peranan mereka sebagai pemimpin untuk mengelakkan sebarang perselisihan faham dalam organisasi di samping meningkatkan pencapaian dan pelibatan murid.

Rajah 2 menunjukkan hasil analisis melalui analisis bibliometrik yang dilakukan oleh penyelidik. Analisis ini menunjukkan terdapat lebih daripada 20 elemen dalam kepimpinan guru yang boleh dijadikan sebagai konstruk utama untuk menkaji berkaitan kepimpinan guru. Data ini diperoleh dari saringan artikel menggunakan scopus. Data ini di analisis menggunakan *Microsoft Excel*, *Harzing's Publish* atau *Perish VOSviewer software.* Penyelidik menggunakan hasil analisis ini untuk mendapatkan dapatan data terkumpul berkaitan dengan sesuatu kata kunci.

Antara elemen yang diperlukan dalam kajian kepimpinan guru ialah berpendidikan, kurikulum, pengurusan, iklim sekolah dan budaya, murid, pembimbing, kuasa guru, pembangunan kepimpinan, mentor, komunikasi, mengajar, pengajaran dan pembelajaran, pembelajaran professional, ciri-ciri pemimpin guru, pendidikan dalam matematik dan kolaborasi.

Elemen-elemen ini dilihat menjadi keperluan kepada penyelidik untuk mengkaji berkaitan kepimpinan guru ini. Keperluan kajian kepimpinan guru ini masih relevan dalam membentuk guru sebagai pemimpin guru selari dengan era millenium. Ini kerana pada zaman era millenium ini tugas guru bukan sekadar mengajar sahaja, malah juga diharapkan untuk menjadi suri teladan kepada murid-murid, rakan sekerja dan juga masyarakat setempat (Mody, 2009; Sumardi et al., 2020).


Pendapat ini turut disokong oleh Ujir et al., (2020) yang menerangkan bahawa seseorang guru turut menjadi pemimpin apabila beliau berupaya menyumbangkan kepada pembaharuan sekolah atau pembelajaran murid (di dalam atau di luar bilik darjah), mempengaruhi rakan sejawat untuk menambahbaik amalan profesional mereka serta memberi sumbangan terhadap kebangkitan masyarakat.


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 2: Elemen Kepimpinan Guru dalam Era Millenium




### *4.2 Kajian Kepimpinan Guru Secara Global*

Semenjak akhir 1980-an, kajian kepimpinan guru telah berkembang sejajar dengan kebangkitan kajian berkaitan kepimpinan. Walau bagaimanapun, menurut beliau konsep kepimpinan guru pada masa itu tidak banyak diberi tumpuan kerana guru-guru terpaksa menurut arahan dan jejak langkah pentadbir sahaja. Ini adalah kerana sehingga abad ke-20, model kepimpinan guru selalunya melihat pentadbir sekolah sebagai pengurus, malah guru sebagai pekerja dan pelajar sebagai bahan mentah. Namun begitu, kini keadaan tersebut telah berubah.

Dalam era baru ini, yang mana transformasi pendidikan berlaku secara meluas, kepimpinan guru muncul sebagai salah satu konsep yang paling penting di sekolah dalam usaha meningkatkan pencapaian sekolah. Justeru itu, peralihan asas telah berlaku dalam kepimpinan guru, yang mana pendekatan "mengenakan kuasa" yang selama ini dipraktikkan dalam organisasi pendidikan, terutamanya di sekolah telah mula berubah kepada pendekatan "pemberian kuasa". Dengan itu, tugas pemimpin sekolah sebagai pengurus berubah menjadi fasilitator, manakala tugas guru pula dari pekerja menjadi pemimpin.

Kajian berkaitan kepimpinan guru ini bermula pada awal 1979 apabila Brownlee, (1979) menyatakan bahawa pemimpin guru adalah mereka yang boleh menunjukkan prestasi yang ketara dalam bidang mereka dan menyumbang kepada perkembangan sesebuah sekolah. Di samping itu, mereka adalah orang yang mempengaruhi tingkah laku baik pelajar mahupun rakan sejawat di persekitaran sekolah. Kepimpinan guru dianggap sebagai faktor dalam mempengaruhi perubahan dalam sesebuah sekolah.

Malah, kajian kepimpinan guru ini meluas di serata negara. Rajah 3 menunjukkan beberapa negara yang mengkaji berkaitan dengan kepimpinan guru secara global. Dapatan ini menunjukkan bahawa keperluan kajian kepimpinan sememangnya diperlukan bagi mengkaji pelbagai aspek berkaitan dengan kepimpinan guru. Oleh yang demikian, kajian kepimpinan guru tidak harus dihadkan dalam pelaksanaan kepimpinan guru semata-mata malah harus berkembang di dalam konteks sekolah secara keseluruhannya.




05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Ini adalah kerana kepimpinan guru bertindak sebagai satu komponen yang paling penting dalam hal menjamin keberkesanan dan kecemerlangan sesebuah sekolah. Keadaan ini wujud kerana amalan kepimpinan guru seringkali diklasifikasikan sebagai satu proses yang membantu sekolah untuk membuat penambahbaikan dalam hal-hal pengurusan dan pelaksanaan sekolah. Tambahan pula, kepimpinan guru juga merupakan satu usaha untuk menambah nilai (*value added*) dengan memberi galakkan bagi mengekalkan suasana sedia ada sekiranya ia merangsang pembelajaran murid serta menyumbang kepada kecemerlangan sekolah. Maka, guru-guru yang menjadi pemimpin perlu menyedari tanggungjawab mereka di dalam mahupun di luar bilik darjah bagi mengembangkan nilai-nilai kepimpinan yang ada pada diri mereka.




Rajah 3: Kajian Kepimpinan Guru Secara Global

Dapatan hasil daripada pengumpulan data melalui *Scopus* dan *Microsost Excel* menunjukkan kajian kepimpinan guru ini masih relevan. Jadual 1 menunjukkan beberapa hasil kajian berdasarkan 29 buah negara di Dunia. Jelas menunjukkan kepimpinan guru ini mempunyai kepentingan dalam bidang penyelidikan dan pendidikan. Elemen yang berkaitan kepimpinan guru, sampel kajian, analisis data yang berkesan dan terancang mampu membantu semua pihak yang terlibat dalam pelaksanaan konsep kepimpinan guru sama ada guru, rakan sejawat, ibu bapa, pentadbir atau pelajar itu sendiri agar kecemerlangan pendidikan dapat dinikmati bersama.

Jadual 1: Kajian Kepimpinan Guru Secara Global

| Negara | Dokumen/Artikel |
|---|---|
| United States | 397 |



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


| | |
|---|---|
| United Kingdom | 62 |
| China | 31 |
| Canada | 48 |
| Australia | 37 |
| Hong Kong | 32 |
| Malaysia | 20 |
| Sweden | 15 |
| Japan | 10 |
| Netherlands | 8 |
| Chile | 5 |
| Ireland | 11 |
| Lebanon | 8 |
| Qatar | 7 |
| Singapore | 13 |
| South Africa | 26 |
| Taiwan | 14 |
| India | 5 |
| Indonesia | 11 |
| Israel | 17 |
| New Zealand | 11 |
| Portugal | 5 |
| Spain | 19 |
| Belgium | 6 |
| Brazil | 8 |
| Findland | 6 |
| Turkey | 32 |
| Lithuania | 8 |
| United Arab Emirates | 7 |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bersangkutan hal ini, kepimpinan guru memainkan peranan penting dalam penambahbaikan sekolah, maka tindakan pemimpin sekolah dalam menggalakkan dan mempromosikan ciri-ciri kepimpinan dalam kalangan guru adalah amat diperlukan. Menurut mereka mewujudkan kepimpinan guru di sekolah adalah amat penting, pada masa yang sama kesediaan pemimpin sekolah untuk menerima kedudukan kepimpinan sekolah yang berbeza sejajar dengan perkembangan kepimpinan guru turut perlu diberi perhatian. Walhal, pemimpin sekolah mempunyai pengaruh yang besar terhadap perkembangan kepimpinan dalam kalangan guru.

## 5. Kesimpulan

Kajian berkaitan kepimpinan guru ini menyediakan struktur untuk mengatur pemikiran guru tentang beberapa fenomena dalam pelaksanaan konsep kepimpinan guru. Walau bagaimanapun, dengan ini boleh disimpulkan bahawa kesemua hasil analisis berkaitan kepimpinan guru di atas mengutarakan idea yang hampir sama untuk menjelaskan ciri-ciri, elemen, kecenderungan, faktor yang berkaitan dengan kepimpinan guru. Namun, ia diterangkan oleh pengkaji-pengkaji mengikut kefahaman masing-masing dengan menggunakan dimensi yang berbeza apabila melakukan kajian.

Tambahan pula, sistem pendidikan di Malaysia yang diterajui oleh Kementerian Pendidikan Malaysia bertanggungjawab mengawasi keseluruhan sistem pendidikan di


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


sekolah bermula dari sekolah rendah kebangsaan hinggalah ke peringkat tertinggi pengajian iaitu universiti. Pengarah Pelajaran Negeri dan semua pegawai pelajaran daerah merupakan individu yang dipertanggungjawabkan untuk mengaplikasikan polisi dan sistem pendidikan kebangsaan. Jadi inilah masanya, penyelidik membantu pihak atasan mengkaji kajian berkaitan kepimpinan guru ini dapat memberi peluang input yang mendalam dalam kajian kepimpinan guru dalam usaha membentuk guru sebagai pemimpin guru yang cemerlang dan gemilang.

Oleh yang demikian, guru juga perlu mengambil inisiatif dan mengintip peluang untuk memajukan diri ke hadapan dengan melakukan berbagai-bagai pembaharuan yang dapat menyumbang ke arah pendidikan yang bermutu dan berkualiti untuk masa hadapan negara. Setiap guru juga perlu berhasrat untuk menjadi seorang pemimpin guru yang profesional kelak. Ini kerana, pendidikan hari ini bukan sahaja menuntut para guru menyempurnakan tugas dan tanggungjawab mereka dalam memastikan setiap anak didik menguasai kemahiran menulis, membaca dan mengira malah menguasai pengetahuan dan kemahiran baharu.

Oleh itu, bagi mencapai matlamat ini, guru mestilah menyedari bahawa semua guru boleh menjadi pemimpin guru dan kemampuan mereka untuk memimpin mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap kualiti hubungan dan pengajaran di dalam sekolah. Pada tahap yang paling mendalam, kepimpinan guru menawarkan profesionalisme baru berdasarkan atas kepercayaan, pengiktirafan, pembudayaan dan sokongan bersama. Ia menuntut kepimpinan guru sebagai satu usaha kolektif semua pihak di mana semua guru memainkan peranan penting dalam melaksanakan konsep kepimpinan guru di sekolah dan mendepani cabaran dalam era millineum ini sekaligus menyahut inovasi dalam pendidikan dalam Rovulasi Industri 4.0.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 6. Rujukan

Agir, N., & Mohd Matore, M. E. @ E. (2022). Literasi dan Kewarganegaraan Digital: Konsep dan Strategi Implementasi dalam Pendidikan di Malaysia. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, *7*(3), e001367. https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i3.1367

Awang Lokey, & M.Hasani Dali. (2016). Hubungan Antara Kepimpinan Transformasional Guru Besar Dengan Komitmen Guru Pendidikan Khas Intergrasi Di Kedah. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, *3*(1), 14–28.

Azahari Ramli, Azizi Abu Bakar, & Siti Nur Zahirah Omar. (2016). Kepimpinan Berkesan Sebagai Pengantara di Antara Kecerdasan Emosi dan Prestasi Kerja Guru. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship*, *2*(Januari), 53–61.

Binkley, M., Erstad, O., Herman, J. Raizen, S., Ripley, M. (2012). Defining 21st Century Skills. *Assessment and Teaching of 21st Century Skills*.

Brownlee, G. D. (1979). Characteristics of Teacher Leaders. *Educational Horizons*, *57(3)*, 119–122.

Cosenza, M. N. (2015). Defining teacher leadership: Affirming the teacher leader model standards. *Issues in Teacher Education*, *24*(2), 79–99. https://search.proquest.com/docview/1765089756?accountid=31324


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Darling-Hammond, L., & Richardson, N. (2009). Teacher learning: What matters? In *Educational Leadership*.

Donthu, N., Kumar, S., Mukherjee, D., Pandey, N., & Lim, W. M. (2021). How to conduct a bibliometric analysis: An overview and guidelines. *Journal of Business Research*, *133*(April), 285–296. https://doi.org/10.1016/j.jbusres.2021.04.070

Fan, J., Gao, Y., Zhao, N., Dai, R., Zhang, H., Feng, X., Shi, G., Tian, J., Chen, C., Hambly, B. D., & Bao, S. (2020). Bibliometric Analysis on COVID-19: A Comparison of Research Between English and Chinese Studies. *Frontiers in Public Health*, *8*(August), 1–10. https://doi.org/10.3389/fpubh.2020.00477

Halimah, B. A. M., Leng, E. Y., & Ean, C. B. (2016). Pengaplikasian kecerdasan emosi dalam pengurusan sekolah. *Researchgate*, *October*, 1–18.

Harun, A., Basri, R., Pehei, Z. A. L., & Asimiran, S. (2016). Amalan Kepemimpinan Guru di Sekolah Menengah Zon Timur Semenanjung Malaysia. *Jurnal Kepimpinan Pedidikan*, *3*(4), 1–24.

Huang, T. (2016). Linking the private and public: teacher leadership and teacher education in the reflexive modernity. *European Journal of Teacher Education*, *39*(2), 222–237. https://doi.org/10.1080/02619768.2015.1116512

Hunzicker, J. (2018). Teacher Leadership in Professional Development Schools. In *Teacher Leadership in Professional Development Schools*. https://doi.org/10.1108/9781787434035

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025*. Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan Kementerian Pelajaran Malaysia.

Matthew Finster. (2016). Teacher Leadership Program Readiness Surveys. *Teacher Incentive Fund, US Department of Education*, *December*. http://search.ebscohost.com/login.aspx?direct=true&db=eric&AN=ED573892&site=ehost-live

Maulod, S. A., Piaw, C. Y., Ahmad, H., Wei, L. M., & Alias, S. (2016). Kecerdasan Emosi Pengetua dan Hubungannya dengan Efikasi Kendiri Guru Sekolah Menengah. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, *3*(3), 53–64. http://umrefjournal.um.edu.my/filebank/published_article/6255/Template 4.pdf

Mei Kin, T., Abdull Kareem, O., Nordin, M. S., & Wai Bing, K. (2018). Principal change leadership competencies and teacher attitudes toward change: the mediating effects of teacher change beliefs. *International Journal of Leadership in Education*, *21*(4), 427–446. https://doi.org/10.1080/13603124.2016.1272719

Mody, A. K. (2009). Education in New Millennium : Role of a Teacher Redefined. *3rd International Conference on Global Interdependence and Decision Sciences Held*, *January 2009*, 1–6. http://dx.doi.org/10.1016/j.jsames.2011.03.003%0Ahttps://doi.org/10.1016/j.gr.2017.08.001%0Ahttp://dx.doi.org/10.1016/j.precamres.2014.12.018%0Ahttp://dx.doi.org/10.1016/j.precamres.2011.08.005%0Ahttp://dx.doi.org/10.1080/00206814.2014.902757%0Ahttp://dx.

Mohd Khairuddin Abdullah, Maspiah Sekong, & Halimah Laji. (2017). Kecerdasan emosi dan komitmen guru terhadap organisasi. *Jurnal Psikologi Dan Kesihatan Sosial (JPsiKS) 2017, Vol. 1, 44–54*.


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Ocampo, J. (2019). Emotional Intelligence and Leadership Trait among Master Teachers. *Mimbar Pendidikan*, *4*(1), 55–72. https://doi.org/10.17509/mimbardik.v4i1.16970

Radin, M., & Yasin, M. A.-M. (2018). Perlaksanaan Pendidikan Abad Ke-21 di Malaysia: Satu Tinjauan Awal. *Sains Humanika*, *10*(3–2), 1–6. https://doi.org/10.11113/sh.v10n3-2.1481

Sergiovanni, T. J. (1991). Value-Added Leadership: How To Get Extraordinary Results in Schools. *NASSP Bulletin*, *75*(533), 118–119. http://www.hrs.ualberta.ca/Learning/Programs/Leadership/SupervisoryLeadership.aspx

Sinha, S., & Hanuscin, D. L. (2017). Development of teacher leadership identity: A multiple case study. *Teaching and Teacher Education*, *63*, 356–371. https://doi.org/10.1016/j.tate.2017.01.004

Sirota. E., & B. L., B Boholano, H., Mahaya Salleh, N. A. R., Rahim, S. A. A., Hamid, H. S. A., Samsudin, N., Ghani, M. F. A., Mohd Ali Jemali, Ahmad Esa, Razali Hassan, & T. (2017). Teacher leadership: A systematic review, methodological quality assessment and conceptual framework. *Educational Research Review*, *31*(1), 100352. https://doi.org/10.1016/j.edurev.2020.100352

Sumardi, L., Rohman, A., & Wahyudiati, D. (2020). Does the teaching and learning process in primary schools correspond to the characteristics of the 21st century learning? *International Journal of Instruction*, *13*(3), 357–370. https://doi.org/10.29333/iji.2020.13325a

Supardi, Mohamed Nor Azhari, A., Ramlee, M., Ridzwan, C. R., & Che Ghani, C. K. (2016). Tahap kecerdasan emosi guru pelatih teknikal dan vokasional di Sekolah Menengah Kejuruan (SMK). *Sains Humanika*, *8*(1), 41–50.

Ujir, H., Salleh, S. F., Marzuki, A. S. W., Hashim, H. F., & Alias, A. A. (2020). Teaching workload in 21st century higher education learning setting. *International Journal of Evaluation and Research in Education*, *9*(1), 221–226. https://doi.org/10.11591/ijere.v9i1.20419

Wong, W. S., & Kamisah Osman. (2018). Pembelajaran Berasaskan Permainan dalam Pendidikan Stem dan Penguasaan Kemahiran Abad Ke-21. *Politeknik & Kolej Komuniti Journal of Social Sciences and Humanities*, *3*, 128–2875.

Yahya Don, S. N. I. Z. J. M. Y. (2014). Kompetensi Emosi Pemangkin Keberkesanan Amalan Kepimpinan Guru. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, *1*(3), 1–13. http://e-journal.um.edu.my/filebank/published_article/6850/Latest Oktober Bil 1. Isu 3- 1.pdf


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi